MAHAYUDIN HAJI YAHAYA

# SEJARAH AWAL PERPECAHAN UMAT ISLAM

## (11-78H/632-698M)

# SEJARAH AWAL PERPECAHAN UMAT ISLAM
## (11-78H/632-698M)

# SEJARAH AWAL PERPECAHAN UMAT ISLAM
## (11-78H/632-698M)

MAHAYUDIN HAJI YAHAYA

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Kementerian Pelajaran Malaysia
Kuala Lumpur
1986

Untuk Ibu

dan

Isteriku, Rozaine.

# PRAKATA

## Bismillahi al-Rahmani al-Rahim

Sebahagian besar daripada kandungan buku ini bersumber daripada tesis kedoktoran yang bertajuk *The Origins of the Khawarij*, yang telah dikemukakan kepada Universiti Exerter, England, pada tahun 1978. Saya terhutang budi kepada Reader Dr. M.A. Shaban yang telah banyak memberikan sumbangan ilmiah serta tunjuk ajar kepada saya, terutamanya mengenai cara-cara menggunakan bahan rujukan asal, sama ada dalam bentuk manuskrip atau buku sejarah Arab klasik. Begitu juga saya terhutang budi kepada Profesor-Profesor Salih al-'Ali, H.A.R. Gibb, W.M. Watt, B. Lewis, F. Rosenthal dan Dr. M. Hinds yang telah begitu banyak menyumbangkan bahan-bahan fikiran yang bernas mengenai sejarah Islam di peringkat awal, dan bahan-bahan ini telah saya gunakan untuk faedah penyelidikan.

Perpustakaan-perpustakaan Universiti Exeter, Universiti London dan Universiti Oxford, Muzium dan Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, serta Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, telah memberikan kemudahan-kemudahan dan pertolongan yang tidak sedikit ertinya kepada saya dalam menyelesaikan penulisan buku ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Majlis Agama dan Adat Resam Melayu Pahang dan Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah sama-sama membiayai pengajian saya di Universiti Exerter semasa penyelidikan ini dijalankan.

Terima kasih saya ucapkan juga kepada Dewan Bahasa dan Pustaka kerana sudi menerbitkan buku ini, khususnya kepada

Bahagian Buku Pelajaran Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah memberi kepercayaan kepada saya untuk menyiapkan penulisan buku ini bagi kegunaan pelajar-pelajar Universiti setempat, khususnya dalam bidang sejarah Islam. Terima kasih saya ucapkan juga kepada Encik Abdul Rahman Rukaini selaku editor luar yang telah menyunting buku ini.

Bahagian pertama daripada Bab 4 telah saya kemukakan dalam Persidangan Antarabangsa Kelapan Ahli-ahli Sejarah Asia Tenggara yang diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Ogos 1980.

Mahayudin Haji Yahaya

# PENDAHULUAN

Hampir satu abad yang lalu J. Wellhausen telah menulis sebuah buku bertajuk *Die Religios-Politischen Oppositionsparteien im Alten Islam* yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris dengan tajuk *Religio-Political Factions in Early Islam* oleh R.C. Ostle dan S.M. Walzer pada tahun 1975. J. Wellhausen cuba menganalisis sejarah kaum Khawārij dan kaum Shī'ah berdasarkan sumber-sumber yang utama seperti al-Ṭabarī. Dalam kajiannya J. Wellhausen telah menyarankan bahawa kemunculan kaum Khawārij dan kaum Shī'ah adalah berpunca daripada perselisihan dalam agama, dan setelah itu mereka menjadi radikal dan bergiat dalam bidang politik pada masa pemerintahan Umayyah. Kaum Khāwārij dan kaum Shī'ah, katanya, adalah terdiri daripada penghafal-penghafal al-Qur'ān atau *"Qur'an readers"*.[1] Pendapat J. Wellhausen ini telah mempengaruhi ramai ahli sejarah moden, termasuklah M. Hinds. Dalam tesis kedoktorannya yang berjodol *The Early History Islamic Schism in Iraq* M. Hinds cuba mengkaji asal usul kaum Khawārij dan kaum Shī'ah dengan lebih jauh lagi, namun kesimpulan yang diperolehinya adalah sama dengan pendapat J. Wellhausen, iaitu beliau masih mengatakan bahawa sebab utama perpecahan umat Islam pada peringkat awal adalah berpunca daripada faktor keagamaan. Pendapat ini dikemukakan berdasarkan pada tafsiran J. Wellhausen mengenai perkataan Arab *al-qurrā'* sebagai "Penghafal-penghafal al-Qur'ān". Katanya, kaum Khawārij dan kaum Shī'ah adalah sebahagian daripada golongan *al-qurrā'* yang telah

---

[1] J. Wellhausen, *The Religio-Political Factions in Early Islam*, tr. Ostle R.C and Walzer S.M., ed. Ostle R.C., North Holland Medieval Translation, 1975, ms. I, II–15.

menyokong tentera 'Alī menentang Mu'āwiyah di Ṣiffīn. Tetapi golongan itu akhirnya berpecah; sebahagian daripada mereka telah meninggalkan 'Alī dan mereka diberi gelaran Khawārij; kaum pelampau Islam. Menurut M. Hinds, golongan *al-qurrā'* pada umumnya adalah merupakan satu golongan masyarakat di Iraq yang mempunyai taraf sosial yang rendah; justeru itu mereka menuntut hak-hak keagamaan, atau apa yang dipanggil sebagai "Islamic Priority".[2] Mereka bukan sahaja cuba menuntut hak-hak keagamaan, malahan sanggup melakukan kekejaman sehingga mereka tergamak membunuh kedua-dua Khalifah dan sahabat Nabi yang mulia; 'Uthmān dan 'Alī r.a. Adakah pembunuh-pembunuh Khalīfah 'Uthmān dan Khalīfah 'Alī, sebenarnya penghafal-penghafal al-Qur'ān?

Buku ini ditulis dengan tujuan untuk mentafsirkan semula sejarah awal perpecahan umat Islam di Iraq serta menganalisis faktor-faktor utama kemunculan kaum-kaum pemberontakan iaitu kaum Khawārij dan kaum Shī'ah. Di samping itu buku ini juga cuba menekankan beberapa perkara penting yang berkaitan, di antaranya ialah mengenai takrif *al-qurrā'*, hubungan sistem ekonomi di Iraq dengan kemunculan golongan *al-qurrā'* pada masa Khalifah 'Uthmān, peristiwa di Ṣiffīn dan kemunculan Khawārij dan Shī'ah, dan perbezaan antara Khawārij atau Shī'ah Asal dengan penyokong-penyokong mereka. Huraian dan penjelasan lanjut mengenai perkara-perkara di atas diharapkan dapat membantu para pengkaji dan para pelajar Sejarah Islam memahami Sejarah Umat Islam, khususnya sejarah kaum Khawārij dan kaum Shī'ah. Seterusnya ia diharapkan dapat menghindarkan beberapa kekeliruan yang timbul di kalangan umat Islam mengenai kedua kaum pemberontak tersebut.

---

[2]M. Hinds, *The Early History of Islamic Schism*, Ph. D. Thesis, University of London, 1969, (tidak diterbitkan).

# SUMBER-SUMBER

Hampir kesemua sumber awalan mengenai sejarah awal perpecahan umat Islam di Iraq telah digunakan oleh M. Hinds, namun begitu pengkajian semula mengenai sumber-sumber ini perlu dibuat, oleh kerana terdapat beberapa kekeliruan dan kesilapan yang dilakukan oleh beliau dan juga ahli-ahli sejarah Islam yang lain, sama ada di timur atau di barat.

Dalam pengkajian semula sumber-sumber tersebut, khususnya mengenai sejarah Khawārij Baru, beberapa sumber pendua telah digunakan, kerana sumber-sumber itu dapat membantu dan menjelaskan sumber-sumber yang pertama tadi.[1] Pada keseluruhannya, kajian ini adalah berdasarkan sumber-sumber awalan yang terpenting yang telah diiktiraf oleh para sejarawan Islam tentang kesahan dan ketulenannya. Sumber-sumber pendua yang ditulis kemudian adalah semata-mata mengulang dan menyebut maklumat-maklumat yang diberikan oleh yang pertama. Sebagai contoh, *Tārīkh* al-Ṭabarī dan *Ansāb* al-Balādhurī telah digunakan oleh sejarawan-sejarawan yang terkemudian seperti Ibn al-Athīr dalam kitabnya *al-Kāmil fī al-Tārīkh,* dan *Kitāb Futūḥ al-Buldān* oleh al-Baladhuri yang telah dipetik dengan begitu banyaknya oleh Yāqūt al-Ḥamawī dalam bukunya *Mu'jam al-Buldān.*[2]

---

[1]M.J. Kister, "Notes on the account of the shura appointed by 'Umar b. al-Khaṭṭāb" dalam *Journal of Semitic Studies,* no. 2, 1964, ms. 320–6; 'Abd al-Ameer 'Abd Dixon, *the Umayyad Caliphate,* London, 1971, ms. 2.

[2]F. Rosenthal, *A History of Muslim Historiography,* Leiden, 1968, ms. 100 dan 107.

Kitab *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk oleh al-Tabarī*,[3] yang mempunyai kumpulan-kumpulan riwayat yang amat terperinci dan komprehensif tentang sejarah Islam adalah merupakan sumber utama kajian ini. Tulisan Sayf bin 'Umar al-Tamīmī (180 H/796 M) telah digunakan oleh al-Tabarī sebagai salah satu tulisan seorang wibawa dan terpenting bagi jangka masa antara perang Riddah pada zaman Khalīfah Abū Bakar r.a. dengan zaman Sayyidina 'Alī dalam perang Jamal (11–36 H/632–656 M). Oleh kerana al-Tabarī tidak sezaman dengan Sayf maka pemindahan riwayatnya mestilah berdasarkan kitab-kitab yang terakhir, iaitu *Kitāb al-Futuḥ al-Kabīr wa al-Riddah* dan *Kitāb al-Jamal wa Maṣīr 'Alī*,[4] tetapi tidak ada satu pun di antara kitab-kitab tersebut yang masih wujud. Meskipun begitu pengkaji-pengkaji moden seperti H.A.R. Gibb[5] dan E.L. Petersen,[6] meragui kesahihan riwayat Sayf dan menganggapnya sebagai salah seorang yang berwibawa tetapi kurang boleh dipercayai. F. Rosenthal telah menulis tentang Sayf seperti berikut, "Kritikan sejarah moden telah mengiktiraf bahawa para sejarawan silam mengenai penaklukan seperti Sayf bin 'Umar dan Abū Hudayfah, telah menyediakan asas bagi riwayat yang agung tentang penaklukan dan, secara kebetulan, menerusi persembahan riwayat yang agung itu yang mengandungi berbagai peristiwa, membuatkan ahli-ahli sejarah seperti al-Ṭabarī menaruh kepercayaan kepada kerja-kerja mereka melebihi daripada yang sepatutnya.[7] Hanya M. Hinds sahaja yang memihak kepada Sayf, khususnya mengenai sejarah awal Negeri Iraq dengan mengatakan bahawa "tulisan al-Ṭabarī adalah berlandaskan maklumat yang diberikan oleh Sayf, sejak kewafatan Nabi hinggalah kepada perang Jamal."[8] Sesungguhnya kajian M. Hinds tentang sejarah dalam tempoh masa ini adalah pada keseluruhannya berdasarkan tradisi Sayf, terutamanya mengenai tafsiran golongan *al-qurrā'*. Pendapat-

---

[3]Al-Tabarī, Muhammad b. Jarīr, *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk*, ed. M.J. de Goeje, Leiden, 1879–1901 (M.A.F. Ibrāhīm, Qahirah, 1962–66)—selepas ini disebut Tab.

[4]Ibn al-Nadim, Muhammad b. Ishaq, *al-Fihrist*, ed. T. Ridā, Tehrān, 1971, ms. 106.

[5]H.A.R. Gibb, *Studies on the Civilization of Islam*, London, 1962, ms. 118.

[6]E.L. Petersen, Studies on the Historiography of the 'Alī-Mu'āwiyah Conflict, dalam *Acta Orientalia*, XXVII, 1963, ms. 85; *Idem, 'Alī and Mu'āwiyah in early Arabic tradition*, Copenhagen, 1964, ms. 78–80, 151–52.

[7]F. Rosental, *op. cit.*, ms. 188.

[8]M. Hinds, Thesis, ms. 11–12.

pendapat Sayf mengenai beberapa peristiwa penting yang berlaku semasa penaklukan Negeri Iraq dan semasa pemerintahan-pemerintahan Khalīfah 'Uthman dan Sayyidina 'Alī akan dibincangkan dalam empat bab pertama dalam buku ini, dan beberapa pendapat yang kritikal dan beberapa cadangan akan juga dikemukakan.

Setelah mengkaji dengan teliti berbagai cerita yang diberikan oleh al-Ṭabarī dalam kitabnya *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk*, khususnya dalam jangka masa yang dibincangkan, kita dapati bahawa tulisan Sayflah yang lebih terperinci tetapi kadangkala ditokok tambah, dan pada ketika yang lain pula berlawanan dengan keterangan-keterangan sejarah yang awal seperti yang diberikan oleh Abū Mikhnaf, al-Madā'inī, al-Sha'bī, al-Wāqidī dan Ibn Isḥāq. Menurut J. Wellhausen, "Walaupun beliau (Sayf) dapat mempengaruhi kita dengan keterangannya yang terperinci, namun terbukti bahawa riwayat beliau mengenai Iraq adalah kurang boleh dipercayai berbanding dengan tradisinya mengenai Hijāz."[9] Ini dapat dilihat daripada perbandingan tarikh yang diberikan oleh beliau dengan tarikh-tarikh yang ditentukan oleh para sejarawan Arab yang lain dan dengan perekod-perekod Kristian. Walau bagaimanapun, sikap berat sebelah Sayf terhadap sukunya, iaitu suku Tamīm, mengenai hal ehwal Iraq tidak dapat disangsikan lagi. Justeru itu kadangkala beliau tidak diterima oleh al-Ṭabarī sendiri.[10] Adalah perlu ditekankan di sini bahawa *Tārīkh* al-Ṭabarī mempunyai nilai yang tinggi kerana cara penulisannya yang unik dan ini telah diakui oleh sejarawan-sejarawan moden. Beliau cuba memberikan kenyataan sebanyak-banyak yang boleh "dengan menunjukkan sumber-sumber dan rangkaian daripada pemindah-pemindah riwayat secara berhati-hati. Apabila didapati ada perbezaan-perbezaan laporan tentang peristiwa yang serupa yang difikirkan oleh al-Ṭabarī bahawa peristiwa itu perlu dipelihara, beliau terus mengambilnya dan diletakkan di dalam kitab."[11] Cara al-Ṭabarī ini adalah bertujuan untuk memberikan peluang yang seluas-luasnya kepada para

---

[9]Encyclopaedia of Islam, art. "Sayf bin 'Umar," first Edition, Leiden, 1913- 1938.
[10]Tab. I/2377.
[11]Rosenthal, *op. cit.*, ms. 135.

pembaca, supaya mereka dapat memilih mana-mana yang sesuai dan yang tidak sesuai mengenai sesuatu peristiwa.

Di antara tokoh-tokoh yang berwibawa bagi al-Ṭabarī ialah Abū Mikhnaf (157 H/774 M), al-Madā'inī (215 H./830 M.), al-Sha'bī (110 H./728 M.), al-Wāqidī (207 H./823 M.), al-Haytham bin 'Adī (207 H./822 M.) dan Ibn Isḥāq (150 H./767 M.). Bagi sejarah Kūfah dan hal ehwalnya al-Ṭabarī hampir sepenuhnya berdasarkan tulisan Abū Mikhnaf Lūt bin Yaḥyā al-Azdī, salah seorang sejarawan Arab yang tertua.

Beliau telah menulis berbagai kitab: di antaranya ialah *Kitāb Futūh al-'Iraq, Kitāb al-Jamal, Kitāb Ṣiffīn* dan *Kitāb ahl al-Nahrawān wa al-Khawārij*.[12] Laporan beliau yang panjang lebar mengenai Khawārij Asal di al-Nahrawān juga mempunyai nilai-nilai yang tersendiri. Bagi hal ehwal Baṣrah dan wilayah-wilayah di timur, termasuklah sejarah Khawārij yang terkemudian iaitu Khawārij Azāriqah, al-Ṭabarī menulis dengan berlandaskan tulisan al-Madā'inī, Abū al-Hasan Muḥammad bin 'Alī al-Qurashī, ahli sejarah Baṣrah.[13] Keamanahan al-Madā'inī dan "ketepatan ceritanya telah diperakui oleh penyelidik moden."[14] Al-Madā'inī dikatakan ada juga menulis beberapa buah kitab mengenai sejarah penaklukan dan pemerintahan berkhalifah. Di antara kitab al-Madā'inī yang penting ialah *Tārīkh ahl al-Baṣrah*, yang menjelaskan tentang penduduk Baṣrah.[15] Kitab ini nampaknya merupakan sumber utama bagi al-Ṭabarī mengenai hal ehwal di Baṣrah. Kajian al-Madā'inī yang berasingan mengenai peperangan al-Nahrawān telah juga digunakan oleh al-Tabarī.[16]

Sumber asasi seterusnya ialah *Ansāb al-Asharaf* oleh al-Balādhuri.[17] Ia disusun mengikut bentuk genealogi. Ia

---

[12]Ibn al-Nadīm, *Fihrist*, ms. 105–106.
[13]Tab. 1/3333.
[14]H.A.R. Gibb, Studies on the Civilization of Islam, ms. 115.
[15]Ibn al-Nadīm, *Fihrist*, ms. 117.
[16]Brokelman, art "al-Madā'inī" dalam *Encyclopedia of Islam*, Ist Ed., Leiden, 1913–1938.
[17]Sebahagian besar sumber ini adalah dalam bentuk manuskrip yang tersimpan di Suleymanniye Kutuphanesi, Reisukuttap, dalam dua jilid besar, no. 597–98, tetapi hanya sebahagian kecil sahaja yang telah diterbitkan: vol. I, ed. M. Hamīdullāh, Qāhirah, 1959; vol. IVA, IVB, ed. M. Schloessinger, Jurusalem, 1938; vol. V, ed. S.D. Goitein, Jurusalem, 1939; vol. XI (Anonyme Arabische), ed. W. Ahlwardt, Greifswald, 1866—selepas ini hanya disebut *BA*.

membincangkan keturunan Mudar secara keseluruhan dan sebahagian besar daripada keturunan Qays dalam tempoh dua abad hijriyyah. *Ansāb al-Ashraf* merupakan salah satu sumber yang paling bernilai bagi sejarah Khawārij.[18] Ia telah menggunakan ramai tokoh yang berwibawa tetapi tokoh yang utama bagi al-Balādhuri, ialah al-Madā'inī khususnya mengenai pemberontakan Khawārij. Kajian al-Madā'inī tentang kaum Khawārij telah digunakan bukan saja boleh al-Balādhuri tetapi juga al-Ṭabarī dalam kitab *Tārīkh* dan al-Mubarrad dalam *al-Kāmil.*[19] Kenyataan lanjut yang diberikan oleh al-Madā'inī mengenai aktiviti-aktiviti Khawārij dalam masa pemerintahan Ibn al-Zubayr dan 'Abdul Malik dalam *Ansāb al-Ashraf* amatlah penting.

Kitab *Futūḥ al-Buldān*[20] oleh al-Balādhurī merupakan sumber utama bagi sejarah penaklukan Arab.[21] Laporannya tentang wilayah-wilayah timur memberikan beberapa kenyataan sejarah dan fakta-fakta yang bernilai dalam memahami sejarah Khawārij dan perpecahan umat Islam di Iraq. Tokoh-tokoh utama yang berwibawa bagi al-Balādhurī dalam kitabnya *Futūḥ al-Buldān* ialah al-Madā'inī dan Abū Mikhnaf.

*Kitab al-Futūḥ,* oleh Ibn A'tham[22] adalah di antara sumber yang terpenting tentang sejarah awal orang Arab di Iraq. Ia disusun oleh Ibn A'tham al-Kūfī pada tahun 204 H./819 M. Kitāb Ibn A'tham ini bermula daripada tahun pertama pemerintahan Khalīfah 'Uthmān dan berakhir pada zaman pemerintahan Hārūn al-Rashīd. Ibn A'tham telah menggunakan cara yang berbeza. Beliau tidak memetik rangkaian riwayat daripada tokoh-tokoh yang berwibawa, sebaliknya beliau menyusun semua riwayat dan diletakkan bersama-sama dalam sebuah cerita tanpa menyebut *isnād* dan menyenaraikan nama-nama tokoh-tokoh yang berwibawa di bahagian khas di dalam kitabnya. Di antara tokoh-tokoh itu ialah al-Madā'inī, Abū Mikhnaf, al-Wāqidī, al-Zuhrī dan Ibn al-Kalbī. Tokoh yang paling

---

[18]F. Rosenthal, art. "Al-Balādhurī," dlm. *Encyclopaedia of Islam*, Second Edition,. Leiden, 1954.

[19]C. Brockelmann, art. "Al-Madā'inī," dlm. *Encyclopaedia of Islam* 1st Ed. Leiden.

[20]Al-Balādhurī, Ahmad bin Yahyā, *Futūḥ al-Buldān*, ed. M.J. de Goeje, Leiden, 1866– selepas ini hanya disebut *BF.*

[21]Rosenthal, art. "Al-Baladhurī dlm. *Encyclopaedia of Islam*, 2nd. Ed. Leiden, 1954– .

[22]Ibn A'tham, Ahmad bin 'Uthmān al-Kufī, *Kitāb al-Futūḥ*, manuskrip, Sary, Library of Ahmet III, Istanbul, no. 2956 setelah ini disebut Ibn A'tham.

penting ialah al-Madā'inī, yang menurut penyelidikan M.A. Shaban adalah sezaman dengan Ibn A'tham.[23] Oleh kerana ia seorang ahli Kūfah, maka minat untuknya kepada Ibn A'tham ialah mengenai hal ehwal di Kūfah. Laporan lanjutnya mengenai *al-qurrā'* Kūfah pada masa pemerintahan Khalīfah 'Uthmān mempunyai kepentingan yang khusus. Tidak syak lagi bahawa riwayatnya tentang Khawārij di Nahrawan adalah lebih boleh dipercayai daripada riwayat mengenai Khawārij Baru, iaitu Azariqah dan Najdiyyah, pusat pemberontakan mereka bukan di Kūfah tetapi di Semenanjung Arab dan di wilayah-wilayah timur.

*Kitāb Waq'at Ṣiffīn* merupakan sumber utama berkenaan dengan pertikaian antara Sayyidina 'Alī dengan Mu'āwiyah di Ṣiffīn,[24] tetapi sumber yang tertua mengenai konflik tersebut ialah *Kitāb Ṣiffīn* oleh Abū Mikhnaf.[25] Kebanyakan kajian Abū Mikhnaf mengenai peristiwa yang khusus ini ada tersimpan dalam *Tārīkh* al-Ṭabarī dalam peristiwa tahun-tahun 36H./656M. dan 37H./657M. Menurut Ibn al-Nadīm, Ibn Muzāḥim al-Minqarī adalah sezaman dengan Abū Mikhnaf.[26] Tokoh-tokoh yang berwibawa bagi Ibn Muzāhim yang utama ialah Abū Mikhnaf, al-Sha'bī, Sayf bin 'Umar, Abū Rawq dan Saqīq bin Salamah. Walaupun beliau memihak dan cenderung kepada Shī'ah, Ibn Muzāhim tidak pernah mengemukakan pendapat yang bersifat berat sebelah mengenai peristiwa-peristiwa di Ṣiffīn; begitu juga tradisi-tradisi (cerita atau catatan) beliau tidaklah berlawanan dengan maklumat yang diberikan oleh al-Ṭabarī dan al-Balādhurī.

---

[23]M.A. Shaban, art. "Ibn A'tham" dlm. *Encyclopaedia of Islam*, 2nd. Ed. Leiden, 1954–.

[24]Al-Minqarī, Nasr bin Muzāhim, *Kitāb Waq'at Ṣiffīn*, ed. A.S.M. Harūn, Qahirah, 1365 H.

[25]Ibn al-Nadīm, *Fihrist*, ms. 105.

[26]*Ibid.*, ms. 106; sila bandingkan dengan A.S.M. Hārūn dalam pendahuluannya kepada *Kitāb Waq'at Ṣiffīn*.

# KANDUNGAN

**Bab Kelima**



**Bab Keenam**



**Bab Ketujuh**

# BAB PERTAMA

## Pembukaan Negeri Iraq dan Perlaksanaan Dasar Sosioekonomi dan Politik Zaman Khalīfah 'Umar bin al-Khattāb

Pembukaan Negeri Iraq oleh orang Arab bermula pada tahun 12H./633M., iaitu sejurus selepas perang Riddah (11H./632M.) ketika Khālid bin al-Walīd dari suku Makhzūm, salah satu daripada cabang keturunan Quraysh yang paling berpengaruh, telah menjadi masyhur di kalangan panglima-panglima tentera Arab. Sebagai seorang pemimpin yang masyhur dan berpengaruh, Khālid telah berperang menentang kaum pemberontak yang biasa dipanggil sebagai golongan murtad (*ahl al-riddah*) dengan mendapat arahan yang minimum daripada Khalīfah Abū Bakar.[1] Dalam perang yang masyhur ini Khālid telah berjaya menewaskan pihak musuh yang terdiri daripada anggota-anggota suku Asad, Ṭayy, Ghaṭafān, Fazārah dan Tamīm. Kebanyakan daripada mereka adalah kaum Badwi atau penduduk-penduduk padang pasir.[2] Gerakan yang terakhir dan terpenting ialah menentang penduduk perkampungan qabilah yang paling terkuat dan berpengaruh sekali di kawasan tengah Semenanjung Arab yang terletak di al-Yamāmah iaitu qabilah Banu Hanifah.[3] Qabilah Ḥanīfah tidak pernah menjadi

[1]Ṭab. 1/1922–3.
[2]*Ibid.*, 1/1871, 1893, 1896, 1902, 1908, 1921 dan 1980; *BF*. ms. 98; M.A. Shaban, *Islamic History*, A.D. 600–750 (A.H. 132) Cambridge University Press, Cambridge, 1971, ms. 24.
[3]Ṭab. 1/1930, 1946 dan 1962 (di mana anggota-anggota suku Ḥanīfah digelar *ahl al-qurā*, penghuni-penghuni kampung.)

anggota dalam persekutuan Madīnah dan mempunyai seorang Nabi palsu yang bernama Musaylimah yang telah menentang Nabi Muhammad s.a.w. dan kemudiannya menentang Khalīfah Abū Bakar bagi tujuan untuk mendirikan kekuasaannya di al-Yamāmah, iaitu sebuah kawasan yang subur dan mempunyai jumlah penduduk yang ramai. Tempat pemasaran barangan al-Yamāmah yang utama ialah Mekah sehinggalah kemudiannya dikuasai oleh kerajaan Madīnah dalam zaman Nabi Muhammad s.a.w.[4] Jumlah tenteranya dikatakan seramai 40,000 orang.[5] Musaylimah yang menjadi pemimpinnya dilaporkan telah cuba untuk menguasai kaum Badwi di kawasan-kawasan persekitaran,[6] tetapi mereka enggan untuk mengikutinya dan mereka hanya patuh dan taat setia kepada pemimpin-pemimpin mereka yang digelar Nabi-nabi palsu. Di antara Nabi-nabi palsu tersebut ialah Ṭulayhah bin Khumaylid dari suku Asad dan Sajāḥ dari suku Tamīm. Ṭulayhah telah disokong kuat oleh anggota-anggota suku Asad di Samīrā', Ghaṭafān di Tība dan Ṭayy di kawasan antara Samīrā' dengan Tība,[7] namun sebahagian daripada mereka telah memihak kepada Khalifah Abu Bakar.[8] Sajah pula adalah dari keturunan Hanzalah dari suku Tamīm dari pihak ibunya yang berkeluarga dengan suku Taghlib di Jazīrah, Mesopotamia. Dia datang dari Jazīrah bersama-sama pengikutnya dari keturunan *afnā' Rabī'ah*, iaitu sub-suku dari suku Rabī'ah. Di antara pemimpin-pemimpin mereka ketika itu ialah al-Hudhayl bin 'Imrān dari suku Taghlib, 'Aqqah bin Hilāl dari suku Namir, dan Abū Adiyy bin Waṭād dari Iyād.[9] Di Semenanjung Arab Sajāḥ telah disokong oleh suku Ḥanẓalah, Tamīm. Shabath bin Rib'ī bin Ḥusayn al-Riyāhī adalah salah seorang daripada pemimpinnya yang telah menyertai dalam kempen bersama Sajāḥ.[10] Namun

---

[4]*Ibid.*, 1/1930–4; Ibn Hazm, 'Alī b. Muhammad, *Jamharat Ansāb al-'Arab*, ed. A.M. Hārūn, Qahirah, 1962, ms. 309; Baghdādī, 'Abd al-Qāhir b. Ṭāhir, *al-Farq bayn al-Firaq*, Qāhirah, 1910, ms. W.M. Watt, *Muhammad at Medīna*, Oxford University Press, Oxford, 1956, ms. 135–6; Shaban, *op. cit;*, ms. 20; Einkelman, Musaylimah, *Journal of Economic and Social History of the Orient*, 1967, ms. 17–52, terutamanya, ms. 41, 47 dan 52.

[5]Tab. 1/1930.

[6]Ibid., 1/1930–4; Einkelman, *op. cit.*, ms. 42.

[7]Ṭab. 1/1871, 1873 dan 1902.

[8]*Ibid.*, 1/1871, 1889 dan 1899.

[9]*Ibid.*, 1/1911–12; *BF.* ms. 99.

[10]Ṭab. 1/1912, 1919; *BF.* ms. 99; Ibn Ḥazm, *Jamharah*, ms. 227.

begitu, sebahagian daripada pengikut-pengikut Sajāḥ telah berpaling menyokong Khalīfah Abū Bakar.[11] Walaupun Sajāḥ dilaporkan telah bersekutu dengan Musaylimah dan pergi ke al-Yamāmah untuk menemuinya yang terakhir, jangkamasa ia tinggal di iklim itu hanya sebentar sahaja.[12] Kemudian ia kembali ke Jazīrah dengan membawa setengah daripada hasil mahsul al-Yamāmah.[13] Perkara yang perlu diambil perhatian di sini ialah bahawa tidak seorang pun daripada mereka sama ada Ṭulayhah mahupun Sajāḥ muncul bersama-sama tentera Musaylimah di dalam peperangan 'Aqrabā' yang besar, iaitu peperangan yang telah menentukan kemenangan bagi pihak orang Islam.

Sebahagian orang Badwi yang menyokong Khalīfah Abū Bakar telah bergiat cergas bersama-sama tentera Khalid bagi menentang kaum pemberontak.[14] Kebanyakannya adalah dari keturunan suku Asad yang dipimpin oleh Ḍirār bin al-Azwar dan Sinān,[15] Ghaṭafan,[16] Fazārah,[17] Ṭayy, 1,000 orang dari Jadīlah dan 500 orang dari 'Adiyy,[18] Ḥamāzin,[19] Ḥanẓalah (Tamīm)[20] dan Sulaym yang diketuai oleh Mā'an bin Ḥājiz dan Ṭurayfah bin Ḥājiz.[21] Adalah perlu diambil perhatian bahawa berbagai istilah telah digunakan dalam keadaan ini bagi menentukan kumpulan-kumpulan ini. Sekiranya keseluruhan suku yang menyertai peperangan, mereka digelar *bararah*, iaitu mereka yang membuktikan kebenaran dan ketaatan; sekiranya hanya sebahagian yang menyertai, mereka dipanggil *khiyarah* iaitu orang-orang yang terpilih.[22] Oleh kerana tertarik kepada ajaran Isam, di samping kerana takut dikongkong oleh anggota-anggota suku Ḥanīfah yang berpengaruh, anggota-anggota suku yang kecil ini telah memutuskan untuk memihak kepada kerajaan Islam di Madinah

[11]Ṭab. 1/1911.
[12]*BF.* ms. 151; Hab. 1/1917–9.
[13]T. 1/1919–20.
[14]*Ibid.*, 1/1871, 1889, 1899, 1963 dan 1970.
[15]*Ibid.*, 1/1893, 1894; BF. ms. 91.
[16]Ṭab. 1/1894.
[17]*Ibid.*, 1/1891.
[18]*Ibid.*, 1/1887, 1889 dan 1894.
[19]*Ibid.*, 1/1871 dan 1894.
[20]*Ibid.*, 1/1911 dan 1922.
[21]*Ibid.*, 1/1905.
[22]Shaban, *op. cit.*, ms. 52.

bagi menentang Musaylimah. Dengan adanya sokongan daripada mereka, bersama-sama golongan *Muhājirīn,* (orang-orang yang berhijrah bersama-sama Rasulullāh s.a.w. dari Mekah ke Madīnah), dan golongan *Ansār* (penduduk Madīnah, yang memberi pertolongan kepada Rasulallah s.a.w. dan kaum Muhājirin) serta suku-suku Arab yang selainnya yang tidak murtad, Khālid telah berjaya menewaskan tentera Musaylimah di 'Aqrabā'.

Sebelum kita pergi lebih lanjut mengenai kegiatan Khālid adalah perlu disebutkan di sini bahawa pada masa berkempen di 'Aqrabā' terdapat sekumpulan tentera Islam dari Madīnah yang digelar *ahl al-qurrā,* iaitu penduduk kampung. Dalam konteks yang sama al-Tabarī melaporkan bahawa dalam gerakan tersebut terdapat sekumpulan yang lain pula dari tentera Madīnah yang digelar *ahl al-badiyah,*[23] Dalam peristiwa yang sama, Balādhurī melaporkan bahawa sekumpulan tentera yang dipanggil *al-qurrā'* telah ada bersama-sama tentera Madīnah di 'Aqrabā' dan menurut beliau bahawa di antara mereka ramai yang telah terbunuh dalam pertempuran tersebut.[24]

Dari dua naratif yang dibawa oleh al-Tabarī dan al-Balādhurī tadi dapatlah disimpulkan bahawa perkataan *qurrā,* kata jamak dari kata tunggal *qaryatum,* yang bererti desa-desa atau kampung-kampung, adalah berlawanan dengan perkataan *bawādi,* kata jamah dari kata yang bererti tunggal *bādiyah,* yang bererti padang-padang pasir. Keduanya, kita dapat membezakan antara *qurrā,* kata jamàk dari kata tunggal *qāri'* dari kata dasar *Qaf Ra Hamzah,* yang bermaksud "membaca" dengan *qurrā',* kata jamak dari kata tunggal *qārin* dari kata dasar *Qaf Ra Ya* yang bererti penghuni atau penduduk kampung.[25] Alternatif yang ketiga ialah bahawa menurut Ibn Manẓūr dan Fayrūzabādī, kata nama *qāri'* boleh juga membawa erti "seorang Muslim yang warak" atau *mutanassik;* jamaknya ialah *qara'ah* seperti *'amil,* kata tunggal, jamaknya *'amalah.* Kalimah *qurrā'* boleh jug digunakan dalam tunggal dan jamaknya ialah *qurrā'ūn,* yang bererti orang-orang Muslim yang warak dan salih.[26]

---

[23]*Ibid.,* 1/1946.
[24]*BF.* ms. 241 dan 340.
[25]Perbezaan ini telah dibuat oleh M.A. Shaban, *op. cit.* ms. 23.
[26]Ibn Manẓūr, Muhammad bin Mukarramī, *Lisān al-'Arab,* Beirut, 1955, vol, V, ms. 130; al-Fayrūzabādī, *Basā'ir,* vol. IV, ms. 263.

Kekeliruan antara perkataan-perkataan *qurrā'* (penghuni atau penduduk kampung) dan qara'ah, atau *qurrā'ūn* (orang-orang Muslim yang warak) tidak timbul oleh kerana tidak ada satu pun peristiwa dalam sejarah golongan *al-qurrā'* pada jangka masa istilah *qara'ah* dan *qurrā'ūn* disebutkan, tetapi kekeliruan utama yang timbul ialah antara istilah-istilah *al-qurrā'* yang bermakna penduduk kampung, dan bukan penghafal-penghafal al-Qur'ān. Kekeliruan ini telah menyebabkan perselisihan faham tentang sejarah *al-qurrā'* dan seterusnya sejarah Khawārij dan Shī'ah.

Berhubung dengan istilah *al-qurrā'* terdapat dua kajian yang dibuat baru-baru ini yang mentafsirkan *al-qurrā'* sebagai penduduk kampung dan bukan penghafal-penghafal al-Qur'ān. M.A. Shaban dalam bukunya *"Islamic History"* telah memperkenalkan ideanya mengenai *al-qurrā'* tetapi hanya secara ringkas dan tidak mendalam.[27] Juynbol dalam makalahnya yang bertajuk *"The Qurrā' in Early Islamic History"* bersetuju dengan Shaban yang mengatakan bahawa *al-qurrā'* bukanlah penghafal-penghafal al-Qur'ān, namun penjelasannya mengenai *al-qurrā'* adalah terhad pada perkembangan awal, tanpa memberi petunjuk untuk memahami golongan *al-qurrā'* yang muncul kemudian yang setelah itu menjadi Khawārij. Beliau cuba membincangkan suasana di Madīnah termasuk kawasan-kawasan desa yang menjadi tempat tinggal anggota-anggota suku Arab dan Yahudi. Mereka kadangkala dirujukkan kepada *al-munāfiqūn* (orang-orang munafik), yang dianggap oleh Juynbol sebagai golongan *al-qurrā'* yang terawal ini boleh disamakan dengan golongan *al-qurrā'* di Kūfah yang muncul pada zaman Khalīfah 'Uthmān, dengan mengatakan bahawa "kota seperti kota Kūfah mestilah mempunyai kampung-kampung seperti Madīnah", dan beliau menambah "penduduk Madīnah yang berhijrah ke Kūfah telah ditempatkan di kawasan-kawasan desa di sekitar Kūfah".[28] Dari kenyataan ini jelaslah bahawa Juynboll cuba

[27]Shaban, *op cit.*, khususnya ms. 23 dan 51.

[28]Juynboll, op. cit. ms. 118–24. Dalam membuktikan kewujudan kampung-kampung di sekitar Kota Kūfah beliau memetik al-Balādhurī *"wa-sakkana Abū Mūsā al-nās,"* (*BA*, vol. V. ms. 47) dan memberikan makna *"sakkana"* sebagai pertempatan dengan katanya "Abu Mūsā telah menempatkan mereka sekali lagi (di kampung-kampung)", (Juynboll, *op. cit.* ms. 123). Pada hakikatnya, Juynboll telah keliru antara kata-kata kerja *sakkana,* untuk mententeram atau menyenyapkan, dan *askana,* untuk menempatkan atau memberi tempat tinggal. Kesan daripada

Peta: Semenanjung Arab; Zaman Kenaikan Islam dan Pembahagian Qabilah Arab

untuk memperkenalkan teorinya sendiri mengenai golongan *al-qurrā'* dan membincangkannya menurut tafsiran baru yang pada umumnya berlandaskan perkembangan awal di Madīnah.

Dengan tidak menafikan kenyataan tentang terdapatnya golongan *qurrā'* yang muncul pada zaman Nabi di Madīnah, kita amat sukar untuk menyakinkan bahawa golongan yang sama akan muncul sekali lagi dalam bentuk, sifat dan motif yang serupa di kawasan dan suasana yang jauh berbeza seperti di Kūfah. Kita tidak boleh menyamakan Madīnah dengan Kūfah, kerana Madīnah terbahagi kepada kawasan desa dan pusat bandar, sedangkan Kūfah, pada masa itu, hanya merupakan sebuah bandar tentera. Di situlah tentera-tentera Arab ditempat dan diatur mengikut sistem organisasi sosial kesukuan, dan tidak ada rancangan dari pihak kerajaan Islam untuk mendirikan kampung-kampung di sekitar Kūfah, atau membiarkan tentera Arab pergi tinggal berjauhan, tanpa sebab-sebab tertentu, kerana ini akan menjejaskan kedudukan mereka yang boleh membawa kepada perpecahan. Hakikat ini tidaklah bererti kita menafikan wujudnya kampung-kampung di Sawād (Iraq) di luar jajahan Kūfah. Persoalan mengenai golongan munafik dalam sejarah Islam tidak timbul selepas kewafatan Nabi. Masalah utama yang dihadapi oleh Khalīfah Abū Bakar ialah masalah golongan murtad dan Nabi-nabi palsu. Sementara pengganti-penggantinya, 'Umar, 'Uthmān dan 'Alī, telah asyik dengan masalah-masalah pembukaan negeri-negeri, kestabilan negara dan perang saudara.

Namun begitu, kita bersetuju dengan kenyataan bahawa istilah *al-qurrā'* sebagaimana yang dijelaskan oleh kebanyakan sumber sejarah, khususnya dalam masa pembukaan Negeri Iraq, adalah berpunca dari kata dasar *Qaf Ra Ya* yang bermaksud "orang-orang kampung" dan bukan dari *Qaf Ra Hamzah* yang ditafsirkan oleh ahli-ahli sejarah moden sebagai "penghafal-penghafal al-Qur'ān".

Sekumpulan manusia yang digelar *al-qurrā'* telah muncul dalam sejarah Islam sejak tahun ke-4 H. lagi iaitu dalam ekspedisi ke Bi'r Ma'ūnah yang dihantar oleh Nabi dan Madīnah dan dalam ekspedisi

---

kekeliruan ini beliau telah tersalah tafsir perkataan *qurrā'* dan menggunakannya di kawasan yang salah pula. Bandingkan dengan Juynboll "The Position of Qur'an Recitation in Early Islam", Journal of Semitic Studies, v. XIX, no. 2, 1974, ms. 240–51, di sini beliau telah merujukkan *qurrā'* kepada 7 golongan munafik.

ini sebahagian daripada mereka itu telah terbunuh.[29] Para sejarawan Islam telahpun membincangkan ekspedisi ini, tetapi mereka tidak mencapai kata sepakat.[30] Kesukarannya ialah untuk menentukan matlamat dan motif ekspedisi tersebut; begitu juga tentang komposisi orang-orang yang menyertainya telah diperdebatkan dan dinyatakan di dalam riwayat-riwayat yang menyeleweng. Di kalangan sejarawan Islam yang terawal hanya al-Wāqidī (207H./822M.) dan Ibn Sa'd (230H./845M.) sahaja yang menggelar mereka *al-qurrā'*[31] sementara Ibn Ishāq (150H./767M.), Khalīfah bin Khayyāt (240H./854M.), al-Tabari dan lain-lain menyebut mereka sebagai *min khiyār al-muslimīn,* (dari kalangan orang Islam yang terpilih).[32] Menurut al-Wāqidī, mereka yang terbunuh dalam ekspedisi Bi'r Ma'ūnah ialah *sahabābatun yusammawna al-qurrā',* (pemuda-pemuda yang digelar *al-qurrā'*) dan hanya enam belas orang daripada mereka yang disenaraikan di dalam kitabnya *Kitāb al-Maghāzī,* dan kesemuanya terdiri daripada orang-orang Muhājirīn dan Anṣār.[33] Kesemua nama ini disebutkan juga oleh Ibn Ḥajar dalam kitabnya *al-Iṣābah fī Tamyīz al-Ṣahābah.* Menurutnya hanya dua orang sahaja daripada mereka iaitu 'Āmir bin Fuhayrah dan Nāfi' bin Budayl yang mula-mula memeluk Islam; selain daripada itu kebanyakannya boleh jadi memeluk Islam selepas Hijrah.[34] Walau bagaimanapun adalah tidak mungkin seramai enam belas orang daripada penduduk Madīnah pada ketika itu dapat menghafaz semua al-Qur'ān. Mengikut al-Busti dalam kitabnya *Kitāb Mashāhīr 'Ulamā' al-Amṣār,* hanya tujuh orang sahaja daripada penduduk Madīnah yang dapat menghafaz kesemua atau sebahagian besar daripada al-Qur'ān yang membolehkan mereka

---

[29]Al-Waqidi, Muhammad b. 'Umar, *Kitāb al-Maghāzī,* ed. M. Jones, London, 1966, vol. 1, ms. 346–52; Watt, *op. cit.,* ms. 31–2.

[30]Sila lihat N.J. Kister, "The Expedisi of Bi'r Ma'ūnah" dalam *Arabic and Islamic Studies,* in Honour of H.A.R. Gibb, ed. Makdisī, Leiden, 1965, ms. 337–57, pengarang telah mengkaji dan membincangkan ekspedisi tersebut.

[31]Waqidi, Maghazi, vol. 1, ms. 347; Ibn Sa'd, Muhammad, *Kitāb al-Ṭabaqāt al-Kadir,* Leiden, 1905–1908, vol. 11, pt. i, ms. 36 dan 38.

[32]Ibn Hisham, 'Abdulmalik, *Sīrah al-Nabiī,* ed. F. Wustenfeld Gottingen, 1858–60, ms. 648 f; Khalifah b. Khayyāt, *Kitāb al-Tārīkh,* ed. A.D. al-'Umary, Najaf, 1967, vol. 1, ms. 38; Ṭab. 1/1443.

[33]Wāqidī, Maghāzī, vol. 1, ms. 347, 352–3.

[34]Ibn Ḥajar, Ahmad bin 'Alī, *al-Iṣābah fī Tamyīz al-Sahābah,* Beirut, vol. 11, ms. 256 ('Āmir bin Fuhayrah), 111, ms. 543 (Nāfi' bin Budayl).

menyandang gelaran "penghafaz al-Qur'an". Tidak ada seorangpun daripada tujuh orang itu yang melibatkan diri dalam ekspedisi Bi'r Ma'ūnah.[35] Beribu-ribu penghafaz al-Qur'ān yang lain ada disebutkan oleh al-Jazarī, ahli sejarah Islam di abad ke-19H. atau ke-15M. di dalam kitabnya *Ghāyah al-Nihāyah fī Ṭabaqāt al-Qurrā'*; tetapi tidak seorang pun daripada mereka ini yang disenaraikan oleh al-Wāqidī.[36] Adalah tidak munasabah, Nabi sendiri sanggup menyabungkan nyawa penghafaz-penghafaz al-Qur'ān secara beramai-ramai dalam misi yang berbahaya ini, "sedangkan Baginda sendiri telah sedar tentang bahaya berbuat sedemikian".[37] Dengan kata-kata lain kematian seorang penghafaz al-Qur'ān bermakna kehilangan tokoh yang dapat menyebarkan ajaran-ajaran al-Qur'ān yang tidak mudah dicari gantinya.

Tidak lama selepas ekspedisi Bi'r Ma'ūnah, berlaku pula ekspedisi lain yang dianggotai oleh tujuh orang yang dihantar oleh Nabi ke al-Rajī', tetapi peserta-peserta sebahagian daripada mereka itu dikatakan mempunyai maklumat atau arif tentang al-Qur'ān.[38]

Walaupun benar adanya penghafaz-penghafaz al-Qur'an di kalangan orang Islam yang awal di Madīnah dan mungkin ada di antara mereka terlibat dalam peperangan di Aqrabā', namun agak sukar untuk menerima pendapat yang mengatakan lebih daripada 10,000 penghafaz al-Qur'ān telah berada di lembah Ṣiffīn beberapa tahun kemudiannya. Jumlah penghafaz al-Qur'ān yang begitu besar di medan peperangan tidak mungkin wujud dalam tempoh sesingkat itu iaitu antara tahun 12H./633M. ('Aqrabā') dan tahun 38H./659M. (Ṣiffīn), pada ketika keseluruhan orang Arab telah asyik dengan peperangan. Sekali lagi, sehubungan dengan orang-orang yang menyertai peperangan Bi'r Ma'ūnah dan 'Aqrabā', kedua-duanya tidak mungkin disamakan dengan golongan *al-qurrā'* di Kūfah. Oleh kerana peserta-peserta di Bi'r Ma'ūnah, khususnya, kebanyakannya terdiri daripada keturunan Quraysh, dan pusat operasinya ialah Madīnah. Berbeza dengan golongan *al-qurrā'* di Kūfah yang

[35] Al-Bustī, Muḥammad bin Hibbān, *Kitāb Mashāhīr 'Ulamā, al-Amṣār*, ed. M. Fleischhammer, Cairo, 1959, ms. 10, 12, 15, 20 dan 26.
[36] Al-Jazari, Muhammad bin Muhammad, *Ghāyah al-Nihāyah fī Ṭabaqāt al-Qurrā'*, ed. Bergstaesser, G., Cairo, 1933 (2 vols.).
[37] Watt, *op.cit.*, ms. 32.
[38] Wāqidi, *Maghāzī*, vol. 1, ms. 354.

mempunyai bidang kuasa di al-Sawad, Iraq; dan tidak ada seorang pun daripada mereka yang berketurunan Quraysh. Adalah masih awal untuk menentukan identiti golongan *al-qurrā'*, sama ada mereka terdiri daripada penghafaz-penghafaz al-Qur'ān atau penghuni-penghuni kampung tanpa terlebih dahulu mengetahui orang-orang yang menyertai pembukaan Negeri Iraq, kerana dari merekalah datangnya golongan yang bergelar *al-qurrā'*.

Pada masa pemerintahan Khalīfah Abū Bakar, al-Muthannā bin Ḥārithah bin Salamah al-Shaybānī bersama-sama tenteranya yang berjumlah 8,000 orang[39] sedang berperang menentang tentera Sasan dengan inisiatif mereka sendiri, terutamanya di iklim al-Ḥīrah yang kemudiannya dikenali dengan nama Kūfah.[40] Menurut al-Askarī, al-Muthannā bin Ḥārithah al-Shaybani adalah orang Arab yang pertama menyerang kawasan-kawasan Sasan di iklim al-Ḥīrah.[41]

Dikatakan bahawa sebaik-baik sahaja Khālid bin al-Walīd tiba di Iraq Khalīfah Abū Bakar telah mengirim sepucuk surat kepada al-Muthannā dan menasihatkan beliau supaya menyertai dan mematuhi Khālid. Di al-Ubullah, sebuah pelabuhan yang terpenting di selatan Iraq, Khālid telah disertai oleh al-Muthannā dan tenteranya. Mereka begitu ghairah untuk menyertainya dengan harapan agar mereka beroleh kejayaan dalam penentangan terhadap orang Sasan di Iraq.[42] Sumber-sumber tidak menyebut jumlah bilangan tentera Arab yang berperang bersama Khālid di Iraq. Tetapi dalam tempoh perang *Riddah* berbagai suku Arab telah menghadirkan diri dan berperang bersama-sama Khālid. Jumlah yang paling ramai dari suku yang menyertai perang tersebut tidak lebih daripada 1,000 orang,[43] tetapi pada masa pertempuran berlaku ramai di antara mereka yang terbunuh.[44] Boleh jadi hanya beberapa ratus atau kurang daripada seratus orang yang masih kekal bersama-sama Khālid. Bolehlah dipercayai bahawa tidak semua daripada mereka itu telah mengikut Khalid ke Iraq. Di pertengahan jalan

[39]Tab. 1/2020.
[40]*BF.* ms. 241, 340; Tab. 1/2016, dan 2018.
[41]Al-'Askarī, Abū Hilāl al-Ḥasan bin 'Abdullāh, *Kitāb al-Awā'il*, Madīnah, 1966, ms. 225; bandingkan dengan Ibn Ḥazm, *Jamharat*, ms. 325.
[42]*BF.* ms. 241, dan 340; Tab. 1/2016, 2018, dan 2021; al-'Alī, Ṣāliḥ, A. *al-Tanẓīmat al-Ijtimā'iyyah wa al-Iqtiṣādiyyah fī al-Baṣrah*, Baghdad, 1953, ms. 23.
[43]Sila lihat ms. 4.
[44]*BF.* ms. 97–8.

beliau telah disertai oleh anggota-anggota suku dari berbagai keturunan di kawasan Fayd, yang terletak di tengah-tengah Najd, dan kawasan Tha'labiyah, di tebing kanan sungai Furāt, yang boleh jadi tidak terlibat baik menentang ataupun menyokong kerajaan Madīnah dalam perang Riddah.[45] Manakala sampai di Iraq Khālid telah dibantu oleh sepasukan askar, yang diketuai oleh al-Qa'qa' bin 'Amr al-Tamīmī dengan jumlah bilangan yang tidak ditentukan juga. Akhirnya bilangan tentera Khālid telah melebihi 2,000 orang,[46] tetapi jumlah ini masih kecil berbanding dengan tentera al-Muthannā yang berjumlah seramai 8,000 orang. Semua tentera ini telah diletakkan di bawah pimpinan Khālid.

Jika kita teliti struktur tentera Khālid dan Iraq kita akan dapati berbagai suku Arab yang telah terlibat, khususnya suku Shaybān, Tamīm, Ṭayy, Muzaynah, Asad, Dhuhl, Himyar, 'Ijl dan Aslam. Bersama-sama dengan anggota-anggota dari suku ini, yang kebanyakannya dari Shayban, Khalid memerangi tentera Sasan di al-Ubullah dan akhirnya berjaya menawannya. Kemudian beliau mara ke al-Mazār dengan mewakilkan Ma'qil bin Muqarrin al-Muzanī di al-Ubullah untuk menjaga kawasan tersebut. Pada masa yang sama, beliau menghantar al-Muthanna ke Nahr al-Mar'ah untuk memburu musuh.[47] Dalam serangan ke atas al-Mazār, Khālid telah berjaya menakluki kawasan tersebut. Penduduk al-Mazar telah bersetuju membayar ufti kepada orang Arab, dan Suwayd bin Muqarrin al-Muzanī telah dilantik untuk mengetuai pemungutan ufti tersebut.[48]

Dari al-Mazār, Khalid mara pula ke al-Walajah dan melantik Suwayd bin Muqarrin mentadbirkan al-Hafir di kawasan al-Hirah.[49] Dengan ketewasan musuh di al-Walajah Khālid mara terus ke 'Ullays kemudian ke Amghisiyā. Banyak lagi serangan secara kecil-kecilan telah dilakukan oleh Khalid di kawasan al-Hirah yang kesemuanya berakhir dengan kemenangan tanpa mendapat sebarang penentangan yang serius daripada tentera Sasan. Ramai pemimpin Arab yang terlibat dan menjadi masyhur dalam serangan-

---

[45] *Ibid.*, ms. 242
[46] Ṭab. I/2021.
[47] *Ibid.*, 1/2025.
[48] *Ibid.*, 1/2029.
[49] *Ibid.*, 1/2030.

serangan ini. Di antara mereka ialah al-Muthannā bin Ḥārithah al-Shaybānī, al-Qa'qa' bin 'Amr al-Tamīmī, 'Adī bin Ḥātim al-Ṭā'ī, Bishr bin 'Ubaydillāh bin Kahasāssiyyah al-Dhuhalī, Suwayd bin Nahhās al-'Ijlī, Ḍirār bin al-Azwar al-Asadī, Ḥasakah al-Ḥabaṭī, al-Husayn bin Abī al-Ḥūr, al-Hajjāj bin Dhī al-'Unuq, Busr bin Abī Ruhm, Khālid bin al-Washimah, 'Aṭṭā dan Rabī'ah bin 'Isl.[50] Akibat daripada serangan-serangan ini ialah bahawa kesemua harta rampasan perang telah dibahagi-bahagikan di kalangan tentera-tentera Arab, kecuali satu perlima ṣahaja daripadanya dihantar ke Madīnah.[51]

Setelah beberapa ketika,[52] Khalid pun dihantar ke Syria bersama-sama tenteranya, bagi menolong tentera Islam menentang tentera Rom. Keberangkatan beliau ke Syria berlaku pada bulan Rabī' al-Akhir, tahun 13H./634M. Jumlah tentera Khālid yang pergi ke sana, ialah 800 orang, sebagaimana yang dianggarkan oleh al-Balādhurī dan al-Ṭabarī.[53] Bilangan tentera Islam di Iraq pada masa itu ialah 10,000 orang.[54] Mereka terdiri daripada berbagai suku Arab yang tidak penting dari kawasan al-Ḥijāz dan timur Semenanjung Arab; hanya sebilangan kecil sahaja daripada mereka dari golongan Muhājirīn dan Anṣār. Namun begitu, menurut Ibn Isḥāq dan Ya'qūbī bahawa tentera yang dibawa ke Syria itu adalah terdiri daripada *ahl al-quwwā* dan yang lainnya ditinggalkan bersama-sama al-Muthanna bin Harithah al-Shaybani di Iraq.[55] Kecuali beberapa orang sahaja daripada *ahl al-quwwā* tersebut tidak pergi ke Syria,[56] selepas menerima rayuan daripada al-Muthannā, mereka ialah Furāt bin Ḥayyān al-'Ijli, Bishr bin 'Ubaydillāh bin Khasāssiyyah al-Dhuhalī, 'Abdullāh bin 'Awfā al-Aslamī, Ḥārithah bin Bilāl al-Muzanī dan 'Āṣim bin 'Amr al-Tamīmī. Sebahagian daripada

---

[50]*Ibid.*, 1/2022, 2052, 2057–8.
[51]*Ibid.*, 1/2027, 2028, dan 2037 di sini disebutkan bahawa bahagian yang diterima oleh setiap tentera Arab daripada harta rampasan perang ialah sebanyak 1,500 dirham.
[52]Namun begitu Sayf bin Umar (Ṭab. 1/2056 ff.) menggangarkan kempen Khālid mengambil masa selama dua tahun dan sampai jauh ke utara Iraq.
[53]*BF.* m.s. 110; Ṭab. 1/2109–hanya Sayf bin 'Umar sahaja yang mengatakan 10,000 atau 9,000 orang, lebih kurang setengah daripada tentera Arab di Iraq (Ṭab. 1/2089, 2090, 2111, dan 2154).
[54]Sila lihat m.s. 13.
[55]Tab. 1/2121–2; Ya'qūbī, Ahmad bin Abī Ya'qūb, *Tārīkh*, ed. Beirur, 1960, vol. 11, m.s. 133.
[56]Ṭab. 1/2116–7.

tentera Khālid yang berada di al-Ḥīrah yang dipimpin oleh al-Qa'qa' bin 'Amr al-Tamīmī, Maz'ūr bin 'Adī al-'Ijlī, Ḍirār bin al-Khaṭṭāb al-Fihri dan Ḍirār bin Al-Azwar al-Asadi, telah dibawa bersamanya ke Syria.[57]

Dari sini jelaslah bahawa tentera-tentera Arab yang berada di Iraq pada ketika itu telah terbahagi kepada dua kumpulan: iaitu mereka pergi ke Syria dan yang tinggal di Iraq. Demi untuk membezakan dua kumpulan tersebut, laporan-laporan yang berkaitan dengan peristiwa itu perlulah ditinjau. Laporan al-Ya'qūbī mengatakan bahawa tentera yang dibawa ke Syria itu terdiri daripada *ahl al-quwwā* tanpa menyebutkan tentera yang tinggal di Iraq.[58] Al-Balādhurī dan al-Ṭabarī tidak menyebutkan kedua-dua kumpulan tentera itu.[59] Sementara Sayf pula telah membahagikan mereka kepada dua golongan iaitu sahabat dan bukan sahabat; golongan sahabat telah dibawa ke Syria manakala yang golongan bukan sahabat ditinggalkan di Irāq.[60] Ibn Isḥāq membahagikan mereka kepada golongan *ahl al-quwwā* (orang-orang yang gagah) dan *da'afah* (orang-orang yang lemah).[61]

Berdasarkan huraian di atas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa golongan pertama yang dihantar ke Syria ialah terdiri daripada orang-orang yang gagah dan berani (atau menurut Sayf, golongan sahabat Nabi) atau apa yang dipanggil *ahl al-quwwā*, dan golongan kedua yang tinggal di Iraq ialah orang-orang yang lemah (atau mengikut Sayf, bukan para sahabat Nabi) atau mereka yang digelar *da'afah*, atau dengan kata-kata lain dikenal sebagai orang-orang dari suku Arab yang tidak masyhur.

Dengan pemergian Khālid ke Syria, tentera-tentera yang tinggal di Iraq telah diletakkan di bawah pimpinan al-Muthannā bin Hārithah al- Shaybānī. Pada masa yang sama al-Muthannā telah menghadapi kekurangan tenaga atau tentera untuk berhadapan dengan musuh yang mempunyai jumlah tentera yang ramai. Justeru itu, beliau telah merayu kepada Khalifah Abu Bakar supaya menghantar tentera tambahan tetapi tentera tambahan itu tidak dapat berbuat apa-apa,

---

[57] *Ibid.*, 1/2018, 2117, dan 2193.
[58] Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. II, m.s. 133.
[59] *BF.* m.s. 110 dan 249; Ṭab. 1/2109.
[60] Ṭab. 1/2115.
[61] *Ibid*, 1/2121.

kerana keadaannya yang sakit tenat.[62] Dalam keadaan yang kecewa al-Muthannā terus bersama-sama tenteranya yang ada di Iraq untuk meneruskan pembukaan.

Sesungguhnya pada masa itu ramai tentera Islam yang masih tidak digunakan lagi oleh Khalīfah Abū Bakar bagi tujuan pembukaan. Yang dimaksudkan di sini ialah orang Arab yang pernah memberontak atau dipanggil *ahl al-riddah* (orang-orang yang pernah murtad), pada zaman Nabi dan Khalifah Abū Bakar. Orang-orang ini sengaja tidak dibawa ke medan peperangan bersama-sama kaum muslimin yang lain kerana Khālifah Abū Bakar masih kurang yakin tentang keimanan mereka. Sesungguhnya tiada seorang pun daripada mereka yang menyertai peperangan penaklukan (fa lam yashad al-ayyām murtaddun) pada zaman Khalīfah Abū Bakar.[63] Dengan adanya sifat kurang percaya terhadap mereka yang pernah murtad ini maka tidaklah hairan kenapa al-Muthannā gagal mendapatkan sebarang pertolongan ketenteraan dari Madīnah.[64] Dasar tidak menggunakan orang-orang yang pernah murtad dalam kempen di Iraq pada zaman Khalīfah Abū Bakar telah dilaksanakan dengan sepenuhnya oleh panglima perang Khalid dan pemimpin-pemimpin Arab yang lain.[65] Khalifah Abū Bakar menaruh kepercayaan sepenuh terhadap orang-orang yang tidak murtad, sama ada dari keturunan Quraysh ataupun bukan Quraysh, bagi menentang tentera-tentera Sasan tetapi kempen ini kurang mendapat kejayaan melainkan setelah penyertaan orang-orang yang pernah murtad pada masa pemerintahan Khalīfah 'Umar bin al-Khaṭṭāb (13H./634M.) kelak.

Khalīfah 'Umar bin al-Khaṭṭāb dari suku 'Adyy telah diumumkan sebagai pengganti kepada Khalīfah Abū Bakar di Madīnah. Perlantikan beliau sebagai Khalīfah yang kedua telah dipersetujui oleh masyarakat umum. Tindakan beliau yang pertama selepas

---

[62] *Ibid.*, 1/2120.

[63] *Ibid.*, 1/2021 berita lanjut mengenai pencegahan bekas-bekas murtad dari menyertai kempen pada zaman Khalīfah Abū Bakar, sila lihat Ṭab. 1/2014, 2046, 2081, 2225, 2458; Ya'qubi, *Tārikh*, vol. 11, m.s. 131.

[64] M. A. Shaban, *op. cit.* m.s. 27 mensifatkan kegagalan al-Muthannā untuk mendapatkan bantuan ketenteraan daripada Khalifah Abu Bakar ialah oleh kerana Khalifah Abu Bakar enggan menghantar orang-orang yang pernah murtad dan bukan kerana keuzurannya.

[65] Ṭab., 1/2046.

dilantik ialah mengubah dasar Khalīfah Abū Bakar dengan membenarkan semua kaum Muslimin, sama ada yang pernah murtad atau yang tidak murtad, menyertai semua kempen di Iraq. Perubahan dasar ini mempunyai dua matlamat besar iaitu mewujudkan barisan tentera Islam yang kuat untuk melawan kekuatan tentera Sasan di Iraq, serta menyedari tentang hakikat bahawa jika sekiranya orang-orang yang pernah murtad yang mempunyai bilangan yang ramai itu tidak menyertai kempen tersebut, maka sudah tentu akan menghalang masyarakat Islam bukan sahaja dari mendapatkan askar tetapi juga dari berkembang ke wilayah-wilayah jajahan Parsi di Iraq.

Sebelum ketibaan orang-orang yang pernah murtad di Iraq, Abu 'Ubayd dari keturunan Thaqīf telah dilantik oleh Khalīfah 'Umar sebagai panglima baru tentera Islam di perbatasan Sasan. Panglima yang baru dilantik itu telah memulakan kempen menentang tentera Sasan dan pada bulan Ramadan 13H./634M. telah berlaku satu pertempuran di al-Qarqas atau al-Jasr, di sebuah jambatan dan dalam peperangan ini tentera Islam telah mengalami kekalahan. Abu 'Ubayd serta tujuh orang panglima dari suku Thaqīf, termasuk saudara dan anaknya telah terkorban, sementara al-Muthannā bin Hārithah al-Shaybānī cedera tetapi berusaha meneruskan peperangan.[66] Dalam tempoh tersebut ramai tentera dari Madīnah serta keluarga mereka kembali ke Madīnah dan yang lain pula bertaburan di sekitar padang pasir, membiarkan al-Muthannā dan orang-orangnya berperang[67] Setelah itu al-Muthannā membawa pengikut-pengikutnya ke Ullays, kemudian ke al-Buwayb; di sini buat pertama kalinya beliau disertai oleh orang-orang yang pernah murtad.

Orang-orang yang pernah murtad yang pertama tiba di Iraq ialah kumpulan yang dipimpin oleh Rib'ī bin Husayn dan anaknya, Shabath bin Rib'ī al-Riyāhī, dari suku Ḥanẓalah, Tamīm, Anas bin Hilāl dari suku Namir dan Anas bin Fihri dari suku Taghlib. Kesemua pemimpin ini pernah bersama-sama Sajāḥ yang mengaku Nabi dalam perang Riddah menentang Khalīfah Abū Bakar.[68] Pada

---

[66]Ṭab. 1/2166–79; BF. ms. 251–2; Khalīfah, *Tārīkh*, 1/92–3.

[67]Tab. 1/2180; Ibn al-Athīr, 'Izz al-Dīn, *al-Kāmil fī al-Tārīkh*, Beirut, 1965, vol. 11, ms. 440.

[68]Ṭab. 1/2188–9, dan 2190.

hakikatnya, pengikut-pengikut Sajāḥ adalah terdiri daripada kaum yang lemah dan kebanyakannya daripada sub-suku dari suku Rabī'ah (*afnā' Rabī'ah*), seperti suku Namir dan Taghlib yang melahirkan 'Aqqah bin Hilāl, saudara Anas, dan al-Hudhayl bin 'Imrān.[69] Begitu juga Shabath bin Rib'ī al-Riyāḥī yang dilaporkan pernah bersama-sama Sajāḥ dan menjadi masyhur di kalangan orang-orang Banū Tamīm[70] yang pernah murtad.

Di samping orang-orang yang pernah murtad, ramai pula yang tidak murtad turut diundang oleh Khalīfah 'Umar untuk menyertai al-Muthannā di Iraq. Yang paling terkenal dan terpenting di antara mereka ialah Jarīr bin 'Abdullāh al-Bajalī dengan pengikutnya seramai 2,000 orang dari suku Bajīlah. Mereka dikatakan telah bersetuju menyertai al-Muthannā dengan syarat satu perempat daripada harta rampasan perang di bahagikan kepada mereka.[71] Selain Jarir dan pengikutnya ada orang lain dari suku-suku yang tidak penting, yang dipimpin oleh Qurt bin Jammah dari suku 'Abd al-Qays, Ibn al-Muthannā al-Jushamī dari Tamīm, Rib'ī bin 'Āmir bin Khālid dari suku 'Amr, Tamim, Hilal bin 'Ullafah al-Taymī dari Tamīm, 'Ismā bin 'Abdillāh al-Ḍabbī, Ibn al-Hawbar al-Ḍabbī, al-Mundhir bin Ḥassan al-Ḍabbī, Ghālib bin 'Abdillāh al-Kinānī, 'Arfajah bin Harthamah al-Azdī, 'Abdullāh bin Dhī al-Sahmayn al-Khath'amī.[72] Kesemua anggota suku Arab ini, sama ada yang pernah murtad atau tidak, telah dibawa ke al-Buwayb setelah berlaku pertempuran tentera Sasan dapat dikalahkan dan kesan daripada kekalahan ini ialah banyak harta benda telah diperolehi oleh tentera Islam. Harta benda ini telah dibahagi-bahagikan kepada tentera Islam, tetapi yang tidak murtad telah menerima bahagian yang lebih besar daripada mereka yang pernah murtad;[73] dan sebahagian daripada harta rampasan itu telah diperuntukkan bagi anak-anak golongan yang tidak murtad yang ditinggalkan di al-Ḥīrah semasa berkempen.[74]

---

[69]*Ibid.*, 1/1911.
[70]Ibid., 1/1918–9; Ibn Durayd, Muḥammad b. al-Hassan, *al-Ishtiqāq*, ed. A.S.M. Hārūn, Qāhirah, 1958, ms. 223; Ibn Ḥazm, *Jamharah*, ms. 227; al-Isfahani, Abu al-Faraj, 'Ali b. Husayn, *Kitāb al-Aghānī*, Qāhirah, 1285 A.H., vol. XVIII, ms. 165.
[71]Tab. 1/2183, 2186 dan 2199; *BF*. ms. 253.
[72]Tab. 1/2183–90.
[73]*Ibid.*, 1/2198.
[74]*Ibid.*, 1/2197.

Setelah menewaskan tentera Sasan di al-Buwayb, al-Muthannā terus menyerang dengan menghantar tentera untuk berkempen di berbagai wilayah di Iraq. Beliau telah menghantar Bishr bin 'Ubaydillāh bin al-Khasāssiyyah al-Dhuhalī ke al-Ḥīrah, Jarīr bin 'Abdillāh al-Bajalī ke Maysān dan Hilāl bin 'Ullafah al-Taymī ke Dāst Maysān, sementara beliau sendiri pergi ke Ullays, sebuah kampung di al-Anbār, dan setelah itu ke al-Khanāfis. Bagaimanapun, sesudah ekspedisi-ekspedisi ini mereka kembali ke al-Ḥīrah untuk mengatur kempen yang lain.[75] Tidak lama kemudian, al-Muthannā dan tenteranya telah menyerang Dhū Qār, Jull, Sharaf dan Ghudā, di mana al-Mustawrid bin 'Ullafah al-Taymī dari Tamīm, saudara kepada Hilāl, telah dilantik untuk mengetuai suku al-Ribāb. Bersama-samanya ada tiga *afnā' Tamīm,* (sub-suku dari suku Tamīm), iaitu Jaz' bin Mu'āwiyah dari suku Sa'd, al-Ḥusayn bin Niyār dari suku 'Amr dan al-Ḥusayn Ma'bad dari Ḥanẓalah.[76] Pada masa yang sama, Khalīfah 'Umar melantik Sa'd bin Abī Waqqās, sahabat Nabi yang masyhur, untuk mengetuai kempen Islam di Iraq. Perlantikan ini bukan semata-mata berdasarkan kemahirannya dalam ketenteraan tetapi juga perkhidmatannya yang cemerlang kepada Islam, di samping kesediannya untuk bekerjasama dengan bekas-bekas pemberontak (*ahl al-riddah*).[77]

Setelah menerima perlantikan itu Sa'd bin Abī Waqqās pun berlepas dari Madīnah ke Iraq. Terdapat perbezaan pendapat mengenai bilangan tentera Sa'd. Ibn Isḥāq mengatakan bilangan tentera Sa'd berjumlah 6,000 orang;[78] menurut Sayf pula ialah 4,000 orang: 600 dari Ḥadramaut, 1,300 dari Madhhij, 1,000 dari Qays 'Aylān dan lebih kurang 1,000 dari qabilah-qabilah lain, dan dari jumlah ini hanya 2,000 orang sahaja terdiri daripada isteri-isteri dan anak-anak mereka, yang dibawa ke Iraq.[79] Kebanyakannya adalah datang dari suku-suku Arab Madhhij dan Qays 'Aylān.[80] Di pertengahan jalan beliau telah disertai oleh anggota suku Arab yang

---

[75]*Ibid.*, 1/2202–8.
[76]*Ibid.*, 1/2211, dan 2245.
[77]*Ibid.*, 1/2202, 2215, 2221; Shaban, *op cit.*, ms. 30.
[78]Ṭab. 1/2202.
[79]*Ibid.*, 1/2218, 2219 dan 2222.
[80]*Ibid.*, 1/2218–9.

lain: 2,000 dari Yaman dan 2,000 dari Ghatafān dan Qays.[81] Akhirnya beliau setelah tiba di kawasan Zārūd/Tha'aliyyah dan Sharaf antara Madīnah dan al-Hīrah. Di sini beliau sekali lagi disertai oleh 1,700 orang dari suku Yaman yang dipimpin oleh al-Ash'ath bin Qays al-Kindī[82] salah seorang pemimpin orang-orang yang pernah murtad yang terkemuka,[83] yang telah dibataskan di Madīnah sejak pemberontakannya menentang kerajaan Islam di Madīnah.[84]

Apabila Sa'd tiba di Qādisiyyah pada akhir tahun 15H./636M. beliau telah disertai pula oleh 12,000 orang *ahl al-ayyām*, kaum yang terlibat dalam penaklukan awal Negeri Iraq, dan penduduk tempatan yang dipanggil *al-hamrā'* yang telah bersimpati dengan orang-orang Arab dan telah memeluk Islam.[85] Daripada jumlah 12,000 orang *ahl al-ayyām*, 8,000 daripadanya telah berada bersama-sama al-Muthannā di sepanjang kempennya di Iraq[86]. Sebelum beliau meninggal, al-Muthannā telah melantik Bishr bin 'Ubaydillāh bin al-Khasāssiyyah, salah seorang sahabat Nabi, untuk memimpin tenteranya, tetapi oleh kerana kebanyakan tentera al-Muthannā dari suku Shayban, Ibn al-Khasāssiyyah telah dianggap tidak layak dan seterusnya digantikan oleh saudara al-Muthannā yang bernama al-Mu'annā bin Ḥārithah al-Shaybānī. Al-Mu'annā kemudiannya telah pergi menyertai Sa'd bin Abī Waqqās di Zārūd, tidak jauh dari Qādisiyyah, menurut wasiat al-Muthannā sendiri. Tetapi sebelum mereka sampai Sa'd telah berlepas dari situ ke Qādisiyyah. Bagaimanapun, mereka turut ke Qādisiyyah untuk berperang bersama-sama Sa'd.[87]

Tidak lama kemudian tentera yang dipimpin oleh al-Mu'annā telah mendapat sokongan dari 1,000 anggota-anggota suku yang dipimpin oleh Hāshim bin 'Utbah bin Abī Waqqās atau al-Qa'qa' bin 'Amr al-Tamīmī. Menurut al-Ya'qūbī, anggota-anggota suku ini

---

[81]*Ibid.*, 1/2221.
[82]*Ibid.*, 1/2222.
[83]*Ibid.*, 1/2004, 2005, 2006, 2010 dan 2011; *BF*, ms. 100–4.
[84]Ṭab. 1/2012.
[85]*Ibid.*, 1/2226, dan 2261.
[86]*Ibid.*, 1/2221.
[87]*Ibid.*, 1/2222, 2226, dan 2245.

terdiri dari kumpulan-kumpulan kecil Islam.[88] Sementara laporan Sayf mengatakan bahawa mereka ini berasal dari sub-suku, dari suku Yaman yang tinggal di al-Hijaz (*afnā al-Yaman min ahl al-Ḥijāz*).[89] Menurut riwayat Sayf yang lain pula mereka ini digelar *ahl al-ayyām,* (kaum penakluk Iraq yang terawal).[90] Walau bagaimanapun, anggota-anggota suku yang disebutkan itu telah menyertai penaklukan Iraq yang awal secara aktif dan 800 orang daripada mereka itu dikatakan telah bersama-sama tentera Khalid di al-Ḥīrah,[91] sementara 200 orang lagi tidak disebut dalam mana-mana sumber. Boleh jadi juga mereka ini dari kumpulan penyokong al-Ashtar Mālik bin al-Ḥārith al Nakha'ī kerana beliau sendiri dari keturunan Yaman dan telah berperang bermati-matian di Yarmuk sebelum dihantar ke Qadisiyyah.[92] Tetapi oleh kerana al-Qa'qa' bin 'Amr dari Banū Tamīm maka beliau muncul dan selalu disebut-sebut dalam riwayat Sayf, yang juga dari Banū Tamīm, dan diberi kepercayaan dalam kepimpinan sejak dari awal-awal pernaklukan Iraq.

Tentera-tentera Arab Islam dalam kempen awal di Iraq–kecuali kaum Muhājirin dan Anṣār–adalah terdiri daripada anggota-anggota suku yang mempunyai kedudukan yang kurang tinggi dalam kesukuan, yang telah berperang menentang kaum murtad dalam peperangan *Riddah,* dan tiba di Iraq lebih awal daripada Khālid bin al-Walīd bagi menentang tentera Sasan. Mereka telah dibawa bersama-sama menyertai ekspedisi-ekspedisi Khālid di Iraq. Oleh kerana mereka menyertai ekspedisi-ekspedisi ini maka mereka digelar *ahl al-ayyām,* (orang-orang yang menyertai ekspedisi-ekspedisi penaklukan Iraq yang awal), untuk membezakan dengan orang-orang dari Mekah dan Madīnah (Muhājirin dan Anṣār).[93] Kebanyakan *ahl al-ayyām* datang dari suku-suku Arab yang kurang penting atau sub-suku dan suku Arab. Meskipun demikian, mereka memperolehi bahagian yang sama daripada keuntungan-

[88]Ya'qubi, *Tārīkh,* vol. II, ms. 145.
[89]Ṭab. I/2305.
[90]*Ibid.,* I/2367.
[91]Sila lihat, ms. 15.
[92]Ṭab. I/2101; Ibn al-Kalbi, Hishām bin Muhammad, *Jamharah al-Nasab al-'Arab,* manuskrip, British Museum, Add. 23297, fol. 244B; Ya'qūbī, *Tārīkh,* vol. II, ms. 142.
[93]Ṭab. I/2021; Shaban, *op cit.,* ms. 45.

keuntungan perang, dan diberikan kedudukan yang istimewa sesuai dengan kedudukan sebagai *ahl al-ayyām* yang dapat menjamin masa depan yang cerah bagi mereka. Mereka datang kebanyakannya dari suku-suku Rabī'ah di sebelah timur Semenanjung Arab iaitu 6,000 dari suku Shaybān/Bakar, bin Wā'il, dan 2,000 dari berbagai suku Rabī'ah yang lain, yang merupakan kumpulan tentera al-Muthannā yang terpenting di Iraq.[94] Selain daripada mereka ada orang-orang yang datang dari suku Ṭayy, Muzaynah, Ḍabbah, Kinānah, Asad, Dhuhl, 'Ijl, Aslam dan kumpulan-kumpulan kecil dari suku Tamīm seperti al-Ribāb, Sa'd, Ḥanzalah dan 'Amr. Mereka telah melibatkan diri secara aktif dalam perang Iraq sebelum ketibaan Sa'd bin Abī Waqqās,[95] kesemuanya telah dibawa bersama Sa'd ke Qādisiyyah dan ada di antara mereka yang menjadi perwira.[96] Di Qādisiyyah mereka disertai oleh keluarga mereka; 1,000 orang terdiri dari isteri-isteri mereka yang berketurunan Arab Bajīlah dan 7000 orang dari keturunan Arab Nakha' yang telah bersuamikan orang-orang dari suku Arab yang kecil (*afnā'*) sebelum dan selepas perang Qādisiyyah.[97] Ini bermakna bahawa jumlah *ahl al-ayyām* di Qādisiyyah telah bertambah, dan bahawa kaum penakluk Iraq yang awal telah mula memperkembangkan kekuasaan mereka.

Di antara pemimpin *ahl al-ayyām* yang terkemuka ialah Hilāl bin 'Ullafah al-Taymī (Tamīm) yang telah dihantar berkempen ke Dāst Maysān di al-Anbār oleh al-Muthannā bin Ḥarithah al-Shaybānī untuk menentang kaum Sasan di sana pada tahun 13H./634M. Kempen ini diadakan sebaik-baik sahaja peperangan al-Buwayb berakhir, Hilāl ada bersama dalam kumpulan ini dan beliau telah dilantik untuk mengetuai suku al-Ribāb.[98] Beliau juga dikatakan telah memainkan peranan utama di Qādisiyyah dan dalam masa pertempuran berlaku beliau berjaya membunuh Rastum, Maharaja Sasan.[99] Al-Mustawrid bin 'Ullafah, saudara kepada Hilāl, dari suku

---

[94] Ṭab. 1/2021, dan 2221.
[95] *Ibid.* 1/2183, 2187–8, 2189, 2207, 2221, 2236, dan 2239.
[96] Ibid., 1/2226, 2245, 2261, 2336–7, 2340; *BF.* ms. 259; Ya'qūbī, Tarikh, vol. 11, ms. 145; Isfahānī, Aghānī, vol. XIV, ms. 29; Dīnawarī, Abu Hanīfah Ahmad bin Dāwūd, *Kitāb al-Akhbār al-Ṭiwāl,* Qāhirah, 1960, ms. 120.
[97] *Ṭab.* 1/2363–4.
[98] *Ibid.,* 1/2188, dan 2202.
[99] *Ibid;.* 1/2337, 2340, 2356; Ya'qūbī, *Tārīkh,* vol. 11, ms. 145; Mas'udi, 'Alī bin al-Ḥusayn, *Murūj al-Dhahab,* Qāhirah, 1948, vol. 1, ms. 327.

Taymī (Tamīm), juga salah seorang dari anggota tentera al-Muthannā dan telah bersama-sama saudaranya Hilal di sepanjang kempen. Al-Mustawarid adalah seorang yang aktif dalam ekspedisi di Ghuddā, satu kawasan yang berhampiran dengan kawasan yang kemudiannya dikenali sebagai Basrah. Pada tahun 13H./634M. berikutan perang al-Buwayb beliau telah mengetuai suku al-Ribāb bersama-sama dengan pemimpin-pemimpin suku Tamīm kecil yang lain iaitu Jaz' bin Mu'awiyah (Ibn al-Nābighah) dari suku Sa'd al-Ḥusayn bin Niyār (A'war bin Bashamah) dari suku 'Amr dan al-Ḥusayn bin Ma'bad dari suku Ḥanẓalah.[100] Al-Ashtar Mālik bin al-Ḥārith al-Nakha'ī dari suku Madhhij, telah bersama-sama tentera Islam dari Madīnah dalam perang Riddah,[101] dan pahlawan dalam perang Iraq yang awal sebelum beliau dihantar ke Yarmūk; akhirnya beliau dihantar ke Qādisiyyah.[102] Seterusnya Suwayd, al-Nu'mān, Dirār dan Ma'qil, anak-anak kepada Muqārrin al-Muzanī dari suku Aws/Anṣār, dan bilangan pengikut-pengikut mereka ini adalah sedikit.[103] Kesemua pemimpin tersebut, khususnya al-Nu'mān dan Suwayd, telah aktif dalam perang Riddah,[104] dan menjadi terkenal di kalangan tentera Khālid bin al-Walīd di Iraq.[105] Kemudian mereka pergi ke Qadisiyyah, tempat al-Nu'man mendapat kemasyhurannya.[106]

Peperangan Qādisiyyah telah berlaku pada hujung tahun ke-15H. /636M. yang melibatkan kira-kira 30,000 orang tentera Islam yang terdiri daripada berbagai suku Arab,[107] termasuklah murtad seperti al-Ash'ath bin Qays al-Kindī dan Qays bin al-Makshūḥ al-Murādī dan pengikut-pengikut mereka. Penyertaan orang-orang yang pernah murtad dalam peperangan Qadisiyyah memerlukan penelitian yang khusus. Menurut sumber-sumber Arab, bilangan maksimum pengikut-pengikut setiap pemimpin orang-orang yang

---

[100]Tab., 1/2245.

[101]Usāmah b. Munqidh, *Kitab al-I'tibār*, ed. P. Hitti, Princeton, U.S.A. 1930, ms. 37-8.

[102]Tab., 1/2101, dan 2154; Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. 11, ms. 142; Ibn al-Kalbī, *Jamharah*, BA/ms. fol. 244B; Isfahānī, *Aghānī*, vol. XIV, ms. 29; Dinawari, *op. cit.*, ms. 120.

[103]Ibn Qutaybah, *Kitāb al-Mā'arif*, Qāhirah, 1960, ms. 229.

[104]Tab., 1/1876, dan 1878.

[105]*Ibid.*, 1/2029, 2052, 2057-8.

[106]*Ibid.*, 1/2236, dan 2239; Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. 11, ms. 143.

[107]Tab. 1/2218-9, 2220, 2221, 2222 dan 2330.

pernah murtad yang dibenarkan oleh Khalīfah 'Umar bin al-Khaṭṭab untuk pergi berperang hanya 100 orang sahaja.[108] Walau bagaimanapun, masih menjadi tanda tanya sama ada kaedah dan had yang ditentukan oleh Khalīfah itu dilaksanakan dengan sepenuhnya oleh Sa'd bin Abī Waqqās dalam perang Qādisiyyah atau tidak, kerana menurut Sayf, jumlah tentera/pengikut al-Ash'ath di Qādisiyyah ialah 1,700 orang dari suku Kindah.[109] Begitu juga sumber-sumber Arab menyatakan dengan jelas bahawa bilangan tentera/pengikut Qays bin al-Makshūḥ dalam perang Qādisiyyah ialah 700 orang.[110] Namun begitu, kita yakin bahawa kuasa dan pengaruh pemimpin-pemimpin orang-orang yang pernah murtad telah diletakkan di bawah kawalan; dan sesungguhnya tidak ada seorang pun daripada mereka yang dilantik ke jawatan-jawatan penting, baik dalam ketenteraan mahupun dalam pentadbiran wilayah-wilayah yang ditakluki, semasa pemerintah Khalīfah 'Umar bin al-Khaṭṭāb.[111] Dua orang lagi tokoh yang pernah murtad iaitu Rib'i bin Ḥusayn dan anaknya, Shabath bin Rib'ī al-Ḥanẓalī dari Banu Tamīm, telah menyertai tentera Islam dalam peperangan menakluki Iraq sejak perang al-Buwayb lagi, iaitu bersama-sama tentera al-Muthannā. Tetapi bilangan pengikut-pengikut mereka tidak disebut di dalam sumber-sumber Arab, dan tidak seorang pun daripada mereka yang dilantik ke jawatan-jawatan penting, sama ada di al-Buwayb ataupun di Qādisiyyah.[112]

Meskipun begitu, penyertaan orang-orang yang pernah murtad dalam perang Qādisiyyah mempunyai signifikennya iaitu orang Arab telah berjaya menewaskan tentera Sasan, dan sejak itu empayer Sasan telah mula lemah. Semua perjuang Arab Islam, sama ada orang yang pernah murtad atau tidak, telah menerima ganjaran daripada harta rampasan perang.[113] Oleh kerana penyertaan mereka

[108]*BF.*, ms. 256; Tab., 1/2350; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. 1, ms. 102.
[109]Ṭab. 1/2222.
[110]*BF.*, ms. 256; Ṭab., 1/2350.
[111]Ṭab., 1/2225, 2327, dan 2457.
[112]*Ibid.*, 1/2188–9.
[113]*Ibid.*, 1/2356; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. 1, ms. 101 bahkan penduduk-penduduk tempatan yang berbangsa Parsi yang memeluk Islam (*al-hamra'*) menerima ganjaran dari harta rampasan perang itu oleh kerana penyertaan mereka dalam perang Qādisiyyah, dan dengan itu mereka juga tergolong dalam golongan *ahl al-Qādisiyyah*.

dalam peperangan besar ini, istilah *ahl al-Qādisiyyah* (orang-orang yang menyertai perang Qadisiyyah), di gunakan dan elaun, *'ata'*, yang tetap telah diberikan kepada mereka.[114] Ini merupakan buat pertama kalinya orang-orang yang pernah murtad dan bukan murtad diberikan kedudukan yang sama atau disamatarafkan di bawah istilah yang baru *ahl al-Qādisiyyah*.

Adalah perlu diambil perhatian bahawa dalam tempoh perang Qādisiyyah terhadap sekumpulan tentera Arab yang digelar *al-qurrā'* muncul sekali lagi, tetapi pada kali ini mereka diberikan tugas khas iaitu membaca ayat-ayat al-Qur'ān. Menurut Sayf, kaum *al-qurrā'* ini ialah penghafal-penghafal al-Qur'ān. Mereka telah diperintah membaca beberapa ayat dari al-Qur'ān seperti surah al-Anfāl, untuk memberi semangat kepada tentera Islam untuk berperang. Seterusnya beliau mengatakan bahawa semua tentera Islam di Qādisiyyah menghafal surah tersebut (*wa-kānā al-muslimūn yata' lamūnahā kulluhum*).[115]

Walaupun Sayf tidak menyebutkan bilangan *al-qurrā'* di Qādisiyyah tetapi, agaknya bilangan mereka tentulah besar jika memandangkan jumlah mereka yang muncul di Ṣiffīn dua puluh tahun selepas itu.[116] Walau bagaimanapun, adalah tidak mungkin kesemua tentera Islam yang menyertai perang Qadisiyyah (30,000 orang) terdiri daripada penghafal-penghafal al-Qur'ān kerana masih ramai yang belum memahami huruf-huruf al-Qur'ān dengan baik, lebih-lebih lagi orang yang menghafaznya, terutama golongan yang baru memeluk Islam. Pada hakikatnya jumlah penghafaz-penghafaz al-Qur'ān tidaklah begitu ramai muncul di medan peperangan. Menurut Ibn Isḥāq hanya seorang penghafaz al-Qur'ān yang muncul pada tahun 13H./634M. dalam pertempuran al-Qarqas, Iraq, namanya ialah Mu'ādh dari suku Najjār di Madīnah, yang digelar sebagai *qāri'*.[117] Jadi, maksud *al-qurrā'* di sini ialah boleh jadi dari

---

[114]Ṭab., I/3165, 2183, 2217–22, 2633, 2852- 3; Shaban, *op. cit.*, ms. 45.

[115]Ṭb. 1/2295–di tempat lain Sayf menyatakan hanya seorang sahaja penghafal al-Qur'ān yang muncul dalam perang al-Buwayb pada tahun 13H./634M, namanya ialah al-Miqdād dan digelar sebagai *qari'* (Ṭab. 1/2095).

[116]Sila lihat h. 181, 187, di mana jumlah *al-qurrā'* melebihi 12,000 orang.

[117]Ṭab., 1/2182–menurut kenyataan lain yang dikemukakan oleh Muḥammad bin 'Umar dalam *Tārīkh* al-Ṭabarī bahawa tidak lebih dari dua orang penghafaz al-Qur'ān yang muncul dalam peperangan pada tahun 14H./635M. (Ṭab. 1/2749).

kata dasar *Qaf Ra Ya*, tunggalnya *qārin* (orang yang tinggal di kampung), bukan dari *Qaf Ra Hamzah*, tunggalnya *qāri'* (penghafaz al-Qur'ān), sebagaimana yang ditafsirkan oleh Sayf.

Setelah berjaya di Qādisiyyah, Sa'd dan tenteranya telah beralih ke al-Mada'in pada bulan Safar 16H./637M., dan menjadikannya sebagai markas mereka di Iraq. Di al-Madā'in mereka tinggal di beberapa buah rumah yang ditinggalkan oleh Yazdajird, Maharaja Parsi, dan keluarga serta pegawainya yang tertewas.[118] Pada ketika itu ramai di antara penduduk Mekah dan Madinah yang kembali bersama-sama keluarga mereka ke al-Ḥijāz.[119] Manakala askar-askar Sa'd yang lain telah dibawa ke Kūfah, kecuali beberapa sahaja yang tinggal di al-Madā'in. Mereka terdiri daripada kumpulan-kumpulan kecil yang kebanyakannya dari suku 'Abs (*aqwāmun min al-afnā', wa-aktharuhum banū Abs*),[120] yang kemudiannya turut berpindah ke Kūfah pada tahun yang sama (16H./637M.).

Dalam tempoh mereka berada di al-Mada'in beberapa kempen yang penting telah dilancarkan ke arah timur dan utara, dengan tujuan untuk mendirikan markas-markas tentera, *maṣāliḥ*, di kawasan-kawasan tersebut. Pertama kempen ke Jalūlā', yang dipimpin oleh Hāshim bin 'Utbah bin Abī Waqqās al-Zuhrī dan al-Qa'qa' bin 'Amr al-Tamīmī dengan jumlah tentera seramai 12,000 orang. Setelah itu dibantu oleh 600 orang dari al-Mada'in yang diketuai oleh Ḥujr bin 'Adī al-Kindī,[121] yang pernah berperang di al-Qādisiyyah.[122] Pemergian Ḥujr telah disertai oleh tiga orang pemimpin orang-orang yang pernah murtad iaitu Qays bin Makshūḥ, 'Amr bin Madikarib dan Ṭulayhah bin Khuwaylid.[123] Setelah berlaku beberapa pertempuran, tentera Sasan telah dikalahkan, dan banyak pula harta rampasan seperti tanah dan harta benda, telah diperolehi oleh orang Islam.[124] Kemudian tentera Islam kembali semula ke al-Madā'in.[125] Keduanya ekspedisi ke

---

[118] *Ibid.*, 1/2443, 2441, dan 2451.
[119] *Ibid.*, 1/2400, 2451, 2362–3; *BF.*, ms. 256.
[120] Ṭab., 1/2487.
[121] *Ibid.*, 1/3456–61; *BF.*, ms. 264.
[122] Ibn Sa'd, *Ṭabaqāt*, vol. VI, ms. 151; al-Maqdisī, Mutāhar b. Ṭāhir, *al-Bad' wa al-Tā'rikh*, Paris, 1916, vol. V, ms. 108.
[123] *BF.*, ms. 264; Ṭab., 1/2462.
[124] Ṭab., 1/2464–5; *BF.*, ms. 265.
[125] Ṭab., 1/2471; *BF.*, ms. 265.

Masabadhan yang dipimpin oleh Sa'd bin Abī Waqqās sendiri yang berlaku selepas sekembalinya mereka dari Jalūlā'. Pada masa yang sama satu kempen lain dilakukan ke Ḥulwān yang dipimpin oleh al-Qa'qa' bin 'Amr al-Tamīmī bersama-sama tentera dari golongan suku-suku yang kecil dan kaum bangsa Parsi yang baru memeluk Islam. Tidak lama Hulwan dapat ditawan dan al-Qa'qa' serta tenteranya kembali ke al-Madā'in,[126] kecuali beberapa orang dari tenteranya tinggal di Huluan untuk menjaganya. Sementara itu Sa'd bin Abī Waqqās masih di Māsābadhān berperang menentang tentera Sasan. Tidak lama kemudian, satu lagi pasukan tentera dihantar ke Māsābadhan untuk membantu Sa'd. 'Abdullāh bin Wahb al-Rāzibī, pengikut suku Bajīlah,[127] serta beberapa orang pemimpin lain seperti Ḍirār bin al-Khaṭṭāb al-Fihrī, al-Mudārib bin Fulān al-'Ijlī dan Qaddām bin al-Hudhayl al-Asadī telah dilantik untuk mengetuai tentera tersebut. Dalam pertempuran tentera Sa'd telah berjaya menewaskan orang Sasan dan setelah itu kembali ke al-Madā'in, tetapi sebelum mereka tiba satu pasukan tentera lain yang berjumlah 5,000 orang dihantar ke Takrit dari al-Madāin di bawah pimpinan 'Abdullah bin Mu'tam dan disertai pula oleh Rib'ī bin al-Afkal al-'Anzī, al-Ḥārith bin Ḥassan al-Dhuhalī, Furāt bin Ḥayyān al-'Ijlī, Hānī' bin Qays al-Shaybānī dan 'Arfajah bin Harthamah al-Azdī.[128] Kekalahan musuh di Ḥulwān, Māsābadhān dan Takrīt menyebabkan berakhirnya empayer Sasan di Iraq, dan banyak tanah yang subur dikuasai oleh orang Islam.[129]

Tugas dan tanggungjawab penting Sa'd sekarang ialah mempertahankan wilayah-wilayah yang ditaklukinya, dan mendirikan markas tentera Islam yang baru dan sesuai. Tetapi sementara ia diarahkan oleh Khalīfah 'Umar menyerang Qarqīsiyyā di sebelah utara, Sa'd menghantar pula satu lagi pasukan tentera dari al-Madā'in yang dipimpin oleh Rib'ī bin 'Āmir bin Khālid al-'Amrī dari suku Tamīm,[130] salah seorang yang menyertai tentera Islam dalam penaklukan awal di Iraq bersama-sama al-Muthannā bin

---

[126]Tab., 1/2463.
[127]*Ibid.*, 1/2478.
[128]*Ibid.*, 1/2473–7.
[129]*BF.*, ms. 265–6.
[130]Tab., 1/2479.

Ḥārithah al-Shaybānī sejak perang Jambatan.[131]

Setelah selesai kempen-kempen tersebut Sa'd mula mengalihkan pusat tenteranya dari al-Madā'in ke Kūfah. Ada beberapa sumber mengatakan bahawa sebab perpindahan dari al-Madā'in ialah keadaan wilayah itu tidak sesuai dengan orang Arab; tempatnya terlalu kotor dan mempunyai penyakit yang membinasakan kerana terdapat begitu banyak serangga di sana,[132] tetapi sebab ini tidaklah begitu menyakinkan, ia lebih disebabkan keadaan ketenteraan daripada sebab-sebab yang lain. Jika diteliti keadaan geografi kawasan tersebut nescaya didapati tiga alternatif yang boleh diambil pertimbangan. Pertama, Kūfah merupakan tempat yang lebih strategi untuk menghantar bantuan ke Syria pada bila-bila masa yang diperlukan. Kedua, Madā'in dengan mudah terputus hubungan melalui desakan dari wilayah Fārs yang berpengaruh dan masih belum ditakluki. Ketiga, di dalam sebuah kota yang luas seperti al-Madā'in tidaklah begitu mudah mengawal anggota-anggota suku Arab yang ramai sebagaimana di bandar tentera Kūfah.[133]

Kesemua pemimpin suku-suku Arab, tidak terkecuali sama ada orang yang pernah murtad atau tidak, serta pengikut-pengikutnya, mereka telah dibawa ke Kūfah. Setiap kumpulan suku mendirikan rumah dan masjid di kawasan tertentu di bawah kawalan pemimpin masing-masing; misalnya, 'Adī bin Ḥātim mengetuai anggota-anggota suku Ṭayy, Jarīr bin 'Abdillāh mengetuai anggota-anggota suku Bajilah dan al-Ash'ath bin Qays mengetuai suku Kindah.[134]

Berhubung dengan *ahl al-ayyām*, kebanyakan daripada mereka ini telah mengikut Sa'd bin Abī Waqqas ke Kūfah di bawah pimpinan ketua masing-masing.[135] Hanya sebahagian kecil sahaja yang mengutamakan tinggal di al-Madā'in, kerana rumah-rumah tempat tinggal dan harta benda mereka sudah disediakan lebih awal.[136]

---

[131]Sila lihat, ms. 20.
[132]*BF.*, ms. 275 dan 277; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. 1, ms. 109.
[133]Ṭab., 1/2360 dan 2483: *BF.* ms. 276; Yā'qūt, al-Ḥamawī, *Mu'jam al-Buldan*, Qahirah, 1906–1907, vol. VII, ms. 297; Shaban, op. cit., ms. 51.
[134]BF., ms. 275; Ya'qūbi, *Kitāb al-Buldān* (dlm. *al-'A'lāq al-Nafīsah* oleh Ibn Rusteh, Leiden, 1891, ms. 310–11); Ibn Sa'd, *Ṭabaqāt*, vol. VI, ms. 13–14.
[135]Ṭab., 1/2222, 2236, dan 2356.
[136]*BF.*, ms. 265–6; Ṭab., 1/2471.

Golongan yang tinggal di al-Madā'in ini digelar orang Sayf sebagai *aqwāmun min al-afnā'* (anggota-anggota suku kaum yang kecil-kecil), dan sebahagian daripada mereka adalah dari suku 'Abs, suku Shuraysh bin 'Awfā.[137] Sementara yang lain pula seperti al-Nu'mān dan Suwayd, kedua-duanya anak kepada Muqārrin al-Muzanī dari golongan kaum Anṣār telah dilantik untuk mengetuai pentadbiran *al-kharāj* (cukai tanah), di kawasan-kawasan sungai Dajlah dan Furāt dan mereka menetap di sana sehingga berlaku kempen di Nihavan pada 21H./642M. di mana mereka telah berperang dan terbunuh.[138] Tugas dan tanggungjawab ini kemudiannya telah diambilalih oleh anggota-anggota *ahl al-ayyām* yang lain, iaitu Ḥudhayfah bin al-Yaman al-'Absī, pengikut Banū 'Abd al-Ashal,[139] dan 'Uthmān bin Ḥunayf al-Anṣārī.[140] Kedua-duanya telah berperang di Qādisiyyah.[141] Mereka yang berada di wilayah-wilayah baru, Ḥulwān, Jalūlā', Māsābadhān, Qārqisiyya dan Takrīt telah diberikan kuasa menjaga wilayah-wilayah tersebut, tetapi mereka berada di sana hanya dalam tempoh sementara sahaja. Setelah selesai tugas-tugas mereka, mereka akan kembali semula ke Kūfah. Mereka juga kadangkala dirujuk oleh Sayf sebagai anggota-anggota suku yang kecil-kecil (*afnā' al-nās*).[142] Di antara mereka, ada yang mendapat perlantikan dari al-Madā'in dan ada yang mendapat perlantikan dari Kūfah apabila markas tentera Islam dipindahkan ke Kūfah. Nama-nama pemimpin yang bertugas di wilayah-wilayah yang baru ini adalah seperti berikut: Ḥujr bin 'Adī al-Kindī di Jalūlā', Qabbās bin 'Abdillāh dari golongan al-ḥamrā' di Ḥulwān, Muslim bin 'Abdillāh (*al-hamrā*) di Takrīt, Rafī' bin 'Abdillah (*al-hamarā'*) dan 'Abdullah bin Wahb al-Rāsibī di Māsābadhān, 'Ashnaqa bin 'Abdillāh (*al-hamrā'*) dan Rib'ī bin 'Āmir al-'Amrī (Tamīm) di Qarqīsiyyā.[143]

Adalah perlu diingat bahawa kesemua wilayah yang baru ini

---

[137] *Ibid.*, 1/2487.
[138] *Ibid.*, 1/2455–6; Ibn Hazm, *Jamharah*, ms. 202; al-Maqdisī, *al-Bad'*, vol. V, ms. 103.
[139] Ṭab., 1/2637; *BF.*, ms. 269; Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. 11, ms. 152; Ibn Qutaybah, *Ma'ārif*, ms. 263.
[140] Ṭab., 1/2637; *BF.*, ms. 269; Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. 11, ms. 152.
[141] Ṭab., 1/2223, 2238, dan 2376; Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. 11, ms. 141.
[142] Ṭab., 1/2473.
[143] *Ibid.*, 1/2462, 2463, 2465, 2474, 2478, 2485, dan 2497; *BF.* ms. 264.

(Ḥulwān, al-Madā'in, Jalūlā', Māsābadhān, Takrīt dan Qarqīsiyyā) terletak di Sawād, Iraq, dan dianggap oleh sumber-sumber Arab sebagai kawasan-kawasan kampung seperti Kūfah. Misalnya, Jalula' disebut dalam *Tārīkh* al-Ya'qūbī sebagai salah sebuah kampung di kawasan Sawād (*qaryatun min qura al-sawad*).[144] Dari sini dapatlah ditarik kesimpulan bahawa kesemua yang terlibat dalam penguasaan terhadap kampung-kampung tersebut seharusnya dipanggil *al-qurrā'* (penghuni-penghuni/penguasa-penguasa kampung).

Kūfah kini sudah menjadi markas tentera yang penting dan menjadi pusat bagi semua wilayah yang ditakluk di kawasan Sawād, Iraq. Di Kūfah tentera Islam telah ditempatkan dan disusun mengikut sistem kesukuan, iaitu secara berkelompok-kelompok. Mengenai *ahl al-ayyām* kebanyakan daripada mereka berada di Kūfah, kecuali beberapa orang sahaja yang tinggal di luar Kūfah kerana menunaikan tugas pentadbiran di wilayah-wilayah lain yang berada di Iraq. Meskipun begitu, mereka semua mempunyai kedudukan yang sama dan menerima ganjaran dari harta rampasan perang.

Di bawah ini kita akan tumpukan perhatian kepada keadaan di Iraq berikutan daripada kemenangan orang Islam dalam peperangan Qādisiyyah, dan kedudukan *ahl al-ayyām* berhubung dengan kawasan-kawasan yang ditakluki, dan bagaimana mereka memperolehi beberapa keistimewaan daripadanya.

Apabila Iraq di tawan–selepas mencapai berbagai kemenangan di Qādisiyyah; Madā'in, dan Jalūlā'–oleh tentera Islam, sebahagian besar daripada tanah-tanahnya telah dikuasai oleh orang-orang Islam. Kawasan ini dikenali dengan nama *al-Sawād*, iaitu memanjang dari Teluk Parsi ke Mawṣil di sebelah utara dan dari sempadan Syria-Iraq ke Ḥulwān di pihak timur. Berhubung dengan kawasan-kawasan yang ditakluk di Iraq, sumber-sumber Arab tidak menyebutkan dengan terperinci tentang cara-cara kawasan-kawasan itu ditadbir. Ahli-ahli sejarah moden seperti H.A.R. Gibb telah menyarankan bahawa oleh kerana pemimpin-pemimpin Arab pada ketika itu tidak begitu biasa dan mahir dengan struktur ekonomi pertanian maka Khalifah 'Umar bin al-Khaṭṭāb telah memutuskan

[144] Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. 11, ms. 151.

untuk menyerahkan pentadbiran tanah-tanah itu kepada pegawai-pegawai tempatan yang kebanyakannya dari keturunan Parsi.[145] Saranan H.A.R. Gibb ini tidaklah begitu jelas, pertamanya, kerana beliau tidak membezakan antara tanah yang terbengkalai yang tidak bertuan dengan tanah-tanah lain yang terdapat di Iraq, keduanya, kerana beliau mengandaikan pegawai-pegawai keturunan Parsi dan bukannya kaum tani, yang masih mentadbir tanah-tanah tersebut. Kesilapan yang serupa telah dilakukan oleh D.C. Jr. Dennet.[146] Menurut M.A. Shaban dalam bukunya *"Islamic History"*[147], apabila Iraq ditawan "Maharaja Sasan dan ramai di antara pengawainya telah melarikan diri ke wilayah-wilayah timur dengan harapan agar mereka akan dapat mengembalikan kedudukan mereka kelak, tetapi sebilangan besar daripada rakyat atau orang-orang awam dan pemimpin-pemimpin tempatan masih kekal di situ. Rakyat keturunan Parsi yang memeluk Islam tidak menimbulkan sebarang masalah, tetapi sebilangan besar daripada tentera Sasan yang tidak memeluk Islam, telah menyertai barisan tentera Arab. Mereka sangatlah dialu-alukan dan diberi elaun yang paling tinggi. Hanya sebilangan kecil daripada pemimpin-pemimpin tempatan (*dihqans*), telah turut memeluk Islam dan dibenarkan menjaga harta benda mereka. Oleh kerana jumlah tentera Islam boleh dikatakan tidak begitu besar, maka dari aspek ekonomi, penduduk tempatan mestilah diberi kebebasan untuk mengusahakan projek pertanian bagi tanah-tanah tersebut."

Dari sini jelas bahawa perkara penting mengenai wilayah-wilayah yang ditakluki di Iraq bukanlah berkenaan dengan soal pentadbiran tanah malah yang lebih penting ialah mengenai perusahaan tanamannya. Demi untuk meneruskan perusahaan tanaman ini orang Islam telah memutuskan untuk membiarkan kaum tani yang sedia ada itu untuk meneruskan kerja-kerja mereka, dengan syarat mereka membayar cukai tanah itu kepada orang Islam. Hasil daripada kutipan cukai tersebut dibahagikan kepada orang-orang

---

[145]H.A.R. Gibb, "Interpretation of Islamic History", dlm. *Journal of World History*, vol. 1, pt. 1, 1953, ms. 42.

[146]D.C. Jr. Dennet, *Conversion and the Poll-tax in Early Islam*, Cambridge, 1950, ms. 13–15.

[147]M.A. Shaban, *Islamic History*, ms. 46–7.

dari suku yang terlibat dalam pembukaan.[148] Satu perlima bahagian yang sepatutnya dihantar ke Madīnah tidak dihantar, dan sebarang jumlah yang lebih daripada yang diperlukan (*fadl*), telah diagih-agihkan di kalangan golongan penakluk.[149] Bahagian yang terpenting daripada tanah-tanah yang ditakluk itu ialah tanah yang terbengkalai yang sudah tidak bertuan, iaitu hak kepunyaan orang-orang yang terbunuh dalam peperangan, orang-orang yang melarikan diri, semua tanah yang dimiliki oleh Khusrau, Maharaja Sasan, dan keluarga serta kaum kerabatnya dan kawasan rumah berhala dan kuil.[150] Hasil pendapatan tanah-tanah ini pada masa pemerintahan Khalīfah 'Umar ialah berjumlah 7,000,000 dirham.[151]

Terdapat perbezaan pendapat di kalangan orang Islam yang menakluki Iraq mengenai tanah yang terbengkalai itu. Ada yang mencadangkan supaya tanah itu dibahagi-bahagikan, sebagai harta rampasan perang, sementara ada pula yang tidak bersetuju dengan cadangan tersebut. *Ahli al-ayyām*, sudah tentu tidak bersetuju kerana mereka sedar bahawa jika tanah-tanah itu dibahagi-bahagikan nescaya sebahagian besar daripadanya akan diperolehi oleh orang-orang yang pernah murtad, yang bilangannya semakin bertambah ramai. Sebahagian daripada kaum Muhajirin dan Ansar yang menyertai perang Iraq telah kembali ke Madīnah.[152] Pada mulanya Khalīfah 'Umar dikatakan telah bersetuju dengan cadangan yang pertama iaitu membahagi-bahagikan tanah tersebut kepada anggota-anggota tentera Islam di Iraq dan seterusnya membenarkan mereka tinggal di situ selama yang mereka mahu asalkan satu perlima daripada hasilnya dihantar ke Madīnah. Walau bagaimanapun, pembahagian tanah itu tidak berlaku oleh beberapa sebab. Pertama, tanah yang terbengkalai itu tidak setempat di sekitar Iraq. Jika ia dibahagi-bahagikan maka sudah tentu tentera Islam secara praktiknya akan berpecah kepada beberapa bahagian pula,

---

[148]Ṭab. I/2467–68; *BF*. ms. 269–71; Abū Yūsuf, Ya'qūb bin Ibrāhīm, *Kitāb al-Kharāj*, Qāhirah, 1302 A.H, ms. 38.

[149]Ṭab. I/2418; *BF*, ms. 384 dan 543, di mana ada diberikan contoh pengagihan *fadl*; M. Hinds, "Kufan Political Alignments and their background in the mid-seventh century A.D. (dlm. *International Journal of Middle East Studies*, vol. 11, 1971, ms. 350).

[150]Yaḥyā bin Adam al-Qurashī, *Kitab al-Kharāj*, Qāhirah, 1929, ms. 60–1.

[151]Abū Yusuf, *op. cit.*, ms. 63 *BF*. ms. 273.

[152]Ṭab., I/2180, 2362–3, 2400, 2451, 2456, dan 2596; *BF* ms. 256.

akibatnya sistem ketenteraan akan musnah.[153] Keduanya, kemungkinan kekacauan antara mereka yang bersaing untuk mendapatkan kawasan akan berlaku jika tanah-tanah itu diagih-agihkan.[154] Selain sebab-sebab yang disebutkan itu, sahabat Nabi yang terkemuka, 'Alī bin Abī Ṭālib dikatakan telah menasihatkan Khalīfah 'Umar supaya tidak membahagikan tanah itu dengan katanya "biarlah tanah-tanah itu (tanah-tanah yang terbengkalai di Iraq) menjadi sumber pendapatan yang berkekalan bagi orang Islam."[155]

Apabila diputuskan bahawa tanah-tanah itu tidak dibahagikan maka ia terus dijadikan hak milik bersama, dan pemilik-pemilik secara kolektif ini digelar *ahl al-fay'*, iaitu orang-orang yang terlibat secara langsung dalam penaklukan Negeri Iraq, sama ada orang-orang yang pernah murtad atau tidak murtad.[156] Sayf telah menegaskan bahawa yang dimaksudkan dengan *ahl al-fay'* di sini ialah mereka yang menyertai perang al-Madā'in (*ahl al-Madā'in*) serta penyokong-penyokong mereka. Sebahagian daripada mereka tinggal di bandar-bandar dan sebahagian yang lain pula tinggal di kampung-kampung (*fabihim sukinat al-Madā'in wa al-qurā*); dan ada di antara mereka tinggal di kawasan-kawasan perbatasan untuk mempertahankan kawasan-kawasan tersebut (*wa bihim suddat al-furuj wa duwwikh al-'aduww*).[157]

Dua kesimpulan dapat diambil dari kenyataan di atas. Pertama, pemindahan hak milik tanah yang terbengkalai itu kepada hak milik orang ramai atau berkongsi mestilah berlaku selepas perang al-Madā'in (16H./637M.). Keduanya, adalah nyata bahawa *ahlal-fay'* itu terdiri daripada berbagai golongan manusia, yang dapat dibahagikan kepada tiga golongan besar iaitu orang-orang yang pernah murtad, orang-orang Mekah dan Madīnah, dan golongan penakluk Iraq yang terawal atau *ahl al-ayyām*.[158]

M. Hinds telah cuba mengkaji dan meneliti tentang tanah-tanah yang ditakluki oleh orang Islam di Iraq dan mereka yang terlibat

---

[153]Ṭab., 1/2371-2, 2468, 2469, dan 2471; *BF.* ms. 268; Shaban, *op. cit.* ms. 49 dan 50.
[154]Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. 11, ms. 522.
[155]Yaḥyā Adam, *op. cit.*, ms. 40; *BF.*, ms. 266; Abū Yūsuf, *op. cit.*, ms. 39.
[156]Ṭab. 1/2371, 2372, 2375, 2468; *BF.* ms. 266.
[157]Ṭab. 1/2414.
[158]Pembahagian ini telah dibuat oleh M.A. Shaban, *Islamic History*, ms. 50.

dalam penaklukan tersebut, serta membuat beberapa kesimpulan. Malangnya, banyak di antara kesimpulan itu tidak sesuai. Umpamanya, beliau telah membahagikan tanah-tanah yang ditakluk itu kepada dua; tanah *dhimmah* dan tanah *ṣawāfi*. Mengenai tanah *dhimmah* beliau menegaskan bahawa "ia merupakan hak atau harta orang Kūfah yang tidak boleh dipindahkan, dan segala hasil pendapatannya mestilah digunakan untuk membayar elaun-elaun mereka, iaitu bayaran yang ditentukan untuk menjaga (*ahl*) *dhimmah,* orang bukan Islam yang hidup di bawah naungan pemerintahan Islam;. dan sebarang jumlah yang lebih daripada yang diperlukan telah dibahagi-bahagikan antara mereka yang layak menerima elaun." Mengenai kes tanah yang terbengkalai atau tanah yang dinamakan oleh beliau, tanah *sawafi,* beliau mengatakan bahawa "hak-hak keagamaan Islam di wilayah telah menular lebih jauh terhadap tanah tersebut ... dan ia pada umumnya dipanggil *ṣafiyah,* jamak *ṣawāfi* ... yang pada keseluruhannya adalah bagi kegunaan dan faedah golongan penakluk asal, atau golongan peneroka Iraq. Mereka bukan sahaja layak menerima elaun yang tinggi dari hasil tanah *dhimmah* dan hasil-hasil yang lebih daripada yang diperlukan, tetapi juga menikmati lima perempat bahagian dari hasil tanah *sawāfi."* Penghuraian M. Hinds mengenai tanah-tanah yang ditakluki di Iraq, khususnya tentang pengagihan hasil mahsul mereka, pada dasarnya adalah berlandaskan konsep *"al-sābiqah fi al-Islaām"*[159] yang diterjemahkan oleh M. Hinds sebagai *"Islamic priority."* Dengan cara ini segolongan daripada tentera Islam telah memperolehi keistimewaan-keistimewaan mereka di Iraq. Ini jelas apabila beliau mengatakan "walaupun dalam kes *'irafas* (unit-unit sosial yang dibentuk oleh Khalifah 'Umar di Iraq) mengandungi anggota-anggota suku yang tertentu, tetapi bagi, tiap-tiap *'irafah* (unit), mengandungi golongan yang sama dari segi *Islamic priority.*[160]

Walaupun benar bahawa Khalīfah 'Umar bin al-Khaṭṭāb, menurut laporan Sayf dalam *Tārīkh* al-Ṭabarī, ada menyatakan bahawa "sistem elaun mestilah dibuat berdasarkan *al-sābiqah fi al-*

[159]*Al-sābiqah fi al-Islām,* ertinya keutamaan yang diberikan kepada orang yang banyak berkhidmat kepada Islam, atau orang yang lebih lama memeluk Islam.
[160]M. Hinds, "Kufan Political Alignments", ms. 349–50.

*Islām,*"[161] dasar ini tidak dapat dilaksanakan di Iraq, khususnya mengenai tanah terbengkalai, atau tanah yang dipanggil *ṣawāfī*, oleh sebab-sebab yang akan dinyatakan di bawah ini.

Dalam membicarakan hal ehwal tentera-tentera Islam di Iraq, M. Hinds tidak dapat membezakan antara *ahl al-ayyām* dengan peneroka-peneroka yang lain seperti kaum Muhājirīn dan Anṣār dan sebahagian daripada orang-orang yang pernah murtad. Meskipun mereka merupakan tentera Islam yang tiba awal di Iraq, atau tentera yang digelar oleh M. Hinds sebagai "early comers," tetapi tidak bererti bahawa mereka ini mempunyai taraf dan kedudukan yang sama di wilayah-wilayah Islam di Iraq. Sebab-sebabnya, menurut pandangan M.A. Shaban yang berdasarkan *Tārīkh* al-Ṭabarī, adalah seperti di bawah ini.

Bagi tujuan pentadbiran dan pengagihan hasil-hasil pendapatan dari tanah-tanah yang terbengkalai (*sawāfī, abandoned land*) satu majlis amanah telah ditubuhkan, dan pemegang-pemegang amanah telah dilantik dari kalangan *ahl al-fay'*, iaitu orang-orang yang terlibat secara langsung dalam pembukaan Negeri Iraq. Orang-orang ini telah dibahagikan kepada tiga golongan. Golongan pertama, iaitu orang-orang yang pernah murtad, telah dikecualikan daripada jawatan pemegang amanah, oleh kerana Khalīfah 'Umar sejak awal-awal lagi tidak membenarkan orang-orang ini memegang sebarang jawatan penting, sama ada dalam ketenteraan atau pentadbiran wilayah di Iraq. Golongan kedua, terdiri daripada kaum Muhājirīn dan Anṣār (penduduk-penduduk Mekah dan Madīnah); bilangan mereka yang tinggal di Iraq tidak ramai kerana kebanyakan mereka telah pulang ke tempat masing-masing setelah selesainya pembukaan Iraq. Dengan terkeluarnya dua golongan di atas maka secara langsung jawatan pemegang amanah tanah terbengkalai di Iraq terjatuh kepada golongan ketiga, iaitu *ahl al-ayyām*, dan pemegang-pemegang amanah ini digelar *umanā'* atau *umarā*.[162] Mereka ini telah menjadikan tanah-tanah yang terbengkalai itu sebagai hak milik mereka yang tidak boleh dipindahkan kepada sesiapa (*mawqūf*,) dan mereka menguasai sepenuhnya tanah-tanah tersebut. Kekuasaan yang baru mereka perolehi itu amatlah penting

---

[161]Ṭab. 1/2412.
[162]Ṭab. 1/2469; Shaban, *op. cit.*, ms. 50

bagi menentukan masa depan mereka. M.A. Shaban telah membayangkan perasaan mereka dengan mengatakan, "untuk menggelar diri mereka sebagai *ahl al-Qādisiyyah* (peserta-peserta perang di al-Qādisiyyah) bererti akan menyamakan taraf mereka dengan orang-orang yang pernah murtad, yang juga digelar *ahl al-Qādisiyyah* kerana penyertaan mereka dalam perang tersebut. Tidak syak lagi keadaan ini akan mengancam taraf dan penghormatan yang baru mereka perolehi. Dengan tekad untuk menjaga keistimewaan mereka dan oleh kerana tanggungjawab sebagai pemegang-pemegang amanah, mereka akhirnya memperolehi istilah baru iaitu *al-qurrā'*. Boleh jadi juga istilah ini dibuat oleh golongan *al-qurrā'* sendiri untuk memperkukuhkan lagi penghormatan mereka yang sudah pudar."[163] Gelaran *al-qurrā'* memberi faedah kepada mereka bukan sahaja membezakan mereka daripada orang-orang yang pernah murtad, tetapi juga memperkenalkan mereka dengan bidang kegiatan mereka di desa-desa Iraq, tempat terdapatnya tanah-tanah yang terbengkalai itu. Dengan kata-kata lain, sama ada mereka ini penghuni-penghuni desa atau tidak, bidang kuasa mereka sampai ke desa-desa tersebut.

Bagi menjayakan projek perumahan dan pentadbiran sosial, tentera Islam di Kūfah telah disusun mengikut sistem kesukuan, iaitu secara berkelompok-kelompok. Pada mulanya mereka disusun mengikut sistem *a'shar* (sepuluh kelompok), tetapi setelah itu berubah kepada sistem *asba'* (tujuh kelompok), dan *'arafah*, (unit). Perubahan ini dibuat oleh kerana, menurut Sayf, sistem *a'shar* sudah tidak sesuai atau tidak boleh digunakan lagi bagi tujuan tersebut.[164] Ramai di antara anggota-anggota *a'shar* yang asalnya terdiri dari, *ahl al-ayyām*, sudah tidak berada di Kufah kerana mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka di beberapa kawasan di Iraq, sementara yang lain pula sibuk dengan peperangan di kawasan-kawasan perbatasan. Di samping itu perlu juga diambil perhatian bahawa sistem *a'shar* dibentuk adalah bagi tujuan-tujuan ketenteraan,[165] tetapi kini kempen ketenteraan sudah berkurangan dan justeru itu sistem *a'shar*, yang mengandungi kumpulan-

---

[163]Shaban, *op. cit.*, ms. 50–1.
[164]Ṭab. 1/2495.
[165]*Ibid.*, 1/2224–5.

kumpulan suku yang bercampuran yang dipilih secara sebarangan, tidak lagi sesuai untuk digunakan. Oleh sebab itu sistem baru, *asba'* (tujuh kelompok) telah diwujudkan mengikut kaedah genealogi dan sistem ini terus diamalkan hingga terbentuknya sistem *asba'* (empat kelompok), pada zaman Ziyad bin Abi Sufyan. Sistem tujuh kelompok disusun seperti berikut: (1) Kinanah dan sekutu-sekutunya dari kaum Ahabish dan lain-lain, (2) Jadīlah Banū 'Amr bin Qays 'Aylān, (3) Kudā', Bajīlah, Khatham, Kindah, Ḥadramaut dan Asad, (4) Madhhij, Ḥimyar, Hamdān, dan sekutu-sekutu mereka, (5) Tamīm dan Ḥawāzin, (6) Asad, Ghaṭafān, Muḥārib, Namīr, Dubayā' dan Taghlib, (7) 'Iyād, 'Abd al-Qays, ahl Ḥajr dan *al-hamrā'*.[166]

Bagi pelaksanaan pentadbiran kewangan, semua elaun atau gaji telah dibuat oleh pemegang-pemegang amanah (*ahl al-ayyām*), kelompok tujuh dan pemimpin-pemimpin kumpulan (*asḥāb al-rāyah*), yang kemudiannya dipindahkan kepada ketua-ketua unit (*'urafā'*), naqib-naqib dan pemegang-pemegang amanah (*umanā'*) untuk menjalankan pembayaran elaun kepada yang layak menerima.[167] Setiap *'arafah* (unit), mengagihkan 100,000 dirham kepada anggota-anggotanya seperti berikut: unit *ahl al-ayyām* menerima 100,000 dirham bagi 20 orang lelaki (setiap orang menerima 3,000 dirham), 20 orang perempuan (300 dirham seorang) dan lebih kurang 340 kanak-kanak (100 dirham seorang). Unit *ahl al-Qādisiyyah* menerima 100,000 dirham bagi 43 orang lelaki (2,000 dirham seorang), 43 orang perempuan (200 dirham seorang) dan 500 kanak-kanak (100 dirham seorang). Unit *ahl al-rawādif* (pendatang-pendatang baru) menerima 100,000 dirham bagi 60 orang lelaki (1500 dirham seorang), 60 orang perempuan (100 dirham seorang) dan 40 kanak-kanak (100 dirham seorang).[168]

Pembahagian di atas menunjukkan dengan jelas bahawa *ahl al-ayyām* telah menerima elaun yang lebih besar daripada mana-mana kumpulan yang lain. Apabila tertubuhnya *dīwān,* senarai nama-nama perwira Arab yang layak menerima elaun, pada tahun

[166]*Ibid.*, 1/2495
[167]*Ibid.*, 1/2495–6.
[168]*Ibid.*, 1/2495.

20H./641M,[169] kadar elaun *ahl al-ayyām* masih di antara kadar yang tertinggi dan lebih tinggi daripada elaun *ahl al-Qādisiyyah* dan *ahl al-rawadif* (pendatang-pendatang baru), sebagaimana yang ternyata dalam pembahagian di bawah ini:

1. Muhājirīn dan Anṣār, menerima antara 3,000–5,000 dirham setahun.
2. *Ahl al-ayyām*, menerima 3,000 dirham setahun.
3. Orang-orang yang menyertai perang Yarmūk dan Qādisiyyah, orang-orang yang pernah murtad dan bukan murtad, menerima 2,000 dirham setahun.
4. *Rawādif* (pendatang-pendatang baru) ke Iraq selepas perang Yarmūk dan Qādisiyyah menerima antara 1,500–2,000 dirham setahun mengikut tarikh mereka sampai.[170]

*Ahl al-ayyām* atau pendatang-pendatang awal ke Iraq, bukan sahaja menerima bahagian yang besar dari pendatang tanah yang terbengkalai dan hasilnya yang lebih daripada yang diperlukan, tetapi juga menikmati kekuasaan penuh terhadap tanah-tanah yang ditakluki di Iraq. Selain dari itu, sesungguhnya amatlah sukar untuk mengatakan bahawa *dīwān* yang ditubuhkan pada tahun 20H./641M. ini dilaksanakan terus, kerana jelas dari kenyataan-kenyataan Ibn Sa'd, al-Ṭabarī dan al-Balādhurī bahawa semasa kematian Khalīfah 'Umar pada 23H./644M. *dīwān* tersebut masih belum lengkap.[171] Menurut M. Hinds, hanya pada akhir-akhir pemerintahan Khalīfah 'Umar penyusunan pentadbiran di Iraq bermula; dan pada ketika itu pendatang-pendatang lama ke Iraq sudah pun menikmati dan bergerak bebas di sekitar negeri itu setidak-tidaknya lima tahun atau lebih,[172] iaitu bermula daripada penubuhan majlis amanah bagi tanah yang terbengkalai selepas

---

[169] Hanya Sayf sahaja yang mengatakan *dīwān* itu ditubuhkan pada tahun 15/636, sementara para sejarawan Islam yang lain seperti al-Balādhurī *BF.* ms. 450, Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. 11, ms. 153, menentukan pada tahun 20/641.

[170] Ṭab. 1/2412–3; *BF.* ms. 449; Ibn Sa'd, *Ṭabaqāt*, vol. 111, pt. i, ms. 213–5; Ya'qūbī, Tārīkh, vol. 11, ms. 153; al-Māwardī, *al-Aḥkām al Sulṭāniyyah*, Qāhirah, 1973, ms. 199–201.

[171] Ibn Sa'd, Ṭabaqāt, Vol. 111, pt. i, ms. 144; Tab. 1/2752; *BF.* ms. 452.

[172] M. Hinds, *"Kufan Political Alignment,"* ms. 350.

perang al-Madā'in (16H./637M.)[173] hingga kepada kematian Khalīfah 'Umar (23H./644M.). Pada hakikatnya tidak semua golongan penakluk asal dapat menikmati kekuasaan ke atas tanah-tanah di Iraq, terutamanya tanah yang terbengkalai, sebagaimana yang dikatakan oleh M. Hinds,[174] tetapi hanya golongan *ahl al-ayyām* (pemegang-pemegang amanah), yang telah diberi kepercayaan oleh Khalifah 'Umar, yang dapat menikmatinya. Ada di antara *ahl al-ayyām* yang telah berkongsi tugas menerima cukai yang dikutip oleh pegawai-pegawai dan ketua-ketua tempatan, *dahāqīn*, dan menukar mata wang kepada perbendaharaan negara.[175] Mereka boleh juga menjadi penyelia kerja-kerja menentukan dan memungut cukai kepala (*jizyah*).[176] Setengah-setengah nama mereka dan nama-nama kampung tempat mereka bertugas telah disebutkan lebih awal.

Demi untuk mengurangkan tekanan penghijrahan yang tidak berhenti-henti ke Iraq, sebuah bandar tentera di Baṣrah telah didirikan. Untuk mengetahui keadaan yang sebenar di Baṣrah, kita perlu menoleh kepada sejarah permulaan penaklukan di kawasan sekitarnya. Para sejarawan Islam telah bersetuju bahawa dalam tempoh pemerintahan Khalīfah Abū Bakar (12H./633M.) terdapat beberapa kumpulan tentera Islam kebanyakannya dari suku-suku Bakar B. Wā'il menyerang al-Ubullah. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan pendapat mengenai nama pemimpin mereka. Menurut Abu Mikhnaf, pemimpin mereka ialah Suwayd bin Qutbah al-Dhuhali,[177] sementara al-Madā'inī mengatakan pemimpin mereka ialah Qutbah bin. Qatādah al-Sadūsī.[178] Kenyataan al-Madā'inī mengenai hal ehwal Basrah dan wilayah-wilayah timur lebih boleh dipercayai dari kenyataan Abū Mikhnaf, minat Abu Mikhnaf yang utama ialah mengenai hal ehwal Kūfah. Oleh yang demikian, seseorang itu secara praktis lebih cenderung menerima kenyataan al-Madā'inī mengenai sejarah Basrah.

Menurut sumber-sumber kita, Qutbah bin Qatādah al-Sadūsī dan tenteranya telah berperang secara berasingan dari al-Muthannā bin

---

[173]Sila lihat, ms. 42.
[174]M. Hinds, *op cit.*, ms. 350.
[175]Shaban, *op. cit.*, ms. 53.
[176]*Ibid.*, ms. 53.
[177]*BF.*, ms. 241, dan 340.
[178]Tab. 1/2381, lihat juga 1/2016, di sini nama Qutbah bin Qatādah yang disebutkan.

Ḥārithah al-Shaybānī, yang pada ketika itu sedang menyerang kawasan yang sama bersama-sama tenteranya. Apabila tentera Islam yang dipimpin oleh Khālid bin al-Walid tiba di situ, Qutbah dan tentera telah melarikan diri ke al-Khuraybah, bekas markas tentera Sasan, sementara al-Muthannā dan tenteranya pergi menyertai Khalid dan seterusnya berjaya mengalahkan tentera Sasan di al-Ubullah.[179] Serangan awal yang dilakukan oleh Qutbah ini telah juga disebut oleh Ṣāliḥ al-'Alī, dan menurut beliau bahawa bilangan tentera Qutbah adalah kecil dan mereka tidak mencapai kejayaan yang besar dalam serangan tersebut. Mereka berperang mengikut inisiatif mereka sendiri tanpa menerima sebarang arahan daripada Khalīfah Abū Bakar di Madīnah.[180] Apabila 'Umar menjadi Khalīfah beliau telah menghantar Shuraysh bin 'Āmir al-Sa'dī bersama tentera yang kecil untuk menyerang kawasan tersebut tetapi beliau juga tidak berjaya dan akhirnya beliau terbunuh dalam salah satu pertempuran dengan tentera Sasan di situ.[181] Mengikut kenyataan-kenyataan al-Madā'ini dan al-Sha'bi, tidak lama kemudian, iaitu pada tahun 14H./635M., sepasukan tentera Islam yang lain telah disusun untuk menyerang kawasan-kawasan Baṣrah.[182] Penyusunan tentera Islam yang baru ini dibuat oleh 'Utbah bin Ghazawān al-Muzanī al-Anṣārī, dan beliau berlepas dari Madīnah bersama-sama tenteranya yang berjumlah 300 orang, dan kemudian disertai oleh 200 orang Badwi di pertengahan jalan.[183] Sebaik-baik sahaja tiba di al-Khurybah, Qutbah memilih tempat itu untuk dijadikan markas perkhemahan tentera dan di situ tenteranya boleh berihat pada musim sejuk apabila mereka tidak berkempen.[184] Al'Alī telah menyatakan bahawa hanya beberapa orang wanita sahaja yang dibawa oleh 'Utbah untuk sama-sama berkempen. Ini menunjukkan bahawa orang Islam pada ketika itu tidak berniat

---

[179]Al-'Alī, *op. cit.*, ms. 23–4.
[180]Ṭab. I/2382; *BF.* ms. 242; al-'Alī, *op. cit.*, ms. 24–5.
[181]Sayf memberikan tarikh serangan 'Utbah pada tahun 16/637 (Ṭab. I/2377). Kronologi yang diberikan oleh Sayf itu, bagaimanapun, tidak disokong oleh al-Ṭabarī (Ṭab. I/2377). Kebanyakan wibawa-wibawa kita seperti al-Madā'inī, al-Sha'bī dan al-Ṭabarī menentukan tarikh kempen 'Utbah pada tahun 14/635 (Ṭab. I/2377).
[182]Ṭab. I/2377, 2384, dan 2385.
[183]*BF.* ms. 346.
[184]*BF.* ms. 346.

untuk menetap di Baṣrah.[185] Seperkara lain yang patut disebutkan di sini ialah bahawa tentera Islam yang dipimpin 'Utbah tidak mencapai kejayaan yang dapat dibanggakan dalam penentangan terhadap orang Sasan di kawasan Baṣrah.[186] Jadi jelaslah bahawa penubuhan Basrah pada masa itu hanya merupakan penubuhan sementara dan kepentingannya sebagai markas tentera tidak seperti Kūfah. Dalam menilai kepentingan Kūfah M. Hinds mengatakan "perbezaan antara Kufah dan Baṣrah pada tahap ini ialah bahawa Kūfah diasaskan mengikut keperluan, sementara Basrah diasaskan kerana untuk kemudahan."[187]

Pada akhir-akhir tahun ke-17H./638M. anggota-anggota suku Arab dari kawasan timur Semenanjung Arab telah datang mencurah-curah ke Basrah. Penghijrahan ini berlaku berikutan daripada kekalahan tentera Islam dalam ekspedisi di Fārs. Ekspedisi ini dihantar oleh al-'Alā' bin al-Ḥadramī dari Baḥrain. Menurut al-Balādhurī, ekspedisi ini telah diketuai oleh 'Arfajah bin Harthamah al-Bariqī dari suku Azd,[188] sementara Sayf pula mengatakan ia dipimpin oleh dua pemimpin Arab iaitu al-Jārūd bin 'Amr bin Hanash bin Mu'allā dan al-Sawwar bin Hammam dari suku 'Abd al-Qays.[189] Serangan mereka ke atas Fars dari arah laut tanpa menerima arahan daripada Khalīfah 'Umar, menunjukkan kecenderungan mereka untuk bertindak secara bebas daripada kawalan kerajaan Madinah. Selepas sampai di Fārs mereka telah ditentang oleh tentera Sasan dengan hebatnya dan akhirnya tertewas dalam pertempuran di Tawus. Kedua dari pemimpin mereka, Khulayd dan al-Jārūd terbunuh sementara yang lain melarikan diri ke Basrah, tempat yang paling dekat dengan Fārs dan terselamat.[190]

Kitab al-'Alī yang berjudul *al-Tanẓīmāt al-Ijtimā'iyyah wa al-Iqtiṣādiyyah fī al-Baṣrah*, merupakan salah satu sumber moden yang terbaik bagi sejarah awal Baṣrah. Pengarangnya telah membincangkan secara detail mengenai sistem sosial dan ekonomi di Baṣrah sejak pemerintahan Khalīfah 'Umar lagi. Beliau juga

[185] Al-'Alī, *op. cit.*, ms. 27.
[186] Ṭab. 1/2378; al-'Alī, *op cit.*, ms. 27.
[187] Hinds, *Thesis*, ms. 82.
[188] *BF.* ms. 386.
[189] Ṭab. 1/2546.
[190] *Ibid.*, 1/2547-8; *BF.* ms. 386.

menceritakan tentang ekspedisi-ekspedisi Arab ke kawasan Baṣrah dengan terperinci. Dari ekspedisi-ekspedisi ini beliau menyimpulkan bahawa penubuhan kota Basrah berlaku pada masa 'Utbah bin Ghazwān, pada tahun 14H./635M.[191] Meskipun al-'Alī mengetahui bilangan tentera 'Utbah itu kecil dan mereka tidak bermaksud untuk tinggal di Baṣrah secara berkekalan,[192] namun beliau tidak memahami bahawa kedatangan anggota suku Arab dari Baḥrain ke wilayah tersebut merupakan titik tolak kepada sejarah Baṣrah. Setelah berada di sana buat sementara mereka memutuskan untuk tinggal buat selama-lamanya di Baṣrah. Keputusan ini dibuat bertujuan untuk menempatkan anggota-anggota suku tersebut. Penubuhan kota Basrah yang sebenar bermula pada tahun 17H./638M., iaitu selepas kegagalan mereka dalam perang Ṭāwūs, Fārs, ketika bandar tentera di Kūfah sudah pun tertegak.

Apabila Khalīfah 'Umar diberitahu tentang kekalahan orang Islam di Fārs, beliau telah menulis sepucuk surat kepada 'Utbah bin Ghazwān, meminta supaya ia membentuk sepasukan tentera yang kuat bagi menentang orang Sasan di wilayah Fārs. 'Utbah telah menunaikan permintaan Khalīfah itu dan berjaya mengumpul tenteranya yang berjumlah 12,000 orang dari orang-orang dari suku timur Semenanjung Arab, termasuklah mereka yang sudah berada bersama-sama beliau di Baṣrah. Pada ketika ini boleh dikatakan kesemua suku-suku yang berada di kawasan timur Semenanjung Arab telah melibatkan diri dalam peperangan menentang tentera Sasan di Fārs. Pemimpin-pemimpin utama yang muncul pada ketika ini adalah 'Āṣim bin 'Amr al-Tamīmī, 'Arfajah bin Harthamah al-Azdī, Ḥudayfah bin Muḥṣin al-Himyarī, Majza bin Sūr al-Sadūsī dari suku Bakar bin Wā'il, al-Aḥnaf bin Qays al-Tamīmī, Ṣa'ṣa' bin Mu'āwiyah al-Tamīmī dan Abū Sabrah bin Abī Ruhm al-'Āmirī dari suku 'Abd al-Qays.[193] Kenyataan ini menunjukkan dengan jelas bahawa mereka datang dari berbagai suku Arab seperti Tamīmī, Bakar, Azd dan 'Abd al-Qays, yang pada hakikatnya merupakan tentera Islam yang terpenting yang berperang di wilayah Fārs dan

---

[191] Al-'Alī, *op cit.*, ms. 25.
[192] *Ibid.*, ms. 26.
[193] Ṭab., 1/2548–9.

kawasan-kawasan sekitarnya pada ketika itu.[194] Setelah tamatnya kempen di Fars mereka ini kebanyakannya mengikut 'Utbah ke Baṣrah.[195]

Pada saat-saat akhir 'Utbah menjadi gabenor Baṣrah iaitu pada tahun 17H./638M. beliau bersama tenteranya di Baṣrah telah menyerang al-Ahwāz dan Tustar, tetapi sebelum kawasan-kawasan ini dapat ditakluki, 'Utbah pun meninggal dunia dan jawatan gabenor Basrah diambil alih oleh Abū Mūsā al-Ash'arī, yang telah meneruskan kempen, khususnya di kawasan Rāmhurmūz dan Tustar dengan pertolongan tentera dari Kūfah.[196] Dengan tertewasnya musuh di Tustar maka kempen Islam di Iraq telah terhenti sehingga pada tahun ke-21H./642M. iaitu setelah suatu peperangan besar dan penting berlaku di Nihāvand pada masa pemerintahan Khalifah 'Umar. Dalam peperangan ini tentera-tentera dari Kūfah telah menunjukkan keunggulan mereka.[197]

Ringkasnya bahawa kempen-kempen orang Islam di Baṣrah tidaklah begitu berjaya berbanding dengan gerakan-gerakan yang dibuat oleh mereka yang berada di Kūfah. Komposisi anggota tentera Islam di Basrah pada masa penubuhannya kebanyakannya terdiri daripada suku-suku yang berasal dari kawasan timur Semenanjung Arab seperti Tamīm, Bakar, Azd dan 'Abd al-Qays. Mereka terdiri daripada pendatang baru ke Iraq dan tidak memainkan peranan utama dalam peperangan Riddah mahupun dalam penaklukan awal di Negeri Iraq. Dari nama-nama yang disenaraikan di atas hanya 'Āsim bin 'Amr al-Tamīm, 'Arfajah bin Harthamah al-Azdi dan Hudhayfah bin. Muḥṣin al-Himyarī sahaja yang jelas terlibat dalam peperangan Riddah dan penaklukan Iraq. 'Arfajah bin Harthamah dan Hudhayfah bin Muḥṣin, walaupun kedua-duanya dilaporkan sebagai pemimpin Islam dalam perang Riddah,[198] tugas-tugas mereka hanya terbatas untuk memerangi kumpulan-kumpulan murtad yang kecil dan lemah di Mahrah.[199]

---

[194]*BF.* ms. 386.
[195]Ṭab., 1/2550; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. 11, ms. 539.
[196]Ṭab., 1/2541 dan seterusnya.
[197]*Ibid.*, 1/2542.
[198]*Ibid.*, 1/1880–1.
[199]*Ibid.*, 1/1976–9.

Tentera-tentera Islam telah berjaya memperolehi semula kedudukan mereka setelah menerima bantuan daripada anggota-anggota suku Arab Nājiyah yang dipimpin oleh al-Khirrīt bin Rashīd, 'Abd al-Qays oleh Sayhān bin Ṣawhān dan anggota-anggota suku lain dari Rāsib dan 'Amr, cawangan keturunan Banū Tamīm.[200] Ini menunjukkan bahawa kedua pemimpin tersebut di atas, 'Arfajah dan Ḥudhayfah tidak memainkan peranan penting dalam peperangan menentang kaum murtad. 'Arfajah dan pengikut-pengikutnya dari suku Azd tiba di Iraq sejak perang al-Buwayb (13H./634M.), iaitu setelah Khālid bin al-Walīd berlepas ke Syria. Oleh itu bilangan pendatang-pendatang awal ke Iraq yang berada di Baṣrah dijangka amatlah kecil dan boleh jadi tidak melebihi 300 orang, sementara yang lain adalah pendatang baru yang berhijrah ke Iraq selepas tahun 17H./638M. Sebilangan besar daripada pendatang baru ini berasal dari suku Arab 'Abd al-Qays di Baḥrain yang tidak terjerumus ke dalam kancah kemurtadan dan terus kekal setia kepada kerajaan Madīnah selepas kewafatan Nabi.[201]

Dalam melaksanakan pengagihan elaun kepada penduduk Basrah pada awalnya disusun mengikut sistem genealogi, tetapi nampaknya tidak berjaya disebabkan ketibaan pendatang baru yang tidak terkawal, dan kesan daripada itu kelompok-kelompok suku Baṣrah berbeza-beza di antara satu dengan yang lain dari segi saiz.[202] Sebagai penyelesaian kepada masalah ini sistem *'arafah* telah digunakan di Baṣrah. Hanya pemimpin-pemimpin yang diiktiraf sạhaja yang menerima kadar elaun yang tinggi iaitu sebanyak 2,500 dirham, sementara yang lain berada di Basrah hanya menerima di antara 250–300 dirham.[203]

Sementara itu, kumpulan anggota-anggota suku yang baru masih terus mencurah-curah datang ke Kūfah. Mereka ini telah diberi elaun yang rendah dan justeru itu mereka tidak kurang senang terhadap kedudukan istimewa yang diperolehi *ahl al-ayyām* atau pendatang lama. Pada satu ketika mereka menyatakan rasa tidak

---

[200]*Ibid.*, 1/1979, dan 1980.

[201]*Ibid.*, 1/1958–9, 1960 dan 1961 (merujuk secara khusus kepada al-Jārūd dan anggota-anggota suku 'Abd al-Qays).

[202]Al-'Alī, *op cit.*, ms. 35.

[203]Ṭab. 1/2413 dan 2496; Ibn Sa'd *Ṭabaqāt*, vol 111, pt. i, ms 112 dan seterusnya; al-'Alī, *op. cit.*, ms. 127–9; Shaban, *op cit.*, ms. 55.

puas hati kepada Sa'd bin Abī Waqqās, gabenor Kūfah, tentang pembahagian kekayaan yang tidak sama rata antara rakyat.[204] Al-Ash'ath bin Qays al-Kindī dan beberapa orang pemimpin di Kūfah dilaporkan berkata "Sa'd itu berat sebelah dan cuba menahan hak-hak kami."[205] Tetapi tidak ada kekacauan yang ditimbulkan, kerana pertama Khalīfah 'Umar dikatakan telah menaikkan elaun pendatang baru yang menunjukkan keberanian dalam perang Nihāvan kepada 2,000 dirham setahun (kadar elaun *ahl al-Qādisiyyah*), dan keduanya disebabkan kemewahan yang berpunca dari harta rampasan perang pada zaman Khalīfah 'Umar telah meredakan keadaan.[206]

Bagaimanapun, apabila selesainya peperangan Nihavan (21H./642M.) dan Sa'd sebagai gabenor Kūfah digantikan dengan 'Ammār bin Yāsir, suasana telah berubah oleh kerana gerakan di medan peperangan sudah berkurangan, dan jumlah pendatang baru semakin ramai di Kūfah. Seterusnya 'Ammār bin Yāsir, gabenor baru Kūfah, dituduh sebagai ahli politik yang lemah dan tidak layak.[207] Penduduk Kūfah telah mengecam 'Ammār apabila beliau cuba mengunakan kuasa dan melaksanakan peraturan dan disiplin ke atas mereka. Beliau dikatakan juga telah melayani tuntutan-tuntutan orang Baṣrah terhadap kekuasaan ke atas wilayah Rāmsurmūz.[208] Pada hakikatnya, kedua wilayah tersebut, khususnya Māsābadhān telah ditakluki oleh tentera Kufah yang ramai di antara mereka terdiri daripada *ahl al-ayyām*.[209] Kini tekanan bukan lagi datang dari pendatang baru oleh sebab ramai di antara mereka sudah berpuas hati terhadap kerajaan selepas kenaikan elaun. Penentangan yang sebenar ialah berpunca dari kaum *ahl al-ayyām*, atau pendatang lama yang mempunyai kepentingan yang banyak di wilayah-wilayah yang ditakluki di Iraq. Sebagai contoh, Jarīr bin 'Abdillāh al-Bajalī, salah seorang panglima tentera Kūfah dalam perang menakluki Rāmsurmūz dan boleh jadi mempunyai kepentingan yang besar di wilayah itu sejak ia

---

[204]*BF.*, ms. 278; Tab. 1/2606-7.
[205]Al-'Askari, *Awā'il*, ms. 225.
[206]M.A. Shaban, *op. cit.*, ms. 54.
[207]Tab. 1/2676-7; *BF.* ms. 279.
[208]Tab. 1/2672.
[209]*Ibid.*, 1/2476, dan 2551 seterusnya.

ditakluki.[210] Bagaimanapun, penentangan mereka telah menyebabkan 'Ammār disingkirkan dari jawatan gabenor. Meskipun sebab utama kepada kejatuhan 'Ammār, sebagaimana yang disebut dalam sumber-sumber Arab, ialah kerana kelemahan politiknya, contoh yang diberikan di atas menunjukkan bahawa kecuaian beliau terhadap kepentingan *ahl al-ayyām* menjadi faktor penting kepada penyingkirannya sebagai gabenor di Kufah. Pada masa yang sama pengaruh Abū Mūsā al-Ash'arī telah mula kelihatan di kalangan penduduk Kūfah; akhirnya beliau dilantik menjadi gabenor mereka, tetapi setelah setahun kemudian, beliau ditukarkan ke Basrah.[211]

*Ahl al-ayyām* telah mendapat faedah yang banyak dari dasar yang dilaksanakan oleh Khalīfah Abū Bakar dan Khalīfah 'Umar. Kedua-dua Khalīfah ini, walaupun terdapat sedikit sebanyak perbezaan, pada keseluruhannya mempunyai polisi yang sama. Mereka telah menguatkuasakan dasar menyekat orang-orang yang pernah murtad dari menjawat jawatan-jawatan penting, sama ada dalam ketenteraan ataupun pentadbiran wilayah-wilayah yang ditakluki di Iraq. Oleh sebab itu pada masa pemerintahan kedua-dua Khalīfah tersebut pemimpin pentadbiran negara terbatas kepada kaum bukan murtad, sama ada mereka berasal dari al-Ḥijāz atau dari timur laut Semenanjung Arab. Mereka telah memantapkan kekuasaan dan keistimewaan mereka bukan sahaja di Kūfah malahan di seluruh Negeri Iraq (Sawād). Kejayaan mereka dalam pentadbiran pemungutan hasil pendapatan wilayah-wilayah dan pembekalan barang-barang makanan dari kawasan-kawasan desa kepada penduduk bandar di Iraq; dan perjuangan mereka untuk menentang serangan musuh telah ditegaskan oleh Khalīfah 'Umar dengan ungkapan bahawa "orang Kufah adalah pedang-pedang Allāh ... dan tengkorak-tengkorak Arab atau bijak pandai Arab.[212] Ungkapan yang serupa telah juga dinyatakan Sa'd bin Abī Waqqās, gabenor Kūfah, kepada *ahl al-ayyām* yang berada di luar kota Kūfah.[213]

---

[210] *Ibid.*, 1/2552.
[211] *Ibid.*, 1/2678, dan 2693.
[212] *Ibid.*, 1/2515; *BF.* ms. 289; Ibn Sa'd *Ṭabaqat*, vol. Vi, ms. 1.
[213] Ṭab., 1/2432.

Kesimpulannya, suasana di Iraq telah dikuasai *ahl al-ayyām,* kaum pendatang awal di Iraq yang tidak murtad, yang menganggap tanah terbengkalai (ṣawāfī) di Iraq sebagai hak milik mereka dan sangat sensitif terhadap sebarang perubahan sistem tanah tersebut.

# BAB KEDUA

## Pembentukan Polisi Pentadbiran Khalīfah 'Uthmān bin 'Affān dan Implikasinya terhadap Kedudukan Sosioekonomi Orang Islam di Iraq

Pada akhir pemerintahan Khalifah 'Umar bin al-Khattāb, isu penghijrahan orang-orang dari suku Arab dari Semenanjung Arab ke Kūfah menjadi ketara. Kesan daripada ketibaan anggota-anggota suku Arab tersebut adalah besar, bukan sahaja terhadap bentuk organisasi Islam yang melibatkan peraturan pengagihan elaun, *'ata'*, tetapi juga terhadap sistem tanah terbengkalai di Iraq. Isu ini telah menjadi masalah besar kepada pemerintahan selepas Khalifah 'Umar bin al-Khattāb.

Pengganti Khalīfah 'Umar ialah Khalīfah 'Uthmān bin 'Affān dari suku 'Umayyah. Beliau dipilih menjadi Khalīfah pada tahun 24H/645M. Sebaik-baik saja kedudukan jawatan Khalīfah Sayyiduna 'Uthmān telah melantik sepupunya al-Walīd bin 'Uqabah sebagai gabenor di Kūfah. Sayyiduna 'Uthmān yakin bahawa keluarganya, al-Walīd, boleh melaksanakan dasar pemerintahannya dengan baik. Lagipun, al-Walīd bukanlah seorang pemimpin yang lemah, malah beliau telah menunjukkan ketokohannya pada masa pemerintahan Khalīfah 'Umar apabila beliau dilantik untuk memimpin anggota-anggota suku Arab Rabi'ah di Jazīrah sewaktu penaklukannya.[1]

Dalam tempoh al-Walīd menjadi gabenor Kūfah iaitu antara

---

[1]Tab., 1/2812, 2840, dan 2843; *BA*, vol. V, ms. 31.

SYRIA, JAZIRAH DAN WILAYAH-WILAYAH ISLAM DI IRAQ (AL-SAWAD)

tahun-tahun 24–29H/645–650M jumlah pendatang baru semakin bertambah di Kūfah. Menurut Abu Mikhnaf yang dilaporkan dalam *Tārīkh* al-Tabarī, bahawa jumlah tentera Arab di Kūfah pada tahun-tahun pertama al-Walīd menjadi gabenor melebihi 40,000 orang.[2] Ini termasuklah mereka yang berada di luar bandar Kūfah, iaitu di kawasan-kawasan desa Iraq. Mereka semua disenaraikan di dalam *dīwān* dan layak menerima elaun. Daripada jumlah 40,000 orang tentera itu hanya 10,000 atau lebih sedikit sahaja peneroka Iraq (*ahl al-ayyām*)[3] sementara yang lain adalah pendatang baru, atau pernah murtad yang telah menyertai anggota-anggota suku mereka yang tiba lebih awal di Kūfah; sebahagian daripada pendatang baru ini masih belum disenaraikan di dalam *dīwān*. Bagaimanapun, perangkaan yang diberikan oleh Abū Mikhnaf itu menunjukkan betapa besarnya bilangan pendatang baru yang layak menerima elaun atau gaji.

Ketibaan mereka di Kūfah menyebabkan ramai yang tidak senang, bukan sahaja di kalangan teman mereka sesuku tapi juga di kalangan *ahl al-ayyām*. Masalah perumahan sejak ketibaan mereka telah disifatkan oleh Sayf seperti berikut:

> "Apabila pendatang baru, *rawādif*, bertambah ramai orang lain tidak senang, sebab itu pendatang baru yang mempunyai ahli suku yang banyak terpaksa meninggalkan rumah-rumah mereka, sementara pendatang baru yang mempunyai ahli suku yang sedikit dapatlah menempatkan mereka di rumah-rumah yang dikosongkan atau dengan cara tinggal bersama-sama dalam keadaan yang tidak menyenangkan."[4]

Meskipun tidak ada kenyataan yang jelas mengenai sistem elaun atau gaji bagi anggota-anggota suku yang baru tiba ini, namun besar kemungkinan mereka juga telah diselaraskan dengan sistem *'arafah* (unit), yang dilaksanakan dalam zaman Khalīfah 'Umar, dan jika sistem tersebut diteruskan maka sudah tentu jumlah pendatang-

---

[2]Tab. 1/2805.
[3]*Ibid.*, 1/2222, 2236, dan 2356; *BF.* ms. 255–6; Khalīfah, Tārīkh, vol. 11, ms. 101; Ya'qubi, *Kitab al-Buldan*, ms. 311.
[4]Tab. 1/2490–1.

pendatang baru bagi tiap-tiap unit adalah lebih besar daripada bilangan golongan pendatang lama.[5]

Contoh kegelisahan sosial lain yang berlaku di Kūfah semasa al-Walīd menjadi Gabenor, ialah penubuhan rumah tetamu (*dār al-diyāfah*), di Kūfah yang diselenggara oleh 'Abdullah bin Mas'ūd. Tujuan rumah itu didirikan ialah untuk menempatkan para peniaga gandum, dari suku kaum yang tidak bersama-sama suku kaum lain mengasaskan bandar Kūfah. Abū Zubayd al-Tā'ī, seorang Kristian yang baru sahaja memeluk Islam dan sahabat kepada al-Walīd yang telah berkenalan dengannya sewaktu beliau menjadi gabenor Jazīrah pada masa pemerintahan Khalīfah 'Umar, dilaporkan telah datang ke Kūfah dan ditempatkan di rumah tetamu tersebut oleh al-Walīd.[6]

Projek rumah tetamu ini telah ditentang oleh Abū Sammāl al-Asadī, salah seorang daripada *ahl al-ayyām,*[7] namun begitu projek menyediakan bilik tumpangan bagi para peniaga gandum diteruskan dan oleh itu kedudukan Kufah sebagai pusat pasaran gandum tetap terjamin.[8] Hampir kebanyakan cukai di wilayah-wilayah Iraq pada masa al-Walīd dibayar dengan gandum.[9] *Ahl al-ayyām* mentafsirkan penubuhan rumah tetamu sebagai usaha pihak kerajaan untuk menguasai urusan cukai.

Khalīfah 'Uthmān juga, dilaporkan telah memberi elaun dari harta yang lebih daripada yang diperlukan (*fudul*), tiga kali sebulan kepada golongan hamba di Kūfah yang tidak layak menerima elaun biasa, tanpa menjejaskan elaun bulanan yang dibayar dengan gandum (*rizq*) yang ditentukan kepada tuan-tuan kaum hamba tersebut.[10] Ini menunjukkan bahawa Khalīfah 'Uthmān telah memberikan simpati kepada kaum yang lemah, di samping memperluaskan pengaruhnya di kalangan pendatang baru di Kūfah

---

[5]Sila lihat ms. 48.

[6]Tab. 1/2843; *BA*. vol. V, ms. 31–Abū Zubayd, Harmalah bin al-Munzir al-Ta'i juga dikatakan telah dikurniakan telaga al-Rumiyyah (*BF.* ms. 180).

[7]Abū Sammāl telah menyertai dalam perang Qādisiyyah, *BA/ms.* Istanbul manuscript, Suleymaniye Kutuphanesi, Reisulkuttap, no. 597–8, vol. 11, ms. 737.

[8]Tab. 1/2842; Hinds, *"Kufah Political Alignments,"* ms. 354.

[9]Sehingga kepada pemerintahan 'Abdulmalik bin Marwān, kebanyakan cukai tanah, *kharāj,* di Sawād, Iraq, terus dibayar dengan gandum (*BA*, vol. V, ms. 101, dan 191; Hinds, *Thesis,* ms. 141.

[10]Tab. i12845–mengenai takrif *rizqi,* sila lihat Tab. 1/755, dan 1834; al-'Ali, *Tanzimat,* ms. 145–7; bandingkan dengan di bawah, ms. 100.

tanpa menghiraukan keistimewaan-keistimewaan *ahl al-ayyām*, pendatang-pendatang awal yang telah menikmati berbagai faedah daripada tanah-tanah yang ditakluki di Iraq sejak awal-awal.[11] Begitu juga al-Walīd dikatakan telah memberi elaun kepada kaum hamba di Kūfah.[12] Justeru itu apabila al-Walīd disingkirkan dari jawatan gabenor, kaum hamba dan golongan pendatang baru yang lain merasakan kecewa dan hampa.[13] Sehubungan dengan peristiwa ini al-Walīd telah disifatkan sebagai "orang yang dikasihi dan dibenci"[14] pihak yang mengasihi beliau ialah golongan majoriti, (*'āmmah*) dan pihak yang membenci beliau ialah golongan minoriti (*khāssah*).[15] Maksud golongan minoriti di sini ialah tidak lain tidak bukan *ahl al-ayyām*, atau pendatang awal ke Iraq. Jumlah bilangan mereka pada masa al-Walīd adalah kecil berbanding dengan pendatang baru (*rawādif*), atau *'āmmah*.

Dalam suasana begini, ketegangan antara kaum pendatang awal dengan pendatang baru pasti berlaku, malahan keadaan mereka semakin bertambah kompleks setelah berlaku pergabungan antara sebahagian dari golongan pendatang awal dengan golongan pendatang baru.[16] Contoh ketegangan ini dapat dilihat dalam laporan al-Tabarī yang mengatakan bahawa pada suatu ketika beberapa orang pemuda Kūfah telah melakukan serangan mengejut ke atas Ibn al-Haysumān al-Khuzā'ī dan membunuhnya. Apabila mereka mengetahui yang Abū Shurayh al-Ahwaz bin Ja'far al-Khuzā'ī, salah seorang dari ahli suku Ibn al-Haysumān, menyaksikan peristiwa tersebut beliau juga diserang dan dibunuh. Di antara penyerang-penyerang tersebut ialah Zuhayr bin Jundab al-Azdī, Muwarri' bin Abī Muwarri' al-Asadī dan Shubayl bin Ubay al-Azdī. Kesemua yang menyerang itu telah ditangkap dan dijatuhi hukuman mati oleh al-Walīd mengikut arahan Khalīfah 'Uthmān.[17] Setelah itu bapa-bapa kepada pemuda-pemuda Kūfah yang dihukum itu telah bertindak balas menentang al-Walīd. Jundab

[11]Sila lihat dalam Bab Pertama.
[12]Tab. 1/2850.
[13]*Ibid.*, 1/2850.
[14]*Ibid.*, 1/2814, dan 2840.
[15]*Ibid.*, 1–2849.
[16]*Ibid.*, 1/2490–1 dan 2853.
[17]*Ibid.*, 1/2840–1.

(terdapat perbezaan pendapat antara ahli-ahli sejarah mengenainya; sama ada beliau anak Ka'b, anak 'Abdillāh, atau anak Buyary, tetapi kesemuanya bersetuju bahawa Jundab dari keturunan suku Azd)[18] iaitu bapa kepada Zuhayr, dalam pembelaannya terhadap kematian anaknya, telah membunuh seorang juru sihir di rumah al-Walīd. Al-Walīd cuba bertindak untuk membunuh Jundab tetapi telah dihalang oleh anggota-anggota suku Azd. Jundab kemudiannya meninggalkan Kūfah untuk pergi ke Madīnah, untuk mengadu kepada Khalīfah 'Uthmān tentang sikap al-Walīd terhadapnya. Di atas nasihat Sayyidina 'Alī bin Abī Tālib, Khalifah 'Uthmān mengarahkan al-Walīd supaya mengampunkan kesalahan Jundab dan membiarkan ia hidup bebas di Kūfah.[19] Apabila arahan ini diterima al-Walīd beliau memberi amaran kepada penduduk Kūfah dengan katanya *"allā yuqīmū al-hudūd dūna al-sultān*, ertinya mereka tidak boleh melaksanakan hukum-hukum hudud tanpa kebenaran pihak yang berkuasa."[20]

Amaran ini bukan sahaja membangkitkan kemarahan bapa-bapa pemuda yang dihukum, tetapi juga pemimpin-pemimpin *ahl al-ayyām* yang lain seperti al-Ashtar Mālik bin al-Hārith al-Nakha'i dan Abū Khussah al-Ghifārī.[21] Begitu juga mereka yang dahulunya memegang jawatan-jawatan penting dalam pentadbiran wilayah-wilayah yang ditakluk di Iraq pada masa pemerintahan Khalīfah 'Umar dan kemudiannya disingkir oleh al-Walīd telah turut sama menentang al-Walīd.[22] Ini disebabkan oleh kerana mereka sedar bahawa al-Walīd cuba menguasai sepenuhnya segala urusan wilayah-wilayah di Iraq. Setelah menyedari hakikat ini mereka pergi bersama-sama ke Madīnah, meminta Sayyidīna 'Uthmān memecat al-Walīd dari jawatan gabenor Kūfah. Menurut Sayf, sebab kemarahan mereka terhadap al-Walīd ialah kerana kesalahan minum arak. Al-Walīd dikatakan mabuk sewaktu menunaikan sembahyang.[23] Kenyataan Sayf ini amatlah diragui kerana isu

---

[18] *BA*, vol, ms. 31; Tab. 1/2840.
[19] *BA*. vol. V, ms. 31–2; Tab. 1/2845–6.
[20] Tab. 1/2846. *Al-Hudud*, ialah hukum-hukum yang telah ditetapkan Allah balasannya ke atas hamba yang melakukan jenayah.
[21] Tab. 1/2846, 2847, 2848, 2849, dan 2852.
[22] *Ibid.*, 1/2848 dan 2849.
[23] *Ibid.*, 1/2846.

tersebut dibawa secara mendadak dan tidak pernah ditimbulkan sebelumnya oleh sesiapa pun. Perkara yang lebih penting berhubungan dengan penentangan *ahl al-ayyām* terhadap al-Walīd pada masa itu ialah kesedaran mereka bahawa al-Walīd berlaku tidak adil terhadap mereka dan cuba campur tangan dan menggunakan kekuasaan dalam urusan pentadbiran di Kūfah dengan melantik kaum pendatang baru memegang jawatan-jawatan penting. Adalah menjadi kenyataan bahawa sejak ketibaan al-Walīd di Kūfah, taraf dan status pendatang baru dan pemimpin-pemimpin mereka semakin bertambah. Menurut al-Balādhurī, pada akhir-akhir al-Walīd menjadi gabenor beliau telah melancarkan ekspedisi ke Adharbayjān yang disertai oleh al-Ash'ath bin Qays al-Kindī, yang kemudiannya al-Ash'ath dilantik sebagai wakilnya di sana.[24] Perlantikan al-Ash'ath bin Qays ke Adharbayjān merupakan peristiwa yang amat penting, kerana beliau adalah seorang yang sudah terkenal sebagai pemimpin suku Kindah, yang mempunyai pengikut seramai 1,700 orang sejak perang Qādisiyyah, dan menjadi masyhur di kalangan ketua-ketua golongan yang murtad dalam peperangan Riddah. Pengaruh al-Ash'ath sebagai pemimpin suku semakin bertambah sejak ketibaan pendatang baru di Kufah. Perlantikan beliau ke Adharbayjān mestilah disebabkan oleh kedudukannya yang tinggi dalam suku. Sesungguhnya perlantikan al-Ash'ath itu merupakan titik tolak dalam sejarah pentadbiran di Iraq, kerana inilah pertama kalinya bekas anggota suku kaum yang pernah murtad dilantik ke jawatan penting.

Pemimpin penentang lain yang muncul pada zaman al-Walīd ialah 'Attāb bin 'Allaq al-Sa'dī. Beliau dikatakan menerima elaun pemimpin (*sharaf al-'atā'*), sebanyak 2,500 dirham pada masa khalifah 'Umar.[25] Selain dari itu, ramai lagi tokoh yang menentang al-Walīd seperti Yazīd bin Qays al-Arhabī dan Ma'qil bin Qays al-Riyādī mula muncul di Kūfah.[26]

---

[24] *BF.* ms. 328; H. Reckendorf, art. "al-Ash'ath", *Encyclopaedia of Islam*, 2nd. Leiden, 1954.
[25] *BA.* vol. V; ms. 32–*aharaf al-'atā'* pada kebiasaannya diberi kepada *ahl al-ayyam* (al-'alī, *op cit.* ms. 131).
[26] *BA.*, vol. V, ms. 32.

Pada tahun ke-29H/650M al-Walīd disingkirkan dari jawatannya dan diganti oleh sepupu Khalifah 'Uthmān yang lain iaitu Sa'īd bin al-'Ās, seorang yang masih muda, sebagai gabenor baru di Kufah. Pada masa yang sama, al-Ashtar serta pemimpin-pemimpin penentang yang lain seperti Abū Khussah al-Ghifāfī, Jundab al-Azdī dan Musab bin Jathamah, yang telah pergi ke Madīnah kembali semula ke Kūfah.[27]

Pada masa perlantikan Sa'īd bin Al-Ās di Kūfah satu kekacauan berlaku di Basrah. Sebagaimana yang dinyatakan lebih awal, kebanyakan penduduk Basrah pada masa penubuhannya terdiri daripada kaum pendatang baru dari suku-suku timur Semenanjung Arab, khususnya dari Bahrain dan 'Umān. Mereka ini datang ke Basrah setelah gagal menakluki wilayah Fārs. Apabila Abū Mūsā al-Ash'arī menjadi gabenor Basrah pada tahun 17H/638M, beliau telah mengetuai tenteranya dari Basrah untuk membantu tentera Islam yang dipimpin oleh 'Uthmān bin Abī al-Ās di Fārs. Setelah gagal untuk menakluki Fārs Abū Mūsā dan askar-askarnya kembali semula ke Basrah.[28] Sayf melaporkan bahawa dalam tempoh Abū Mūsā menjadi gabenor (17H/738M) ramai panglima tentera telah dilantik dan dihantar ke beberapa kawasan untuk berkempen. Mereka ini ialah Mujāshi' bin Mas'ūd al-Sulamī ke Ardashīr, Kurra dan Shāpūr, 'Uthmān bin Abī al-'Ās al-Thaqafī ke Istakhr, Sāriyah bin Zunaym ke Fārs dan Darabjird, Suhayl bin 'Adī, sekutu (*halif*) Banu 'Abd al-Ashal, ke Kirmān, 'Āsim bin 'Amr al-Tamīmī ke Sistān dan al-Hakam bin 'Umayr al-Taghallbī ke Makrān.[29] Bagaimanapun, tentera Islam tidak mencapai kejayaan besar dalam kempen-kempen tersebut sehingga ketibaan 'Abdullāh bin 'Āmir pada tahun 29H/650M. Sebab-sebab kurang mendapat kejayaan dalam kempen-kempen ini ialah oleh kerana tidak ada kerjasama antara pemimpin-pemimpin Islam. Ketiadaan kerjasama ini dapat diperhatikan dalam pertelingkahan antara Abū Mūsā dengan 'Uthmān bin Abī al-'Ās dalam ekspedisi ke Istakhr pada tahun 21H/642M. Menurut Khalīfah bin Khayyāt, apabila pengepungan kota Istakhr berlanjutan, kedua pemimpin tersebut telah bertelagah.

[27]Tab., 1/2852.
[28]*BF.*, ms. 386–7.
[29]Tab., 1/2568–9.

'Uthmān bin Abī al-'Ās mencadangkan supaya tentera-tentera Islam dihantar ke beberapa daerah di wilayah itu untuk berkempen, dan sebagaimana biasa, satu perlima daripada harta rampasan perang dihantar ke Madinah, tetapi Abū Mūsā al-Ash'arī tidak bersetuju dengan mengatakan bahawa semua harta rampasan perang mestilah diagihkan kepada golongan penakluk.[30] Contoh lain yang menunjukkan pemimpin-pemimpin Islam Basrah tidak ada kerjasama dan kesefahaman ialah kes Mujashi' bin Mas'ūd al-Sulamī. Beliau dikatakan telah mengambil inisiatif sendiri untuk berkempen di Fārs pada tahun 23H/642M. Ini bererti bahawa beliau telah campur tangan dalam pentadbiran kawasan di bawah kekuasaan Sāriyah bin Zunaym.[31]

Oleh yang demikian, ketiadaan penaklukan baru di kawasan-kawasan Basrah boleh jadi merupakan faktor penting kepada berlakunya kekacauan dalam tempoh Abū Mūsā menjadi gabenor di Basrah. Pemimpin utama yang menimbulkan penentangan di Basrah pada ketika itu ialah Gaylān bin Kharashah al-Dabbī. Beliau dikatakan telah pergi menemui Khalīfah 'Uthmān dan meminta supaya Abū Mūsā al-Ash'arī dipecat daripada jawatannya. Dengan sebab itu Sayyidina 'Uthmān memecat Abū Mūsā al-Ash'arī dan melantik sepupunya yang lain iaitu 'Abdullāh bin 'Āmir untuk menjadi gabenor baru Basrah pada tahun 29H/650M.[32] 'Abdullāh bin 'Āmir adalah seorang tokoh yang cekap dan berpengalaman. Sayyidina 'Uthmān melantik beliau adalah berdasarkan sifat-sifat tersebut, di samping hubungan kekeluargaannya, dan dengan adanya sifat-sifat ini Khalīfah mengharapkan agar beliau dapat menjalankan tugas dengan baik dan jujur. Beliau juga mengharapkan agar 'Abdullāh bin 'Āmir akan berjaya menyelesaikan masalah-masalah kaum pendatang baru di Basrah. Sebagai penyelesaian kepada masalah-masalah ini Khalīfah 'Uthmān telah memutuskan untuk membuka kawasan-kawasan baru dan dengan itu kaum pendatang baru tersebut akan ditempatkan di sana. Khalīfah 'Uthmān telah menyatakan dengan jelasnya mengenai dasar ini dengan katanya ... *wa ammā al-futūh fa-*

---

[30]Khalīfah, *Tārīkh*, vol. 1, ms. 123.
[31]Tab., I/2694–5
[32]*Ibid.*, 1/2828, 2830–1 dan 2832, Khalīfah, *Tārīkh*, vol. 1, ms. 136.

*li-awwal man waliyahā*, yang bererti bahawa kawasan-kawasan yang dibuka itu adalah kepunyaan mereka yang mula menguasainya.[33]

Sebaik sahaja tiba di Basrah Ibn 'Āmir pun memulakan ekspedisinya untuk menakluki wilayah Fārs, dan dalam ekspedisi ini beliau berjaya menawan kota Istakhr. Dari Istakhr beliau mara pula ke Kirmān. Pada tahun 31H/652M beliau telah menyusun suatu ekspedisi besar untuk berkempen ke Khurāsān. Dalam kempen ini beliau berjaya mencapai kejayaan besar dengan membawa pulang harta kekayaan yang banyak dari kawasan-kawasan yang ditakluki. Dengan harta kekayaan yang banyak ini Khalifah 'Uthmān dapat melayani permintaan golongan pendatang baru dan 4,000 orang daripada mereka telah dihantar ke Khurāsān atas dasar bergilir-gilir bagi menjamin keselamatan wilayah tersebut setelah mereka kembali ke Basrah.[34] Pemergian anggota-anggota suku ini ke Khurāsān telah mengurangkan ketegangan yang wujud di Basrah. Kaum pendatang baru di Basrah telah dibayar gaji sebanyak 300 dirham setiap tahun, serta menerima beberapa bahagian dari harta rampasan perang. Keadaan ini membuatkan mereka berpuas hati. Basrah pada keseluruhannya hidup makmur dan berhutang budi kepada Sayyiduna 'Uthmān dan terus taat setia kepada beliau.[35]

Kes di Kūfah adalah berbeza; pertama, kerana amat sedikit kemajuan dibuat di kawasan-kawasan jajahannya sejak kematian Khalīfah 'Umar bin al-Khattāb. Al-Walīd, gabenor Kūfah (24–29H/645–650M) cuba memperbaiki keadaan tersebut dengan menghantar dua ekspedisi tiap-tiap tahun; 4,000 orang ke Rayy dan 6,000 orang ke Adharbayjān, tetapi beliau tidak mencapai kejayaan yang memuaskan; beliau hanya setakat dapat mempertahankan wilayah-wilayah yang sudah ditakluki dalam zaman Khalīfah 'Umar pada tahun 22H/643M.[36] Masalah yang sama telah dihadapi oleh penggantinya, Sa'īd bin al-'Ās; ini akan dijelaskan kemudian. Keduanya, mengenai perbezaan antara Basrah dengan Kūfah ialah bahawa masalah kaum pendatang baru di Kūfah masih belum

[33]Tab. 1/2826.
[34]*Ibid.*, 1/2904–6; Shaban, *The 'Abbasid Rebolution*, Cambridge University Press, Cambridge, 1970, ms. 24– ulasan lanjut mengenai penaklukan Khurāsān semasa Ibn 'Amir, sila lihat Shaban, *op cit.*, ms. 17–24.
[35]Shaban, *Islamic History*, ms. 66–7.
[36]Tab., 1/2805–6; *BF.*, ms. 327–8.

selesai; kesan daripada kedatangan mereka ke atas penyusunan masyarakat di Kūfah telah menyebabkan penentangan *ahl al-ayyām* terhadap Khalifah 'Uthmān dan gabenor-gabenornya di wilayah tersebut.

Berdasarkan polisi Khalīfah 'Uthmān bahawa suasana di Kūfah mestilah diletak di bawah kawalan sehinggalah kepada pembukaan kawasan-kawasan baru oleh orang-orang wilayah itu kelak. Apabila ini dilakukan, maka *ahl al-ayyam* akan tinggal di Kūfah untuk mengawalnya, sementara kaum pendatang baru (*rawadif*), akan menduduki wilayah-wilayah baru yang mereka takluki, tetapi sebelum apa-apa dilakukan, huru-hara telah berlaku di Kūfah antara pendatang baru dengan pendatang awal atau *ahl al-ayyām*. Oleh kerana bilangan golongan pendatang awal adalah lebih besar daripada golongan pendatang baru maka mereka telah dapat menewaskan golongan terakhir. Sayf mensifatkan golongan pendatang awal sebagai *ahl al-sharaf*.[37] Untuk mengatasi ketegangan ini, Sa'īd, gabenor Kūfah, telah meletakkan kaum pendatang baru sebanyak yang boleh di bawah pimpinan *ahl al-sharaf*, atau pendatang-pendatang awal, yang menurut Sayf, mereka terdiri daripada pemimpin-pemimpin *ahl al-ayyām* dan pemimpin-pemimpin al-Qādisiyyah (*wujuh al-nas min ahl al-ayyam wa ahl al-Qādisiyyah*), dan membiarkan golongan *al-qurrā'* secara bersendirian tanpa sebarang sokongan daripada golongan pendatang baru.[38] Ini bererti bahawa golongan pendatang baru telah diletakkan di bawah kekuasaan pendatang awal, termasuklah orang-orang yang menyertai perang al-Qādisiyyah yang terdiri daripada orang-orang yang pernah murtad dan bukan murtad. Sejak ini ketegangan lebih banyak berlaku antara pemimpin-pemimpin suku dengan golongan *al-qurrā'* daripada antara golongan pendatang awal dengan golongan pendatang baru.

Walaupun golongan *al-qurrā'* diletakkan secara berasingan oleh Sayf mereka ini adalah sebahagian daripada *ahl al-sharaf*, orang-orang yang tiba awal ke Iraq dan mendapat keistimewaan daripada penyertaan mereka dalam pembukaan Negeri Iraq, tetapi perbezaan antara *al-qurrā'* dengan anggota-anggota *ahl al-sharaf* yang lain ialah

[37]Tab., I/2852.
[38]*Ibid.*, I/2853.

*al-qurrā'* tidak mendapat sokongan daripada golongan pendatang baru sebagaimana yang diperolehi oleh setengah daripada *ahl al-sharaf* yang lain. Pihak pengarang menganggap bahawa kaum *al-qurrā'* adalah sebahagian daripada *ahl al-ayyām;* pemisahan dibuat apabila sebahagian kecil daripada golongan yang digelar *al-qurrā'* enggan bekerjasama dengan pihak pemerintah. Pemisahan ini pada hakikatnya dirancang oleh Sa'id bin al-'As oleh kerana dua sebab: pertama, untuk mengukuhkan kekuasaan dan pengaruh pemimpin-pemimpin suku tanpa merosakkan kedudukan *ahl al-ayyām* di bandar Kūfah; keduanya, apabila ini dapat dilaksanakan maka dengan sendirinya golongan pendatang baru dan golongan *al-qurrā'* dapat dikuasai. Selain dari itu, adalah besar kemungkinan bahawa golongan *al-qurrā'* tidak mempunyai kebolehan dan pengalaman untuk memimpin sebagaimana yang ada pada pemimpin-pemimpin suku.

Walau bagaimanapun, istilah *al-qurrā'* tidak digunakan secara meluas sebelum campur tangan Sayyiduna 'Uthman terhadap urusan tanah yang terbengkalai di Iraq. Beliau telah membenarkan kaum Quraysh dan pemimpin-pemimpin suku memiliki tanah tersebut pada zaman Sa'īd bin al-'Ās, dan justeru itu golongan *al-qurrā'* bangun memberontak. Kini motif pemberontakan mereka adalah jelas iaitu untuk mengembalikan penghormatan mereka di Iraq yang sudah tercabul. Untuk melaksanakan cita-cita ini, mereka terpaksa menentang kerajaan dan penyokong-penyokongnya. Permusuhan antara *al-qurrā'* dengan *ahl al-riddah* (orang-orang yang pernah murtad) telah berakar umbi sejak peperangan Riddah (11H/632M), dan apabila kaum Quraysh dan pemimpin-pemimpin suku memihak kepada kerajaan mereka juga turut ditentang *al-qurrā'*.

Sa'īd, dalam usahanya untuk memperbaiki suasana di Kūfah, telah melancarkan suatu ekspedisi ke sebelah timur, atas arahan Khalifah 'Uthmān, tetapi malangya beliau gagal untuk sampai ke kawasan yang dituju (Khūrāsān) dan berhenti di Qumis apabila mendengarkan yang Ibn 'Āmir telah tiba di Khurāsān dan menawan wilayah Abrashāhr. Dari Qumis Sa'īd berpaling ke arah utara menuju Jurgān dan kemudian Tamisa di sebelah timur Tabaristān. Di sana beliau gagal juga untuk mencapai kemenangan kerana penduduk di sana, khususnya di Jurjān, bangun menentang beliau.

Setelah itu Sa'id kembali semula ke Kūfah.[39]

Tidak lama kemudian (31H/652M atau 32H/653M) Sa'id mengalihkan pandangan ke Farj al-Bāb, salah satu jajahan Kūfah, yang pernah dikuasai oleh Salmān atau 'Abd al-Rahmān bin Rabi'ah al-Bāhili, salah seorang pemimpin *ahl al-ayyām,*[40] dalam zaman pemerintahan Khalifah 'Umar. Apabila Sa'id bin al-'as menjadi gabenor Kūfah beliau menghantar Salmān bin Rabi'ah ke sana untuk membantu tentera Syria yang dipimpin oleh Habib bin Maslamah al-Fihri yang sedang berkempen di Armenia, tetapi pertelingkahan berlaku antara kedua pemimpin.[41] Kemudian Khalifah 'Uthmān mengarahkan Salmān supaya berkempen di Arrān. Salman telah merentasi al-Kurr dan beliau membuat perjanjian dengan penduduk di sebelah barat dan utara, termasuk mereka yang berada di al-Bab.[42] Sewaktu Salmān sedang berada di al-Bāb, Khalifah 'Uthmān mengarahkan beliau memberhentikan kempen, tetapi Salmān tidak memperdulikan arahan itu dan terus menyerang Balanjār. Dalam serangan ini tenteranya tertewas dan Salmān sendiri terbunuh.[43] Sebahagian daripada orang-orang yang menyertai perang Balanjar ialah Yazid bin Mu'āwiyah al-Nakha'i (terbunuh), 'Alqamah bin Qays al-Nakha'i, Mi'dād bin Yazid al-Shaybāni (terbunuh), Abu Mufāzzir al-Aswad bin Qutbah al-Tamimi; Amr bin 'Utbah bin Farqad al-Sulami, Khālid bin Rabiah, al-Halhal bin Dhurri, al-Qarthā' al-Dabbi dan Abū Wā'il Shaqiq bin Salamah al-Asadi,[44] Menurut Sayf, orang-orang yang menyertai peperangan Balanjar telah berundur diri, dan sebahagian daripada mereka seperti Abū Mufāzzir al-Aswad bin Qutbah al-Tamimi, 'Amr bin 'Utbah bin Farqad al-Sulami, al-Halhal bin Dhurri dan saudara-saudara Mid'dad bin Yazid al-Shaybāni dan al-Qarthā' al-Dabbi telah melarikan diri ke Kūfah.[45] Sebahagian daripada mereka dikatakan telah menyertai perang al-Qādisiyyah dan bergiat dalam

---

[39]Ibid., 1/2836, 2837, dan 2838; BF. ms. 334; Khalifah, *Tārikh,* vol. 1, ms. 141–2.

[40]Salmān telah menyertai dalam peperangan al-Qādisiyyah dan Jalūlā' (Tab. 1/2225), dan 2465).

[41]Tab. 1/2889.

[42]*BF.* ms. 203–4; Khalifah, *Tārikh,* vol. 1, ms. 138–9.

[43]Tab., 1/2889–90; BF. ms. 204; Khalifah, *Tārikh,* vol. 1, ms. 142.

[44]Tab., 1/2891, dan 2897; Khalifah, *Tārikh,* vol. 1, ms. 142; Ibn Sa'd, *Tabaqat,* vol. VI, ms, III.

[45]Tab., 1/2896–7.

zaman pemerintahan Khalifah 'Umar. Abu Mufāssir al-Aswad bin Qutbah al-Tamīmī,[46] dan Abū Wā'il Shaqiq bin Salamah al-Asadī,[47] umpamanya pernah berperang di al-Qādisiyyah. 'Utbah bin Farqad al-Sulamī, bapa kepada 'Amr, terlibat secara aktif dalam penaklukan wilayah Adharbayjān dan kemudian menjadi gabenornya.[48]

Kekalahan tentera Islam di Balanjār dan ketiadaan penaklukan yang dibuat semasa Sa'īd bin al-'Ās merupakan ancaman besar terhadap kedudukannya sebagai gabenor Kūfah. Di samping faktor-faktor ini serta ketibaan kaum pendatang baru yang ramai di Kūfah menyebabkan keadaan ekonominya bertambah buruk sedangkan keperluan perbelanjaan semakin bertambah sedangkan hasil pendapatan semakin berkurangan. Akibatnya, ketegangan terus berlaku di Kūfah. Untuk mengurangkan ketegangan ini Khalīfah 'Uthmān telah mengalih pandangan kepada tanah yang terbengkalai di Iraq. Tanah ini, sebagaimana yang dinyatakan di atas, adalah di bawah kekuasaan golongan *al-qurrā';* merekalah yang mentadbirkannya dan hasil daripada pendapatan tanah-tanah tersebut telah dibahagi-bahagikan kepada golongan yang awal, sehingga mereka menganggap tanah-tanah itu sebagai hak milik mereka sendiri. Walau bagaimanapun, Sayyidina 'Uthmān berpendapat bahawa bekas-bekas perajurit al-Qādisiyyah dan al-Madā'in yang telah kembali ke Mekah dan Madīnah dan tidak balik semula ke Iraq adalah berhak mendapat faedah daripada tanah-tanah tersebut; dan mencadangkan supaya tanah-tanah itu dtukar hak milik kepada mereka dengan cara pertukaran dengan tanah-tanah mereka yang berhampiran Madīnah, di al-Hijāz dan di selatan Semenanjung Arab. Bekas-bekas perajurit tersebut telah tertarik hati dengan cadangan Khalīfah 'Uthmān tanpa menghiraukan penentangan kaum *al-Qurrā'*. Akibat daripada perancangan penukaran hak milik tersebut bukan sahaja bekas-bekas perajurit di Madinah dan Mekah tetapi juga mereka yang berada di Iraq telah dapat memiliki sebahagian besar daripada tanah-tanah yang terbengkalai. Sebagai contoh, Talhah bin 'Ubaydillah, bekas

---

[46]Ibid., 1/2429–Abū Mufāzzir menyertai perang Jalūlā' juga (Tab. 1/2465).
[47]Ibn Sa'd, *Tabaqat,* vol. VI, ms. 69.
[48]Tab., 1/2660–2.

perajurit Mekah yang utama, telah menukarkan tanahnya di Khaybar dengan ladang-ladang yang subur di kawasan Nashstaj di Iraq (Sawād); Marwān bin al-Hakam menukarkan Nahr Marwān, yang dikurnia Khalīfah 'Uthmān, dengan tanah di Iraq; al-Ash'ath bin Qays al-Kindī, bekas pemimpin golongan murtad, menukarkan tanahnya di Hadramaut dengan tanah yang lebih subur di kawasan Taznabadh Iraq; dan ramai lagi pemimpin yang berada di Iraq seperti 'Abdullāh bin Mas'ūd, Khabbāb bin Aratt dan Jarīr bin 'Abdullāh telah memiliki tanah-tanah di Iraq dengan cara pertukaran dengan tanah-tanah mereka di tempat-tempat lain.[49]

Mengenai sistem tanah terbengkalai di Iraq yang baru diperkenalkan ini memerlukan penjelasan. Pertama, M. Hinds mendakwa bahawa sebelum dasar penukaran hak milik tanah-tanah tersebut diadakan Khalīfah 'Uthmān telah pun mengurniakan kepada para sahabat tanah-tanah yang dipanggil *qatias* yang diambil daripada tanah *sawāfi* di Iraq, dan mereka yang menerima kurniaan itu termasuklah Ibn Mas'ūd, Khabbāb bin Al-Aratt, Sa'd bin Abi Waqqās dan 'Ammār bin Yāsir.[50] Perkara yang perlu disebutkan di sini ialah bahawa M. Hinds, menurut riwayat Sayf, tidak menyebutkan nama al-Ash'ath bin Qays al-Kindī apabila menyentuh mengenai tanah *qatī'as* atau *qatā'i 'Uthmān*.[51] Ini boleh jadi kerana al-Ash'ath bin Qays adalah seorang yang pernah murtad dan bukan dari golongan para sahabat Nabi, dengan sebab itu beliau dikeluarkan daripada senarai nama-nama yang menerima *qatā'i 'Uthmān*. Walau bagaimanapun, adalah nyata daripada penerangan al-Balādhurī bahawa orang-orang yang menerima *qata'i 'Uthmān* adalah sama dengan orang-orang yang mendapat faedah dari dasar tukar hak milik yang dikemukan oleh Khalifah 'Uthmān ialah mereka yang memiliki tanah di al-Hijāz dan di selatan Semenanjung Arab.[52] Menurut Sayf, mereka adalah dari Madīnah, Mekah, Tā'if, Yaman dan Hadramaut yang melaksanakan penukaran tanah yang dimiliki mereka di Semenanjung Arab (*jazīrah al-'Arab*).[53] Ini

---

[49] *Ibid.*, 1/2854–5; *BF*. ms. 273–4.
[50] Hinds, *Thesis*, ms. 144.
[51] Tab. 1/2376; Hinds, op. cit., ms. 144.
[52] *BF* ms. 273–4.
[53] Tab. 1/2855.

bermakna bahawa mereka yang tidak mempunyai tanah di al-Hijāz atau di selatan Semenanjung Arab tidak mendapat faedah daripada dasar tersebut. Dengan kata-kata lain, mereka yang berada di sebelah utara Semenanjung Arab, sama ada memiliki tanah atau tidak, akan dengan sendirinya terkecuali daripada menikmati faedah penukaran tanah di Iraq. Oleh itu jelaslah bahawa kaum Quraysh dan anggota-anggota bekas suku yang pernah murtad telah menikmati faedah yang lebih besar daripada dasar penukaran tanah terbengkalai di Iraq oleh kerana mereka tinggal di sebelah al-Hijāz dan selatan Semenanjung Arab. Sementara kebanyakan kaum *al-qurrā'* datang dari sebelah utara Semenanjung Arab dan dengan sebab itu mereka tidak mendapat keuntungan daripada dasar tersebut; dan "tidak mungkin orang seperti Yazīd bin Qays al-Arhabī memiliki tanah yang banyak atau sebarang tanah di selatan Semenanjung Arab untuk membolehkan beliau melaksanakan penukaran tanah (di Iraq).[54]

Dasar Sa'īd/'Uthmān di Iraq ialah untuk memperkukuhkan kekuasaan dan pengaruh kaum Quraysh dan pemimpin-pemimpin suku. Bagi mencapai matlamat ini mereka menggunakan tanah-tanah di Iraq sebagai alat untuk menarik minat. Menurut al-Balādhuri, Khalīfah 'Uthmān adalah Khalifah yang pertama memindahkan tanah terbengkalai di Iraq kepada *qatā'i* menerusi dasar tukar hak milik tanah.[55] Kaum *qurrā'* sangat berdukacita dengan rancangan mereka terhadap tanah yang terbengkalai itu kepada sesiapa pun. Jawapan Sa'īd kepada golongan *al-qurrā'* adalah mudah iaitu mengecualikan mereka daripada jawatan kepimpinan.

Dalam tempoh Sa'īd menjadi gabenor, golongan *al-qurrā'* merasa tidak senang hati dan hampa kerana keistimewaan mereka di Iraq sudah terancam. Justeru itu gabenor Sa'īd telah menghadapi tentangan hebat daripada golongan *al-qurrā.* Di bawah ini akan dinyatakan mengenai penentangan dan kekacauan golongan *al-qurrā* di Kufah yang akhirnya membawa kepada penyingkiran Sa'īd bin al-'Ās.

Terdapat perbezaan pendapat dalam sumber-sumber sejarah

---

[54]Hinds, *Kufan Political Alignments*, ms. 360.
[55]*BF*, ms. 273.

mengenai sebab-sebab mengapa kekacauan itu berlaku. Menurut Sayf, kemarahan mula timbul apabila 'Abd al-Rahmān bin Kunays al-Asadī, ketua polis kerajaan Sa'īd di Kūfah, menyatakan bahawa beliau bercita-cita agar Sa'īd bin al-'Ās memiliki *al-Miltāt*, iaitu sebuah kawasan di pinggir Sungai Furāt, tidak jauh dari Kūfah, yang telah disifatkan oleh Sayf sebagai tanah yang dipunyai oleh Maharaja Sasan dan keluarganya (mā kāna li-Āl Kisrā).[56] Manakala al-Sha'bī pula mengatakan bahawa apabila Sa'īd bin al-'Ās tiba di Kūfah beliau telah menemui pemimpin-pemimpin yang terkemuka di Kūfah (*wujūd ahl al-Kūfah*) dan berbincang dengan mereka mengenai hal ehwal wilayah Kūfah. Mereka yang ditemui Sa'īd bin al-'Ās pada ketika itu di antaranya ialah al-Ashtar Mālik bin Hārith al-Nakha'ī, Mālik bin Ka'b al-Arhabī, Aswad bin Yazīd al-Nakha'ī dan 'Alqamah bin Qays al-Nakha'ī. Apabila mereka mengadu kepada beliau tentang campur tangan kerajaan terhadap tanah yang terbengkalai itu Sa'īd lantas mengumumkan "bahawa tanah Sawād (Iraq) adalah ladang bagi kaum Quraysh". Al-Ashtar menjawab dengan tepat, katanya, "bagaimana kamu boleh kata bahawa tanah Sawad itu kepunyaan kaum kamu (Quraysh); ia adalah hak kami yang telah kami perolehi dengan pedang-pedang kami".[57]

Yang sebenarnya, tidak ada pertentangan antara pendapat Sayf dengan pendapat al-Sha'bī, kedua-duanya menganggap tanah Sawād sebagai isu utama kepada pengaduan, tetapi kenyataan al-Sha'bī adalah lebih jelas dan tepat mengenai dua perkara: pertamanya, cadangan kerajaan untuk memberikan hak sepenuh ke atas tanah terbengkalai; keduanya, tanah Sawād merupakan isu penting kepada kekecohan yang berlaku di Kūfah. Kenyataan al-Sha'bī mengenai dua perkara tersebut telah mendapat sokongan yang kuat dari sumber-sumber yang berwibawa.[58]

---

[56]Tab. 1/2908–meskipun maklumat lanjut mengenai pengambilan *al-Miltāt* oleh Sa'īd tidak dinyatakan, beliau dikatakan telah dikurniakan wang sebanyak 100,000 dirham oleh Khalīfah 'Uthmān (*BA*. vol. V, ms. 28).

[57]Tab., 1/2916.

[58]Sila lihat umpamanya, *BA*., vol. V, ms. 40; Ibn A'tham, vol. 1, fol. 7B; Ibn Sa'd, *Tabaqāt*, vol, V, pt. i, ms. 21, dan 22; al-Isfahani, Abu Faraj, *Kitab al-Aghānī*, Kahirah, 1285 H., vol. XI, ms. 30; Mas'ūdī, 'Ali bin al-Husayn, *Murūj al-Dhahab*, Qahirah, 1948, vol. II, ms. 346.

Menurut tokoh yang berwibawa seperti Sayf, Ibn A'tham, al-Madā'inī dan Abū Mikhnaf, berikutan daripada peristiwa yang disebutkan di atas, pertelingkahan pun bermula. 'Abd al-Raḥmān bin Kunays al-Asadi, yang dikatakan telah menyokong kata-kata Sa'īd bin al-'Āṣ, telah diserang, dan apabila bapanya, Kunays, cuba mempertahankannya beliau juga turut diserang oleh Al-Ashtar dan pengikut-pengikutnya, Ibn Dhī al-Habakah, Jundab, Sa'sa'ah, Ibn al-Kawwā, Kumayl bin Ziyād dan 'Umayr bin Ḍābi'.[59]

Berhubung dengan parti pembangkang yang berkenaan, berbagai istilah telah digunakan oleh tokoh-tokoh sejarah Islam yang berwibawa. Sayf[60] memanggilnya golongan *al-qurrā'* dan puak pemberontak. Al-Madā'ini[61] mensifatkan sebagai golongan yang mendakwa diri mereka *al-qurrā'* walhal mereka bodoh. Abu Mikhnaf[62] menggelarnya sebagai golongan *qurrā'* (Kufah) dan Ḥārith al-Ashtar al-Nakha'ī. Di tempat-tempat lain pula Abū Mikhnaf[63] menamakannya segolongan daripada golongan *al-qurrā'*, di antaranya termasuklah Ma'qil bin Qays al-Arhabī. Sementara al-Sha'bi[64] hanya menyebut bahawa segolongan pemimpin terkemuka Kūfah, termasuklah Mālik bin Ka'b ... dan Mālik al-Ashtar pada suatu malam telah berbincang dengan Sa'īd bin al-'Āṣ, tanpa menyebut perkataan *al-qurrā'*. Begitu juga Ibn Isḥāq[65] cuba mengelakkan dari menyebut perkataan *al-qurrā'* dengan katanya beberapa orang penduduk Kūfah dari golongan pembesar (*ashrāf*) Iraq pada satu ketika telah menuduh Khalīfah 'Uthmān; pemimpin-pemimpin itu temasuklah Mālik bin Ḥārith al-Ashtar, Thābit bin Qays al-Nakha'ī, Jundab bin Ka'b al-Azdī, 'Urwah bin al-Ja'd dan 'Amr bin al-Ḥāmiq al-Khuzā'ī. Bagaimanapun, Ibn A'tham memberitakan lebih terperinci mengenai perkembangan istilah yang merujuk kepada parti pembangkang tersebut. Beliau, dalam usaha untuk memahami motif penentangan ini, telah mengumpulkan dan menghuraikan dengan panjang lebar bahan-bahan sejarah yang

[59]Tab., 1/2908; Ibn A'tham, vol. 1, fols, 7B–8A; Isfahānī, *Aghānī*, vol, XI, ms. 31; ***BA***. vols, V, ms. 40.
[60]Tab., 1/2853.
[61]Isfahānī, *Aghānī*, vol. XI, ms. 30.
[62]*BA*., vol. V, ms. 40.
[63]*Ibid.*, vol. V, ms. 41.
[64]*Tab.*, 1/2915–6.
[65]*Ibid.*, 1/2921.

berkenaan daripada berbagai riwayat, dan setelah itu disusun dalam kitabnya *Kitāb al-Futūh*. Menurut beliau, pada suatu ketika sebahagian dari golongan *al-qurrā'* dan pembesar-pembesar Kūfah telah mengadu hal kepada gabenor di Kūfah, Sa'īd bin al-'Ās, tentang hal ehwal tanah di Iraq.[66] Pada hari berikutnya kejadian seumpama itu telah berlaku, tetapi mereka dipanggil sebagai orang-orang kenamaan (*wujūh*) Kūfah.[67] Setelah kekacauan berlaku, golongan tersebut yang terdiri daripada al-Ashtar dan pengikut-pengikutnya disifatkan sebagai golongan *al-qurrā'* yang bodoh.[68] Berbagai lagi istilah digunakan oleh Ibn A'tham, mengikut keadaan tertentu, mengenai puak yang menentang Sa'īd bin al-'Ās, seperti *rijāl* (pemimpin-pemimpin), *khiyār* (orang-orang yang terpilih) dan *jamā'ah* (sekumpulan manusia).[69]

Dari berbagai istilah yang digunakan oleh para tokoh sejarah Islam yang berwibawa untuk mensifatkan puak pemberontak di Kūfah pada zaman Sa'īd bin al-'Ās kita dapati bahawa istilah *"al-qurrā"* hanya satu sahaja dari istilah-istilah tersebut *mutassammitūn* (puak pemberontak) *sufahā'* (orang-orang bodoh), *wujūh* (orang-orang kenamaan), *ashrāf* (pembesar-pembesar), *rijāl* (pemimpin-pemimpin) *khiyār* (orang-orang yang terpilih), *jamā'ah*, (sekumpulan manusia) dan *qurrā'* ... dan kesemua istilah ini merujuk kepada satu puak dalam peristiwa yang sama. Tetapi jika kita ambil perkataan *"ashrāf"* sebagai contoh, kita akan dapati bahawa ia mempunyai pengertian yang luas yang melibatkan berbagai jenis dan keturunan manusia. Takrif *"ashrāf"* atau *ahl al-sharaf*, menurut Sayf, ialah terdiri daripada golongan pembesar-pembesar dan golongan bangsawan, orang Islam yang terdahulu, penduduk Kūfah atau orang Arab yang tiba awal di Iraq, dan orang-orang yang tinggal lama diKūfah.[70] Ini termasuk anggota-anggota suku Arab yang pernah murtad dan tidak murtad. Sebagaimana yang dinyatakan di atas, golongan *al-qurrā'* adalah sebahagian daripada golongan *ashrāf*.[71] Untuk menggelar mereka *ashrāf* atau *ahl al-sharaf*, *wujūh*,

---

[66]Ibn A'tham, vol. 1, fol. 7A.
[67]*Ibid.*, vol. 7B.
[68]*Ibid.*, vol. 8A.
[69]*Ibid.*, vol. 13A.
[70]Tab., 1/2852.
[71]Sila lihat ms. 76, 77, (Tab. 1/2853).

*rijāl, Khiyār, jamā'ah,* dan lain-lain istilah dalam bentuk umum sudah tentu akan melibatkan kaum-kaum lain seperti kaum Quraysh dan orang-orang yang pernah murtad. Demi untuk mengelakkan kekeliruan dan kekusutan ini, sumber-sumber kita menggelar mereka *al-qurrā',* iaitu menghubungkan mereka dengan dakwaan kekuasaan mereka ke atas kampung-kampung di Iraq. Oleh itu tidak hairanlah jika didapati pada beberapa ketika Ibn A'tham mengaitkan mereka kepada "orang-orang kampung", *ahl al-qurrā* atau *al-qurrā.*[72] Perbezaan lain, kita dapati mereka ini kadangkala disifatkan dengan sifat-sifat tertentu seperti orang-orang bodoh, orang-orang zalim dan iri hati oleh Khalīfah 'Uthmān dan gabenor-gabenornya oleh kerana tingkah laku dan perangai buruk yang ditunjukkan oleh mereka terhadap kerajaan.[73] Ini tidak bermakna menafikan taraf dan status mereka sebagai *ashrāf,* atau menghalang mereka daripada mendapatkan elaun-elaun *ahl al-ayyām* yang mereka memperolehi sebelumnya.[74] Oleh yang demikian, perkataan "*al-qurrā*" di sini merupakan suatu istilah baru yang diberikan kepada kaum minoriti *ashrāf* yang menentang kerajaan, atau lebih tepat lagi, dari golongan *ahl al-ayyām* yang enggan menyerahkan kuasa ke atas kampung-kampung di Iraq; dan mereka sangat berseteru dengan kerajaan.

Kebanyakan sumber mensifatkan penentang ini sebagai penentangan golongan *al-qurrā'* di Kūfah.[75] Kenyataan Ibn A'thamlah yang mempunyai keterangan yang lebih banyak dan lebih bermakna, menyatakan secara terperinci mengenai kekacauan di Kūfah dan perkembangannya yang membawa kepada peristiwa penyingkiran beberapa orang dari golongan *al-qurrā'* dari Kūfah, dan peristiwa ini dikenali sebagai *al-musayyarūn* (penyingkiran). Sementara kenyataan-kenyataan lain bukan sahaja tidak lengkap

---

[72]Ibn A'tham, vol. 1, fol. 10A.

[73]*BA*. vol. V, ms. 40; Ibn A'tham, vol. I, fols, 8A, 9A, 10A; Isaānī, Aghānī, vol. XI, ms. 30–mereka disifatkan juga sebagai "kaum yang tidak mempunyai aqal dan agama" (*aqwān laysa lahum 'uqul wa-lā adyān*).

[74]Kita harus ingat bahawa sebahagian daripada *ahl al-ayyām* telah disertai oleh pendatang-pendatang baru dan tuntutan-tuntutan mereka boleh jadi sudah dilayani kerajaan (Tab. 1/2913).

[75]Hanya Sayf sahaja yang mengaitkan penentangan ini kepada *qurrā'* Basrah (Tab. 1/2908)–kenyataan Sayf ini telah dibetulkan oleh Ibn al-Athīr (*al-Kāmil,* vol. III, ms. 138).

dari segi maklumat, malahan rangkaian peristiwanya tidak selari atau tersusun. Akibat dari itu pengertian *al-qurrā'* yang sebenar telah disalahtafsirkan kepada penghafal-penghafal al-Qurān. Kesilapan tafsiran ini dilakukan oleh Sayf dan dinyatakan di sana sini dalam *Tārīkh* al-Tabarī.[76] Ibn A'tham pada mulanya sebagaimana juga Sayf, cenderung mentafsirkan *al-qurrā'* sebagai "penghafal-penghafal al-Qur'ān" apabila beliau menyatakan pada awalnya mengenai khutbah Sa'īd bin al-'Ās dalam sebuah masjid besar di Kūfah, dengan katanya "Saya lebih suka kepada mereka yang boleh menghafal al-Qur'ān dengan lancar" (*ahabbukum illyya (Sa'īd) 'aqra'ukum li-kitāb Allāh*).[77] Kekeliruan dan kekaburan mengenai pengertian ini telah diatasi oleh Ibn A'tham apabila beliau memanggil mereka kemudiannya *ashraf, wujuh, al-sufahā', rijal min qurā ahl al-Kūfah,*[78] *khiyār ahl al-Kūfah, jamā'ah ahl al-Kūfah,* dan lain-lain. Tidak ada satu pun dari istilah-istilah ini yang menunjukkan makna "penghafal-penghafal al-Qur'an". Tetapi yang jelas ialah bahawa *al-qurrā'* itu ialah segolongan manusia di Kūfah, atau sebahagian daripada golongan *ashrāf,* orang-orang kenamaan, dan pemimpin-pemimpin Kūfah yang tinggal/menguasai kampung-kampung (di Iraq), dan disifatkan sebagai orang-orang yang bodoh. Sebahagian daripada mereka ini telah disingkir dari jawatan-jawatan penting dalam tempoh pemerintahan Khalīfah 'Uthmān dan kembali semula ke Kufah untuk menyertai pemberontakan pada zaman al-Walid bin 'Uqbah.[79] Misalnya, Yazid bin Qays al-Arhabi, yang pada mulanya menjadi gabenor Hamadhan pada masa penaklukannya sejak tahun 22 H/643 M,[80] telah digantikan oleh Sa'īd bin Qays,[81] yang berasal dari keluarga Hamdān yang paling berpengaruh iaitu Āl Marib dari keturunan suku al-Sabī. Datuknya,

---

[76]Tab. 1/2295–6, 2928, 2952.

[77]Ibn A'tham, vol. 1, fol. 7A.

[78]Adalah besar kemungkinan *qurā,* kampung-kampung, yang dimaksudkan di sini merujuk kepada kampung-kampung yang berada di Iraq (sawad) di mana kaum *al-qurrā'* yang menguasainya.

[79]Tab. 1/2848.

[80]*Ibid.,* 1/2651 (disini disebut Yazīd bin Qays al-Ḥamdani dan bukan Yazid bin Qays al-Arhabi). Pada hakikatnya ini tidak salah kerana Arhabī itu nisbah kepada Arhab, dari suku badwi Hamdān (Tab. 111/2487), Leiden edition; Ibn Sa'd, *Tabaqat,* vol. VI, ms. 172).

[81]Tab., 1/2928.

Zayd bin Marib, adalah pemimpin persekutuan suku-suku Hamdān, Madhhij dan Himyar.[82] Setelah disingkir daripada jawatannya Yazīd bin Qays pun kembali semula ke Kūfah dan di sana beliau muncul sebagai salah seorang pemimpin *al-qurrā'* pada masa Sa'īd bin al-'Ās menjadi gabenor. Ada di antaranya yang tinggal tidak jauh dari Kūfah kembali juga ke Kūfah untuk menyertai pemberontakan. Contohnya, Shuraysh bin 'Awfā al-'Absī, yang tinggal di al-Madā'in sejak pemindahan pusat tentera Arab ke Kūfah bersama-sama anggota-anggota sukunya dari 'Abs, telah muncul di Kūfah bersama-sama pengikut-pengikut Yazīd bin Qays al-Arhabī.[83]

Kenyataan-kenyataan lain daripada Abū Mikhnaf dan al-Madā'ini nampaknya bersetuju dengan pendapat Ibn A'tham mengenai pengertian *al-qurrā*.[84] Begitu juga kenyataan 'Anbarī yang dipetik oleh al-Tabarī menyatakan bahawa pada suatu hari Khalīfah 'Uthmān menyebut mengenai 'Āmir bin 'Abdillāh al-Tamīmī, salah seorang pemimpin *al-qurrā'*, dengan katanya "orang menyangka yang beliau pembaca/ penghafal al-Qur'ān ... demi Allah bahawa sebenarnya beliau tidak mengetahui di mana Tuhan" (*fa-inna al-nās yaz'amuna annahu qāri' ... fa-wallāhi ma yadri ayna Allah*).[85]

Dari berbagai riwayat yang disebut oleh Ibn A'tham, al-Madā'ini, Abū Mikhnaf dan 'Anbarī dapatlah disimpulkan bahawa *al-qurrā'* itu bukannya penghafal-penghafal al-Qur'ān, sebagaimana yang disangka oleh J. Wellhausen, M. Hinds, dan ahli-ahli sejarah Islam yang lain dan tidak pula kaum munafiq, sebagaimana yang ditafsirkan oleh G.H.A. Juynboll, tetapi mereka itu ialah sebahagian daripada ahl *al-ayyām*, para peneroka Iraq yang telah menguasai pentadbiran kampung-kampung di Iraq sejak awal-awal pembukaannya. Dengan kata-kata lain, istilah *al-qurrā'* bukanlah berpunca dari kata dasar *Qaf Ra Hamzah* yang mengertikan "penghafal-penghafal al-Qurān" tetapi dari *Qaf Ra Ya* yang merujuk kepada orang-orang yang mempunyai kepentingan-kepentingan di kampung-kampung (Iraq).

Di Kūfah, golongan *al-qurrā'*, berhimpun bersama-sama pemimpinnya al-Ashtar Mālik bin al-Hārith al-Nakha'ī untuk

[82] Al-Hamdānī, *Iklīl*, vol. X. ed. al-Khatīb, Qahirah, 1959, ms. 41 seterusnya.
[83] *BA.*, vol. V, ms. 45.
[84] Tab., 1/2931.
[85] *Ibid.*, 1/2908.

menyatakan rasa tidak puas hati mereka terhadap pengisytiharan Sa'īd bin al-'Ās "bahawa tanah Sawād (Iraq) adalah kepunyaan orang-orang Quraysh." Pada masa berlakunya pemberontakan ramai di antara kaum Quraysh, seperti Talhah bin 'Ubaydillāh, dan pemimpin-pemimpin suku di Kūfah telah bersimpati dan memihak kepada Sa'īd, dengan harapan agar tanah-tanah yang diperolehi mereka melalui dasar penukaran tanah di Iraq yang dilancarkan oleh Khalifah 'Uthmān akan terselamat.[86] Kaum Quraysh dan pemimpin-pemimpin suku ini telah diistilahkan oleh Sayf sebagai *ashrāf ahl al-Kūfah wa sulahā'uhum.*[87] Mereka telah menulis surat kepada Khalīfah 'Uthmān meminta supaya beliau menyingkir golongan *al-qurrā'* dari Kūfah ke Syria. Setelah menerima surat tersebut Khalīfah pun mengarahkan Sa'īd bin al-'Ās, gabenor Kūfah, supaya menghalau golongan *al-qurrā'* ke Syria.

Nama-nama golongan *al-qurrā'* yang dihalau dari Kūfah oleh Sa'īd bin al-'Ās adalah seperti berikut:

al-Ashtar Mālik bin al-Hārith al-Nakha'ī
Sa'sa'ah bin Sawhān al-'Abdī
Zayd bin Sawhān al-'Abdī
'Ā'iz bin Hamalah al-Tahwī al-Tamīmī
Kumayl bin Ziyād al-Nakha'ī
Jundab bin Ka'b al-Azdī
al-Hārithah bin 'Abdillāh al-'A'war al-Hamdānī
Thābit bin Qays al-Nakha'ī
Yazīd bin al-Mukaffaf al-Nakha'ī, dan
S'ar bin Qays al-Hārithī.[88]

---

[86] *Ibid.*, 1/2908.

[87] *Ibid.*, 1/2909–golongan *al-qurrā'* juga digelar oleh beberapa orang tokoh yang berwibawa seperti Ibn Ishaq sebagai *ashrāf.* Ini menunjukkan bahawa golongan *ashraf* pada ketika itu (pada masa penentangan) telah terbahagi kepada dua kumpulan: kumpulan pertama terdiri daripada kaum Quraysh dan pemimpin-pemimpin suku, dan kumpulan kedua terdiri daripada golongan *al-qurrā'.* Perbezaan di antara dua kumpulan tersebut ialah bahawa kaum Quraysh telah memperolehi tanah-tanah dan kekuasaan yang baru di Iraq, sementara golongan al-qurra' telah kehilangan keistimewaan/kekuasaan di negeri tersebut. Selain itu, telah disokong oleh pendatang baru di Iraq, sedangkan *al-qurrā'* tidak, namun taraf mereka sebagai *ashrāf* tetapi dipelihara oleh Khalīfah 'Uthman (Tab., 1/2909, 2929).

[88] *BA.*, vol, ms. 41; Ibn A'tham, vol. I, fols, 8A–8B; Tab. 1/2917; Ibn Sa'd, *Tabaqat,* vol. V, ms.24.

Sebaik sahaja tiba di Syria, mereka telah ditemubual oleh gabenor-gabenor, Mu'āwiyah bin Abī Sufyān, dan dinasihatkan supaya menyokong kaum Quraysh, dengan katanya bahawa "dari kaum Qurayshlah datangnya imam-imam (Khalīfah-Khalīfah ...) dan merekalah orang yang paling mulia di antara suku-suku kaum Arab ..."[89] Namun golongan *al-qurrā'* tidak mahu bertolak ansur dan tidak mahu menyerahkan kekuasaan mereka terhadap tanah-tanah di Iraq. Setelah beliau gagal memujuk golongan *al-qurrā'* Mu'āwiyah menggelar mereka (dengan sebab keangkuhan dan kedegilan mereka itu) sebagai orang-orang yang tidak berfikiran dan beragama (aqwām laysat lahum 'uqul wa-la-adyan).[90] Beliau mengutuk Sa'sa'ah bin Sawhān al-'Abdī dengan katanya "bahawa kampung kamu adalah seburuk-buruk kampung yang berada di Semenanjung Arab (*fa-Inna qaryataka sharru qurā 'arabiyyah*).[91] Mereka seterusnya disifatkan sebagai orang-orang yang menutur kata-kata yang buruk ... dan mendakwa sebagai pembaca-pembaca al-Qur'ān.[92]

Semasa ketiadaan al-Ashtar dan pengikut-pengikutnya, *musayyarūn*, yang disingkir (ke Syria), kekacauan berlaku lagi di Kūfah. Golongan *al-qurrā'* menyatakan tidak puas hati mereka terhadap Khalīfah 'Uthmān tentang urusan tanah yang terbengkalai dan penyingkiran sahabat-sahabat mereka ke Syria. Di antara pemimpin-pemimpin *al-qurrā'* yang muncul pada ketika itu termasuklah:

Yazīd bin Qays al-Arhabī
Shuraysh bin 'Awfā al-'Absī
Hujr bin 'Adī al-Kindi
'Amr bin Hamiq al-Khuzā'ī
Ziyād bin Khasafah al-Tamīmī
'Abdullah bin Tufayl al-Bukhārī al-'Āmirī
Ziyād bin Nadr al-Hārithi

[89]Tab., 1/2810.
[90]*Ibid.*, 1/2913.
[91]Tab., 1/2911–2, merujuk kepada kampung Sa'sa'ah di 'Umān, Semenanjung Arab, bukan kepada kampungnya di Kūfah, Iraq, sebagaimana yang disangka oleh Juynboll (*The Qurrā' in Early Islamic History*, ms. 114).
[92]Tab., 1/2920.

Karam bin al-Hadramī al-Mīlikī
Ma'qil bin Qays al-Riyāhī
Zayd bin Hisn al-Sunbusī al-Tā'ī
Sulaymān bin Surād al-Khuzā'ī
al-Musayyab bin Nujabah al-Fazārī, dan
Ka'b bin 'Abdah al-Nahdī.[93]

Orang-orang dari golongan *qurrā'* ini telah menulis surat layang kepada Sayyidina 'Uthmān dan menyatakan kepada beliau dua aduan. Pertama, campur tangan kerajaan terhadap tanah terbengkalai, dan kedua, pengusiran teman-teman mereka dari Kūfah.[94] Apabila Khalīfah 'Uthmān menerima surat layang tersebut beliau bertanya kepada pembawanya, al-Anzī, "Siapakah yang menulis surat ini?" Pembawa surat itu menjawab, "Mereka ialah orang-orang yang salih, dari kalangan pembaca-pembaca al-Qur'ān, dan mereka ini adalah orang beragama dan berjasa". "Kamu ini pembohong", kata Khalifah, "Ia mesti dibuat oleh *al-sufahā', ahl al-bāghyi wa al-hasad* (orang-orang bodoh, yang tidak melakukan keadilan, dan orang-orang yang iri hati dan hasad dengki)."[95] Pada hakikatnya surat tersebut sengaja dibuat oleh golongan *al-qurrā'* (penghuni penguasa kampung di Iraq) tanpa menyebut nama-nama mereka oleh kerana mereka tahu bahawa jika sekiranya nama-nama mereka disebut nescaya mereka akan didera oleh Khalifah 'Uthmān dan gabenornya, Sa'īd bin al-'Ās.[96] Oleh kerana kebimbangan ini, pembawa surat tersebut, yang juga salah seorang daripada pengikut atau penyokong *al-qurrā'*, terpaksa menafikan penglibatannya dengan menggunakan nama-nama orang yang baik atau beragama di Kūfah, dengan harapan agar Khalīfah akan bersimpati dengan aduan-aduan mereka. Bagaimanapun, apabila Khalīfah membaca surat yang kedua yang menyebut nama Ka'b[97]

---

[93]*BA.*, vol. V, ms. 41; Ibn A'tham, vol. I, fol. 10A.

[94]Kedua aduan ini dapat dilihat dengan jelas dalam surat kedua yang beralamatkan Ka'b bin 'Abdah al-Naddī yang berbunyi *innaka ('Uthmān) nafayta khiyārahum ... wa qassamta fa'ahum fī 'aduwwihim ... (BA.* vol. V, ms. 41; Ibn A'tham, vol. I, fol. 10A.)

[95]Ibn A'tham, vol. 1, fol. 10B.

[96]*Ibid.*, fol. 10A.

[97]Beliau juga dikenali sebagai Ibn Dhī al-Habakah, yang sebelumnya beliau pernah bersama-sama al-Ashtar, iaitu di permulaan kekacauan di Kufah (Tab. 1/2908).

dan bapanya, 'Abdah al-Nahdī, salah seorang daripada golongan *qurrā'* Kūfah, yang dibawa bersama oleh al-'Anzī, dan juga dialamatkan kepada Sayyidina 'Uthmān di Madīnah, ternyata bahawa tujuan dan matlamat surat itu ialah untuk melahirkan rasa tidak puas hati terhadap tindakan Khalifah 'Uthmān dan gabenornya, Sa'īd, mengenai dua isu yang disebutkan dí atas. Justeru itu Khalifah mengarahkan supaya Ka'b di berkas dan dibawa ke Madinah, untuk menerima hukuman dera. Apabila Ka'b kembali semula ke Kūfah beliau dihalau pula ke kawasan pergunungan oleh Sa'īd bin al-'Ās.[98] Sementara al-'Anzi telah diselamatkan oleh 'Alī bin Abi Tālib, dan kembali ke Kūfah dengan aman.[99]

Semasa Sa'īd tidak berada di Kūfah kerana pergi bermesyuarat dengan Khalīfah 'Uthmān di Madīnah, golongan *al-qurrā'* telah menghubungi al-Ashtar di Syria dan menggesa beliau dan rakan-rakannya pulang ke Kūfah.[100] Apabila al-Ashtar menerima surat tersebut beliau terus memberitahu kepada rakan-rakannya, dan kemudian mereka dengan tidak lengah-lengah lagi berlepas dari Syria ke Kūfah, sementara itu Sa'īd masih di Madīnah.[101] Di Kūfah al-Ashtar telah memberi perangsang kepada golongan *al-qurrā'* dengan menyentuh perkara yang paling sensitif, iaitu mengenai tanah terbengkalai di Iraq, dengan katanya "Sa'īd telah datang menemui kamu semua, dan dia mendakwa bahawa tanah Sawād (Iraq) adalah ladang orang-orang Quraysh; tetapi kamu semua tahu bahawa tanah tersebut adalah hak kepunyaan kamu, bapa-bapa kamu dan datuk nenek kamu yang diperolehi dengan tombak-tombak kamu semua."[102] Di sini, al-Ashtar, ketua umum golongan *al-qurrā'*, telah mengisytiharkan bahawa tanah terbengkalai itu bukan sahaja hakmilik golongan *al-qurrā'* masih hidup, tetapi termasuk juga mereka yang telah meninggal. Dalam rapat umum ini beliau menyentuh juga mengenai masalah elaun atau gaji (*'atā'*), dengan katanya bahawa Sa'īd bin al-'Ās telah cuba memujuk Khalīfah 'Uthmān supaya menurunkan kadar gaji orang perempuan

---

[98]Ibn A'tham, vol. 1, fols. 10A, dan 11B.
[99]Ibid., fol. 11A.
[100]Ibid., fol. 13A; Tab. 1/2928; *BA*. vol. V, ms. 44; Isfahānī, *Aghānī*, vol XI, ms. 31.
[101]Ibn A'tham, vol. 1, fol. 13A; Ibn Sa'd, *Tabaqāt*, vol. V, ms. 21.
[102]Ibn Sa'd, *Tabaqāt*, vol. V, ms. 22; Tab. 1/2929; Ibn A'tham, vol. I, fol. 8A.

kepada 100 dirham (sebelumnya 200 dirham gaji orang perempuan yang menyertai peperangan al-Qādisiyyah, dan gaji orang perempuan yang menyertai peperangan-peperangan sebelum al-Qadisiyyah 300 dirham, yang dipanggil *al-ayyām* dan gaji golongan yang berani (*ahl al-bala'*) kepada 2,000 dirham.[103] Sayf telah menyentuh juga mengenai masalah *ahl al-bala'* apabila ia menceritakan tentang penaklukan orang Islam di Iraq. Menurut beliau, golongan peneroka Iraq, yang awal *ahl al-ayyām*, pada mulanya telah memperolehi taraf *ahl al-balā'* sebagai pengiktirafan kepada sifat keberanian mereka menentang orang Sasan dalam peperangan.[104] Kenyataan Sayf di tahap awal ini nampaknya cenderung untuk memperkatakan bahawa kesemua *ahl al-ayyām* adalah *ahl al-bala'*. Dengan kata-kata lain, yang dimaksudkan dengan *ahl al-balā'*, ialah *ahl al-ayyām*. Di dalam peperangan al-Buwayb kesemua *ahl al-balā'* telah diberi ganjaran yang terbanyak daripada harta rampasan perang oleh al-Muthannā (*faddala al-Muthannā ahl al-balā' min jamī' al-qabā'il)*.[105] Di al-Qādisiyyah, gaji mereka telah ditambah daripada 500 dirham kepada kadar yang biasa diterima oleh peserta-peserta perang al-Qadisiyyah, iaitu 2,000 dirham.[106] Apabila tertubuhnya *dīwān* pada tahun 20 H/641 M, perbezaan gaji antara kedua golongan tersebut (*ahl al-bala*, dan *ahl al-ayyām*) telah diadakan; *ahl al-bala* menerima sebanyak 2,500 dirham setahun, manakala *ahl al-ayyām* menerima sebanyak 3,000 dirham setahun.[107] Perbezaan ini dibuat boleh jadi oleh kerana terdapat ramainya di kalangan bukan *ahl al-ayyām* yang telah menunjukkan keberanian di dalam peperangan menentang musuh di Iraq, dan oleh kerana itu mereka juga telah memperolehi status *ahl al-balā'*. Maklumat yang disampaikan Sayf tadi perlu dijelaskan. Pertama, adalah jelas bahawa maksud *ahl al-balā'* pada ketika itu ialah bukan sahaja terdiri daripada *ahl al-ayyām* tetapi juga termasuk anggota-anggota suku Arab yang lain yang telah membuktikan keberanian mereka dalam peperangan menakluki Iraq. Kedua, gaji *ahl al-balā'* adalah dalam lingkungan antara

[103]Tab., 1/2929–penjelasan mengenai gaji kaum wanita, sila lihat Tab., 1/2413.
[104]*Ibid.*, 1/2029, 2036, 2037, dan 2451.
[105]*Ibid.*, 1/2198.
[106]*Ibid.*, 1/2343.
[107]*Ibid.*, 1/2412.

2,500–3,000 dirham setahun, ini termasuklah gaji *ahl al-ayyām*.[108] Tetapi al-Ashtar telah mengingatkan kepada mereka bahawa gaji mereka boleh jadi akan diturunkan kepada 2,000 dirham setahun oleh Sa'īd bin al-'Ās. Walaupun tidak ada bukti yang menunjukkan yang Sa'īd mengambil inisiatif untuk mengurangkan gaji *al-qurrā'* atau *ahl al-balā'*, beliau sesungguhnya telah mengurangkan gaji kaum wanita Kūfah daripada 200 dirham kepada 100 dirham,[109] dan begitu juga telah menurunkan kadar *rizq*, (elaun bulanan) yang dibayar dalam bentuk gandum, dari enam kati kepada lima setengah kati.[110] Apabila Sa'īd bin al-'Ās dihantar semula oleh Khalīfah 'Uthmān untuk menjadi gabenor Kūfah, beliau mengatakan kepadanya bahawa ia telah berazam untuk memotong gaji mereka yang tidak taat dan cuba membantahnya (*wa'azama ('Uthmān) 'alā tahrīm 'a'tiyātihim li-uitī'ūhu, wa-yuhtājū ilayhi*).[111]

Kebanyakan ahli sejarah Islam yang berwibawa seperti al-Balādhurī, Ibn A'tham, al-Isfahānī, dan Ibn Sa'd berpendapat bahawa ketua umum bagi golongan *al-qurrā'* pada ketika itu ialah al-Ashtar.[112] Hanya Sayf sahaja yang cenderung untuk mengatakan bahawa Yazīd bin Qays bin al'Ās, gabenor Kūfah, melantik beberapa orang pemimpin Arab ke beberapa kawasan bandar Kūfah telah menjadi ketiadaan pemimpin-pemimpin, *wa khalat al-Kūfah min al-ru'asā'*. Pemimpin Arab yang dilantik ialah al-Ash'ath bin Qays al-Kindī ke Adharbayjān, Sa'īd bin Qays al-Hamdānī, yang sebelum ini menjadi gabenor Hamdhān, ke al-Rayy, al-Nusayr al-'Ijlī ke Hamadhān, al-Sa'īd bin al-Aqrā' ke Isfahān, Mālik bin Habib al-Yarbū'ī ke Māh, Hakīm bin Salamah al-Hizāmī ke Mawsil, Jarīr bin 'Abdillāh ke Qarqīsiyyā, Salmān bin Rabī'ah al-Bāhilī ke al-Bāb dan 'Utaybah bin al-Nahhās ke Hulwān. Pada ketika itu Yazīd bin Qays al-Arhabī dan al-Qa'qa' bin 'Amr al-Tamīmī berada di Kūfah dengan inisiatif mereka sendiri untuk membantu mengusir Sa'īd bin al-'Ās dari Kūfah. Kedua-dua pemimpin tersebut telah

---

[108]Ibid., 1/2101 (di sini gaji *ahl al-balā'* disebutkan sebanyak 3,000 dirham); bandingkan dengan al-'Alī, *Tanzimat*, ms. 128 (dalam catatan kaki).

[109]Isfahānī, *Aghānī*, vol. XI, ms. 31.

[110]Al-'Alī, Tanzīmāt, ms. 145.

[111]Tab., 1/2934.

[112]*BA*, vol. V, ms. 45–6; Ibn A'tham, vol. I, fols, 13B–14A; Isfahānī, *Aghānī*, vol. XI, ms. 31; Ibn Sa'd, *Tabaqāt*, vol. V, ms. 22.

menghimpunkan golongan *al-qurrā'* dan membawa mereka ke kawasan al-Jara'ah, iaitu sebuah kampung yang terletak di antara Kufah dengan al-Hīrah. Di sini mereka telah berjaya menewaskan Sa'īd dan memaksanya pulang ke Madīnah. Menurut Sayf lagi, pada masa mereka berada di al-Jara'ah mereka telah menghubungi orang Mesir dan Basrah supaya bergerak menentang Khalīfah 'Uthmān.[113]

Adalah sukar untuk meyakini kenyataan Sayf, terutamanya mengenai kepimpinan dan peranan yang dimainkan oleh Yazīd bin Qays dan al-Qa'qa' bin 'Amr dalam usaha mengusir Sa'īd dari Kūfah kerana Sayf sendiri adalah dari suku Tamīm. Beliau boleh jadi bermaksud untuk memperkukuhkan kedudukan al-Qa'qa', juga dari suku Tamīm, yang pada ketika itu ada bersama-sama Yazīd bin Qays. Tambahan pula, kehadiran al-Qa'qa' di al-Jara'ah tidak disebutkan oleh sumber-sumber Arab yang lain, melainkan Sayf sahaja yang selalu menyebutnya secara samar-samar. Menurut Ibn Sa'd, apabila al-Ashtar dan tenteranya berkhemah di al-Jara'ah beliau telah menghantar Yazīd bin Qays al-Arhabī dan 'Abdullāh bin Kinānah al-'Abdī bersama-sama tentera seramai 500 orang tiap-tiap seorang ke al-'Udhayb, dan dari sanalah mereka mengusir Sa'īd bin al-'Ās.[114] Al-Balādhurī juga berpendapat bahawa Sa'īd telah diusir dari al-Udayb, tetapi dalam hal ini Yazīd bin Qays dan al-Qa'qa' bin 'Amr tidak memainkan peranan penting, kerana menurut beliau, sebaik sahaja al-Ashtar tiba di Kūfah beliau telah menyeru golongan *al-qurrā'* dan berkata kepada mereka bahawa Khalīfah 'Uthmān telah mengubah sistem tanah terbengkalai di Iraq dan menggantikan gabenor-gabenor dan pegawai-pegawai wilayah yang lama dengan yang baru dan merangsang mereka supaya menghalang Sa'īd bin al-'Ās dari masuk ke Kūfah. Setelah itu al-Ashtar pergi ke al-Jara'ah, lalu beliau menyusun angkatan tenteranya untuk menguasai kawasan-kawasan di sekitar bandar Kūfah. Bilangan tentera al-Ashtar, sebagaimana yang dianggar oleh al-Balādhurī dan Ibn A'tham, ialah dalam lingkungan 3,000 orang, dan 500 daripadanya merupakan pasukan tentera berkuda yang dipimpin oleh Mālik bin Ka'b al-Arhabī, telah dihantar ke al-'Udhayb. Apabila Sa'īd bin

[113]Tab., 1/2928, 2935–6, dan 2950.
[114]Ibn Sa'd, *Tabaqāt*, vol. V, ms. 22.

al-'Ās tiba disitu beliau telah bertemu dengan tentera Mālik bin Ka'b dan seterusnya diusir ke Madīnah setelah tewas dalam pertempuran.[115]

Setelah Sa'īd bin al-'Ās diusir, al-Ashtar dan tenteranya kembali semula ke Kūfah, dan mereka berjaya memasuki rumah al-Walīd bin 'Uqbah dan merampas harta benda dan wang Sa'īd bin al-'Ās yang tersimpan di sana.[116] Pada masa yang sama mereka mengisytiharkan Abū Mūsā al-Ash'arī sebagai gabenor baru Kūfah. Bagi pihak Abū Mūsā sendiri telah bersetuju menerima jawatan tersebut, dan di pihak Khalifah 'Uthmān pula tidak ada pilihan lain selain daripada mengesahkan perlantikan tersebut.[117] Gabenor Kūfah yang baru ini telah berjaya mententeramkan suasana di Kūfah dan memenuhi kehendak-kehendak golongan *al-qurrā'* (wa-sakkana Abū Mūsā al-nās).[118] Walau bagaimanapun, ini tidaklah bermakna mengurangkan kemarahan mereka terhadap Khalifah 'Uthman dan kecenderungan mereka untuk menjatuhkan kekuasaannya. Sikap dan perasaan tidak puas hati terhadap Khalifah 'Uthmān telah berkembang sehingga sampai kepada kemuncaknya pada tahun 35 H/656 M di kala beliau dibunuh.

Kes pembunuhan Khalīfah, 'Uthmān merupakan kes yang paling rumit dalam sejarah Islam pada masa ini, oleh sebab berbagai golongan manusia dengan kepentingan yang berbeza-beza dikatakan telah terlibat dalam kes pembunuhan tersebut. Ahli-ahli sejarah moden telah berusaha sedaya upaya untuk menyelesaikan masalah ini dengan menyebut kesemua golongan yang terlibat dalam pembunuhan Khalīfah 'Uthmān, serta membincangkan minat dan kepentingan setiap golongan dari berbagai segi; namun tidak ada seorang pun daripada mereka itu yang dapat menyelesaikan masalah tersebut dengan cara yang memuaskan. H.A.R. Gibb, misalnya, telah mengatakan bahawa sebab berlakunya pembunuhan Khalīfah 'Uthmān adalah oleh kerana terdapatnya konflik antara orang Mekah dengan anggota-anggota suku Arab, dan beliau berpendapat bahawa "adalah menjadi tabi'at semula jadi bagi anggota suku Arab

[115]*BA*. vol. V, ms. 45–6; Ibn A'tham, vol. I, fols. 13B–14A.
[116]*BA*. vol. V, ms. 46.
[117]Tab., 1/2930, 2935, dan 2950; *BA*. vol. V, ms. 46; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 145, dan 147.
[118]*BA*. vol. V, ms. 46–7.

untuk mengambil dan menggunakan tanah-tanah yang ditaklukinya bagi faedah perdagangan mereka sendiri."[119] Pendapat H.A.R. Gibb ini telah ditolak oleh M. Hinds dalam makalahnya yang berjodol "The Murder of the Caliph 'Uthmān" dengan menegaskan bahawa "konflik besar yang timbul pada masa 'Uthmān bukanlah konflik antara orang Mekah dengan anggota-anggota suku Arab, sebagaimana yang dikemukakan oleh Professor Gibb, tetapi adalah antara kepentingan kepemimpinan yang sudah berakar umbi dalam bentuk tradisi dengan keistimewaan dan kepentingan kepemimpinan dalam bentuk baru yang berbeza yang sudah lama wujud iaitu sejak zaman Nabi Muhammad, Abū Bakar dan 'Umar lagi." M. Hinds berpendapat bahawa "penentangan daripada orang Mesir dan Basrah terhadap 'Uthman adalah kurang berlandaskan suasana Islam yang dibawa oleh 'Umar berbanding dengan penentangan dari Kūfah, dan boleh juga oleh kerana itu mereka tidak menggelar diri mereka *al-qurrā'* (penghafal-penghafal al-Qur'ān). Orang Kūfah, katanya, sama seperti orang Basrah, kurang berperanan berbanding dengan orang Mesir, dalam peristiwa-peristiwa yang membawa kepada pembunuhan 'Uthmān." Bagaimanapun, katanya lagi, "mereka semua mempunyai motif yang serupa, iaitu tidak puas hati terhadap pemusatan kuasa dan campur tangan kerajaan dalam keistimewaan-keistimewaan *de facto* yang mereka akui sebagai hak mereka; perubahan suasana politik akibat daripada ketibaan pendatang baru; pengukuhan kedudukan pemimpin-pemimpin suku yang tradisional".[120] Perkara pokok yang hendak disampaikan oleh M. Hinds di sini ialah bahawa penentangan terhadap Khalīfah 'Uthmān, sama ada dari Mesir, Basrah atau Kufah, adalah dibuat oleh peneroka-peneroka Iraq yang mempunyai kedudukan yang rendah dalam suku masing-masing tetapi mempunyai keistimewaan-keistimewaan dalam Islam. Di antara golongan-golongan penentang itu, golongan dari Kūfahlah yang mempunyai lebih banyak keistimewaan tersebut, dan justeru itu mereka mendapat gelaran *al-qurrā'* (penghafal-penghafal al-Qur'ān).

---

[119]H.A.R. Gibb, "An Interpretation of Islamic History", dalam *Journal of World History*, vol. 1, 1953, ms. 42; (*Studies on the Civilization of Islam*, London, 1962, ms. 6.

[120]M. Hinds, The Murder of the Caliph 'Uthmān, *International Journal of Middle East Studies*, vol. III, 1972, ms. 450–469; bandingkan dengan *Thesis*nya, ms. 175–234.

Di sini penulis mempunyai pendapat yang berbeza dari apa yang dikemukakan oleh M. Hinds tadi, khususnya mengenai orang-orang yang terlibat dalam pembunuhan Khalīfah 'Uthmān, dan seterusnya mengenai takrif *al-qurrā'* dan sebab-sebab kenapa mereka tidak puas hati terhadap pemerintahan Khalīfah 'Uthmān. Kita mungkin bersetuju terhadap pendapat M. Hinds yang mengatakan bahawa penentangan itu dilakukan oleh peneroka-peneroka Iraq yang berkedudukan rendah dalam suku masing-masing tetapi kita amatlah tidak bersetuju dengan beliau mengenai definisi *al-qurrā'* di Kūfah sebagai "penghafal-penghafal al-Qur'ān".[121] Begitu juga kita tidak bersetuju dengannya mengenai penglibatan langsung orang Mesir dan Basrah dalam peristiwa pembunuhan 'Uthmān. Walaupun ini merupakan pendapat umum, tetapi apabila setelah dikaji dan diteliti semula bahan-bahan sejarah lama yang dikemukakan oleh ahli sejarah yang berwibawa seperti Abu Mikhnaf, al-Madā'inī, Ibn A'tham, Ibn Ishaq, al-Sha'bī, dan lain-lainnya yang termuat dalam sumber-sumber sejarah Islam yang terkemuka dan mu'tabar seperti *Tārīkh* al-Tabarī, *Ansāb* al-Balādhurī, *Futūh* Ibn A'tham, dan banyak lagi yang tidak perlu disebutkan semuanya di sini, didapati bahawa pada keseluruhannya, peranan yang dimainkan oleh orang Kūfah dalam peristiwa pembunuhan Khālifah 'Uthmān adalah lebih besar dari peranan yang dimainkan oleh penduduk di kedua-dua wilayah, Mesir dan Basrah. Adalah merupakan suatu kesilapan besar jika seseorang itu menganggap bahawa ketiga-tiga wilayah yang disebutkan di atas mempunyai masalah-masalah yang sama, seperti yang dikatakan oleh M. Hinds. Ketiga-tiganya tidak serupa. Kūfah, misalnya, mempunyai masalah tanah yang terbengkalai dan masalah *al-qurrā'* sebagai masalah tidak wujud di Mesir atau di Basrah. Selain dari itu, sumber-sumber yang disebutkan di atas telah mencapai kata sepakat bahawa isu utama yang timbul di Iraq pada akhir-akhir pemerintahan Khalīfah 'Uthmān ialah isu tanah terbengkalai dan bagaimana cara menyelesaikan masalah golongan *qurrā'* dan tuntutan mereka ke atas tanah tersebut. Semuanya mengatakan bahawa golongan *qurrā'* datangnya dari Kūfah. Kecuali Sayf sahaja yang mengaitkan mereka dengan penduduk Basrah (*ahl al-*

---

[121] *Idem*, Thesis, ms. 197, 294, dan 295.

*Basrah)*.[122] Begitu juga beliau menceritakan tentang inisiatif yang diambil oleh orang-orang Mesir untuk merangsang penduduk Kūfah dan Basrah supaya sama-sama memberontak menentang Khalīfah 'Uthmān'[123] Walau bagaimanapun, cerita ini tidak dinyatakan oleh sumber-sumber yang lain. Meskipun benar ada di antara orang Basrah seperti 'Āsim bin Amr al-Tamīmī, 'Arfajah bin Harthamah al-Azdī dan Hudhayfah bin Qays al-Himyarī dikatakan sebagai peneroka atau pendatang awal ke Iraq, mereka tidak pernah dikenali sebagai *al-qurrā'* dan tidak pernah muncul bersama-sama golongan *al-qurrā'* Kūfah, sama ada sebelum atau selepas pembunuhan Khalifah 'Uthmān. Oleh sebab golongan *al-qurrā'* tidak ada di Mesir dan di Basrah maka M. Hinds telah memperkenalkan suatu istilah baru yang lebih umum iaitu *"early comers"* (pendatang awal) yang dikaitkan kepada semua golongan pemberontak pada zaman Khālifah 'Uthmān. Namun begitu, beliau lebih menitikberatkan golongan pemberontak dari Iraq yang merupakan bahan utama bagi kajian tesis kedoktorannya.

Walau bagaimanapun, tafsiran M. Hinds mengenai kaum yang menentang Khalīfah 'Uthmān di Iraq adalah tidak sesuai lagi jika sekiranya kita menerima hakikat bahawa masalah utama yang dihadapi Khalīfah ialah masalah tanah terbengkalai di Iraq. Masalah ini telah ditimbulkan oleh golongan *al-qurrā'* sebahagian daripada anggota-anggota suku Arab yang kecil-kecil dari golongan *ahl al-ayyām* yang tinggal di Kūfah; kebanyakan mereka itu terdiri daripada orang Islam yang lemah dan bukan para Sahabat Nabi.[124] Tidak ada sebab yang kita boleh mengatakan orang Mesir atau Basrah yang menimbulkan kekacauan di akhir-akhir pemerintahan Khalīfah 'Uthmān, dan konflik yang sebenarnya berlaku ialah antara golongan *al-qurrā'* dengan kaum Quraysh dan pemimpin-pemimpin suku, iaitu golongan pemerintah pada zaman tersebut.

Sikap menyokong pihak Khalīfah 'Uthmān yang ditunjukkan oleh penduduk Basrah tidak dapat disangsikan lagi, kerana suasana di Basrah pada masa pemerintahan beliau telah dapat diselesaikan menerusi penaklukan yang dilakukan oleh Ibn 'Āmir, kerana

---

[122]Tab., 1/2908.
[123]*Ibid.*, 1/2949–50.
[124]Sila lihat ms. 15, 16, 17.

penaklukan ini telah membawa kekayaan besar kepada wilayah tersebut; begitu juga Basrah terletak di pertengahan jalan perniagaan yang telah menjadi sumber ekonomi penting pada masa pemerintahan Sayyidina 'Uthmān.[125] Manakala beliau dikepung di Madīnah, orang Basrah telah meminta memberi pertolongan, dan mereka dengan tidak lengah-lengah lagi datang ke Madīnah, tetapi sebelum mereka tiba, Khalīfah telah terbunuh.[126] Namun demikian, pernah dikatakan bahawa terdapat beberapa orang Basrah yang dipimpin oleh Hurqūs bin Zuhayr al-Sa'dī al-Tamīmī telah terlibat dalam penentangan Khalīfah 'Uthmān.[127] Jumlah tentera yang menentang Khalīfah 'Uthmān dari Basrah dan pergi ke Madīnah dianggarkan seramai 100 orang.[128] Untuk memahami kumpulan penentang yang kecil ini maka ada baiknya jika kita mengkaji latar belakang pemimpinnya, Hurqūs bin Zuhayr al-Sa'dī. Nama Hurqūs disebut merata-rata dalam sumber-sumber Arab sejak pemerintahan Khalīfah 'Umar lagi. Menurut sejarahnya, beliau adalah seorang peneroka di Iraq, dan pernah memimpin perwira-perwira Islam dalam peperangan untuk menakluki Sūq al-Ahwāz pada tahun 17 H/638 M.[129] Ia juga turut terlibat dalam penaklukan Tustar pada masa Abū Mūsā al-Asharī menjadi gabenor Basrah pada tahun yang sama bersama-sama pemimpin-pemimpin *al-qurrā'* Kūfah, Rib'ī bin 'Āmir al-Tamīmī dan al-Ashrash bin 'Awf al-Shaybānī.[130] Pada ketika itu Hurqūs telah berjaya menyerang ke kawasan antara Sūq al-Ahwāz dan Tustar dan memungut cukai kepala (*al-jizyah*), dari penduduk tempatan.[131] Sejak itu nama Hurqūṣ tidak disebut di dalam sumber-sumber sejarah sehingga kepada berlakunya kekacauan di Kūfah pada tahun 33 H/651 M dan pada waktu itu beliau termasuk dalam golongan *al-qurrā'* Kūfah yang diusir ke Syria.[132] Tidak ada sebab mengapa kita tidak mempercayai yang Ḥurqūs adalah salah seorang peneroka Kūfah kerana beliau telah tinggal di sana sejak masa penubuhannya; tetapi setelah itu beliau

[125] Al-'Alī, *Tanzīmāt*, ms. 6.
[126] Ibn A'tham, vol. I, fol. 16A; Tab. 1/2954, dan 2985.
[127] *Ibid.*, 1/2955.
[128] *BA.*, vol. V, ms. 59 dan 97.
[129] Tab., 1/2541.
[130] Ibid., 1/2552-3, dan 2554; Dīnawarī, *op. cit.*, ms. 131–132.
[131] Tab., 1/2541.
[132] *BA.*, vol. V, ms. 40, dan 45.

berpindah ke Basrah untuk menjalankan kegiatan kempen di kawasan wilayah tersebut, dan akhirnya menjadi salah seorang panglima perang Basrah. Sebab-sebab kemunculan semula beliau di Kūfah di antara lainnya boleh jadi kerana beliau telah kehilangan jawatan di Sūq al-Ahwāz pada masa pemerintahan 'Uthmān. Tambahan pula, pengaruhnya di Basrah semakin kurang sejak ketibaan pendatang baru ke bandar tersebut. Sementara itu, pengaruh pemimpin-pemimpin suku seperti al-Ahnaf bin Qays, juga dari suku Tamīm, telah semakin kuat, oleh kerana salah satu dasar Kerajaan Khalīfah 'Uthmān di Iraq ialah memperkukuhkan kedudukan pemimpin-pemimpin suku. Dengan adanya tekanan ini Ḥurqūs kembali semula ke Kūfah bersama-sama beberapa orang pengikut, lalu menyertai perjuangan *al-qurrā'* Kūfah, suatu golongan yang sudah biasa dengannya, dengan harapan agar jawatannya di Sūq al-Ahwāz dapat dikembalikan semula. Dari contoh ini kita dapat menarik satu kesimpulan bahawa tidak ada sebarang penentangan yang wujud di Basrah terhadap pemerintahan Khalīfah 'Uthmān, tetapi apa yang wujud ialah penentangan di Kūfah. Matlamat penentangan Ḥurqūṣ dan rakan-rakannya adalah sama seperti matlamat penentangan golongan *al-qurrā'* Kūfah. Rujukan kita kepada Ḥurqūṣ adalah penting kerana, menurut Sayf, beliau telah menjadi ketua umum bagi kumpulan yang dipanggil golongan penentang Basrah yang pergi ke Madīnah.[133]

Sepanjang penentangan golongan *al-qurrā'* Kūfah, tujuan dan matlamatnya ialah untuk membebaskan tanah terbengkalai di Iraq daripada cengkaman kaum Quraysh dan pemimpin-pemimpin suku di Kūfah. Apabila Khalīfah 'Uthmān enggan melayani permintaan mereka, mereka memutuskan untuk bertindak menentangnya. Sekumpulan kecil daripada golongan *al-qurrā'* tinggal berselerak di sekitar desa-desa di Iraq, dan ada di antaranya yang tinggal di kawasan-kawasan yang jauh untuk menjalankan tugas-tugas mereka sejak pemerintahan Khalīfah 'Umar lagi. Contohnya, 'Abdullāh bin Wahb al-Rāsibī di Māsābadhān, al-Mustawrid bin 'Ullafah al-Taymī al-Tamīmī di Ghudah, dekat Basrah, Hilāl bin 'Ullafah al-Taymī al-Tamīmī di Dast Maysān, Rib'ī bin 'Āmir al-Tamīmī di

[133]Tab., 1/2955.

Qardīsiyyā dan anggota-anggota suku 'Abs di al-Madā'in.[134] Mereka nampaknya lebih suka tinggal di tempat-tempat tersebut dan tidak melibatkan diri mereka dalam kekacauan tersebut yang membawa kepada pengusiran Sa'īd bin al-'Ās dari Kūfah (34 H/655 M) dan pembunuhan Khalīfah 'Uthmān pada tahun 35 H/656 M. Mereka yang tinggal di bandar Kūfah telah bergiat untuk menyertai kekacauan-kekacauan tersebut.

Berikutan dengan pengusiran Sa'īd bin al-'As, golongan *al-qurrā'* di Kūfah telah mengadakan perjumpaan yang dihadiri oleh al-Ashtar Mālik bin al-Hārith al-Nakha'ī, Zayd bin Sawhān al-'Abdī, Ka'b bin 'Abdah bin Dhī al-Habakah al-Nahdī, Abū Zaynab, Zuhayr bin 'Awfā al-Azdī, Muwarri' al-Asadī, Kumayl bin Ziyād al-Nakha'ī dan 'Umayr bin Dābi'. Dalam perjumpaan ini mereka menyimpulkan bahawa "tidak seorang pun yang boleh mengangkat kepalanya selagi Khalīfah masih berkuasa (*lā yarfu' ra'sun mā-dāmū 'Uthmān 'alā al-nās)*".[135] Tidak lama selepas itu, Kumayl bin Ziyād al-Nakha'ī dan 'Umayr bin Dābi' dilaporkan telah pergi ke Madīnah untuk membunuh Khalīfah 'Uthman, tetapi malangnya usaha ini gagal.[136] Kemudian, iaitu lebih kurang pada akhir-akhir tahun 34 H/655 M, sekumpulan daripada *al-qurrā'* Kūfah di bawah pimpinan Ka'b bin 'Abdah telah bermesyuarat di Madīnah untuk membincangkan dasar pemerintahan Khalīfah 'Uthmān di Iraq. Dalam mesyuarat ini mereka memutuskan untuk menemui Khalīfah pada tahun berikutnya (35 H/656 M).[137] Pada akhir bulan Syawal tahun 35H/656 M kumpulan lain daripada *al-qurrā'* Kūfah berjumlah 200 orang, atau menurut Sayf, antara 600 hingga 1,000 orang telah berlepas dari Kūfah ke Madīnah,[138] dengan mewakilkan Yazīd bin Qays al-Arhabī dan pengikut-pengikutnya untuk menjaga kepentingan mereka di wilayah Kūfah. Yang mengetuai kumpulan itu kali ini ialah Zayd bin Sawhān al-'Abdī, Ziyād bin al-Nadr al-Hārithī dan 'Abdullāh bin 'Asamm; di kalangan pemimpin-pemimpin ini 'Amr bin al-'Asamm telah menjadi ketua umum.[139]

[134] *Ibid.*, 1/2202–8, 2211, 2245, 2463 dan 2487.
[135] *Ibid.*, 1/3034.
[136] *Ibid.*, 1/3034–5.
[137] *BA.*, vol. V, ms. 59.
[138] *Ibid.*, ms. 59 (Abū Mikhnaf), 97 (Wāqidī); Tab., 1/2954 (Sayf).
[139] Tab., 1/2954.

Menurut pendapat lain pula ketua umum bagi kumpulan ini ialah al-Qa'qa' bin 'Amr al-Tamīmī.[140] Walau bagaimanapun, kebanyakannya, seperti Abū Mikhnaf, al-Wāqidī dan Khalīfah bin Khayyāt, mengatakan bahawa ketua umum kumpulan tersebut adalah al-Ashtar, dan bukan 'Amr bin al-'Asamm atau al-Qa'qa' bin 'Amr.[141] Tambahan pula, maklumat mengenai 'Amar bin al-'Asamm tidak banyak. Hanya al-Qushayrī al-Hārithī dalam kitabnya *Tārīkh al-Raqqah* yang ada menyebutkan tentang 'Amr atau 'Umr bin al-'Asamm dan saudaranya, 'Abdullāh bin al-'Asamm, sebagai penduduk al-Raqqah.[142] Mereka mula muncul bersama-sama golongan *al-qurrā'* Kūfah pada tahun 35 H/656 M dan hanya disebut dalam riwayat Sayf yang tidak disokong oleh sumber-sumber lain. Dalam kes al-Qa'qa' bin 'Amr al-Tamīmī pula, kita tidak pasti sama ada beliau menghadirkan diri pada masa pengepungan Khalifah 'Uthmān dan di Madīnah atau tidak, kerana beliau sudah menunjukkan keengganannya bukan sahaja untuk menghapuskan Sayyidina 'Uthmān tetapi juga pengusiran Sa'īd bin al-'Ās dari Kūfah. Ini berlaku terawal sedikit sebelum peristiwa pengusiran Sa'īd. Menurut catitan Nakha'ī yang dipindahkan oleh Sayf, apabila al-Ashtar al-Nakha'ī masih dalam buangan di Syria, Yazīd bin Qays al-Arhabī telah memunculkan diri di Kūfah untuk menghapuskan Sayyidina 'Uthmān. Tetapi di samping itu, terdapat sekumpulan orang di Kūfah yang enggan menentang Sayyidina 'Uthmān dan hanya bersetuju memecat (isti'fā') Sa'īd dari jawatannya sebagai gabenor Kūfah. Mereka diketuai oleh al-Qa'qa' bin 'Amr al-Tamīmī. Apabila al-Qa'qa' bin Amr ditanya oleh Yazīd bin Qays mengenai sikap dan pendiriannya, beliau menjawab "aku lebih suka mengikut pendapat ramai ..." dan seterusnya berkata kepada Yazīd "adakah golongan minoriti tidak mau menurut keputusan ramai?"[143] Di sini jelas bahawa al-Qa'qa' bin 'Amr enggan untuk mengecam Sayyidina 'Uthmān walaupun beliau tidak menghalang terhadap tindakan memecat Sa'īd bin al-'Ās. Ini boleh

---

[140] *Ibid.*, 1/3009.
[141] *BA.*, vol, V, ms. 59 (Abū Mikhnaf), 97 (Wāqidī); Khalīfah, *Tārīkh*, vol. 1, ms. 145.
[142] Al-Qushayrī al-Harrānī, *Tārīkh al-Raqqah wa man nazalahā min ashāb rasul Allāh al'm wa al-tabi'in wa al-fugahā' wal al-muhaddithīn*, ed. al-Na'sānī (Hamat 1378/1959), ms. 16, dan 58.
[143] Tab., 1/2928, 2935–6 dan 2950.

jadi kerana al-Qa'qa' bin 'Amr sudah mempunyai kedudukan yang baik sebagai pemimpin suku yang mempunyai pengikut yang ramai di Kūfah, akibat daripada dasar Khalīfah 'Uthmān memperkukuhkan kedudukan pemimpin-pemimpin suku di Iraq. Dengan kata-kata lain, al-Qa'qa' bin 'Amr dan orang-orang seumpamanya telah mendapat faedah dari dasar 'Uthmān itu.

Kebanyakan golongan *al-qurrā'* Kūfah yang pergi ke Madīnah itu adalah terdiri daripada mereka yang diusir ke Syria pada tempoh hari. Mereka ialah Sa'sa'ah bin Sawhān al-'Abdī, Zayd bin Sawhān al-'Abdī, al-Ashtar Mālik bin al-Hārith al-Nakha'ī, dan Ziyād bin al-Nadr al-Hārithī al-Madhhijī.[144] Apabila mereka sampai di Madīnah, 400 orang Mesir yang dilaporkan pergi sana, telah kembali semula ke Mesir setelah permintaan mereka diterima oleh Khalīfah.[145] Sementara golongan *al-qurrā'* Kūfah terus tinggal di Madīnah kerana masalah-masalah mereka masih belum diselesaikan. Peranan dan kepimpinan al-Ashtar mula ternampak di sana apabila beliau ditanya tentang nama rakan-rakannya, oleh Sayyidina 'Uthmān mengenai hajat mereka menemuinya. Beliau menjawab, "Mereka mahu kamu, 'Uthmān, memilih antara dua: meletakkan jawatan sebagai Khalifah atau menyeksa diri kamu sendiri, dan jika kamu enggan berbuat salah satu daripadanya, mereka akan menyerang kamu.[146] Pada masa yang sama, al-Ashtar bertanya pula kepada Sayyidatina 'Ā'ishah, bekas isteri Nabi, tentang pendapatnya mengenai tindakan yang seharusnya diambil terhadap Khalīfah 'Uthmān. Apabila Sayyidatina 'Ā'ishah mengatakan bahawa ia tidak suka kepada pertumpahan darah, al-Ashtar memperingatkannya. "Kamu, 'Ā'ishah, telah menjemput kami datang tetapi apabila sampai kepada peringkat pertempuran kamu pula yang menghalangnya *(katabtunna ilaynā hattā idhā qāmat al-harbu 'alā sāq ansha'unna tanhaynā)*".[147] Sa'sa'ah bin Sawhān dikatakan juga telah memainkan peranan penting dalam peristiwa pengepungan rumah Khalīfah 'Uthmān di Madīnah. Apabila beliau ditanya oleh Khalīfah 'Uthmān mengenai sebab-sebab golongan *al-*

---

[144] *Ibid.*, 1/2954; *BA.*, vol. V, ms. 59 dan 97; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. 1, ms. 145.
[145] Ibn A'tham, vol. I, fol. 14A.
[146] Tab., 1/2989–90; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. 1, ms. 147; Ibn Sa'd, *Tabaqāt*, vol. III, pt. i, ms. 50.
[147] *BA.*, vol. V, ms. 102; Ibn A'tham, vol. 1, fol. 20B.

*qurrā'* Kūfah tidak puas hati beliau menjawab, "kamu telah diusir daripada rumah-rumah kami (Kūfah) dengan cara yang tidak benar (*ukhrijnā min diyārinā bi-ghiyr haq*)".[148] Yang dimaksudkan oleh Sa'sa'ah di sini ialah mengenai pengusiran golongan *al-qurrā'* dari Kūfah ke Syria tempoh hari.

Meskipun begitu, al-Balādhurī dan Ibn A'tham melaporkan bahawa pada satu hari al-Ashtar telah pergi ke rumah Sayyidina 'Uthmān di Madīnah dan membunuh salah seorang daripada pengikutnya yang bernama Nātil. Sebelum Nātil dibunuh, kata al-Balādhurī, beliau telah berkata, "Sesungguhnya al-Ashtarlah yang memerangsang orang dari semua wilayah supaya menentang Khalīfah 'Uthmān (*wal-llāhi al-Ashtar alladhī sa'ra al-bilād kullahā 'alā amīr al-mu'minīn*)".[149] Ini menunjukkan bahawa al-Ashtar adalah adalah pemimpin umum golongan *al-qurrā'* pada ketika itu. Dalam kenyataan lain Ibn A'tham melaporkan bahawa al-Ashtar telah dianggap sebagai salah seorang daripada penyerang Khalīfah 'Uthmān,[150] sementara 'Awanah, salah seorang ahli sejarah yang berwibawa bagi al-Tabarī, menganggap al-Ashtar sebagai salah seorang pembunuh Khalīfah tersebut.[151]

Hingga kini, dan di sepanjang pemerintahan Khalīfah 'Uthmān, kesemua golongan *al-qurrā'* nampaknya telah bekerjasama dan saling memahami satu sama lain; dan dari segi politikya mereka telah bersatu di bawah pemimpin-pemimpin mereka untuk memperjuangkan kepentingan mereka di Iraq. Tidak ada perpecahan berlaku di kalangan mereka, atau di kalangan umat Islam secara keseluruhannya. Tetapi keadaan ini telah berubah pada masa pemerintahan Sayyidina 'Alī, yang akan kita cuba terangkan di dalam bab berikutnya.

---

[148]Khalīfah, Tārīkh, vol. 1, ms. 149.
[149]*BA.*, vol. V, ms. 81.
[150]Ibn A'tham, vol. 1, fol. 26B.
[151]Tab., 1/3256.

# BAB KETIGA

## Perang Saudara Pertama Dalam Islam

Pembunuhan Khalīfah 'Uthmān merupakan suatu tragedi: Keadaan kucar-kacir dan kebingungan tersebar di seluruh pelusuk empayar Islam. Persoalannya, siapakah yang akan bakal pengganti Sayyidina 'Uthmān? Siapakah di antara tokoh-tokoh Islam yang benar-benar berani tampil ke hadapan untuk menjawat jawatan tersebut? Terdapat hanya dua kenyataan dalam *Tārīkh* al-Tabarī mengenai peristiwa selepas pembunuhan Sayyidina 'Uthmān: Pertama oleh Sayf dan kedua oleh al-Sha'bī. Sayf menyatakan bahawa pada hari yang kelima pembunuhan Sayyidina 'Uthmān penduduk Madīnah mula sibuk mencari bakal Khalīfah yang baru; beberapa orang daripada anggota Majlis Tertinggi (*shūrā*), seperti Talhah bin Ubaydillāh, al-Zubayr bin Awwām, Sa'd bin Abī Waqqās dan 'Abdullāh bin 'Umar telah dicadangkan, tetapi pada akhirnya, mereka mencalonkan Sayyidina 'Alī bin Abī Tālib, sepupu dan menantu Nabi Muhammad s.a.w., untuk menjadi Khalīfah. Menurut kenyataan ini, Sayyidina 'Alī dipilih berdasarkan dua sebab: Pertama, kerana beliau orang yang mula memeluk Islam, kedua, kerana hubungan kekeluargaannya dengan Nabi.[1] Kenyataan al-Sha'bī[2] yang disokong oleh kebanyakan sumber yang kuat, [3] mengatakan bahawa hanya Sayyidina 'Alī sahaja yang

---

[1]Tab., 1/3037- 4, dan 3076.
[2]*Ibid.*, 1/3066 dan seterusnya.
[3]*BA*/ms. vol. I, ms. 341 -6; Ibn A'tham, vol. 1, fols, 22A-23A; Ya'qubi, *Tarikh*, vol. II, ms. 178 9.

dicalonkan untuk menjadi pengganti Khalīfah 'Uthmān. Menurut al-Sha'bī, golongan *al-qurrā'* Kūfah yang masih berada di Madinah sejak hari-hari pengepungan rumah Sayyidina 'Uthmān, telah terus pergi menemui Sayyidina 'Alī dan meminta beliau menjadi Khalīfah, dan al-Ashtar Mālik bin al-Hārith al-Nakha'ī, salah seorang pemimpin mereka yang utama telah memainkan peranan penting dalam pemilihan Sayyidina 'Alī. Pada mulanya Sayyidina 'Alī enggan menerima jawatan tersebut, tetapi al-Ashtar terus menggesa sehingga beliau menjadi serba salah.[4]

Selain dari sifat seorang Muslim yang awal dan berhubungan keluarga dengan Nabi, Sayyidina 'Alī adalah seorang yang sudah lama di Madīnah, dan boleh dikatakan di sepanjang hidup dewasanya dihabiskan di sana, justeru itu beliau menjadi popular di kalangan golongan Ansār, penduduk–Islam di Madīnah. Oleh sebab itu kita dapati golongan Ansar berdiri teguh di belakangnya, seperti juga golongan *al-qurrā'* di Kūfah, yang mengharapkan agar beliau dapat membela kedudukan mereka di Iraq. Sesungguhnya Sayyidina 'Alī telah menunjukkan sikap positifnya terhadap golongan *al-qurrā'* apabila beliau pada satu ketika menasihatkan Khalīfah 'Umar supaya menjadikan tanah terbengkalai di Iraq hakmilik orang ramai dan tidak dibahagikan kepada sesiapa. Begitu juga pada masa pemerintahan Khalīfah 'Uthmān, sekali lagi beliau berjaya menunjukkan kewibawaannya untuk memihak kepada golongan *al-qurrā'*. Pertama apabila beliau menyelamatkan Jundab al-Azdī, salah seorang pemimpin mereka dari dihukum mati atau hukum dera semasa al-Walīd bin 'Uqbah menjadi gabenor di Kūfah; kedua apabila beliau menyelamatkan al-'Anzī, pemimpin mereka yang lain dari hukuman yang sama pada masa gerakan kekacauan di Kūfah iaitu pada tahun 33 H./654 M.[5]

Sesungguhnya, jarang ada orang berani mengambil alih jawatan penting dan bertanggungjawab seperti itu, khususnya dalam keadaan yang genting dan tragik ini. Walau bagaimanapun, setelah difikirkan beberapa lama dan dalam keadaan yang serba salah Sayyidina 'Alī telah bersetuju untuk dilantik menjadi pengganti Khalīfah 'Uthmān dengan tujuan untuk memelihara kesatuan umat

---

[4]Ṭab., 1/3074–5; bandingkan dengan *BA*/ms. vol. 1, ms. 342.
[5]Sila lihat ms. 68, 97.

Islam dan menyelamatkan empayar Islam daripada menjadi kucar-kacir.[6]

Sayyidina 'Alī dilantik dengan rasminya di Madīnah pada 25 Dhū al-Hijjah tahun 35 H., bersamaan 23 Jun tahun 656 M. sebagai Khalīfah yang keempat oleh keseluruhan golongan Ansār (*lam yatakhallaf ahadun min al-Ansār illā bāya'a*),[7] dan orang-orang lain yang berada di Madīnah pada ketika itu, termasuklah golongan *al-qurrā'* yang merupakan orang yang paling bersemangat menyokong Khalīfah yang baru dilantik itu.[8] Setelah itu keseluruhan empayar Islam, kecuali Syria, ikut memberi kesetiaan kepada Sayyidina 'Alī.[9] Wilayah Kūfah adalah di antara wilayah yang mula-mula memberikan kesetiaan tersebut.[10] Pada saat-saat ini al-Ashtar muncul sebagai pemimpin utama di kalangan penyokong-penyokong Sayyidina 'Alī. Menurut Ibn A'tham, apabila sekumpulan penyokong yang terdiri daripada sepuluh suku kaum dari Yaman dan pemimpin-pemimpinnya, termasuk suku Nakha' yang diketuai oleh Hishām bin Abrahah dan suku Murād oleh 'Abd al-Rahmān bin Muljam, tiba di Madinah untuk memberikan kesetiaan mereka kepada Sayyidina 'Alī, yang terakhir menghantar al-Ashtar untuk menyambut dan mengalu-alukan kedatangan mereka.[11]

Pemerintahan Sayyidina 'Alī merupakan suatu masa yang telah merakamkan perselisihan dalam negeri yang amat serius. Sesungguhnya beliau tidak terlibat secara peribadi dalam peristiwa pembunuhan Khalīfah 'Uthmān. Namun begitu, penyokong-penyokong 'Uthmān, khususnya penduduk Syria, masih dapat mengatakan yang beliau tidak berusaha untuk menyelamatkan

---

[6]Tab., 1/3073–5, dan 3160; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 192–4; M.A. Shaban, *op. cit.*, ms. 71.

[7]Tab., 1/3072.

[8]Ada beberapa pendapat yang mengatakan orang yang pertama memberikan ketaatsetiaan (*ba'ay*) kepada 'Alī ialah al-Ashtar (Tab. 1/3069, 3075, 3077; *BA*/ms. vol. 1, ms. 342 dan 345; Ibn A'tham, vol. 1, fols. 24B dan 25A; E.L. Petersen, 'Alī dan Mu'āwiyah, "the Rise of the Umayyad Caliphate," dalam *Acta Orientalia*, XXIII, 1959, ms. 160)–ada pula pendapat yang mengatakan Talhah dan al-Zubayr orang yang mula memberi *bay'ah* kepada *Tārīkh*, vol. 11, ms. 178).

[9]Tab., 1/3067, 3068; *BA*/ms. vol. 1, ms. 344; Ibn A'tham, vol. 1, fols. 24A, 26B.

[10]Tab. 1/3089; *BA*/ms. vol. 1, ms. 344; Ibn A'tham, vol. 1, ms. 24A, Mas'ūdī, *Murūj*, vol, 11, ms. 362.

[11]Ibn A'tham, vol. 1, fols, 24A–24B.

nyawa Khalīfah, walaupun beliau pada ketika itu berada di Madīnah. Khalīfah 'Uthmān dikatakan telah terbiar dan tidak ada sesiapa daripada penduduk Madīnah yang benar-benar berusaha untuk mempertahankan beliau.[12] Bagi pihak Mu'āwiyah, gabenor Syria dan sepupu kepada Sayyidina 'Uthmān, setelah mendengar tentang perlantikan 'Alī, terus marah dan enggan mengiktirafkan 'Alī sebagai Khalīfah dan menuduhnya bersubahat dengan pembunuh-pembunuh Khalifah 'Uthmān.[13] Walau bagaimanapun, perpecahan dan pertelingkahan antara kedua itu tidak berlaku sehinggalah tamatnya perang Jamal.[14]

Suatu perkara yang paling serius yang perlu disebutkan di sini, mengenai peristiwa perlantikan Sayyidina 'Alī ialah bahawa beliau telah membenarkan dirinya di sokong oleh golongan *al-qurrā'* yang telah menumpahkan darah Sayyidina 'Uthmān, dan seteru ketat kepada kaum quraysh. Tindakan kaum Quraysh terhadap peristiwa tersebut amatlah kuat dan cepat; kedua-dua pemimpin kaum Quraysh yang paling berpengaruh, Talhah dan al-Zubayr, yang pada mulanya bersetuju dengan perlantikan 'Alī,[15] telah berpaling tadah menentangnya. Adalah perlu diingatkan bahawa kedua-dua pemimpin Quraysh ini telah memperolehi tanah-tanah di Iraq kesan daripada dasar pertukaran tanah yang dilaksanakan oleh Khalīfah 'Uthmān di negeri tersebut.[16] Di Kūfah mereka memiliki rumah-rumah yang boleh jadi diperolehi semasa pemerintahan 'Uthmān.[17] Selain harta benda yang disebut tadi, Talhah telah menggunakan kekayaannya yang banyak di Iraq untuk membantu anggota-anggota suku kaumnya dari Banu Taym; misalnya, beliau telah memberi

---

[12]Tab. 1/2941–50; *BA*. vol. V, ms. 59–109; Ibn A'tham, vol. 1, fols. 13A–21A.
[13]*BA*/ms. vol. 1, ms. 343–344; Tab. 1/3089; Ibn A'tham, vol. 1 fols. 26A–27A.
[14]Peterson, *op cit.*, ms. 174.
[15]Tab. 1/3069, 3072, 3067–7, 3185–6; *BA*/ms. vol. 1, ms. 432 dan 447, di mana Talhah dan al-Zubayr dipaksa memberi *bay'ah* kepada 'Alī. Tab. 1/3075; *BA*/ms. vol. 1, ms. 342. 11, ms. 178, di mana dikatakan kedua pemimpin itu benar-benar ikhlas memberikan *bay'ah* kepada 'Alī.
[16]Mengenai harta Talhah di Iraq, sila lihat *BA*/ms. vol. 1, ms. 499, 502–3; Tab. 1/2854; *BF.* ms. Ibn Sa'd, *Tabaqat*, vol. III, pt. i, ms. 157–158; Ya'qubi, *Mushakalat al-nas li-zamanihim*, ed. W. Willward, Beirut, 1962, ms. 14; Mas'udi, *Muruj*, vol. III, ms. 342–mengenai harta al-Zubayr di Iraq, sila lihat, *BA*/ms. vol. I, ms. 430–431; Ya'qubi, *Mushākalāt ..*, ms. 13; Ibn Sa'd, *Tabaqāt*, vol. III, pt. i, ms. 77; Mas'udi, *Muruj ...*, vol. II, ms. 342.
[17]Ya'qūbī *Mushākalāt ..*, ms. 13; Ibn Khaldūn, *Muqaddimah*, Beirut, 1900; ms. 204–5.

Sayyidatina 'A'ishah sebanyak 10,000 dirham dan Subayh al-Taymi sebanyak 30,000 dirham.[18]

Kedua-dua orang pemimpin Quraysh, Talhah dan al-Zubayr walaupun pada awalnya mereka dapat bergerak dengan bebas dan menguruskan harta benda mereka di Iraq tanpa diganggui oleh sesiapa, kini ternyata bahawa keadaan di Iraq sudah berubah, dan kedudukan pihak pemberontak golongan *al-qurrā'* yang menentang kerajaan 'Uthmān semakin bertambah kuat setelah terlantiknya Sayyidina 'Alī. Dengan kata-kata lain, kedudukan pengaruh dan kekuasaan Talhah dan al-Zubayr di Iraq kini telah diganggu-gugat oleh golongan *al-qurrā'*. Demi untuk mempertahankan kedudukan dan harta benda mereka di sana, mereka memutuskan untuk menentang Sayyidina Ali dan penyokong-penyokongnya, termasuklah golongan *al-qurrā'*; apabila matlamat ini tercapai maka kedudukan mereka pasti terjamin bukan sahaja di Iraq malah di al-Hijāz. Oleh itu jelaslah bahawa sebab utama penentangan mereka terhadap Sayyidina 'Alī bukanlah kerana untuk menuntut bela ke atas pembunuhan Khalīfah 'Uthmān, sebagaimana yang disangka setengah-setengah ahli sejarah, tetapi kerana hendak mempertahankan hak-hak dan keperibadian mereka dari diancam.

Setelah menyedari tentang ketiadaan harapan untuk mendapatkan sokongan di Madīnah, mereka pergi ke Mekah untuk mendapatkan sokongan daripada Sayyidina 'Ā'ishah, juga berketurunan Quraysh dari suku Taym, dengan harapan agar mereka dapat menjamin kekuasaan mereka. 'Ā'ishah adalah sekeluarga dan sesuku dengan Talhah dan al-Zubayr, sudah lama bermesra dengan mereka, dan mendapat faedah daripada kekayaan Talhah di Iraq. Boleh jadi beliau bercita-cita bahawa apabila Khalīfah 'Uthmān yang sudah berusia itu meninggal dunia, ahli keluarganya, Talhah, atau abang iparnya, al-Zubayr, akan menjadi Khalīfah. Semasa Sayyidina 'Uthmān dibunuh beliau tidak berada di Madīnah, beliau berpatah balik ke Mekah, pada waktu Talhah dan al-Zubayr sudah menunggu di sana. Di Mekah mereka mendapat sokongan yang lebih ramai daripada kaum mereka iaitu kaum Quraysh.[19] Beberapa orang pemimpin yang baru sahaja disingkirkan

---

[18]Ibn Sa'd, *Tabaqāt* vol. III, pt. i, ms. 158.
[19]Tab. 1/3102.

dari jawatan oleh Sayyidina 'Alī seperti 'Abdullāh bin 'Āmir, gabenor di Basrah, Ya'lā bin Umayyah, gabenor di Yaman, dan ahli keluarga Umayyah yang menjadi gabenor di Kūfah semasa Khalīfah 'Uthmān seperti al-Walīd bin 'Uqbah dan Sa'īd bin al-'Ās, dilaporkan telah memberi sokongan kebendaan kepada gerakan kaum Quraysh Mekah bagi menentang Sayyidina 'Alī.[20] Pemimpin-pemimpin Umayyah seperti al-Walīd bin 'Uqbah dan Sa'īd bin al-'Āṣ adalah ahli anggota keluarga Khalīfah 'Uthmān yang masyhur. Mereka secara tabi'i masyghul untuk mengekalkan kekuasaan di tangan ahli keluarga Umayyah. Sementara Ṭalḥah dan al-Zubayr, pemimpin gerakan kaum Quraysh Mekah, mahukan kekuasaan dalam empayar Islam terletak di bawah penguasaan orang Quraysh. Akibat perebutan kuasa dan tidak ada persefahaman ini, timbul perpecahan antara Ṭalḥah dan al-Zubayr serta pengikut-pengikutnya dari kaum Quraysh dengan keluarga Umayyah yang dipimpin oleh Sa'īd bin al-'Āṣ. Sa'īd mengatakan kepada Ṭalḥah dan al-Zubayr bahawa jika mereka menang dengan 'Alī kekuasaan (*al-'amr*) mestilah diserahkan kepada anak-anak Sayyidina 'Uthmān; tetapi apabila Ṭalḥah dan al-Zubayr menyatakan, "Kita mesti menyerahkan perkara tersebut kepada ahli keluarga Muhājirīn, orang Mekah, *nad'ū shuyūkh al-muhājirīn wa-naj'aluhā liabnā'ihim,*" Sa'īd bin al-Āṣ dan ahli keluarga Umayyah yang lain, yang pada awalnya bersama-sama tentera Ṭalḥah dan al-Zubayr, telah meninggalkan tentera itu.[21]

'Ā'ishah mencadangkan pengikutnya melakukan serangan terhadap Madīnah; ada di antara pengikutnya yang mencadangkan mereka supaya menyerang Kūfah; manakala yang lain pula berpendapat agar mereka meminta sokongan daripada Mu'āwiyah di Syria. Akhirnya, setelah semua cadangan tadi tidak dipersetujui, Ṭalḥah mengesyorkan mereka supaya menyerang Baṣrah, dan syor ini telah di terima umum, melihatkan bahawa penduduk Basrah mempunyai hubungan rapat dengan Ṭalḥah, dan mereka juga merupakan penyokong-penyokong Khalīfah 'Uthmān, dan tentang ketaatan mereka terhadap 'Uthmān telah ditunjukkan sejak awal-awal lagi. Selain itu, mereka rasa takut untuk menyerang Kūfah oleh

---

[20]*Ibid.*, 1/3098–3105; *BA*/ms. vol. 1, ms. 347.
[21]Tab., 1/3103–4.

kerana keseluruhan *al-qurrā'* akan menentang mereka; mereka juga takut menyerang Madīnah oleh sebab orang Ansār akan membantu Sayyidina 'Alī dengan sepenuhnya; mereka juga sedar bahawa Mu'awiyah, gabenor yang kuat dan berpengaruh di Syria, tidak akan menyokong mereka; dan sesungguhnya Mu'āwiyah dan seluruh penduduk Syria tidak memihak ke mana-mana dalam peristiwa perang Jamal.[22]

Setelah mengadakan hubungan dengan penduduk Basrah, tentera dari Mekah yang dipimpin oleh Talḥah dan al-Zubayr[23] telah mara ke sana. Jumlah tentera Mekah yang pergi ke Baṣrah adalah dalam lingkungan antara 600–1,000 orang, dan tujuan mereka ke sana ialah untuk menawan Negeri Iraq.[24]

Setelah mendengarkan pemergian mereka ke Baṣrah, Sayyidina 'Alī dan para penyokongnya yang berada di Madīnah, kebanyakannya orang Ansār dan golongan *al-qurrā'* telah turut pergi ke Iraq bagi tujuan untuk menghalang mereka daripada menguasai wilayah tersebut. Apabila tiba di al-Rabadhah, dua orang agen iaitu Muḥammad bin Abi Bakr dan Muḥammad bin Ja'far, telah dihantar ke Kūfah oleh Sayyidina 'Alī untuk mendapatkan sokongan dari sana. Gabenor Kūfah, Abū Mūsā al-Ash'arī, dikatakan telah enggan menerima kedatangan mereka dan seterusnya tidak mahu menyokong 'Alī selagi pembunuh-pembunuh Khalīfah 'Uthmān tidak diserahkan dan dihukum.[25] Kenyataan ini amatlah diragui, oleh beberapa sebab; pertama, adalah tidak mungkin orang seperti Abū Mūsā al-Ash'arī cuba melakukan prasangka terhadap golongan *al-qurrā'* di Kūfah yang telah melantik beliau sebagai gabenor di wilayah itu tempoh hari. Keduanya, adalah tidak munasabah yang Abū Mūsā sendiri berniat untuk memberangsang orang Kūfah

---

[22]BA/ms. vol.I, m.s. 346–7; Tab., I/3099–100 dan 3104; Ibn Al-Athir, *al-Kamil*, vol.III, m.s.207–8

[23]Walaupun ada di antara ahli sejarah yang mengatakan 'Ā'ishah yang menjadi pemimpin dalam gerakan kaum Quraysh Mekah menentang 'Alī sehingga terjadinya perang Jamal, pendapat ini adalah bertentangan dengan yang sebenar, dan tidak berlandaskan sejarah. Tidak ada dalam sejarah Arab/Islam, khususnya di peringkat awal, kaum wanita dilantik menjadi ketua, terutamanya dalam ketenteraan. Apa yang sebenarnya berlaku ialah kerana kecenderungan mereka untuk membesar-besarkan 'Ā'ishah, selaku bekas isteri Nabi.

[24]Tab., I/3101, 3105; *BA*/ms. vol. I, ms. 346–7, dan 349.

[25]Tab. I/3139, 3140–1, dan 3145.

supaya mereka membela kematian Khalīfah 'Uthmān, sedang yang terakhir telah menyingkirkannya dari jawatan gabenor Baṣrah untuk digantikan oleh ahli keluarganya, Ibn 'Āmir, pada tahun 29 H./ 634 M. Sejak itu, Abu Musā al-Ash'arī bekerjasama dengan Sayyidina 'Alī dan agen-agen 'Alī yang dihantar ke Kūfah kerana beliau bertujuan untuk membezakan antara mereka yang terlibat dalam pembunuhan Khalīfah 'Uthmān dengan yang tidak. Adalah patut diingat bahawa kebanyakan penduduk Kūfah, khususnya kaum pendatang baru, tidak terlibat dalam penentangan terhadap Khalīfah 'Uthmān di Kūfah, dan mereka ini boleh jadi telah menggesa Abū Mūsā untuk menentang 'Alī dan pengikut-pengikutnya dari golongan *al-qurrā'*, yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pembunuhan 'Uthmān, Namun begitu, Abū Mūsā al-Ash'arī telah mengambil sikap tidak memihak dan mengiktiraf 'Alī sebagai Khalīfah sehinggalah ia dipecat dari jawatannya.[26]

Dari al-Rabadhah 'Alī mara pula ke Dhū Qār, kawasan yang berhampiran dengan Kūfah, dengan disertai oleh penyokong-penyokongnya. Menurut Sayf dan al-Madā'inī, jumlah tentera 'Alī pada ketika itu ialah lebih kurang 1,000 orang,[27] tetapi Ibn A'tham mengatakan 6,000 orang, yang terdiri daripada orang-orang dari Mesir, Madīnah dan al-Hijāz.[28] Dalam kenyataan lain Sayf menganggarkan bilangan tentera 'Alī yang tiba di Dhū Qār seramai 10,000 orang.[29] Walau bagaimanapun, besar kemungkinan bahawa pada mulanya 'Alī mempunyai bilangan tentera seramai 1,000 orang dari Madīnah, dan setelah itu disertai oleh penyokong-penyokongnya dipertengahan jalan. Di Dhū Qār, beliau telah mendapat sokongan yang lebih banyak, khususnya dari Kūfah. Ibn Haytham seperti yang tertera di dalam *Ansāb* al-Balādhurī, menganggarkan bilangan tentera 'Alī yang berkumpul di Dhū Qār sebanyak 12,000 orang,[30] begitu juga al-Madā'inī dan al-Zuhrī

---

[26]*BA*/ms. vol. 1, ms. 344, 350-1; Ibn A'tham, vol. I, fol. 24A.
[27]Tab., I/3142 (760 orang), 3152 (900 orang), 3181 (700 orang).
[28]Ibn. A'thm, vol. I, fol. 32A.
[29]Tab., I/3181.
[30]*BA*/ms. vol. 1, ms. 360.

seperti yang tertera di dalam *Tārīkh* al-Tabarī.[31]

Dari Dhū Qār, dua lagi agen 'Alī telah dihantar ke Kūfah. Al-Ashtar Mālik bin al-Hārith al Nakha'ī, yang dianggap oleh 'Alī sebagai seorang yang boleh melaksanakan cita-citanya, adalah salah seorang di antara mereka. Beliau menganggap sedemikian kerana al-Ashtar mempunyai hubungan baik bukan sahaja dengan Abū Mūsā al-Ash'arī tetapi juga dengan orang-orang di Kūfah secara umum, dan golongan *al-qurrā'* secara khusus. Apabila sampai di Kūfah al-Ashtar telah mengingatkan golongan *al-qurrā'* kepada persahabatan mereka dalam peristiwa di al-Jara'ah, yang merakam kejayaan mereka mengusir Sa'īd bin al-'Ās dari Kufah.[32] Pendapat al-Ashtar telah disokong oleh Zayd bin Sawhān al-'Abdī dari suku 'Abd al-Qays, yang dikatakan telah memberangsang penduduk Kūfah supaya menyokong 'Alī, dengan katanya, "Pergilah kepada *amīr al-Mu'minīn* (Khalīfah 'Alī) iaitu pemimpin bagi sekalian orang Islam, dan berperanglah kamu semua bersama-samanya, insya-allāh kamu akan mendapat kebenaran." Contoh ini telah diikuti oleh saudaranya, Sayhān bin Sawhān al-'Abdī dan Hujr bin 'Adī al-Kindī.[33] Sebaliknya, al-Qa'wa' bin 'Amr al-Tamīmī, walaupun beliau dikatakan telah memberi sokongannya kepada 'Alī tetapi telah menganggap pendapat Zayd bin Sawhān itu sebagai melampau. Pendirian al-Qa'qa' telah dipersetujui oleh Hind bin 'Amr al-Jamalī.[34] Kumpulan ketiga yang dipimpin oleh Shabath bin Rib'ī al-Yarbū'ī dari suku Tamīm, salah seorang pemimpin kaum murtad pada masa pemerintahan Khalifah Abū Bakar, yang juga

---

[31]Tab., 1/3174 (al-Madā'inī), 3184–5 (al-Zuhrī); bandingkan dengan Ibn A'tham, vol. I, fol. 32A, dinyatakan bahawa bilangan tentera 'Ali seramai 15,000 orang (9,000 dari Kūfah dan 6,000 dari berbagai wilayah); Tab. 1/3180, di sini Sayf menganggarkan tentera 'Alī seramai 20,000 orang dan pihak tentera Mekah/Basrah 30,000 orang. Berhubung dengan tentera Mekah/Basrah, perangkaan yang diberi oleh Sayf itu adalah keterlaluan, oleh kerana bilangan maksimum tentera yang datang dari Mekah ialah 1,000, dan ramai pula di antara penyokong mereka di Basrah, yang merupakan penyokong mereka yang terbanyak, telah mengambil sikap tidak memihak. Misalnya, al-Ahnaf bin Qays al-Tamīmī yang mempunyai pengikut seramai antara 4,000 hingga 6,000 suku Tamīm telah menarik diri ke Wādī al-Sibā, dan sebahagian daripada mereka telah memihak kepada 'Alī (Tab. 1/3168, 3178–9; *BA*/ms. vol. 1, ms. 351 dan 352; Ibn A'tham, vol. I, fols, 31A dan 33A.).

[32]Tab. 1/3248.

[33]*Ibid.*, 1/3149 dan 3151; Ibn A'tham, vol. I, fol. 31B.

[34]Tab. 1/3149–50 dan 3151.

tidak bersetuju dengan al-Ashtar dan pengikut-pengikutnya dan telah melakukan tuduhan-tuduhan buruk terhadap Zayd bin Sawhān.[35] Shabath bin Rib'ī dan anggota-anggota suku lain yang pernah murtad seperti Ṭulayḥan bin Khuwaylid al-Asadī[36] boleh jadi tidak menyokong 'Alī, malahan mereka menentang dengan hebat terhadap penyokong-penyokongnya. Meskipun adanya penentangan ini, penyokong-penyokong 'Alī telah berjaya memasuki kota Kūfah, dan mereka telah cuba meredah masuk ke rumah Abū Mūsā al-Ash'arī, tetapi al-Ashtar telah menghalang mereka daripada berbuat demikian.[37] Pada ketika itu Abū Mūsā al-Ash'arī tidak dapat lagi mengawal keadaan yang menyebabkan Kūfah terdedah kepada al-Ashtar untuk mendapatkan sokongan.

Lebih kurang seramai 9,000 orang penduduk Kūfah telah pergi menyertai Sayyidina 'Alī di Dhū Qār; ada yang datang melalui sungai dan ada pula yang melalui darat. Penyokong-penyokong dari Kūfah ini, menurut Sayf, terbahagi kepada dua kumpulan: *nuffār* dan *Jamā'ah*. Pemimpin-pemimpin *jamā'ah* terdiri daripada al-Qa'qa' bin 'Amr al-Tamīmī, Sur bin Mālik al-Ash'arī, Hind bin 'Amr al-Jāmalī, dengan pengikut mereka seramai 4,000 orang dan kesemuanya datang melalui darat. Pemimpin-pemimpin *nuffār* ialah Zayd bin Sawhān al-'Abdī, al-Ashtar Mālik bin Hārith al-Nakha'ī, 'Adī bin Hātim al-Ṭā'ī, al-Musayyab bin Nujabah al-Fazārī dan Yazīd bin Qays al-Arhabī; bersama-sama pengikut-pengikut mereka yang setaraf dengan mereka tetapi tidak dilantik untuk menjadi pemimpin (*lam yu'ammarū*), di antaranya ialah Hujr bin 'Adī al-Kindī, Wa'lā bin Mahdūj al-Dhuhalī dari suku Bakr bin Wāil dan seumpamanya. Jumlah tentera *nuffār* ialah 5,000 orang dan sebahagian daripada datang melalui sungai.[38]

Perbezaan antara *nuffār* dan *jamā'ah*, menurut Sayf, ialah bahawa sikap Abū Mūsā al-Ash'arī yang tidak memihak, kerana mereka berpendapat bahawa keadaan pada ketika itu memerlukan sokongan kepada 'Ali yang tidak terbatas. Sebaliknya, *jamā'ah*, yang dipelopori al-Qa'qa' bin 'Amr telah bersimpati dengan *Abū Mūsā* al-

---

[35] *Ibid.*, 1/3148.
[36] *Ibid.*, 1/3088.
[37] *Ibid.*, 1/3154.
[38] *Ibid.*, 1/3155.

Ash'arī, tetapi merasa was-was dan ragu-ragu tentang kemungkinan kejayaannya. Mereka telah mengasingkan diri mereka daripada golongan yang mereka anggap golongan pelampau (*nuffār*) yang diketuai Zayd bin Sawhān. Dari kenyataan ini perbezaan antara *nuffār* (golongan pelampau) dan *jama'ah* (jelaslah sederhana) golongan *nuffar* begitu bersemangat untuk menyokong Sayyidina 'Ali, sementara *jama'ah* dalam keadaan berhati-hati. Pada masa yang sama Sayf berpendapat bahawa golongan *nuffār* telah mengesyaki sikap 'Alī yang mahukan perdamaian, dan oleh itu mereka berazam untuk membunuh 'Ali apabila golongan jama'ah mengeluarkan mereka daripada tenteranya. Tetapi rancangan ini terbatal oleh kerana bilangan mereka (nuffār) kecil berbanding dengan bilangan pengikut al-Qa'qa' bin 'Amr. Akhirnya, Sayf membuat kesimpulan bahawa perang Jamal meletus disebabkan oleh keinginan golongan *nuffār* untuk menentang Quraysh Mekah. Oleh kerana pengikut 'Alī terdiri daripada orang-orang yang terlibat (*nuffār*) dan tidak terlibat (*jama'ah*) dalam pembunuhan Khalifah 'Uthmān dan oleh kerana matlamat utama perjuangan kaum Quraysh Mekah untuk menuntut bela kematian Khalīfah 'Uthmān, jadi amatlah patut dan munasabah sekiranya golongan *nuffār* menentang rancangan damai.[39] Kenyataan Sayf ini telah dipetik sepenuhnya oleh M. Hinds.[40] Pengkajian M. Hinds mengenai sejarah pada masa ini adalah berkisar di sekitar pembunuhan Khalīfah 'Uthmān dan perbincangan beliau mengenai golongan *nuffār* dan *jamā'ah* dan penentangan kaum Quraysh Mekah didasarkan pada isu ini.

Penulis mempunyai pendapat berbeza dengan pendapat M. Hinds, dan amat yakin bahawa motif gerakan Ṭalḥah dan al-Zubayr di Iraq ialah untuk mendapatkan kuasa dan mempertahankan hak-hak mereka yang berada di Iraq, lebih banyak daripada tujuan membela kematian Khalīfah 'Uthmān. Oleh itu penulis berpendapat bahawa konflik yang sebenar berlaku pada ketika itu bukanlah antara mereka yang terlibat dalam pembunuhan Khalīfah 'Uthman dengan yang tidak terlibat, sebagaimana yang dinyatakan oleh M. Hinds, tetapi ialah antara kaum Quraysh dengan golongan *al-qurrā'* Kūfah,

[39]Tab. 1/3155 dan seterusnya.
[40]M. Hinds, *Thesis*, ms. 255–60.

yang sama-sama mempunyai kepentingan di kawasan-kawasan desa Iraq. Di bawah ini akan diterangkan isu tersebut dan diberikan takrif yang jelas mengenai kedua golongan yang dipanggil *"al-nuffār"* dan *"al-jamā'ah."*

Kata nama *"al-nuffār"* tunggalnya *"al-nafir"* diambil dari akar kata *Nun Fa Ra* yang bermakna "mereka yang keluar atau pergi berperang."[41] Dalam konteks ini Sayf juga menyatakan bahawa golongan *nuffār* sangat galak untuk berperang dalam peperangan Jamal dengan katanya, "Merekalah yang memulakan peperangan itu, kecuali beberapa orang sahaja yang tidak (*fa-bādarū fī al-waq'ah illā qalīlan*).[42] Perlu juga dinyatakan di sini bahawa hampir semua nama golongan *nuffār* yang disenaraikan oleh al-Ṭabarī telah terlibat secara aktif dalam kekacauan di Kūfah pada tahun 33–34H./654–655M yang mengakibatkan penyingkiran Sa'īd bin al-'Āṣ dan pembunuhan Khalīfah 'Uthmān di Madīnah, tetapi tidak seorang pun daripada golongan *jama'ah* yang terlibat dalam peristiwa tersebut. Walaupun al-Qa'qa' bin 'Amr dikatakan, dalam riwayat Syria, telah mengambil bahagian dalam peristiwa pengusiran Sa'īd bin al-'Āṣ dari Kūfah, beliau telah diketahui umum tidak menyertai golongan pemberontak semasa menjalankan pengepungan rumah Khalīfah 'Uthmān di Madīnah, malahan beliau berlepas tangan bersama-sama pengikut-pengikutnya di Kūfah; dan mereka ini digelar *"al-jama'āh."*[43]

Istilah *"al-jamā'ah"* diambil dari kata dasar *Jim Mim Ayn* yang bermakna "majoriti" atau "kumpulan manusia." Dalam konteks ini, *al-jamā'ah* atau *ahl al-Jamā'ah* merujuk kepada mereka yang menyeru kepada perdamaian dan kestabilan masyarakat Islam. Contohnya, al-Qa'ws' bin 'Amr al-Tamīmī dikatakan telah menyeru kepada kedamaian dan kestabilan (*al-'ulfah wa al-jamā'ah*) ummah tanpa mengadakan peperangan.[44] Ini sudah menunjukkan bahawa al-Qa'qa' dan pengikut-pengikutnya, *jamā'ah,*, tidak suka pada kekacauan dan lebih-lebih lagi pada peperangan.

Sebaliknya, al-Ashtar dan pengikut-pengikutnya seperti Zayd bin

---

[41] Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, Beirut, 1955–56.
[42] Tab., 1/3155–6.
[43] *Ibid.*, 1/2928, 2935–6 dan 2950–perkataan *al-jamā'ah*, menurut Sayf, sama ertinya dengan perkataan *'āmmah*, majoriti (Tab. 1/2949).
[44] *Ibid.*, 1/3156.

Ṣawhān, Yazīd bin Qays, Ḥujr bin 'Adī dan al-Musayyab bin Nujabah disebut sebagai orang-orang yang paling kuat menentang Khalīfah 'Uthmān dan Sa'īd bin al-'Āṣ, dan mereka telah merancang untuk membunuh 'Uthmān sebaik-baik sahaja Sa'īd diusir dari Kūfah. Bilangan pengikut al-Ashtar pada ketika itu 3,000 orang, tetapi hanya 1,000 orang sahaja yang pergi mengepung rumah Khalīfah 'Uthmān di Madīnah, sementara yang lain tinggal di Kūfah di bawah pimpinan Yazīd bin Qays al-Arhabī. Kedua-dua golongan pemberontak ini dikenali sebagai "orang-orang yang pergi menentang 'Uthman dan yang menyokong pemergian mereka (*man sāra ilā 'Uthmān wa-raḍiya bi-mān sāra*)." Mereka termasuk Shuraysh bin 'Awfā dan orang-orang dari suku kaumnya, 'Abs, yang pernah tinggal di al-Madā'in sejak pemindahan pusat tentera Arab ke Kūfah dan mereka ini tidak terlibat dalam peristiwa pembunuhan 'Uthmān.[45] Penyingkiran Shuraysh bin 'Awfā dan pemimpin-pemimpin *al-qurrā'* yang lain dari tentera *nuffār* dalam pemerintahan Sayyidina 'Alī menunjukkan bahawa golongan *al-qurrā'* pada ketika itu terbahagi kepada dua kumpulan: yang aktif dan yang tidak aktif. Kumpulan yang aktif terdiri daripada mereka yang terlibat dalam penentangan 'Uthmān, kumpulan yang tidak aktif terdiri daripada mereka yang tidak terlibat dalam penentangan 'Uthmān kerana mereka di luar kota Kūfah di sepanjang masa penentangan tersebut. Shuraysh bin 'Awfā adalah salah seorang yang tidak aktif di kalangan tentera 'Alī dan beliau telah menunjukkan sikap kurang setuju terhadap tindakan al-Ashtar di Dhū Qār.[46] Begitu juga Hurqūs bin Zuhayr al-Sa'dī al-Tamīmī dikatakan salah seorang daripada golongan *al-qurrā'* Kūfah yang pernah aktif dalam penentangan terhadap Sa'īd bin al-'Āṣ dan Sayyidina 'Uthmān, tetapi kuasa dan pengaruhnya tidak sekuat al-Ahnaf bin Qays al-Tamīmī. Oleh sebab itu beliau bertukar menjadi orang yang sederhana dalam masa pemerintahan 'Alī dan menyertai golongan *jamā'ah*.[47]

Sebaik-baik sahaja Khalīfah di bunuh, golongan *nuffār*, aktivis, merasa tidak senang hati kerana pihak penyokong 'Uthmān dan

[45] Ibid., 1/2487 dan 3163.
[46] *Ibid.*, 1/3165.
[47] *Ibid.*, 1/3168.

kaum keluarganya akan bertindak balas terhadap pembunuh-pembunuh 'Uthmān. Oleh sebab itu, apabila 'Alī dicalonkan untuk menjadi bakal pengganti 'Uthmān mereka cepat-cepat menyokong beliau dan akhirnya menjadi pengikut-pengikutnya yang paling setia dan patuh sehingga ke akhirnya. Manakala golongan *jama'ah*, tidaklah begitu gelisah untuk menghadapi tindakan yang akan dilakukan oleh pembela-pembela 'Uthmān, kerana walaupun mereka menjadi penyokong-penyokong 'Alī, mereka tidak terlibat (tidak aktif) dalam pembunuhan 'Uthmān. Namun begitu, kesemua pemimpin *jamā'ah* terdiri daripada peneroka-peneroka Iraq. Hin bin 'Amr al-Jamālī pernah bergiat di Jazīrah dan telah menyertai kempen selepas Nihāvand,[48] Su'r bin Malik al-Ash'arī telah menyertai peperangan Jalulā,[49] al-Qa'qa' bin 'Amr al-Tamīmī tiba di Iraq sejak zaman Khālid bin al-Walīd dan telah menyertai kesemua kempen Arab di Iraq.[50] Oleh kerana Suraysh bin 'Awfā al-'Absī juga seorang peneroka Iraq dan telah menunjukkan sikap negatif terhadap al-Ashtar di Dhū Qār, boleh jadi beliau telah menyertai golongan *jamā'ah*.

Apabila tentera *jamā'ah* tiba di Dhū Qār dan menemui 'Alī, 'Alī telah menghantar al-Qa'qa' ke Baṣrah untuk berbincang dengan pihak Quraysh dan penyokong-penyokong mereka. Setelah berjaya melakukan beberapa kemajuan ke arah perdamaian, al-Qa'qa' kembali semula ke Dhū Qār. Pada ketika itu, menurut M. Hinds, Sayyidina 'Alī telah memutuskan untuk ke Baṣrah dan berusaha untuk mengeluarkan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam tindakan menentang Khalīfah 'Uthmān, daripada tenteranya. Mereka yang berkenaan, termasuklah 'Adī bin Hātim al-Tālī, Sālim bin Tha'labah al-'Absī, Suraysh bin 'Awfā al-'Absī dan al-Ashtar Mālik bin al-Hārith al-Nakha'i, yang digelar *man sāra ilā 'Uthmān wa-radiya bi-sayr man sāra*, (orang-orang yang pergi menentang 'Uthmān dan yang menyokong mereka), menganggap bahawa 'Alī menuduh mereka orang-orang yang derhaka. Justeru

[48] *Ibid.*, 1/2511, 2657 dan 2659.

[49] *Ibid.*, 1/2456; bandingkan dengan Isfahani, *Aghānī*, vol. IV, ms. 180, di sini disebutkan Sa'd bin Mālik al-Ash'ari adalah di antara *al-qurrā'* Kūfah pada masa al-Walid berada di Kūfah.

[50] Tab., 1/2021 dan berikutnya.

itu mereka telah bermesyuarat yang disertai oleh Khālid bin Musjam al-Murādī dan beberapa orang dari Mesir. Dalam mesyuarat tersebut al-Ashtar berkata, "Baru sekarang saya mengetahui tentang sikap 'Alī, dan jika berlaku sebarang perdamaian maka sudah tentu akan melibatkan nyawa kita, oleh itu kita mesti membunuh 'Alī.[51]

Kenyataan M. Hinds ini amatlah tidak sesuai dan boleh jadi merupakan suatu titik kelemahan dalam kajiannya pada masa kini. Amatlah sukar untuk diterima, pendapat M. Hinds yang mengatakan bahawa 'Ali cuba merubah sikap untuk menentang penyokong-penyokongnya. Pertama, kerana tidak ada sebab mengapa orang seperti al-Ashtar boleh dikeluarkan dengan mudah oleh 'Alī dari barisan tenteranya sedangkan mereka merupakan penyokong-penyokong beliau yang sejati sejak dari awal-awal lagi. Kehilangan para penyokong ini bererti kehilangan Negeri Iraq dan seterusnya wilayah-wilayah timur. Di sebaliknya pula, al-Ashtar tidak mungkin akan membunuh 'Alī oleh kerana beliau sahajalah satu-satunya yang menjadi harapan untuk mengembalikan semula hak-hak al-Ashtar, dan rakan-rakannya dari golongan *al-qurrā'* di Iraq. Kedua, kerana kini Sayyidina 'Alī sedang memikir tentang penyatuan umat Islam, di samping pengukuhan kedudukannya dalam pemerintahan. Demi untuk mencapai matlamat-matlamat tersebut, beliau seharusnya mewujudkan suasana aman damai dan kesefahaman yang mendalam di kalangan penyokong-penyokongnya. Selain itu, kebanyakan penyokongnya adalah terdiri daripada peneroka-peneroka Iraq, sama ada golongan *nuffār* ataupun golongan *jamā'ah*, dan mereka mempunyai kepentingan bersama di Iraq walaupun ada perselisihan fahaman. Oleh sebab itu mereka terpaksa bekerjasama dengan Sayyidina 'Alī dalam menentang musuh mereka, Talhah dan al-Zubayr dan sekutu-sekutu mereka. Berdasarkan alasan-alasan yang diberikan tadi maka amatlah tidak wajar, pihak Khalīfah 'Alī membeza-bezakan atau melakukan tindakan buruk ke atas para penyokongnya yang terdiri daripada golongan *al-qurrā'*, begitu pula di sebaliknya.

Kenyataan yang paling lengkap dan komprehensif mengenai struktur ketenteraan dari Kūfah dalam peperangan Jamal ialah kenyataan Abū Mikhnaf dan al-Madā'inī. Menurut kenyataan ini,

---

[51] *Ibid.*, 1/3162–4; Hinds, *Thesis*, ms. 256 7.

penyusunan tentera Kūfah yang tiba di Dhu Qār adalah berdasarkan pada sistem *asbā'*, (tujuh kelompok suku), yang diatur seperti berikut:

1. Sa'īd bin Qays al-Hamdānī mengetuai suku Hamdān dan Himyar.
2. Ziyād bin al-Nadr al-Hārithī mengetuai suku Madhhij dan Ash'ari.
3. Sa'd bin Mas'ūd al-Thaqafī mengetuai suku Qays 'Aylān dan 'Abd al-Qays,
4. Hujr bin 'Adī al-Kindī mengetuai suku Kindah, Hadramaut. Khuzā'ah dan Mahrah,
5. Mikhnaf bin Sulaym al-Azdī mengetuai suku Azd, Bajīlah Khath'am dan Ansār,
6. Wa'lā Mahdūj al-Dhuhalī mengetuai suku Bakr bin Wā'il, Taqhlib dan kebanyakan daripada suku Rabī'ah
7. Ma'qil bin Qays al-Riyāhī mengetuai suku-suku Qurayah, Kinānah, Asad, Tamīm dan Muzaynah.[52]

Dalam perang Jamal ramai pemimpin kelompok tujuh dan juga pemimpin-pemimpin yang lain telah dilantik oleh Khalīfah 'Alī. Mereka ialah al-Ashtar Mālik bin al-Hārith al-Nakha'ī, 'Ammār bin Yāsir al-'Ansī, Abū Qatādah al-Nu'mān bin Rib'ī al-Ansārī, Sa'īd bin Qays al-Hamdānī, Rifā'ah bin Shahdād al-Bajalī, Muhammad bin Abī Bakar, 'Adī bin Hātim al-Tā'ī, Ziyād bin Ka'b al-Arhabī, Hujr bin 'Adī al-Kindī, 'Amr bin al-Hāmiq al-Khuzā'ī, Jundab bin Zuhayr al-Azdī dan Shuraysh bin Hāni' al-Hārithī.[53] Setiap pemimpin bertanggungjawab terhadap anggota-anggota sukunya.[54] Dari jumlah pemimpin-pemimpin yang dilantik tadi ramai di antaranya dari golongan *al-qurrā'* Kūfah. Mereka ialah al-Ashtar, Hujr bin 'Adī, Ma'qil bin Qays, Ziyād bin al-Nadr, 'Amr bin al-Hamid dan Jundab bin Zuhayr, dan kesemuanya telah terlibat secara aktif dalam kekacauan di Kūfah yang membawa kepada pembunuhan Khalīfah 'Uthmān.[55] Sehubungan dengan pemimpin

[52]*BA*/ms. vol. 1, ms. 351 (Abū Mikhnaf); Tab. 1/3174 (al-Madā'inī).
[53]Ibn A'tham, vol. I, fol. 35A; *BA*/ms. vol. 1, ms. 351; Dinawari, op. cit., ms. 147.
[54]Ibn A'tham, vol. I, fol. 35A.
[55]Sila lihat ms. 94, 95.

*al-qurrā'* Kūfah dari empat golongan *nuffār* di atas, al-Ashtar, Zayd bin Sawhān, Yazīd bin Qays dan Hujr bin 'Adī. Mereka telah diberi kepercayaan sepenuhnya oleh Khalīfah 'Alī dalam hal ehwal pentadbiran dan juga ketenteraan, dan mereka telah berperang dengan semangat keperwiraan bersama-sama Khalīfah 'Alī.[56] Bagaimanapun, ramai lagi golongan *al-qurrā'* khususnya yang tinggal di kawasan utara Iraq, seperti Hulwān, Jalūlā, dan Qarqīsiyyā, yang tidak mengambil bahagian dalam perang Jamal. Tetapi setelah 'Alī mencapai kemenangan dan beralih ke Ṣiffīn, kesemua yang disebutkan itu telah datang menyertai beliau untuk menentang Mu'āwiyah.[57]

Ada beberapa kenyataan di dalam sumber-sumber sejarah yang menunjukkan bahawa apabila sahaja pertempuran berlaku, kedua pihak yang bertentangan telah menunjukkan kecenderungan untuk berdamai. Di sini terdapat dua kenyataan yang berbeza tentang bagaimana dan siapa yang mengambil inisiatif untuk berdamai. Menurut al-Mada'ini dan al-Zuhri, orang yang mula menganjurkan perdamaian ialah Khalīfah 'Alī, dan beliau telah mencadangkan supaya perdamaian itu dibuat menerusi kitab suci al-Qur'an (*al-mushaf*). Tetapi usaha tersebut tidak memberi kesan apa-apa, malahan yang membawa al-Qur'an, iaitu seorang pemuda dari Kufah, telah dibunuh oleh musuhnya.[58]

Sayf pula berpendapat bahawa cadangan damai itu dibuat oleh 'A'ishah, dan beliau mencadangkan supaya salah seorang dari suku di Basrah menyeru perdamaian menerusi al-Qur'an. Tugas ini diserahkan kepada Ka'b bin Sur al-Azdi, tetapi beliau tidak juga diterima oleh pihak musuh malahan Ka'b telah dibunuh oleh

---

[56]Mengenai peranan mereka dalam perang Jamal, sila lihat (al-Ashtar) Tab., 1/3145, 3155, 3207 dan 3213; *BA*/ms. vol. I, ms. 349–50, 353 dan 354; Ibn A'tham, vol. I, fols. 24B, 28A 40B Mengenai Zayd bin Sawhan, lihat Tab. 1/3150, 3155, 3194, 3196, 3199 dan 3202; Khalīfah, *Kitābhal-Tabaqāt*, ed. A.D. al-'Umayr, Baghdād, 1967, ms. 144; Ibn Sa'd, *Tabaqat*, vol. VI, ms. 84; Ibn A'tham, vol. I, fol 31B–Yazīd bin Qays, lihat Tab. 1/3155, 3193; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 232 dan 246–dan Hujr bin 'Adī, sila lihat, Tab. 1/3151, 3155, dan 3174; *BA*/ms. vol. I, ms. 351; Ibn A'tham, vol. I, fol. 35A.

[57]*WS*. ms. 29; Tab. 1/3168; al-Nu'aymī, "Zuhūr al-Khawārij", dalam *Majallat al-Majma' al-'Ilmī al-'Irāqī*, VX, 1967, ms. 18–19.

[58]Tab. 1/3186 (al-Zuhri), 3188–9 (al-Mada'ini).

golongan *al-qurrā'* Kūfah dari golongan *nuffar*.[59] Cerita yang serupa disebutkan juga dalam kitab *Tarikh* oleh Ibn Khayyat, tetapi di sini tidak dikatakan bahawa Ka'b bin Sur membawa al-Qur'an atau *al-mushaf* secara keseluruhan; hanya sebahagian kecil daripadanya sahaja ṭelah dijadikan semacam azimat di lehernya (*kharaja Ka'b bin Sur fi 'unuqihi mushaf*). Pendapat Ibn Khayyat ini disokong oleh al-Baladhuri.[60] Seterusnya Ibn Khayyat berkata bahawa yang menganjurkan perdamaian itu ialah Ka'b bin Sur sendiri bukannya 'Alī atau 'Ā'ishah dan akhirnya beliau didapati terbunuh.[61] Kenyataan Ibn Khayyat lebih menunjukkan bahawa perdamaian itu adalah usaha peribadi bukan usaha kolektif di antara dua pihak yang bertentangan. Walau bagaimanapun, usaha ke arah perdamaian itu tidak diendahkan oleh golongan *al-qurrā'*, lebih-lebih lagi golongan yang terlibat dalam pembunuhan Khalīfah 'Uthmān. Mereka sudah memutuskan untuk berperang dan berazam untuk menewaskan pihak musuh.[62] Pertempuran besar yang dinamakan "perang Jamal" telah berlaku pada bulān Jamad al-Akhir, 36 Disember, 657 M. dan setelah beberapa jam sahaja pertempuran itu pun tamat.[63] Kedua pemimpin Quraysh, Ṭalḥah dan al-Zubayr terbunuh, sementara 'Ā'ishah sempat diselamatkan dan dihantar pulang ke al-Hijāz setelah diberi pengampunan oleh Sayyidina 'Alī.[64]

Akibat daripada kemenangan itu, Sayyidina 'Alī telah berjaya menawan kota Baṣrah dan memperolehi harta benda yang banyak dan wang perbendaharaan negara (*bayt al-māl*), yang berjumlah lebih kurang 600,000 dirham; wang ini telah dibahagikan sama rata kepada penyokong-penyokongnya, tiap-tiap seorang menerima 500 dirham.[65]

---

[59] *Ibid.*, 1/3191, 3211–2.
[60] *BA*/ms. vol. I, ms. 352; bandingkan dengan Ibn Durayd, *Istiqaq*, ms. 500.
[61] Khalīfah Ibn Khayyāt, *Tārīkh*, vol. I, ms. 165.
[62] Tab. 1/3192; Ibn A'tham, vol. I, fol. 34B; al-Maqdisī, *al-Bad' ..., vol. V, ms. 213.*
[63] *BA*/ms. vol. I, ms. 352; Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. II, ms. 183.
[64] Talhah terbunuh menerusi anak panah yang terbatas (Tab. 1/3184), al-Zubayr di bunuh oleh 'Amr b. Jarmūz al-Tamīmī (Tab. 1/3171–2, 3187–8, 3219; BA/ms. vol. I, ms. 357, 358, 359; Khalīfah, *Tārīkh*, 1/161, 166,168; Ya'qūbī, *Tārīkh*, 11/183; Ibn Sa'd, *Tabaqat*, III, i, ms. 78–9; Dīnawari, ms. 148. Ada juga kenyataan yang menunjukkan al-Aḥnaf bin Qays al-Tamīmī yang bertanggungjawab di atas kematian al-Zubayr (Tab. 1/3187–8).
[65] Tab. 1/3227; BA/ms. vol. I, ms. 321, 322, perkara-perkara yang tidak penting seperti

Mengenai prinsip kesamarataan yang diamalkan oleh Sayyidina 'Alī telah dinyatakan dalam sumber-sumber sejarah secara meluas, tetapi ia masih memerlukan penjelasan. Menurut Ibn A'tham, kesamarataan dalam pembahagian harta benda semasa pemerintahan Khalīfah 'Alī merupakan salah satu faktor yang menyebabkan pemimpin-pemimpin Kūfah (*ashrāf*), tidak puas hati terhadap beliau. Menurut Ibn A'tham lagi, selepas kematian Sayyidina 'Alī, anaknya al-Ḥassan, telah dinasihatkan oleh 'Abdullāh bin 'Abbās supaya berusaha berbaik-baik dengan golongan bangsawan dan golongan pemimpin, *ahl al-buyūtāt wa-al-ashrāf*, kerana di antara mereka itu ramai yang telah memihak kepada Mu'awiyah akibat daripada prinsip kesamarataan yang diamalkan oleh Khalifah 'Alī (*wa-sāru ilā Mu'āwiyah liannahu ('Alī) sawwā baynahum fī al-fay' wa-sawwā baynahum fī al-'atā, fa-thaqula dhālika 'alayhim*).[66] Yang dimaksudkan dengan kesamarataan di sini bukanlah bererti Sayyidina 'Alī mengenepikan keistimewaan dan kedudukan kaum Muslimīn yang awal, tetapi beliau cuba memberikan nilai yang serupa terhadap peranan penting yang dimainkan oleh kaum Muslimīn yang terkemudian, sama ada yang pernah murtad atau yang tidak pernah murtad, dalam penaklukan dan kestabilan empayar.[67] Jaḥiẓ ada menyatakan bahawa 'Alī tidak merubah sistem gaji (*'atā*), yang diamalkan oleh Khalīfah 'Umar, iaitu mengutamakan orang Islam yang awal, termasuk golongan *al-qurrā'* daripada yang lewat memeluk Islam.[68] Berkenaan dengan tanah terbengkalai di Iraq, Sayf menyatakan dengan jelas bahawa 'Alī telah menurut dasar Khalīfah 'Umar, iaitu tidak membahagikan tanah itu kepada sesiapapun tetapi menjadikannya hak milik kolektif.[69] Kenyataan Jāḥiẓ dan Sayf tadi menunjukkan bahawa

---

nisan lebah juga dibahagi-bahagikan; Shammākhī, *Kitāb al-Siyar*, Qāhirah, 1884, ms. 40–1, 45; Ya'qūbī, Tārīkh, II/183; Mas'udi, *Murūj*, II/362.

[66]Ibn A'tham, vol. i, fol. 159A.

[67]Shaban, *op. cit.*, ms. 72.

[68]Al-Jāḥiẓ, 'Amr b. Bahr. *al-'Uthmāniyyah*, ed. A.S.M. Hārūn, Qahirah, 1955, ms. 21809 (*"wa-kāna 'Umar indahu ('Alī) lā yarā al-taswiyah fī al-'atā' ... wa al'Ajab innakum taz'amūna inna 'Alī yah kana yarā al-taswiyah .. thumma taz' amūna inna 'Alī yan kana yarā inna walad Ismā'il wa 'shāq sawā' wa kānā yarā inna al-'Arab wa al-'ajam sawā'"*).

[69]Tab., I/2372.

keistimewaan dan keutamaan golongan *al-qurrā'* yang diperolehi pada masa Khalīfah 'Umar dahulu tidak disentuh oleh Khalīfah 'Ali, oleh sebab itu tidak seorang pun daripada mereka yang benar-benar meninggalkan beliau sehinggalah tamatnya peristiwa di Siffīn.

Bagaimanapun, dengan kemunculan prinsip kesamarataan antara golongan peneroka dengan pendatang-pendatang baru maka Khalīfah 'Alī telah berjaya membentuk satu kekuatan tentera campuran yang besar, dan dengan itu beliau mengharapkan agar beliau dapat menewaskan Mu'āwiyah dengan segera. Penyokong beliau yang sejati adalah terdiri daripada golongan Ansār yang dipimpin oleh Qays bin Sa'd bin 'Abādah, yang kemudiannya dilantik oleh 'Alī sebagai gabenor Mesir berikutan daripada perang Jamal. Penyokong 'Alī yang kedua terkuat ialah golongan *al-qurrā'* Kūfah, yang dipimpin oleh al-Ashtar, yang telah membentuk beberapa kontigen yang kuat dan tersusun di kalangan tentera 'Alī, tetapi bilangan mereka terlalu kecil berbanding dengan golongan pendatang baru ke Iraq. Orang Basrah telah turut memberi sokongan kepada Sayyidina 'Alī dan mengucapkan sumpah setia kepadanya.[70] Kumpulan penyokong dari Baṣrah ini merupakan kontigen yang tidak aktif di kalangan tentera 'Alī semasa perang Jamal.[71] Di antara pemimpin-pemimpin mereka yang muncul pada ketika itu ialah al-Aḥnaf bin Qays, yang mempunyai jumlah pengikut yang ramai dari suku Tamīm.[72]

Berikutan daripada kemenangannya dalam perang Jamal 'Alī telah melantik beberapa orang pemimpin ke beberapa jawatan: 'Abdullāh bin 'Abbās telah dilantik sebagai gabenor di Baṣrah, Qays bin Sa'd bin 'Abādah dilantik sebagai gabenor Meṣir dan Ziyād bin Abīhi, yang tidak terlibat dalam perang Jamal, sebagai pentadbir cukai tanah (al-Kharāj).[73] Beberapa orang daripada penyokong-penyokong Sayyidina 'Alī, termasuk al-Ashtar, dilaporkan tidak bersetuju dan melahirkan perasaan marah terhadap perlantikan-perlantikan tersebut.[74]

Setelah itu Khalīfah 'Alī meninggalkan Baṣrah menuju ke Kūfah

---

[70] *Ibid.*, 1/3229; BA/ms. vol. i, ms. 362.
[71] *WS*. ms. 5.
[72] *Ibid.*, ms. 28–9.
[73] Tab., 1/3229–30, dan 3233; *BA*/ms. vol. i, ms. 362.
[74] Tab., 1/3162.

dengan disertai oleh penyokong-penyokongnya. Di Kūfah beliau tinggal di kawasan al-Rahabah,[75] yang dianggap oleh orang Kūfah sebagai kediaman sementara.[76] Tujuan 'Alī datang ke Kūfah bukanlah untuk tinggal di sana buat selama-lamanya, atau untuk memindahkan ibu negeri dari Madīnah ke Kūfah, tetapi semata-mata untuk berunding dengan Mu'āwiyah; apabila perundingan tersebut selesai beliau dijangka akan pulang semula ke Madīnah, dan setelah itu segala urusan dan pentadbiran di Kūfah terserah kepada orang Kūfah.[77]

[75]Perkataan *al-rahabah* telah ditafsirkan oleh al-Azharī sebagai kawasan di sekitar masjid (*Tahdhīb al-Lughah,*) ed. A.K. 'Irbawī, Qahirah, 1967, vol. V, ms. 26.
[76]*WS.* ms. 5; Ibn Sa'd, *Tabaqāt*, vol. VI, ms. 6; Ibn A'tham, vol. I, fol. 44B.
[77]Shaban, *op. cit.*, ms. 73; M. Hinds, *Thesis*, ms. 271.

# BAB KEEMPAT

## Persengketaan 'Alī-Mu'āwiyah dan Kemunculan Parti Khawārij dan Parti Shī'ah

Dasar 'Alī yang penting selepas perang Jamal ialah untuk menambahkan bilangan tentera campurannya. Bagi mencapai matlamat tersebut, beliau terpaksa mengalih perhatiannya kepada pemimpin-pemimpin suku yang tidak menyertai perang Jamal. Pertama beliau membuat perhubungan dengan Jarīr bin 'Abdillāh al-Bajalī, pemimpin suku Bajīlah yang masyhur yang mempunyai jumlah pengikut seramai 2,000 orang dari anggota-anggota suku Bajīlah sejak perang Jambatan pada tahun 13 H/634 M.[1] Beliau pernah menjadi gabenor di Hamadhān pada masa pemerintahan Khalīfah 'Uthmān. Perlantikan Jarīr bin 'Abdillāh dibuat sebelum berlakunya kekacauan di Kūfah yang membawa kepada pembunuhan Khalīfah 'Uthmān. Di sini bererti bahawa Jarīr bin 'Abdillāh dan pengikut-pengikutnya tidak terlibat dalam semua rusuhan yang berlaku semasa Sa'īd bin al-'Ās menjadi gabenor Kūfah. Sayyidīna 'Alī telah menghantar sepucuk surat kepada Jarīr, meminta supaya beliau memberi pengakuan ketaatsetiaan kepadanya. Arahan ini telah diterima dengan dinginnya oleh Jarīr, tetapi beliau telah dipujuk oleh Zaḥr bin Qays al-Ju'fī[2] dan golongan *al-qurrā'* lain yang berada di Hamadhān yang menjalankan tugas-tugas mereka di kawasan tersebut sejak pemerintahan Khalīfah

---

[1]Ṭab. 1/2183, 2186 dan 2199; *BF.* ms. 252.
[2]Ṭab., 1/2183–90.

'Umar bin al-Khaṭṭāb.[3] Akhirnya Jarīr bersetuju pergi ke Kūfah bersama-sama golongan *al-qurrā'* untuk memberi pengakuan ketaatsetiaan kepada Khalīfah 'Alī.[4]

Dari Kūfah, Jarīr bin 'Abdillāh telah dihantar ke Syria oleh 'Alī sebagai perwakilan rasminya untuk berunding dengan Mu'āwiyah, tetapi missi dan penghantaran beliau ke sana telah ditentang dengan hebatnya oleh al-Ashtar Mālik bin al-Hārith al-Nakha'ī, yang pada masa itu menjadi pemimpin *al-qurrā'* yang paling berpengaruh dan penyokong 'Alī yang sangat setia. Al-Ashtar mengingatkan 'Alī bahawa Jarīr bin 'Abdillāh telah bersimpati dengan Mu'āwiyah.[5] Peringatan ini dibuat boleh jadi oleh kerana al-Ashtar melihat bahawa Jarīr bin 'Abdillāh telah menikmati faedah yang banyak daripada dasar Khalīfah 'Uthmān, ahli keluarga Mu'āwiyah, di Iraq. Sesungguhnya Jarīr bin 'Abdillāh al-Bajalī adalah di antara orang-orang yang memperolehi tanah di Iraq sebagai kesan daripada dasar pertukaran tanah yang dilaksanakan Khalīfah 'Uthmān di negeri tersebut.[6] Namun begitu, amatlah sukar bagi kita untuk mempercayai kenyataan bahawa Jarīr telah membuat perhubungan sulit dengan Mu'āwiyah, atau telah memihak kepadanya, oleh sebab kepentingan Jarīr adalah di Iraq dan kebanyakan pengikut-pengikutnya adalah terdiri daripada golongan peneroka Iraq. Meskipun ada penentangan daripada al-Ashtar, Sayyidina 'Alī tetap memutuskan untuk menghantar Jarīr ke Syria supaya dapat menunjukkan kepada Mu'āwiyah bahawa beliau ingin dan cenderung kepada perdamaian.[7] Apabila Jarīr bin 'Abdillāh dan Mu'āwiyah sedang berbincang di Damsyik, 'Amr bin al-'Āṣ, yang pernah disifatkan sebagai orang yang pintar berpolitik, telah menasihatkan Mu'āwiyah supaya menyebarkan berita penglibatan Sayyidina 'Alī dalam pembunuhan Khalīfah 'Uthmān kepada penduduk Syria. Berita ini telah disampaikan kepada 'Alī oleh Jarīr

---

[3]*Ibid.*, I/2198.
[4]*WS.*, ms. 22–24; Ṭab., I/3254; *BA*/ ms. vol. I, ms. 363; Ibn A'tham, vol. I, fols. 48A-B; Ya'qūbī, *Tarīkh*, vol. II, ms. 184.
[5]Ṭab. I/3254; *WS.*, ms. 32; Ibn A'tham, vol. I, fol. 50A.
[6]*BF.*, ms. 273–4.
[7]Ṭab., I/3254; *WS.*, ms. 32; *BA*/ms., vol. I, ms. 363–364; Ibn A'tham, vol. I, fol. 50A; Ya'qūbī, *Tarīkh*, vol. II, ms. 184; Mas'ūdī, *Murūj, vol. III, ms. 381; Mubarrad,* Muhammad bin Yazīd, *al-Kāmil fī al-Lughah*, Qāhirah, 1956, vol. I, ms. 325; Maqdisī, *al-Bad'*, vol. V, ms. 217.

setibanya beliau di Kūfah selepas mengadakan perundingan dengan Mu'āwiyah; dan pada ketika itu al-Ashtar telah mengingatkan Sayyidina 'Alī tentang peringatan dan amaran beliau tempoh hari. Tetapi Jarīr telah menjawab dengan tepat bahawa, "Jika sekiranya al-Ashtar yang pergi (menemui Mu'āwiyah) beliau akan didera oleh orang Syria, kerana mereka menganggap beliau adalah di antara pembunuh-pembunuh Khalīfah 'Uthmān". Tidak lama kemudian, Jarīr dan pengikut-pengikutnya telah menarik diri ke Qarqīsiyyā. Sayyidina 'Alī sangat marah terhadap perbuatan Jarīr itu dan lantas membakar rumah Jarīr.[8] Walau bagaimanapun, pemergian Jarīr dan pengikut-pengikutnya dari Kūfah itu telah mengurangkan bilangan penyokong-penyokong 'Alī. Mengikut kenyataan al-Balādhurī dan Nasr bin Muzāhim, hanya seramai 19 orang daripada kaum Qasrī (Bajīlah) yang tinggal bersama-sama 'Alī di Ṣiffīn.[9]

Setelah itu Khalīfah 'Alī menjemput al-Ash'ath bin Qays al-Kindī pula, beliau merupakan pemimpin suku Kindah yang berpengaruh, yang pada ketika itu menjadi gabenor di Adharbayjan yang telah dilantik oleh Khalifah 'Uthmān semasa Sa'īd bin al-'Āṣ menjadi gabenor Kūfah, untuk memberi pengakuan ketaatsetiaan dan seterusnya menyertai tenteranya. Al-Ash'ath telah berkenan dan kembali ke Kūfah, dan beliau melafazkan pengakuan ketaatsetiaan kepada 'Alī.[10] Namun begitu, penerimaan al-Ash'ath dan ketaatan beliau terhadap Sayyidina 'Alī memerlukan beberapa penjelasan. Di sini kita terpaksa kembali sedikit ke belakang iaitu bahawa golongan Ansar dan sebahagian daripada golongan *al-qurrā'* merupakan penyokong-penyokong 'Alī yang sejati, dan mereka semua telah bersama-sama beliau dalam perang Jamal; dan dengan berkat kerjasama merekalah 'Alī mencapai kejayaan dalam peperangan tersebut. Penentangan mereka terhadap golongan yang pernah murtad, khususnya al-Ash'ath bin Qays al-Kindī, telah berakar umbi sejak pemerintahan Khalīfah Abū Bakar lagi; dan kedudukan yang tinggi yang diperolehi al-Ash'ath bin Qays semasa Khalīfah 'Uthmān dan pemilikan beliau terhadap tanah terbengkalai di Iraq

---

[8]*BA*/ms. vol. I, ms. 365; *WS.*, ms. 67.
[9]Tab., I/3254–6; *WS* ms. 66–68; *BA*/ms. vol. I, ms. 364; Mas'ūdī, *Murūj*. vol. II, ms. 381; Dīnawarī, ms. 161.
[10]*WS.*, ms. 24–26; Tab., I/3254; *BA*/ms. vol. I, ms. 370; Ibn A'tham, vol. I, fols. 48B–48B.

dalam tempoh tersebut tidak akan dilupakan oleh seluruh golongan *al-qurrā'*. Sebaliknya al-Ash'ath, dikatakan telah berniat untuk pergi menyokong Mu'āwiyah oleh kerana, mengikut sumber-sumber sejarah Arab, beliau telah diugut oleh Sayyidina 'Alī, yang mengatakan bahawa harta benda yang dikurniakan Khalīfah 'Uthmān kepada beliau akan diambil semula dan dijadikan sebagai hak milik negara jika sekiranya beliau enggan menerima jemputan tersebut.[11] Tetapi perkara ini tidak berlaku kerana katanya al-Ash'ath telah dinasihatkan supaya tinggal di Iraq dan memberi pengakuan taat setia kepada Sayyidina 'Alī oleh pengikut-pengikutnya; sebahagian daripada mereka adalah peneroka-peneroka Iraq yang mempunyai kepentingan di negeri itu.[12] Demi untuk mengekalkan kekuasaan dan pengaruhnya di wilayah tersebut, al-Ash'ath tidak mempunyai pilihan lagi selain daripada menunaikan cita-cita pengikut-pengikutnya. Selain dari itu, al-Ash'ath tentulah telah mengetahui bahawa di pihak Mu'āwiyah terdapatnya Shuraḥbīl bin al-Simṭ al-Kindī, seorang yang sangat berkuasa dan berpengaruh, yang lebih daripada bersedia untuk menyainginya. Sebaliknya, al-Ash'ath sendiri bukanlah calang-calang orang, dan beliau juga seorang yang sangat berpengaruh dan berkuasa di Iraq dan beliau boleh menggunakan kekuasaan dan pengaruh itu dengan cara yang berkesan di sana. Oleh sebab itu masih banyak harapan baginya untuk mengekalkan kedudukan beliau di Iraq. Walau bagaimanapun, kemasukan al-Ash'ath dan pengikut-pengikutnya yang terdiri daripada orang-orang yang pernah murtad dalam tentera 'Alī telah mewujudkan suasana yang tidak sihat terhadap perpaduan di kalangan pengikut-pengikut 'Alī, oleh kerana kedua-dua puak Anṣār dan *al-qurrā'* tidak mempunyai kepentingan yang sama dengan al-Ash'ath bin Qays dan pengikut-pengikutnya.

Sebagaimana yang dinyatakan lebih awal, Jarīr bin 'Abdilāh al-Bajalī telah dihantar oleh Sayyidina 'Alī ke Syria untuk berunding dengan Mu'āwiyah. Pada masa yang sama, pihak Mu'āwiyah pula menghantar wakilnya Abū Muslim al-Khawlānī ke Kūfah bagi tujuan yang sama. Tetapi ternyata bahawa perundingan-

[11] *WS.*, ms. 25; *BA*/ms. vol. I, ms. 327 dan 370.
[12] *WS.*, ms. 25–26; Ibn Qutaybah, *Kitāb al-Imāmah*, Qahirah, 1925, vol. I, ms. 79–80.

perundingan ini telah berakhir dengan kegagalan, oleh kerana kedua pihak, Syria dan Iraq, tidak bersetuju untuk berkompromi.[13] Tidak ada alasan untuk mengandaikan bahawa tajuk perundingan-perundingan tersebut berkisar di sekitar perkara-perkara yang bersangkutan dengan peristiwa pembunuhan Khalīfah 'Uthmān, sebagaimana yang pernah disangka oleh setengah-setengah sarjana barat.[14] Walaupun ada riwayat yang disebut dalam Kitāb *Waq'at Ṣiffīn* oleh Ibn Muzāḥim yang menunjukkan bahawa Abū Muslim al-Khawlānī pernah meminta Sayyidina 'Alī supaya beliau menyerahkan pembunuh-pembunuh Khalīfah 'Uthmān, tetapi permintaan itu telah ditolak bukan sahaja oleh Sayyidina 'Alī tetapi juga oleh seluruh penyokongnya yang berada di Iraq. Apabila ditemui, mereka mengatakan "Kami semua pembunuh Khalīfah 'Uthmān bin 'Affān (*kulunā qatalah Ibn 'Affān*)" kepada Abū Muslim al-Khawlānī.[15] Mereka menyatakan demikian oleh kerana mereka sedar bahawa motif gerakan orang Syria yang sebenarnya bukanlah untuk membela kematian Khalīfah 'Uthmān, tetapi adalah lebih banyak untuk mempertahankan negara mereka dari campurtangan Iraq.[16]

Lagipun, kes pembunuhan 'Uthmān adalah kes peribadi dan kes keluarga Umayyah. Jadi tidak munasabah seluruh penduduk Syria, yang bukan semuanya ahli keluarga Khalīfah 'Uthmān atau keluarga Umayyah, sanggup berperang dan mati kerana membela darah Khalīfah 'Uthmān.[17] Jika mereka benar-benar sanggup berbuat demikian tentulah mereka akan melakukannya awal-awal lagi, iaitu sebaik sahaja Khalīfah itu dibunuh, tetapi ini tidak dilakukan oleh mereka. Ahli Sejarah sependapat bahawa bukan semua penduduk Syria menyertai perang Jamal. Tetapi kemudian, setelah 'Alī mencapai kemenangan dalam perang tersebut, semua penduduk Syria telah melibatkan diri dalam penentangan terhadap 'Alī dan penyokong-penyokongnya. Ini disebabkan, kerana mereka

---

[13]*BA*/ms. vol. I, ms. 364.
[14]Lihat umpamanya, M. Hinds, *Thesis*, ms. 284, beliau mengatakan "Mu'āwiyah telah memutuskan untuk berperang kecuali 'Alī menyerahkan pembunuh-pembunuh Khalīfah 'Uthmān."
[15]*WṢ.*, ms. 96.
[16]Shaban, *op. cit.*, ms. 74.
[17]*Ibid.*, ms. 74

sedar bahawa 'Alī mula campurtangan dalam urusan negara mereka di Syria. Demi untuk melemahkan kedudukan beliau dan menyekat perluasan kuasanya mereka mengisytiharkan 'pembelaan terhadap darah 'Uthmān" dan ia dijadikan sebagai lambang perjuangan menentang 'Alī. Implikasi daripada itu, mereka yang terlibat atau yang bersubahat dengan pembunuh Khalīfah 'Uthmān akan bertindak menentang orang-orang Syria. Tetapi kita telah dimaklumkan bahawa hampir semua penduduk Iraq mengaku membunuh Khalīfah 'Uthmān. Ini bererti bahawa kedua pihak, Syria dan Iraq, lebih masyghul dengan pertahanan wilayah masing-masing daripada mempersoalkan tentang pembelaan terhadap Khalīfah Uthmān. Al-Tabarī sendiri tidak menyebut masalah pembelaan tersebut. Ini menunjukkan bahawa kes pembunuhan Khalīfah 'Uthmān bukanlah merupakan isu yang terpenting bagi penduduk Syria umumnya. Tetapi perkara yang lebih penting ialah bahawa mereka telah mengetahui bahawa Sayyidina 'Alī cuba campurtangan dalam urusan di Syria menerusi perundingan-perundingan damai. Setelah perundingan-perundingan itu tidak mendatangkan apa-apa hasil maka kedua pihak telah memutuskan untuk berperang.

Mu'āwiyah mempunyai angkatan tentera yang sepadu dan tersusun; mereka terdiri daripada orang Syria yang telah menunjukkan ketaatsetiaan dan kepatuhan kepada Mu'āwiyah sejak awal-awal lagi, dan mereka telah memberi sokongan penuh terhadapnya untuk menentang Sayyidina 'Alī.[18] Kedamaian dan kestabilan sudah lama wujud di Syria, kerana kedudukannya yang istimewa sejak pemerintahan Khalīfah 'Umar; Syria bebas daripada penghijrahan yang tidak terkawal sebagaimana yang berlaku ke atas negeri Iraq. Ini ialah bertujuan untuk menjamin kemantapannya dalam menghadapi ancaman tentera Byzantine (Rum).[19] Sejak itu, Mu'āwiyah nampaknya cuba untuk memelihara kedudukan dan kestabilan Syria dan mencegahnya dari didatangi oleh penghijrah-penghijrah baru, kerana mereka boleh menimbulkan berbagai maslah sosioekonomi, sebagaimana yang telah dialami oleh negeri Iraq.

---

[18]Ṭab. 1/2865, dan 3256.
[19]Shaban, *op. cit.*, ms. 74.

Pada mulanya pihak Mu'āwiyah telah menunjukkan kecenderungannya untuk berdamai dengan 'Alī, tetapi setelah rancangan damai itu menemui jalan buntu, beliau bersetuju dengan keputusan ramai, iaitu berperang. Oleh kerana Mu'āwiyah bersimpati terhadap kemahuan penyokong-penyokongnya, maka mereka menggelarnya *amir* (panglima perang) dan memberi *bay'ah* (pengakuan ketaatsetiaan), kepadanya.[20] Tidak lama kemudian, suatu perjanjian damai antara Syria dan Rum telah ditandatangani, dan hadiah yang bernilai daripada Mu'āwiyah telah dihantar kepada maharaja Rum, Qaisar.[21] Suasana di Mesir pula telah menjadi lebih tenang apabila ketua golongan pemberontaknya, Muhammad bin Abī Ḥudhayfah, dibunuh oleh tentera Mu'āwiyah.[22] Sementara di Iraq, tidak ada penyelesaian yang dapat dibuat antara Mu'āwiyah dengan 'Alī kecuali berperang.

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, pasukan tentera 'Alī adalah terdiri daripada beberapa kumpulan yang mempunyai kepentingan yang berbeza-beza. Dengan tentera ini Sayyidina 'Alī telah mara ke arah Raqqah, di sebelah tebing kiri Sungai Furāt. Di sini tenteranya telah menemui barisan hadapan askar Syria; setelah berlaku beberapa pertempuran kecil mereka telah menarik diri dan tentera Syria pun dapat menguasai kawasan air di tebing sungai Furāt dan mereka menghalang tentera 'Alī daripada masuk sehinggalah al-Ashtar merampasnya dengan kekerasan. Walau bagaimanapun, 'Alī telah memerintahkan pengikutnya supaya membenarkan orang Syria masuk dengan bebas ke sungai tersebut.[23] Kemudian beliau memacakkan khemah di Ṣiffīn, bertentangan dengan Raqqah. Dalam tempoh tersebut perundingan baru antara 'Alī dengan Mu'āwiyah diadakan. Ramai di antara pemimpin-pemimpin dari Kūfah telah dihantar oleh 'Alī untuk tujuan tersebut. Di antara mereka ialah Shabath bin Aib'ī al-Yarbū'ī al-Tamīmī, 'Alī bin Ḥātim al-Tā'ī, Yazid bin Qays al-Arḥabī, dan Ziyād bin Khasafah al-Taymī al-Tamīmī, tetapi perundingan ini juga berakhir dengan

---

[20] *WS.*, ms. 52; *BA*/ms. vol. I, ms. 372 dan 379.
[21] *WS.*, ms. 42.
[22] *Ibid.*, ms. 42 dan 49.
[23] Tab., I/3259–69; *WS.*, 180; *BA*/ms. vol. I, ms. 371; Ya'qūbī, *Tarīkh* vol. II, ms. 187–188.

kegagalan.[24]

Tiga bulan berikutnya, Dhu al-Ḥijjah, Muharram dan Ṣafar, 37 H/Mei, Jun dan Julai, 657 M, tentera kedua pihak kekal di perkhemahan Ṣiffīn, berhadapan antara satu dengan yang lainnya dalam keadaan biasa tidak berperang dan tidak berdamai. Tempoh perundingan ini berakhir selama seratus sepuluh hari, dan dalam tempoh tersebut sebanyak 90 pertempuran kecil telah berlaku,[25] tetapi tidak ada satu pun yang merebak menjadi peperangan besar dan setiap pertempuran tidak melibatkan lebih daripada 500 orang askar,[26] kecuali yang terakhir yang dinamakan *laylat al-harīr*, yang terjadi pada bulan Ṣafar, 37 H/Julai 657 M, tetapi masih juga tidak boleh dianggap sebagai peperangan besar.

Terdapat perbezaan pendapat mengenai jumlah tentera yang terlibat dalam peperangan ini. Menurut keterangan-keterangan Khalīfah bin Khayyāṭ dan al-Balādhurī, tentera yang memihak kepada Sayyidina 'Alī seramai 50,000 orang dan bagi pihak Mu'āwiyah pula seramai 70,000 orang.[27] Di tempat lain pula kenyataan Khalīfah bin Khayyāṭ dan dipersetujui oleh Ibn Muzāḥim dan Ibn A'tham menegaskan bahawa bilangan tentera 'Alī adalah dalam lingkungan 150,000 orang,[28] iaitu hampir sama dengan bilangan tentera Mu'āwiyah. Bagaimanapun, beberapa riwayat lain menunjukkan bahawa bilangan tentera Mu'āwiyah adalah lebih kecil dari tentera 'Alī.[29]

Di Ṣiffīn tentera 'Alī disusun mengikut sistem kesukuan, cuma bilangan lebih besar daripada bilangan tentera yang terlibat dalam

---

[24]Ṭab., 1/3274–76; *WS.*, ms. 221 dan 223; *BA*/ms. vol. I, ms. 372.

[25]Mas'ūdī, *Murūj*, vol. II, ms. 361 dan 404; Idem, *Kitāb al-Tanbīh wa al-Isrāf*, Qāhirah, 1938, ms. 256; Qalqashandī, Aḥmad bin 'Abdillāh, *Ṣubh al-A'shā fī Sinā'at al-Inshā*, Qāhirah, 1919–1922, vol. I, ms. 393; Ibn Kathīr, Ismā'īl, bin 'Umar, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, Qāhirah, vol. II, ms. 275 (di mana dinyatakan 7 atau 9 bulan); al-Bakrī, 'Abdullāh bin 'Abd Al-Azīz, *Tārīkh al-Khamīs*, Beirut, vol. II, ms. 227; Abu al-Fidā, Ismā'īl bin 'Alī, *al-Mukhtasar fī Akhbār al-Bashar*, al-Matbah al-Husayniyyah, Qahirah, vol. I, ms. 175.

[26]Hanya Ibn A'tham yang menganggarkan seramai 1,000 orang yang terlibat dalam satu-satu pertempuran, tetapi ini boleh jadi pertempuran akhir (ibn A'tham, vol. I, fols. 87A dan seterusnya). Walau bagaimanapun, kenyataan Ibn A'tham ini dianggap keterlaluan dan tidak disokong oleh sumber-sumber lain.

[27]Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 175; *BA*/ms. vol. I, ms. 378.

[28]Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 175; Ibn A'tham, vol. I. I, fol. 65B; *WS.*, ms. 174.

[29]*WS.*, ms. 174.

perang Jamal. Terdapat beberapa kenyataan oleh al-Ṭabarī, al-Balādhurī, Khalīfah bin Khayyāṭ, Ibn Muzāḥim dan Ibn A'tham mengenai komposisi tentera 'Alī dan cara penyusunannya; dan nama-nama suku, kumpulan suku serta nama-nama pemimpin setiap suku ada disebutkan oleh mereka.[30] Kenyataan-kenyataan Ibn Khayyāṭ dan Ibn Muzāḥim adalah lebih terperinci dan mengandungi maklumat yang paling banyak berbanding dengan kenyataan-kenyataan yang lain, khususnya mengenai komposisi tentera dan penyusunannya. Menurut Ibn Muzāḥim, sebelum beliau beralih ke Ṣiffīn, Sayyidina 'Alī telah melantik seramai tiga belas orang pemimpin Arab (lima dari Baṣrah dan tujuh dari Kūfah) untuk mengetuai beberapa suku dan kumpulan suku.[31] Kemudian Ibn Muzāḥim dan juga Ibn Khayyāṭ menyenaraikan lebih kurang 25 pemimpin bersama-sama dengan lebih daripada 25 suku dan kumpulan suku di Ṣiffīn. Sebahagian daripada mereka dilantik dan sebahagian yang lain pula disahkan ke dalam jawatan pemimpin suku oleh Sayyidina 'Alī.[32] Tujuan mengadakan penyusunan tentera mengikut sistem kesukuan ialah untuk menggabungkan berbagai suku supaya mereka menjadi kumpulan qabilah yang besar dan setelah itu diselaraskan dengan kumpulan-kumpulan lain yang lebih besar. Ini bermakna bahawa setiap pemimpin suku mempunyai kekuasaan bukan sahaja ke atas suku kaumnya tetapi juga ke atas suku-suku yang lain atau cabang-cabang suku yang dimasukkan ke bawah kekuasaannya. Penyusunan ini telah mula diamalkan sejak permulaan konflik, iaitu apabila Sayyidina 'Alī mengarahkan Ziyād bin al-Nadr dan Shurayḥ bin Ḥāni' dari suku Ḥārith untuk menyertai al-Ashtar, pemimpin bagi suku Nakha'.[33] Suku Ḥārith dan suku Nakha' adalah merupakan cabang suku kaum Madhhij, tetapi al-Ashtar telah dilantik oleh 'Alī untuk mengetuai kesemua

[30] Ibn A'tham, col. I, fol. 26B; Mas'ūdi, *Murūj*, vol II, ms. 384 (90,000 di pihak 'Ali dan 85,000 di pihak Mu'āwiyah); al-'Askari, *Awā'il*, ms. 291 (Pihak 'Alī 100,000, pihak Mu'āwiyah 70,000); Maqdisi, *al-Bad'*, vol. V, ms. 217 (pihak 'Alī 90,000, pihak Mu'āwiyah 80,000); Ibn Kathir, *Bidāyah*, vol. VII, ms. 275 (120,000) di pihak 'Alī dan 60,000 di pihak Mu'āwiyah).

[31] *WS.*, ms. 131–132.

[32] *Ibid.*, ms. 231–232; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 177.

[33] Ṭab., I/3261–62; *WS.*, ms. 132, 236 dan 271; *BA*/ms. vol. I, ms. 371; Ibn A'tham, vol. I, fols. 76B dan 94B di sini disebut Shurayḥ bin Hāni al-Madhhijī.

cabang suku kaum tersebut.[34] Ini bererti bahawa Ziyād bin al-Naḍr al-Ḥārithī dan Suraysḥ bin Hānī' al-Ḥārithī telah diletak di bawah kawalan al-Ashtar. Pemimpin-pemimpin lain yang dilantik oleh Sayyidina 'Alī dalam penyusunan suku tentera ialah Ḥujr bin 'Adī al-Kindī, Ma'qil bin Qays al-Riyāḥī, Ṣa'sa'ah bin Ṣawḥān al-'Abdī, Jundab bin Zuhayr al-Azdī, 'Amr bin al-Tā'ī. Semua pemimpin tersebut terdiri daripada peneroka-peneroka Iraq dan hampir kesemuanya, kecuali Shavath bin Rib'ī, telah terlibat secara aktif dalam rusuhan di Kūfah yang melibatkan pembunuhan Khalīfah 'Uthmān. Sebahagian daripada pemimpin yang baru dilantik seperti al-Ashtar al-Nakha'i, 'Adī bin Hātim al-Tā'ī dan Ḥujr bin 'Adī al-Kindī telah pernah dilantik sejak perang Jamal bersama-sama pemimpin-pemimpin dari golongan *nuffār*. Di Ṣiffīn, pemimpin-pemimpin yang masyhur ini telah dinaikkan pangkat oleh Sayyidina 'Alī bukan sahaja sebagai pemimpin suku, tetapi juga diberikan kedudukan yang penting. Al-Ashtar, misalnya telah dilantik oleh Sayyidina 'Alī sebagai gabenor di Jazīrah.[35] 'Adī bin Ḥātim al-Tā'ī dilantik sebagai pemimpin Tayy.[36] Hujr bin 'Adī al-Kindī sebagai ketua suku Kindah,[37] dan kedudukan beliau telah diperkukuhkan lagi oleh 'Alī apabila beliau dihantar ke Adharbayjan untuk membawa al-Ash'ath bin Qays al-Kindi ke Kūfah, dan kedua-dua pemimpin tersebut telah muncul bersama-sama di Ṣiffīn.[38] Oleh kerana Ḥujr dilantik mengetuai suku Kindah maka amatlah besar kemungkinan bahawa beliau telah diberi kuasa ke atas kesemua pendatang baru yang tiba di Iraq pada masa pemerintahan Sayyidina 'Alī. Beberapa orang daripada kaum pendatang baru ini telah menjadi masyhur dalam peperangan Ṣiffīn, seperti Qays bin Fahdān, Abū al-Amarratah 'Umayr bin Yazīd dan 'Abd al-Raḥmān bin al-Ḥārith bin Muḥriz. Mereka datang dari berbagai suku Kindah, iaitu suku-suku Baddā', Hind dan al-Tumḥ.[39] Ini bererti bahawa

[34] *WS.*, ms. 232; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 177.
[35] *WS.*, ms. 12 dan 232; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 177; Ibn A'ttham vol. I, fol. 45A; *BA*/ms. vol. I, ms. 33–kenyataan mengenai peranan al-Ashtar dalam peperangan Siffin, sila lihat Ṭab. I/3272, dan 3273 dan 3284; Ibn A'tham, vol. I, fols. 82B–83A, 93B, 102A dan 109A-B; *BA*/ms. vol. I, ms. 372; *WS.*, ms. 174, 219–20.
[36] *WS.*, ms.232; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 177.
[37] *WS.*, ms. 231; Khalīfah, vol. I, ms. 177
[38] *BA*/ms. vol. I, ms. 370.
[39] Ṭab., I/3307 dan 3308; *WS.*, ms. 303, 313–314.

pengaruh al-Ash'ath bin Qays al-Kindī telah diancam oleh perkembangan kekuasaan Ḥujr bin 'Adī di Iraq. Ṣa'ṣa'ah bin Ṣawhān al-'Abdī, 'Amr bin al-Hāmiq al-Khuzā'ī dan Jundab bin Zuhayr al-Azdī adalah di antara anggota *al-qurrā'* Kūfah yang terlibat dalam penentangan terhadap Khalīfah 'Uthmān dan Sa'īd bin al-'Ās, telah dilantik menjadi pemimpin-pemimpin suku-suku 'Abd al-Qays, Khuzā'ah dan Azd secara berturut-turut. Tidak ada satu pun dari kumpulan-kumpulan ini yang mempunyai bilangan yang besar, khususnya kumpulan-kumpulan yang pertama dan kedua dan kesemuanya boleh jadi kaum peneroka Iraq, oleh kerana tidak ada satu kumpulan pun nampaknya yang boleh digabungkan bersama-samanya.[40] Walaupun pemimpin-pemimpin *al-qurrā'* seperti Ma'qil bin Qays al-Riyāḥi dan Ziyād bin Khasafah al-Taymī tidak disenaraikan bersama-sama pemimpin-pemimpin yang baru dilantik, kedua-duanya dikatakan mempunyai pengikut seramai 2,000 orang.[41] Pada ketika mara ke Ṣiffīn, Ma'qil bin Qays telah dihantar oleh 'Alī bersama-sama tentera seramai 3,000 orang dari al-Madā'in melalui al-Mawṣil, mungkin dengan tujuan untuk menjamin keselamatan kawasan tersebut.[42]

Namun begitu, ramai pula di antara pemimpin *al-qurrā'* yang tidak dilantik atau dinaikkan pangkat, malahan mereka telah diletakkan di bawah jagaan pemimpin-pemimpin suku. Zayd bin Ḥins al-Sunbusī misalannya adalah salah seorang anggota *al-qurrā'* pada masa pemerintahan Khalīfah 'Uthmān, tetapi kini duduk di bawah pimpinan 'Adī bin Ḥātim. 'Adī bin Ḥātim telah dilantik oleh 'Alī sebagai pemimpin suku Ṭayy di Ṣiffīn.[43] Pada hakikatnya, suku 'Adī (suku bagi 'Adī bin Ḥātim), adalah lebih kecil daripada suku Hizmir (Sinbis) (suku bagi Zayd bin Ḥiṣn). Dalam keadaan seperti ini orang-orang dari suku Hizmir telah memusuhi 'Adī bin Ḥātim, pemimpin yang baru dilantik di Siffīn.[44] Zayd bin Ḥiṣn, pada suatu ketika, dilaporkan telah berbalah dengan 'Adī bin Ḥātim dan tidak bersetuju dengan pendapatnya mengenai pemergian mereka untuk

[40] *WS.*, ms. 231–2; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 177; Hinds, *Thesis*, ms. 278.
[41] *BA*/ms. vol., I, ms. 428.
[42] Ṭab., 1/3259; *BA*/ms. vol. I, ms. 370; *WS.*, ms. 165.
[43] *WṢ.*, ms. 232; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 177.
[44] Tab., 1/3279.

berperang di Ṣiffīn.[45] Begitu juga Yazīd bin Qays al-Arḥabī, pemimpin *al-qurrā'* Kūfah yang terkenal, telah diletakkan di bawah kekuasaan Qays bin Sa'īd, pemimpin suku-suku Hamdān.[46] Suku-suku Tamim telah diletakkan di bawah kekuasaan 'Umayr bin 'Uṭārid dan Shabath bin Rib'ī. Ini bermakna kedua pemimpin tersebut mempunyai kekuasaan ke atas semua anggota suku Tamīm. Oleh kerana ramai di kalangan golongan *al-qurrā'* yang berasal dari cawangan suku Tamīm maka tidak syak lagi mereka diletakkan di bawah jagaan 'Umayr dan Shabath. Dipercayai bahawa semua golongan *al-qurrā'* termasuklah yang tinggal jauh di berbagai kawasan di Iraq seperti Ḥulwān, Māsābadhān, Takrīt, Qarqīsiyyā dan al-Madā'in telah berkumpul di lembah Ṣiffīn.[47] Di antara pemimpin yang tinggal di tempat-tempat tersebut ialah Hilāl bin 'Ullafah dan al-Mustawrid bin 'Ullafah dari suku Taym (Tamīm). Kedua-dua pemimpin *al-qurrā'* yang bersaudara ini tidak berada di Kūfah semasa berlakunya penentangan terhadap Sa'īd dan Khalīfah 'Uthmān; dan tiada seorang pun daripada mereka yang dilantik untuk memegang mana-mana jawatan semasa pemerintahan Sayyidina 'Alī. Di Ṣiffīn, tidak syak lagi, mereka diletakkan di bawah kekuasaan 'Umayr bin 'Uṭārid, pemimpin umum bagi suku Tamīm.[48]

Ringkasnya, golongan *al-qurrā'* kini telah terbahagi kepada dua kumpulan: Mereka yang dilantik dan dicalonkan ke berbagai jawatan penting serta mendapat sokongan kuat daripada 'Alī, dan mereka yang tidak dilantik dan diletakkan di bawah pimpinan tertentu. Golongan pertama telah menjadi penyokong-penyokong Sayyidina 'Alī yang masyhur seperti al-Ashtar, Mālik bin al-Ḥārith al-Nakha'ī dan Ḥujr bin 'Adī al-Kindī, di samping golongan Anṣār yang diketuai Qays bin Sa'īd bin 'Abādah dan Sahl bin Ḥunayf. Manakala kumpulan kedua merupakan kontigen yang kurang bersemangat untuk menyokong Sayyidina 'Alī. Ramai di antara

---

[45] *WS.*, ms. 110–111.

[46] *Ibid.*, ms. 232; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 177.

[47] *BA* ms. vol. I, ms. 369 dan 372; Ibn A'tham, vol. I, fol. 65B, 'Alī dikatakan cuba mengumpul semua tentera yang boleh didapati, dan setiap gabenornya dijemput untuk menyertai peperangan di Siffīn. Kenyataan lanjut mengenai perkara tersebut, sila lihat, Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. II, ms. 200–206.

[48] *WS.*, ms. 232; Khalīfah, *Tārīkh*, vol I, ms. 177.

mereka yang tidak hadir dalam perang Jamal, seperti Hilāl dan al-Mustawrid, anakanda kepada 'Ullafah dari suku Tamīm dan Zayd bin Ḥiṣn al-Subnusī dari suku Ṭayy.

Begitu juga pemimpin-pemimpin yang berpengaruh di Iraq seperti al-Ash'ath bin Qays al-Kindī dan al-Aḥnaf bin Qays al-Sa'dī dari suku Tamīm, yang merupakan orang yang kurang bersemangat untuk menyokong 'Alī. Berhubung dengan kedua-dua pemimpin yang disebutkan tadi, mereka telah menunjukkan keengganan untuk membantu Sayyidina 'Alī dalam peperangan. Dalam perang Jamal al-Aḥnaf bin Qays dan anggota-anggota suku kaumnya dari As'd telah mengambil sikap tidak memihak, sementara al-Ash'ath bin Qays dan pengikut-pengikutnya masih lagi di Adharbayjān pada ketika itu. Meskipun kedua-duanya hadir dan memberi sokongan kepada Sayyidina 'Alī di Ṣiffīn, mereka tidak memperolehi pengaruh dan kekuasaan lebih daripada yang sedia ada. Sebaliknya al-Ash'ath, umpamanya, nyata telah dikurangkan kepada had yang minimum oleh 'Alī sejak mula-mula berlakunya konflik di Ṣiffīn.[49] Pencabarnya yang paling jelas ialah Ḥujr bin 'Adī al-Kindī yang telah dilantik oleh 'Alī untuk mengetuai suku Kindah. Pemimpin-pemimpin suku lain yang berpengaruh di pihak 'Alī di Ṣiffīn antara lainnya ialah Khālid bin al-Mu'ammar al-Sadūsi dari suku Bakr. Yang terakhir dilaporkan telah mengetuai suku-suku dari qabilah Rabī'ah,[50] yang mempunyai pengikut seramai 9,000 orang,[51] tetapi peranannya adalah kecil dan beliau dikatakan telah menghubungi Mu'āwiyah.[52]

Dari kenyataan di atas dapatlah disimpulkan bahawa kontigen yang kurang bersemangat di kalangan anggota-anggota tentera campuran 'Alī ialah terdiri daripada pemimpin-pemimpin suku dan golongan *al-qurrā'* yang tidak terlibat dalam rusuhan di Kūfah pada masa pemerintahan Khalīfah 'Uthmān.

Mengenai golongan *al-qurrā'*, terdapat dua kenyataan dalam kitab *Waq'at* Ṣiffīn: Yang pertama oleh al-Jurjānī. Menurut yang pertama, terdapat sekumpulan orang dari golongan *al-qurrā'* telah muncul di

---

[49]*WS.*, ms. 153–5.
[50]Ṭab., I/3312; *WS.*, ms. 131, 232 dan 326–327 di mana Khālid bin al-Mu'ammar dikatakan pemimpin bagi suku Rabī'ah.
[51]Ibn A'tham, vol. I, fol. 91A.
[52]*Ibid.*, ms. 91A; Ṭab. I/3310–12; *WS.*, ms. 324.

Siffīn di bawah pimpinan 'Ubaydah bin Qays bin 'Amr al-Salamānī.[53] Yang kedua, melaporkan bahawa golongan *al-qurrā'* tersebut telah dipimpin oleh 'Ubaydah al-Salamānī, 'Alqamah bin Qays al-Nakha'ī, 'Abdullāh bin 'Utbah bin Mas'ūd al-Hudhalī dan 'Amir bin 'Abd al-Qays al-'Anbārī, seramai 30,000 orang. Mereka disebut sebagai *al-qurrā'* Syria.[54] Bagaimanapun, jika dilihat asal usul keturunan pemimpin-pemimpin mereka, kita dapati bahawa semuanya adalah terdiri daripada peneroka-peneroka Iraq; umpamanya Ubaydah bin Qays bin 'Amr al-Salmānī al-Murādī telaḥ berada di Kūfah sejak pemerintahan Khalīfah 'Umar.[55] 'Alqamah bin Qays al-Nakha'ī adalah salah seorang daripada golongan *al-qurrā'* yang telah menulis surat kepada al-Ashtar Mālik bin al-Nakha'ī semasa beliau diusir ke Syria.[56] 'Abdullāh bin 'Utbah bin Mas'ū al-Hudhalī juga salah seorang peneroka Iraq.[57] 'Āmir bin Abd al-Qays al-'Anbarī al-Tamīmī telah terlibat dalam kempen di Iraq sejak Khālid bin al-Walīd al-Makhzūmī dan terlibat dalam penaklukan Tustar dan al-Madā'in;[58] dan menerima gaji(*'aṭā'*), sebanyak 2,000 dirham sejak pemerintahan Khalīfah 'Umar.[59] Setelah itu beliau disingkirkan oleh Khalīfah 'Uthmān ke Syria dalam peristiwa *al-musayya-run* bersama-sama al-Ashtar dan rakan-rakannya yang lain.[60] Maklumat ini menunjukkan bahawa tidak ada seorang pun daripada golongan *al-qurrā'* yang tersebut di atas dari Syria, tetapi mereka semua daripada golongan *al-qurrā'* Kūfah yang mempunyai kepentingan di kawasan-kawasan desa Iraq. Oleh itu amatlah besar kemungkinan bahawa pada masa berlakunya rusuhan di Kūfah pada tahun 33 H/654 M ramai daripada golongan *al-qurrā'* ini sedang menjalankan tugas mereka di luar Kūfah. Hanya 'Alqamah bin Qays al-Nakha'ī dikatakan berada di Kūfah pada masa berlakunya rusuhan tersebut, tetapi nyata bahawa beliau tidak terlibat dalam peristiwa pembunuhan Khalīfah 'Uthmān di

---

[53] WS., ms. 129.
[54] *Ibid.*, ms. 211.
[55] Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 129; Ibn Sa'd, *Ṭabaqāt*, vol IV, ms. 62–63.
[56] *BA.*, vol. V, ms. 45.
[57] Ibn Sa'd, *Ṭabaqāt*, vol. VI, ms. 82.
[58] Tab., I/2449 dan 2555.
[59] Ibn Sa'd, *Ṭabaqāt*, vol. VII, i, ms. 79.
[60] Tab., I/2923–24; Ibn Sa'd, *Ṭabaqāt*, vol. VII, i, ms. 80; Ibn Qutaybah, *Ma'ārif*, ms. 195 dan 436.

Madīnah. Adalah besar kemungkinan bahawa dalam tempoh perang Jamal sebahagian daripada golongan *al-qurrā'* ini telah menggabungkan diri mereka kepada golongan *jamā'ah* yang dipimpin oleh al-Qa'qa'ah bin 'Amar al-Tamīmī, yang telah menunjukkan keengganannya untuk berperang di pihak Sayyidina 'Alī. Sementara yang lain masih berjauhan, atau mengambil sikap tidak memihak, dan tidak melibatkan diri dalam peristiwa tersebut. Ringkasnya, sama ada mereka terlibat atau tidak dalam peperangan itu, tidak ada seorang pun di antara mereka yang dilantik oleh 'Alī untuk memegang jawatan-jawatan penting. Ini dapat dihuraikan menerusi dua cara: Pertama, oleh kerana ketiadaan mereka pada masa penentangan yang membawa kepada pembunuhan Khalīfah 'Uthmān, dan kedua, kesan daripada itu, yang berlawanan dengan golongan *nuffār*, mereka menjadi penyokong-penyokong 'Alī yang tidak aktif.

Di Ṣiffīn, pada mulanya golongan *al-qurrā'* bercadang untuk mengambil sikap tidak memihak dan mereka telah membuat perhubungan dengan 'Alī dan juga Mu'āwiyah dalam tempoh selama tiga bulan (Rabī' al-Akhir, Jamādi al-Awwal, dan Jamādi al-Akhir, tahun 36 H/Ogos, September dan Oktober tahun 657 M).[61] Kemudian mereka memutuskan untuk memihak kepada Sayyidina 'Alī dan mengisytiharkan diri sebagai "pembunuh-pembunuh Khalīfah 'Uthmān". Bilangan tentera *al-qurrā'* pada ketika itu ialah seramai 20,000 orang.[62] Tidak lama kemudian jumlah yang sama muncul di bawah pimpinan Mis'ar bin Fadakī al-Tamīmī.[63] Sebab mereka memihak kepada Sayyidina 'Alī ialah kerana Khalīfah 'Alī pada suatu ketika telah mengatakan kepada mereka bahawa, "tanah fay', atau tanah terbengkalai di Iraq, akan diberikan kepada *ahl al-fay'*, iaitu orang-orang yang terlibat dalam penaklukan Iraq, (*tawfīr al-fay' li-ahlihi*)".[64] Kepentingan isu ini telah dinyatakan oleh pemimpin mereka, Yazīd bin Qays al-Arḥabī, apabila beliau berkata, "ia adalah harta Allāh s.w.t., yang telah kami perolehi dengan pedang-pedang dan tombak-tombak kami, perangilah wahai hamba-hamba Allah kaum yang zalim (..*innamā huwa mal Allāh*

[61] *WS.*, ms. 211–213; Dīnawarī, ms. 169–70.
[62] *WS.*, ms. 213; Dīnawarī, ms. 170 dan 171.
[63] Ṭab., I/2220; *WS.*, ms. 560.
[64] *WS.*, ms. 252.

*'azza wa-jalla, afa'ahū 'alaynā bi-asyāfinā wa-armahina, fa qatilu 'ibada Allāh al-qawm al-zalimin*)".[65] Kata-kata seperti ini telah dilaungkan oleh mereka ketika mereka menentang Khalīfah 'Uthmān dan gabenornya, Sai'īd bin al-'Āṣ di Kūfah, tempoh hari. Oleh itu mereka mengharapkan Sayyidina 'Alī berbuat sebagaimana yang dilakukan oleh Khalīfah Abū Bakr dan Khalīfah 'Umar terhadap mereka.[66]

Pada masa peperangan di Ṣiffīn berlaku, sebahagian daripada tentera *al-qurrā'* dikatakan telah diletak di bawah beberapa orang pemimpin iaitu 'Abdullāh bin Budayl al-Khuzā'ī, 'Ammār bin Yāsir al-'Ansī dan Mis'ar bin Fadakī al-Tamīmī.[67] Dua pemimpin yang pertama mempunyai kedudukan yang istimewa dalam tentera 'Alī; 'Abdullāh bin Budayl dilantik untuk mengetuai sayap kanan dan 'Ammar bin Yasir mengetuai pasukan jalan kaki. Walaupun, kumpulan tentera *al-qurrā'* adalah kecil jumlahnya namun mereka mempunyai semangat yang tinggi untuk berperang dalam tentera 'Alī, khususnya yang ada bersama-sama 'Abdullah bin Budayl al-Khuzā'ī. Apabila 'Abdullāh bin Budayl tertewas dan terbunuh dalam satu pertempuran, golongan *al-qurrā'* yang berjumlah 100 orang atau mengikut Abū Mikhnaf, di antara 200–300 orang telah meneruskan peperangan menentang tentera-tentera Syria.[68] Golongan *al-qurrā'* juga dikatakan telah digabungkan kepada al-Ashtar Mālik bin al-Ḥārith al-Nakha'ī pada tahap-tahap akhir konfrontasi.[69]

Apabila konfrontasi berterusan, orang Syria merasa takut kerana mereka sedar dan mereka mendapati bahawa kedudukan tentera mereka semakin bertambah lemah.[70] Demi untuk mengelakkan diri daripada menerima kekalahan yang lebih teruk, mereka telah

---

[65]Ṭab., I/3291–92; *WS.*, ms. 279.
[66]Ṭab., I/3341; al-Nu'aymī, *op. cit.*, ms. 19.
[67]Ṭab., I/3283 dan 3289; *WS.*, ms. 325 dan 262—Menurut kenyataan Ṣālih bin Kaysān yang dilaporkan oleh al-Balādhurī (*BA*/ms. vol. I, ms. 373) bahawa Mis'ar bin Fadaki al-Tamīmī adalah pemimpin umum bagi golongan *al-qurrā'*, tetapi kenyataan amatlah sukar dipercayai, kerana ia tidak berdasarkan *isnad* yang tersusun dan tidak pula disokong oleh sumber-sumber yang berwibawa.
[68]Ṭab., I/3292 dan 3296; *WS.*, ms. 277 dan 280.
[69]Ṭab., I/3327; *WS.*, ms. 543.
[70]*BA*/ms. vol. I, ms, 378; *WS.*, ms. 643; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 176; Mas'ūdī, *Murūj*, vol, II, ms, 384; Maqdisi, *al-Bad'*, V, ms. 217–18.

mengeksploitasi perpecahan yang wujud di kalangan tentera 'Alī, yang terdiri daripada tiga kumpulan besar iaitu golongan Anṣār, orang Iraq dan golongan *al-qurrā'*. Ketiga-tiganya mempunyai kepentingan yang berbeza-beza.[71] Kebanyakan daripada golongan *al-qurrā'* telah menunjukkan sikap tawar hati untuk menyokong 'Alī, dan ini disedari oleh Mu'āwiyah sendiri.[72] Orang Iraq, khususnya pendatang-pendatang baru dan orang Yaman yang dipimpin oleh al-Ash'ath bin Qays al-Kindī, merupakan kumpulan penyokong 'Alī yang terbesar,[73] tetapi paling kurang bersemangat dan mereka tidak sanggup berperang sehingga ke akhirnya. Ternyata daripada hakikat bahawa al-Ash'ath bin Qays dan pengikut-pengikutnya, semasa konfrontasi di Ṣiffīn dikatakan telah menyeru untuk memberhentikan peperangan. Sa'sa'ah bin Sawhan al-'Abdī mensifatkannya sebagai kebimbingan dari pihak al-Ash'ath terhadap serangan-serangan Rum sekiranya pertelingkahan antara 'Alī dan Mu'āwiyah berterusan. Idea al-Ash'ath ini telah disanjung tinggi oleh Mu'āwiyah dan menganggapnya sebagai pemikiran orang bijak pandai.[74] Golongan ketiga daripada anggota-anggota tentera 'Alī yang bersekutu ialah golongan Anṣār. Mereka ini berperang hanya kerana 'Alī dan telah berdiri teguh di belakangnya di sepanjang pertelingkahan, tetapi bilangan tentera mereka kecil jika dibandingkan dengan tentera-tentera dari Iraq dan golongan *al-qurrā'*.

Ini menunjukkan dengan jelas bahawa kebanyakan tentera 'Alī tidak mahu meneruskan peperangan, terutamanya apabila mereka menyedari tentang hakikat bahawa dalam tempoh 110 hari yang dihabiskan di Ṣiffīn hanya semata-mata kerana perundingan dan pertempuran-pertempuran kecil yang tidak sampai kepada peperangan yang sebenarnya. Oleh sebab itu dilaporkan bahawa sebaik sahaja beberapa salinan al-Qur'ān (*al-maṣāḥif*) dijulang pertempuran pun terhenti, oleh kerana tentera 'Alī tidak lagi bersemangat untuk meneruskan peperangan, dan mereka mendakwa

---

[71] Shaban, *op. cit.*, ms. 72.
[72] *WS.*, ms, 213; Tab. I/2157 (bukan sahaja Mu'awiyah tapi juga 'Amr bin al-'Aṣ sedar perpecahan yang wujud di kalangan tentera 'Alī).
[73] *WS.*, ms. 465, di mana al-Ash'ath disifatkan sebagai pemimpin orang-orang Iraq dan ketua, *sayyid*, bagi orang Yaman; Ibn Qutaybah, *Kitāb al-Imāmah*, vol. I, ms. 99
[74] *WS.*, ms. 549–50; Dīnawarī, ms. 188–189.

bahawa masa konflik adalah terlalu lama, alat-alat senjata dan bekalan makanan hampir-hampir habis dan ramai pula di antara mereka yang tercedera.[75]

Perkara penting dari kenyataan-kenyataan Abū Mikhnaf, al-Balādhurī dan Ibn A'tham ialah bahawa Mu'āwiyah dan 'Amr bin al-'Āṣ telah berusaha dan merancang untuk mewujudkan perpecahan di kalangan pengikut-pengikut 'Alī dengan cara menyeru kepada perdamaian. Menurut mereka lagi, 'Amr bin al-'Āṣ telah memberitahu Mu'āwiyah bahawa, "jika 'Alī menerima cadangan damai, pengikut-pengikutnya akan meninggalkannya, dan jika beliau enggan menerimanya mereka akan menuduh beliau orang yang tidak beriman".[76]

Walaupun ada riwayat yang mengatakan bahawa beberapa salinan Kitab Suci al-Qur'ān (*al-maṣāhif*) telah diperalatkan dengan cara menjulang di hujung tombak bagi mencapai tujuan damai di Ṣiffīn, kesahihan riwayat ini amatlah diragui. Bukan sahaja tentang bagaimana al-Qur'ān dijulang dan sebanyak mana ia dijulang, malahan kewujudan al-Qur'ān dalam peristiwa Ṣiffīn perlu dipersoalkan. Menurut kenyataan al-Balādhurī, pada ketika seruan damai dibuat Ibn Layhah dan beberapa orang rakannya telah muncul membawa beberapa salinan al-Qur'ān, lalu berkata, "Di antara kami dan kamu ialah *al-maṣāḥif*".[77] Abū Mikhnaf pula melaporkan bahawa tentera-tentera Syria telah menjulang beberapa salinan al-maṣāhif".[78] Begitu juga Ibn Muzāḥim mengatakan beberapa *al-maṣāḥif* telah dijulang di hujung tombak.[79] Bagaimanapun, kenyataan pertama dan kedua oleh Abū Mikhnaf dan al-Balādhurī tidak menyebutkan bilangan al-Qur'ān yang dijulang. Kenyataan lain pula melaporkan bahawa di antara al-*maṣāḥif*, dijulang ialah al-Qur'ān besar Damsyik yang memerlukan sepuluh orang untuk mengangkatnya ke hujung tombak.[80] Pendapat

---

[75] *WS.*, ms. 551 dan 553; *BA*/ms. vol. I, ms. 379; Ibn A'tham, vol. I, fol. 126B; Ibn Abi al-Hadīd, *Sharh*, vol. I, ms. 216.

[76] Tab., I/3329; *BA*/ms. vol. I, ms. 378; Ibn A'tham, vol. I, fol. 125B.

[77] *BA*/ms. vol. I, ms. 381.

[78] Tab.; I/3329 dan 3331.

[79] *WS.*, ms. 547.

[80] *Ibid.*, ms. 546 dan 550; bandingkan dengan Ibn A'tham, col. I, fol. 125B; Dīnawarī, ms. 189.

lain pula menyatakan bahawa Abū al-A'war al-Sulamī yang menjunjung sebuah *al-muṣḥāf* di atas kepalanya.[81] Selain itu, sebagaimana yang dinyatakan terlebih awal dalam peperangan Jamal, sebahagian daripada al-Qur'ān yang dijadikan azimat, digelar juga *al-muṣḥaf*, jamaknya al-*maṣāḥif*. Tidak lama selepas peristiwa di Ṣiffīn, 'Abdullāh bin Khabbāb telah dijumpai, sebelum dibunuh, sebuah *al-muṣḥaf*, azimat, tergantung di lehernya.[82]

Perkara ini telah dikaji dan dibincang oleh M. Hinds dengan cara yang sukar difahami. Walaupun kajian beliau berdasarkan sumber-sumber awalan seperti al-Ṭabarī, al-Balādhurī, al-Minqarī (Ibn Muzāḥim) dan Ibn A'tham, namun tidak ada suatu analisis pun yang dapat beliau kemukakan. Di samping itu beliau tidak cuba melihat perkara tersebut secara keseluruhan; kadangkala beliau menambah perkara-perkara yang tidak perlu dan tidak berkaitan dengan perbincangannya. Kelemahan ini timbul kerana beliau tidak memahami bahan-bahan kajian itu dan menyalah-gunakannya. Kenyataannya yang lemah itu sangat mengelirukan dan kadang-kala keterlaluan. M. Hinds, dengan berdasarkan suatu kenyataan dari *kitāb Waq'at Ṣiffīn*, menyatakan bahawa al-Ash'ath bin Qays telah menggambarkan kebimbangannya terhadap serangan tentera Parsi dan Rum, sekiranya tentera Arab berpecah belah. Seterusnya beliau menyatakan bahawa peristiwa di Ṣiffīn telah membawa kepada peperangan secara besar-besaran sehingga membimbangkan pihak tentera Syria. Justeru kerana itu pihak Mu'āwiyah/'Amr bin al-'Āṣ mengarahkan tenteranya supaya menjulang beberapa salinan al-Qur'ān.[83]

Kenyataan M. Hinds ini tidak tepat, pertamanya, kerana tidak ada kekuatan dari pihak tentera Parsi yang boleh mengancam orang Arab setelah mereka tewas dalam peperangan di Iraq. Keduanya, tidak ada peperangan yang sebenar berlaku di Ṣiffīn, tetapi hanya merupakan pertempuran secara kecil-kecilan yang melibatkan tidak lebih daripada 500 orang askar bagi setiap pertempuran. Ketiganya, tentang keyakinan M. Hinds mengenai peristiwa menjulang al-

[81] *WS.*, ms. 550.

[82] Mubarrad, *al-Kāmil*, vol, III, ms. 212; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Sharḥ*, vol. I, ms. 206–contoh yang serupa juga disebut dalam *BA*/ms. vol. I, ms. 352.

[83] M. Hinds, *Thesis*, ms. 299, The Ṣiffin Arbitration Agreement, *Journal of Semitic Studies*, no. xvii, 1972, ms. 93–94, 95–98.

Qur'ān di Ṣiffīn adalah bertentangan dengan yang sebenarnya dan tidak berdasarkan pada penyelidikan.

Bagaimanapun, beberapa sarjana lain, seperti Faris telah cuba mempersoalkan tentang kewujudan peristiwa menjulang al-Qur'ān di Ṣiffīn. Hasil daripada kajiannya, Faris telah menyimpulkan:

> "The raising of the Qur'ān at Ṣiffīn should not necessarily be taken literally but perhaps metaphorically, meaning a call for arbitration by appealing to the word of God".

Sayangnya bagi pihak Faris tidak cuba membuktikan pendapatnya, malahan dia pada dasarnya telah menghadkan pengkajian dan perbincangannya terhadap perkembangan pensejarahan Arab dalam sengketa antara 'Alī dengan Mu'āwiyah.[84]

Adalah diharapkan agar tafsiran di bawah ini akan dapat membantu menyelesaikan masalah tersebut di atas. Sebagaimana yang dinyatakan dari awal-awal lagi, matlamat pokok perjuangan Mu'āwiyah dan orang Syria di Ṣiffīn ialah untuk mempertahankan wilayah mereka daripada pengaruh luar, atau penghijrahan anggota-anggota suku Arab dari Iraq ke wilayah Syria. Demi untuk mencapai matlamat ini, mereka memutuskan untuk memerangi Sayyidina 'Alī, Khalīfah yang baru dilantik, di Ṣiffīn, dan mengisytiharkan "pembelaan terhadap kematian Uthmān". Terdapat banyak kali disebut dalam *Kitāb Waq'at Ṣiffīn* tentang tuntutan orang Syria terhadap pembunuh-pembunuh Khalīfah 'Uthmān dengan memetik beberapa ayat suci al-Qur'ān yang bermaksud, "Dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah melainkan dengan suatu (alasan) yang benar. Dan barang siapa dibunuh secara zalim maka sesungguhnya Kami (Allah) telah memberi kekuasaan kepada ahli warisnya..".[85] Tidak lebih daripada ini yang diperkatakan, dan mereka gunakannya sebagai lambang untuk menentang Sayyidina 'Alī di Ṣiffīn, tetapi malangnya, kebanyakan daripada ahli sejarah moden mentafsirkan ayat-ayat yang disebutkan tadi sebagai

---

[84]N.A. Faris, "Development in Arab Historiography as reflected in the struggle between 'Ali and Mu'awiyah", *Historians of the Middle East*, ed. Lewis, B. and Holt, P.M., New York, 1962, ms. 435–36.

[85]*Qur'ān*, sūrah, xvii (al-Isrā'), ayat 33; bandingkan dengan *WS*., ms. 7, 37 dan 90.

keseluruhan al-Qur'ān. Terdapat berbagai alasan untuk kita berhati-hati mengenai laporan-laporan yang membayangkan keseluruhan al-Qur'ān telah dijulang di Ṣiffīn. Terutamanya apabila kita menerima kenyataan bahawa perkara yang berkaitan dengan pembelaan terhadap Khalīfah 'Uthmān yang disebut dalam al-Qur'ān tidak lebih daripada beberapa ayat yang dibacakan tadi. Patut diberi perhatian bahawa setengah-setengah sumber menyebut azimat, yang mengandungi beberapa ayat dari al-Qur'ān, sebagai al-Qur'ān atau *al-muṣḥaf*. Oleh itu, amatlah besar kemungkinan bahawa apa yang sebenar berlaku di Ṣiffīn hanyalah semata-mata seruan kepada ajaran-ajaran yang terkandung di dalam al-Qur'ān (khususnya mengenai kes bunuh-membunuh) tanpa menggunakannya secara fizikal atau cara menjulang al-Qur'ān di hujung-hujung pedang dan tombak. Hal ini jelas kelihatan apabila Mu'āwiyah mengatakan kepada 'Amr bin al-'Āṣ, "Serulah mereka itu kepada kitab suci al-Qur'ān sebagai pengadilan di antara kamu dengan mereka (*Ud'uhum ilā kitāb Allāh hakaman fīmā baynaka wa-baynahum*)".[86] Tentang penerimaan golongan *al-qurrā'* terhadap cadangan Mu'āwiyah 'Amr untuk berdamai tidak ada kena-mengenanya dengan peristiwa menjulang al-Qur'ān atau seruan kepada ajaran-ajaran al-Qur'ān; contoh yang serupa telah dapat kita saksikan dalam peristiwa perang Jamal. Dalam peristiwa ini pembawa-pembawa al-Qur'ān yang menyeru kepada perdamaian telah dibunuh mereka, tetapi perkara yang sebenarnya dikehendaki oleh mereka ialah peperangan yang telah berlanjutan lebih daripada tiga bulan.

Boleh dikatakan keseluruhan golongan *al-qurrā'*, kecuali al-Ashtar dan pengikut-pengikutnya, telah menggesa Sayyidina 'Alī supaya menerima cadangan damai. Sayyidina 'Alī telah bersetuju, tetapi faktor utama yang mendorong 'Alī menerima cadangan tersebut ialah hasil daripada tindakan al-Ash'ath dan pengikut-pengikutnya dari Yaman. Di sini kita petik kata-kata ahli-ahli sejarah yang berwibawa mengenai peranan al-Ash'ath dalam memberhentikan peperangan tersebut. Kata Naṣr bin Muzāḥim al-Mingqarī, "al-Ash'ath adalah orang yang paling utama untuk

---

[86] *WS.*, ms. 545.

memberhentikan peperangan dan mengadakan perdamaian *(kānā al-Ash'ath) min a'zam al-nās qalan fī itfā' al-ḥarb wa-al-rukūn ilā al-muwāda'ah)*".[87] Menurut al-Balādhurī pula, "al-Ash'ath dan pengikut-pengikutnya dari Yaman adalah orang yang paling kuat menentang mereka yang hendak meneruskan peperangan (*wa-kana al-Ash'ath bin Qays wa ahl al-Yaman ashadduhum mukhālafatan liman da'āilāal -ḥarb*)."[88] Jadi jelaslah bahawa al-Ash'ath dan orang-orang dari Yaman adalah merupakan kumpulan tentera 'Alī yang paling inginkan perdamaian dan tidak mahu meneruskan peperangan menentang Mu'āwiyah.[89]

Walaupun kedua golongan penyokong 'Alī, golongan *al-qurrā'* dan al-Ash'ath dan pengikut-pengikutnya bersetuju kepada perundingan damai, mereka ini mempunyai kepentingan yang berbeza. Sementara golongan penyokong 'Alī yang ketiga, iaitu golongan minoriti *al-qurrā'* yang dipimpin al-Ashtar, yang telah terlibat dalam pembunuhan Khalīfah 'Uthmān, telah berkeras untuk meneruskan peperangan.[90] Tujuan mereka ialah untuk menewaskan Mu'āwiyah dan mengekalkan jawatan 'Alī sebagai Khalīfah. Andainya ini terlaksana maka kedudukan mereka akan lebih terjamin. Al-Ashtar sendiri menganggap bahawa rundingan damai dengan pihak Mu'āwiyah merupakan suatu ancaman dan usaha secara langsung untuk melemahkan kedudukan Sayyidina 'Alī dan memecah-belahkan pengikut-pengikutnya.[91] Pihak 'Alī yang mempunyai pandangan yang sama dengan al-Ashtar[92] telah terpaksa menerima cadangan damai dengan alasan bahawa majoriti mahu kepada perdamaian.[93] Justeru itu perpecahan di kalangan penyokong-penyokong 'Alī mula kelihatan, kerana ada yang menyokong cadangan damai dan ada yang menentang. Namun begitu, tuntutan al-Ash'ath dan orang Yaman adalah lebih kuat dan

---

[87]*Ibid.*, ms. 553.

[88]*BA*/ms. vol. I, ms. 383.

[89]Ulasan lanjut mengenai peranan al-Ash'ath dan pengikut-pengikutnya dari Yaman dalam peristiwa ini, sila lihat, Tab., I/3330, 3332–34; *WS.*, ms. 549–50, 553 dan 571; Ibn A'tham, vol. I, fol. 125B; Ya'qūbi, *Tārīkh*, vol. II, ms. 189.

[90]*WS.*, ms. 553.

[91]Tab., I/3332; *WS.*, ms. 563; BA/ms. vol. I, ms. 380.

[92]Tab., I/3330; *WS.*, ms. 560; *BA*/ms. vol. I, ms. 378.

[93]*WS.*, ms. 563; *BA*/ms. vol. I, ms. 383.

lebih berkesan, dan al-Ash'ath telah mengatakan kepada 'Alī bahawa, "jika beliau ('Alī) tidak mahu menerima rancangan damai nescaya tidak ada seorang pun dari Yaman yang akan membantunya dalam peperangan."[94] Dengan adanya tekanan dan desakan ini, di samping tekanan daripada 20,000 orang *al-qurrā'* yang dipimpin oleh Zayd bin Ḥiṣn al-Ṭā'ī dan Mis'ar bin Fadaki al-Tamimi,[95] maka 'Alī terpaksa memutuskan untuk menerima cadangan damai, agar kedudukan politik dan ketenteraannya terjamin. Al-Ashtar dan pengikut-pengikutnya, yang pada mulanya menentang, kini terpaksa mengikut keputusan Sayyidina 'Alī.[96] Bagi 20,000 orang *al-qurrā'* yang bersetuju kepada rundingan damai mengharapkan agar memperolehi faedah daripada hasil perundingan tersebut, atau sekurang-kurangnya dapat memberikan peluang kepada mereka untuk menumpukan kegiatan-kegiatan mereka di Iraq.

Apabila sahaja cadangan damai itu disetujui oleh kedua pihak, orang Syria dan orang Iraq, mereka memutuskan untuk menghantar wakil masing-masing untuk menjadi penimbangtara atau pendamai dan mereka akan bersetuju dengan apa saja keputusan yang akan diambil.[97] Pada mulanya 'Alī mencadangkan 'Abdullāh bin 'Abbās untuk menjadi penimbangtara. Apabila ini ditolak maka beliau kemudiannya mencadangkan pula al-Ashtar Mālik bin al-Ḥārith al-Nakha'ī, untuk menjadi penimbangcara tetapi tidak juga diterima umum. Sementara itu al-Aḥnaf bin Qays al-Tamīmī meminta supaya dirinya dilantik menjadi penimbangcara tetapi tidak juga disetujui ramai. Akhirnya perkara ini telah ditentukan oleh golongan *al-qurrā'*. Tanpa ragu-ragu lagi mereka melantik Abū Mūsā al-Ash'arī sebagai pendamai walaupun menerima tentangan dari Sayyidina 'Alī.[98]

---

[94] *WS.*, ms. 551; bandingkan dengan Ibn A'tham, vol. 1, fol, 125B.
[95] Ṭab., 1/3330; *WS.*, ms. 560; Ibn A'tham, vol. I, fol. 126B. Beliau mengatakan bahawa serâmai 20.000 orang *al-qurrā'* telah datang dengan pedang-pedang mereka dalam keadaan yang berwarna hitam kerana berlumuran debu, (*qad aswaddat hawlahum min kathrat al-ghubār*), dan tidak pula mengatakan *qad aswaddat jibāhuhūm min kathrat al-salāt*, dahi-dahi yang berwarna hitam kerana banyak bersembahyang, sebagaimana yang pernah disifat beberapa ahli sejarah terhadap kaum ini sebagai *ashāb al-jibāh al-sūd*, orang-orang yang berdahi hitam. Sementara Jāḥiz menggelar mereka sebagai *ahl al-najd wa al-najdah, wa ashāb al-brans wa al-baṣīrah ('Uthmāniyyah*, ms. 13 dan 174).
[96] *WS.*, ms. 563.
[97] Ṭab., 1/3333; *WS.*, ms. 571; BA/ms. vol. I, ms. 380.
[98] Ṭab., 1/3334; *BA*/ms. vol. I, ms. 380; *WS.*, ms. 573–4.

Golongan *al-qurrā'* ini, menurut Abū Mikhnaf dan Ibn Muzāḥim, ialah mereka yang akan menjadi Khawārij (*al-qurrā alladhīna ṣārū khawārij fīmā ba'd*), yang dipimpin oleh Zayd bin Ḥiṣn al-Ṭā'ī dan Mis'ar bin Fadaki al-Tamīmī.[99] Walaupun ada yang mengatakan bahawa al-Ash'ath bin Qays al-Kindī adalah di antara mereka yang sukakan Abu Musa al-Ash'arī, faktor utama bagi menentukan beliau sebagai pendamai atau penimbangcara ialah tindakan *al-qurrā'* sendiri (*wa-abat al-qurrā' illā Abū Mūsā*).[100]

Perlu diingatkan bahawa hubungan antara golongan *al-qurrā'* Kūfah dengan Abū Mūsā al-Ash'arī amat erat dan beliau telah terhutang budi dengan golongan *al-qurrā'* semasa mendapatkan jawatan gabenor Kūfah. Abū Mūsā al-Ash'arī telah kekal menjadi gabenor sehingga perang Jamal (36 H/657 M), ketika beliau dipecat oleh 'Alī kerana beliau enggan menyokongnya dalam peperangan tersebut.[101] Kita perlu juga mengetahui bahawa Abū Mūsā al-Ash'arī pada ketika beliau hendak dihantar ke Majlis Perundingan (*Taḥkīm*), beliau digelar oleh al-Aḥnaf bin Qays sebagai orang kampung (*ahl al-qurrā*).[102] Ini sudah menunjukkan betapa eratnya hubungan Abū Mūsā al-Ash'arī dengan golongan *al-qurrā'*, para penguasa atau penghuni kampung (di Iraq).

Tidak ada kenyataan yang menunjukkan bahawa kedua pihak mencadangkan tajuk-tajuk tertentu untuk diperbincangkan dalam Majlis Taḥkīm. Walaupun pada awalnya orang Syria dikatakan telah menuntut hak pembelaan terhadap kematian Khalīfah 'Uthmān, namun mereka tidak bersuara. Sebaik-baik sahaja kedua pihak menamakan wakil masing-masing untuk menjadi pendamai, dokumen Majlis Taḥkīm pun dibentangkan. Dokumen atau agenda tersebut digelar dengan berbagai-bagai nama seperti *Kitāb al-Qadiyyah, Kitāb al-Sulh,* atau hanya sebagai *al-wathīqah,* dan disaksikan oleh anggota-anggota yang terkemuka dari kedua pihak. Di antara yang menyaksikan bagi pihak 'Alī ialah 'Abdullāh bin

---

[99] *WS.*, ms. 572, 574 dan 576; Ṭab., 1/3333; *BA*/ms. vol. 1, ms. 381; Ibn A'tham, vol. 1, fol. 129A; Mas'ūdī, *Murūj*, vol. II, ms. 402; Dīnawarī, ms. 192; Ibn Qutaybah, *Kitāb al-Imāmah*, vol. I, ms. 110, nama al-Ash'ath bin Qays tidak disenaraikan bersama-sama orang-orang yang melantik Abū Mūsā al-Ash'arī.

[100] Ṭab., 1/3333; *WS.*, ms. 572.

[101] Ṭab., 1/3143, 3145–54, 3172–73; *BA*/ms. vol. I, ms. 349–350.

[102] *BA*/ms. vol. I, ms. 380.

'Abbās, al-Ash'ath bin Qays al-Kindī, al-Ashtar Mālik bin al-Ḥārith al-Nakha'ī, Sa'īd bin Qays al-Hamdānī, Khabbāb bin al-Aratt, 'Amr bin al-Ḥāmiq al-Khuzā'ī dan Ḥujr bin Adī al-Kindī.[103] Perkara yang perlu ditekankan di sini ialah bahawa isi kandungan dokumen atau agenda itu tidak dinyatakan dengan jelas,[104] dan setelah itu gelaran *Amīr al-Mu'minīn* yang ada pada Sayyidina 'Alī dibuang.[105] Begitu juga dilaporkan bahawa tugas pendamai ialah untuk membuat keputusan yang berdasarkan al-Qur'ān. Sekiranya dasar itu tidak terdapat di dalam al-Qur'ān, maka ia dirujuk kepada Hadis Nabi.[106] Yang dimaksudkan dengan Hadis Nabi, menurut Abū Mikhnaf, ialah *al-sunnah al-'ādilah al-jāmi'ah ghayr al-mufarriqah*, atau Hadis yang sahih. Menurutnya lagi, jika salah seorang daripada pendamai meninggal dunia maka keputusan itu akan ditentukan oleh anggota-anggota parti yang berkenaan.[107]

Sebaik-baik sahaja agenda Majlis Taḥkīm dibuat dan al-Ash'ath bin Qays al-Kindī dipinta untuk mengisytiharkan kepada orang ramai, maka ia terus dikecam oleh sekumpulan golongan *al-qurrā'* dan laungan *al-hukma illā li-llāh* (tidak ada hukum selain hukum Allāh) berkumandang di udara. Telah dipersetujui umum bahawa pemimpin penentangan kepada al-Ash'ath pada ketika itu ialah 'Urwah bin Udayyah al-Tamīmī, yang telah memekik dengan marah, "Adalah pihak pemimpin boleh membuat sebarang penentuan yang bersangkutan dengan kerja Allāh? Tidak ada penentuan/hukum selain daripada hukum Allāh (*atuhakkimuna al-rijālu fī amri Allāh, lā ḥukma illā li-llāh*)".[108] Hanya Shaqiq bin

---

[103]Senarai lengkap bagi para saksi Majlis Taḥkīm dinyatakan dalam *WṢ.*, ms. 580–582.

[104]Pendapat E.L. Petersen yang mengatakan bahawa isi kandungan dokumen tidak dinyatakan adalah satu kesilapan yang timbul kerana tidak faham mengenai majlis Tahkim itu sendiri (*'Alī and Mu'āwiyah in early Arabic tradition*, Copenhagen, 1964, ms. 36).

[105]Tab., 1/3335; *WṢ.*, ms. 582–583.

[106]*WṢ.*, ms. 578–580.

[107]Ṭab., 1/336; *WṢ.*, ms. 579.

[108]*BA*/ms. vol. I, ms. 382–83; Ṭab. 1/3339; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 179–80; al-'Askarī, *Awā'il*, ms. 292; Mas'ūdi, *Murūj*, vol. II, ms. 403–4; Maqdisī, *al-Bad'*, vol. V, ms. 221; Ibn al-Athīr, *al-Kamīl*, vol. III, ms. 321; Ibn Kathīr, *Bidāyah*, vol. VII, ms. 278; Sharastānī, Muhammad bin 'Abd al-Karim, *al-Milal wa al-Nihal*, Leipzig, 1923, ms. 88; al-Shammākhī, Aḥmad bin Sa'īd, *Kitāb al-Siyar*, Qāhirah, 1884, ms. 47–48.

Salamah dalam *Kitāb Waq'at Siffīn* sahaja yang mengatakan bahawa penentangan itu dimulakan oleh dua orang yang bersaudara dari Banū 'Anzah, bernama Ma'dan dan Ja'd, dan kemudiannya diikuti anggota-anggota suku Murad dan suku Rāsib, dan akhirnya oleh orang-orang dari suku Tamīm. Menurutnya lagi, 'Urwah bin Udayyah al-Tamīmī kemudiannya muncul dan menyerang al-Ash'ath bin Qays al-Kindī.[109] Walau bagaimanapun, pendapat 'Urwah dikatakan telah disokong oleh peneroka-peneroka Iraq dari suku Tamīm di Kūfah seperti Ma'qil bin Qays al-Riyāhī, Mis'ar bin Fadaki dan Shabath bin Rabī'ī al-Yarbū'ī. Shaqīq bin Salamah seterusnya menyatakan bahawa, "'Urwah bin Udayyah dan mereka yang bersetuju dengannya berkata kepada Sayyidina 'Alī bahawa jika sekiranya beliau tidak menarik semula keputusan menerima Majlis Taḥkīm mereka akan memutuskan untuk berundur diri daripada tenteranya." Apabila 'Alī menjawab beliau tidak akan menarik semula keputusannya maka mereka terus melakukan perkara yang dikatakan oleh mereka.[110]

Jelas sekali bahawa agenda Majlis Taḥkīm yang mereka persetujui tidak sama dengan apa yang dikehendaki oleh golongan *al-qurrā'*. Oleh sebab itu tidak hairanlah mengapa mereka muncul dan menyerang al-Ash'ath bin Qays al-Kindī, yang bangun membacakan agenda tersebut, oleh kerana mereka menjangka yang al-Ash'ath bin Qays dan para pengikutnya yang ramai akan dengan mudahnya mengambil kesempatan daripada peristiwa Majlis Taḥkīm, lebih-lebih lagi apabila melihatkan yang al-Ash'ath dan pengikut-pengikutnya telah berjaya memaksa Sayyidina 'Alī menerima cadangan timbangcara atau Majlis Taḥkīm.

Perkara yang lebih penting yang menyebabkan golongan *al-qurrā'* enggan menerima Majlis Taḥkīm ialah oleh kerana mereka mengharapkan agar Sayyidina 'Alī akan diberi nama *Amīr al-Mu'minīn* dan diiktiraf sebagai Khalīfah oleh orang ramai. Malangnya, perkara yang telah berlaku adalah berbeza daripada perkara yang mereka sangkakan dan 'Alī hanya digelar dengan

---

[109] *WṢ.*, ms. 587–89.

[110] *Ibid.*, ms. 587–90; bandingkan dengan Ṭab. 1/3339; *BA*/ms. vol. I, ms. 382–383 di mana senarai lengkap bagi kaum Tamīm yang menyertai pendapat 'Urwah dinyatakan.

namanya sahaja dan bukan sebagai *Amīr al-Mu'minīn*. Sebaliknya, Sayyidina 'Alī telah menerima keputusan tersebut tanpa membuat sebarang bantahan terhadap pembuangan gelarannya sebagai *Amīr al-Mu'minīn*, tetapi sekali lagi faktor utama yang menyebabkan beliau menerima keputusan itu ialah hasil tindakan daripada al-Ash'ath bin Qays.[111] Kegagalan Sayyidina 'Alī mengekalkan gelarannya yang telah disahkan itu boleh jadi merupakan faktor yang terpenting yang merosakkan kedudukannya. Sejak itu golongan *al-qurrā'* tidak berminat lagi untuk menyertai Majlis Taḥkīm atau meneruskan peperangan bersama-sama Sayyidina 'Alī, oleh kerana, pada pendapat mereka, kedudukan Sayyidina 'Alī sudah kucar-kacir dan tidak terjamin lagi, dan peluangnya untuk mengalahkan Mu'āwiyah amatlah tipis; dan apabila beliau tewas maka besar kemungkinan beliau akan tinggal lebih lama lagi di Iraq yang tidak dipersetujui oleh golongan *al-qurrā'*, kerana mereka lebih suka hidup secara bersendirian untuk menjaga kepentingan mereka di kawasan-kawasan desa Iraq. Pada ketika inilah perpecahan sebenar antara 'Alī dengan golongan *al-qurrā'*, yang menjadi Khawārij, berlaku, dan mereka ini telah menarik diri ke Harūrā', sebuah kampung tidak jauh dari Kūfah. Dari sana mereka memperolehi gelaran al-Hāruriyyah.[112] Bilangan Khawārij pada ketika itu adalah dalam lingkungan antara 5,000–20,000 orang,[113] tetapi kebanyakan sumber menganggarkan 12,000 orang.[114]

Di Harūrā' mereka menyuarakan kemarahan mereka terhadap Sayyidina 'Alī dan Mu'āwiyah dan memutuskan untuk membentuk kekuasaan mereka di bawah pimpinan mereka sendiri. Di antara pemimpin-pemimpin mereka yang masyhur pada masa itu ialah Shabath bin Ri'ī al-Yarbū'ī, 'Abdullāh bin Wahb al-Rāsibī, Abū Bilāl Mirdās bin Udayyah al-Ḥanẓalī, 'Abdullāh bin 'Amr al-

---

[111] *WS.*, ms. 593.

[112] *BA*/ms. vol. I, ms. 384 dan 387; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 181–82; al-Baghadādī, *al-Farq*, ms. 57; al-Ash'arī, 'Alī bin Ismā'īl *Maqālāt al-Islāmiyin qa Ikhtilaf al-Muslimīn*, Istanbul, 1930, ms. 128; Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. II, ms. 191.

[113] Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 174 (20,000); *BA*/ms. vol. I, ms. 389 (5,000); Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. II, ms. 191 (8,000); Ibn Kathir, *Bidayah*, vol. VII, ms. 282 (16,000).

[114] Tab., 1/3349; *BA*/ms. vol. I, ms. 384; Ibn A'tham, I, fol. 146A; Mas'ūdī, *Murūj*, vol. II, ms. 305; Maqdisī; *al-Bad'*, vol. V, ms. 136, dan 221; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 326; Sharastani, *Milal*, ms. 86; Baghadādī, *al-Farq*, ms. 57; Ibn Kathīr, *Bidāyah*, VII, ms. 279.

Kawwā' al-Yashkurī dan Yazīd bin Qays al-Arḥabī. Terdapat perbezaan pendapat antara ahli-ahli sejarah mengenai struktur penyusunan tentera mereka. Menurut Abū Mikhnaf, Shabath bin Rib'ī menjadi panglima perang (*Amīr al-Qitāl*), dan 'Abdullāh bin al-Kawwā' imam sembahyang, (*Amīr al-Salāt*).[115] Di tempat lain pula Abū Mikhnaf mengatakan bahawa 'Abdullāh bin al-Kawwā' sebagai Ketua Umum bagi tentera Khawārij.[116] Sementara Khalīfah bin Hayyāṭ pula berpendapat bahawa Shabath bin Rib'ī telah melantik diri sendiri untuk menjadi ketua.[117] Abū Mikhnaf mensifatkan Yazīd bin Qays al-Arhabi sebagai pemimpin yang berpengaruh di kalangan tentera Khawārij,[118] tetapi Ya'qūbī menegaskan bahawa 'Abdullāh bin Wahb al-Rāsibī adalah pemimpin kaum Khawārij yang sebenarnya.[119]

Dari kenyataan-kenyataan di atas ternyata bahawa kaum Khawārij tidak bersatu padu malahan mereka berpecah belah sesama sendiri kepada beberapa kumpulan, dan setiap kumpulan mempunyai pemimpinnya sendiri. Perpecahan yang nyata yang dapat dilihat di sini ialah bahawa sebahagian daripada mereka itu seperti Yazīd bin Qays al-Arḥabī dan Shabath bin Rib'ī al-Yarbū'ī telah begitu aktif dan menjadi salah seorang panglima perang yang terkemuka sejak perang Jamal; Yazīd adalah termasuk dalam golongan pemimpin *nuffār* dalam perang Jamal dan Shabath bin Rib'ī pemimpin suku 'Amr dan suku Hanzalah (Tamīm) di Ṣiffīn.[120] Kedua-dua pemimpin tersebut telah dihantar oleh Sayyidina 'Alī untuk berunding dengan Mu'āwiyah sebelum berlakunya konfrontasi di Siffīn.[121] Di Kūfah, Shabath bin Rib'ī telah dilantik menjadi pemimpin (*Sayyid*), Banu Yarbū' (*Tamīm*).[122] Sementara yang lain pula seperti 'Abdullāh bin Wahb al-Rāsibī dan Abū Bilāl al-Ḥanẓalī tidak pernah dilantik oleh 'Alī untuk memegang sebarang jawatan penting, sama ada di Jamal ataupun di Ṣiffīn. Namun begitu,

[115]Ṭab., 1/3349; *BA*/ms. vol. I, ms. 384.
[116]Ṭab., 1/3352; bandingkan dengan Ibn A'tham vol. I, fol. 146A.
[117]Khalīfah, Tārīkh, vol. I, ms. 174.
[118]Ṭab., 1/3352.
[119]Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. II, ms. 191.
[120]*WS.*, ms. 232; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 177.
[121]Ṭab., 1/3274–76; *WS.*, ms. 221; *BA*/ms. vol. I, ms. 372.
[122]Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 42.

kedua-dua golongan Khawārij tersebut, sama seperti golongan *al-qurrā'* yang lain, adalah peneroka-peneroka Iraq dan telah berperang bersama-sama Sayyidina 'Alī di Ṣiffīn. Perbezaan antara dua golongan Khawārij di atas haruslah dilihat dari segi aktiviti-aktiviti mereka masa pemerintahan Khalīfah 'Uthmān dan pemerintahan Sayyidina 'Alī.

Yazīd bin Qays al-Arḥabī sudahpun terlibat dalam kekacauan di Kūfah pada tahun-tahun 33-34 H./653–654 M. menentang Khalīfah 'Uthmān gabenornya Sa'īd bin al-'Āṣ, dan kemudiannya berperang bersama-sama 'Alī dan golongan *nuffār* dalam peperangan Jamal dan seterusnya di Ṣiffīn. Begitu juga Shabath bin Rib'ī al-Yarbū'ī, adalah salah seorang pengikut 'Alī sejak peperangan Ṣiffīn dan telah dilantik kepada beberapa jawatan penting oleh beliau, tetapi dalam kes 'Abdullāh bin Wahb al-Rāsibī dan Abū Bilāl al-Ḥanẓalī al-Tamīmī adalah berbeza, kerana mereka tidak hadir dalam kekacauan-kekacauan yang berlaku di Kūfah pada masa Khalīfah 'Uthmān dan berkeberatan untuk menyokong Sayyidina 'Alī sehingga pada saat-saat akhir konfrontasi di Ṣiffīn.

Apabila Sayyidina 'Alī tiba di Kūfah beliau tinggal di *qasr,* (istana). Di sini penyokong-penyokongnya telah memberi pengakuan taat setia kepadanya.[123] Selama enam bulan di Kūfah beliau sibuk dengan urusan menghantar gabenor-gabenornya ke wilayah-wilayah, memungut cukai dan menguruskan hal ehwal rakyat.[124] Pada masa yang sama, beliau mengambil inisiatif untuk mengadakan perundingan dengan kaum Khawārij dengan menghantar wakil-wakilnya. Wakil-wakil 'Alī yang dihantar ke perundingan ini di antaranya ialah 'Abdullāh bin Al-'Abbās dan Yazīd bin al-Nadr al-Hārithī. Apabila mereka gagal mencapai sebarang keputusan, 'Alī sendiri pergi menemui Yazīd bin Qays al-Arḥabī, dan mengatakan kepadanya bahawa beliau telah menerima cadangan pihak penimbangtara yang bertentangan dengan pandangannya dan menceritakan contoh yang diberikan oleh Nabi mengenai pembuangan gelarannya (*'Amīr al-Mu'minīn*) daripada agenda. Kemudian beliau melantik Yazīd bin Qays untuk menjadi

---

[123]Tab., 1/3350. *BA*/ms. vol. I, ms. 387.
[124]*BA*/ms. vol. I, ms. 386—Mengenai polisi Sayyidina 'Alī tentang pengagihan harta benda, sila lihat di atas, ms. 144.

gabenor di Iṣfahān dan Rayy.[125] Pada ketika itu, kaum Khawārij telah mula berpecah. Ahli-ahli sejarah telah mencapai kata sepakat bahawa hampir kesemua kaum Khawārij telah kembali semula ke Kūfah[126a] iaitu sebelum berlakunya peristiwa tersebut dan berikutan daripada perundingan mengenai dakwaan kaum Khawārij terhadap Sayyidina 'Alī tentang pengadilan para pemimpin terhadap agama Allah (*taḥkīm al-rijāl fī dīn Allāh*), pembuangan gelaran *Amīr al-Mu'minīn* daripada agenda Majlis Taḥkīm dan mengambil banduan dan harta-harta rampasan perang. Di antara sebab kepulangan mereka ke Kūfah ialah oleh kerana mereka menyangka bahawa 'Alī telah menarik semula keputusan menerima Majlis Taḥkīm, dan meminta mereka bersabar selama enam bulan bagi menyelesaikan pemungutan cukai sebelum pergi memerangi Mu'āwiyah, tetapi sangkaan ini telah dinyatakan oleh 'Alī kepada umum sebagai sesuatu yang tidak benar.[126b] Mungkin itu hanya salah satu usaha yang sengaja dilakukan oleh penyokong-penyokong 'Alī untuk memujuk kaum Khawārij supaya kembali semula ke Kūfah.[127] Bagi Yazīd bin Qays, kedudukan beliau sudah terpelihara dan terjamin apabila Sayyidina 'Alī melantiknya sebagai gabenor di Iṣfahān dan Rayy. Begitu juga Shabath bin Rib'ī, merupakan salah seorang pemimpin tentera 'Alī yang terkemuka dan telah dilantik menjadi pemimpin suku; oleh itu beliau mengharapkan faedah-faedah yang lebih banyak daripada sistem penyusunan suku 'Alī yang baru.

Perjumpaan Majlis Taḥkīm telah ditangguhkan daripada bulan Ṣafar 37 H./Julai 658 M. bulan Sha'bān 38 H/Januari 659 M, dan akan diadakan di Adhruh, kawasan oasis di selatan Palestin.[128] Sebab

---

[125] Tab., 1/3352; *BA*/ms. vol. I, ms.387.

[126a] Ṭab., 1/3353 dan 3363; *BA*/ms. vol. I, ms. 387, 390 dan 391; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 174; Ya'qubi, *Tārīkh*, vol. II, ms. 191; Mas'ūdī, *Murūj*, vol. II, ms. 405.

[126b] Ṭab., 1/3353 dan 3363; *BA*/ms. vol. I, ms. 390; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 210–211.

[127] Ibn A'tham, vol. I, fol. 146A; Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. II, ms. 193; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 182; Maqdisī, *al-Bad'*, vol. V, ms. 136 dan 224—Menurut Ya'qūbī dan Baghdādī, bilangan kaum *al-Ḥarīriyyah* atau Khawārij pada ketika itu ialah sebanyak 4,000 orang di bawah pimpinan 'Abdullah bin Wahb al-Rāsibī dan Hurqus al-Sa'dī (Ya'qūbī, *Tārīkh*, III, ms. 193; Baghdādī, *al-Bad'*, ms. 60).

[128] Ṭab., 1/3360, 3378 dan 3389; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 180; Ibn Sa'd, *Tabaqāt*, vol. III, I, ms. 21—Hanya Abū Mikhnaf sahaja yang mengatakan Majlis Taḥkīm itu diadakan di Dūmat al-Jandal pada bulan Ramaḍān tahun 37 H (Ṭab. 1/3354).

penangguhan ini ialah oleh kerana mereka menghadapi tentangan kaum Khawārij di Iraq, yang telah berkembang sehingga meletusnya perang al-Nahrawān pada bulan Ṣafar 38 H/659 M.[129] Sebelum terjadinya perang al-Nahrawān, Sayyidina 'Alī berusaha untuk menghantar Abū Mūsā al-Ash'arī bersama dengan 400 orang ke Majlis Taḥkīm, serta mengarahkan 'Abdullāh bin 'Abbās menyertai majlis tersebut,[130] tetapi usaha 'Alī telah ditentang oleh kaum Khawārij. Mereka datang menemui 'Alī dan meminta beliau menghentikan usaha itu dan bertaubat, dan setelah itu pergi bersama-sama mereka ke Syria untuk memerangi Mu'āwiyah. Apabila 'Alī tidak melayani segala tuntutan mereka, kaum Khawārij terus berteriak *lā hukma illā li-llāh* (tidak hukum selain hukum Allāh).[131]

Meskipun adanya penentangan ini, Sayyidina 'Alī cuba sekali lagi untuk berdamai dengan kaum Khawārij dan menjanjikan kepada mereka pemberian harta rampasan perang dan tidak melakukan serangan ke atas mereka jika mereka sanggup berkerjasama.[132] Malangnya, tawaran ini tidak diterima dan penentangan kaum Khawārij terus berlaku. Di antara pemimpin Khawārij yang muncul pada ketika itu ialah Ḥurqūs bin Zuhayr al-Sa'dī al-Tamīmī, Zayd bin Ḥiṣn al-Tā'ī, Hamzah bin Sinān al-Asadī, Shurayḥ bin 'Awfā al-'Absī, Farwah bin Nawfal al-Ashja'ī dan 'Abdullāh bin Wahb al-Rāsibī. Kesemua pemimpin ini adalah peneroka-peneroka Iraq, dan empat orang yang pertama telah tergolong dalam golongan *al-qurrā'* Kūfah dan menyertai penentangan terhadap Khalīfah 'Uthmān dan Sa'īd bin al-'Āṣ di Kūfah.[133] Namun begitu, tidak ada seorang pun daripada mereka yang dilantik memegang jawatan penting semasa pemerintahan 'Alī, sama ada sebelum ataupun selepas perang Ṣiffīn

Sebelum Majlis Taḥkīm diadakan, kaum Khawārij mula mencari

[129]Petersen, "'Alī and Mu'āwiyah, the rise of the Umayyad Caliphate", *Acta Orientalia*. XXIII, 1959, ms. 157–196, lihat khususnya ms. 186.
[130]*BA*/ms. vol. I. ms. 386.
[131]Tab., I/3354, 3360–62; *BA*/ms. vol. I. ms. 390 ,391 dan 392.
[132]Ṭab., I/3362; *BA*/ms. vol. I. ms. 389, 390 dan 391; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 335; Ibn Sallām, Abu 'Ubayd al-Qāsimī, *al-Amwāl*, ed. Muhammad Khalīl Kharas, Qāhirah, 1968, ms. 332; Ibn Kathīr, *Bidāyah*, vol. VII, ms. 282 dan 285 (disunting daripada *Tārīkh* al-Ṭabarī).
[133]Sila lihat ms. 94—95.

seorang pemimpin di kalangan mereka. Mereka yang dicalonkan di antara lain ialah Zayd bin Ḥiṣn al-Ṭā'ī, Ḥurqūs bin Zubayr al-Sa'dī al-Tamīmī, Hamzah bin Sinān al-Asadī dan Suraysh bin 'Awfā al-'Absī, tetapi semuanya enggan untuk menerima perlantikan sehingga pemilihan calon terjatuh pada 'Abdullāh bin Wahb al-Rāsibī. 'Abdullāh telah menerima pencalonan tersebut dengan tidak ragu-ragu lagi dan beliau dilantik menjadi pemimpin mereka yang pertama. Mereka memberi pengakuan taat setia kepada 'Abdullāh bin Wahb al-Rāsibī sebagai *Amīr al-Mu'minīn* secara beramai-ramai pada 10 Shawwāl, 37 H/21 Mac. 658 M.[134] Sebaik-baik sahaja beliau dilantik sebagai *Amīr al-Mu'minīn* atau Khalīfah, 'Abdullāh bin Wahb memanggil rakan-rakannya bermesyuarat untuk membincangkan kedudukan markas tentera mereka. Di antara yang hadir di dalam majlis mesyuarat tersebut ialah Ḥurqūs bin Zuhayr al-Sa'dī, Ḥamzah bin Sinān al-Asadī dan Zayd bin Hisn.[135] Ketiadaan beberapa orang pemimpin seperti Ma'qil bin Qays al-Riyāhī dan orang-orang dari suku Tamīm, yang telah bersetuju dengan pendapat mereka,[136] dalam majlis tersebut menandakan bahawa ramai lagi kaum Khawārij yang kembali semula menyokong Sayyidina 'Alī. Contoh yang ditunjukkan oleh Ma'qil bin Qays, khususnya, amatlah baik, kerana beliau adalah salah seorang anggota *al-qurrā'* Kūfah yang telah melibatkan diri menentang 'Uthmān. Setelah itu beliau dilantik menjadi pemimpin bagi suku Tamīm dalam perang Jamal,[137] dan mempunyai pengikut-pengikut berjumlah 3,000 orang di tahap permulaan konfrontasi di Ṣiffīn.[138] Selepas itu beliau menjadi ketua polis (*sāhib al-shurtah*) Sayyidina 'Alī di Kūfah.[139]

Mereka yang tinggal bersama-sama 'Abdullāh bin Wahb al-Rāsibī pada masa ini sedang mencari suatu tapak yang sesuai bagi

---

[134]Ṭab., 1/3365; *BA*/ms. vol. I, ms. 392; Mubarrad, *al-Kamil*, vol. III, ms. 163; Ibn Ḥazm, *Jamharah Ansāb al-'Arab*, Qāhirah, 1962, ms. 386; Dīnawarī, mṣ. 202; Ibn al-Athir, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 335–36; Jāhiz, *Bayān*, vol. I, ms. 205; Ibn Kathīr, *Bidāyah*, vol. VII, ms. 286.

[135]Ṭab., 1/3365; *BA*/ms. vol. I, ms. 392; Dīnawarī, ms. 203-204; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 336.

[136]Sila lihat ms. 185.

[137]*BA*/ms. vol. I, ms. 351; Ṭab., 1/3174.

[138]Ṭab., 1/3259; *BA*/ms. vol. I, ms. 370; *WṢ*., ms. 165.

[139]Ibn Hajar, *Isābah*, vol. III, ms. 499.

menempatkan tentera-tentera mereka. Shuraysh bin 'Awfā al-'Absī mencadangkan al-Madā'in tetapi telah ditolak, kerana kesukaran menghadapi kekuatan tentera Sa'd bin Mas'ūd al-Thaqafi, gabenor 'Alī di sana.[140] Setelah mengadakan perbincangan, mereka memutuskan untuk menjadikan al-Nahrawān, yang terletak di tebing Sungai Dajlah, antara Wāsiṭ dan Baghdād, sebagai markas tentera mereka, oleh kerana memandangkan bahawa al-Nahrawān merupakan tempat yang paling sesuai sekali berbanding dengan tempat-tempat lain. Mereka meninggalkan Kūfah secara perkumpulan kecil-kecilan untuk berhimpun di al-Nahrawān. Walaupun ada di antara orang-orang dari suku Arab Kūfah yang cuba menyertai mereka ke al-Nahrawān, mereka telah dihalang oleh suku kaum mereka.[141] Hanya sekumpulan seramai 500 orang, atau 300 orang, di bawah pimpinan Mis'ar bin Fadaki al-Tamīmī dan al-Ashras bin 'Awf al-Shaybānī yang berkhemah di Baṣrah dan telah dihubungi dari awal lagi, dikatakan berjaya menyertai mereka di al-Nahrawān.[142] Kita amatlah yakin bahawa pasukan tentera dari Baṣrah yang menyertai kaum Khawārij di al-Nahrawān adalah pada hakikatnya berasal dari golongan *al-qurrā'* Kūfah yang telah menyertai penaklukan Iraq pada masa pemerintahan Khalīfah 'Umar bin al-Khaṭṭāb. Kedua-dua pemimpin mereka, al-Ashras bin 'Awf al-Shaybānī dan Ḥurqūs bin Zuhayr al-Sa'dī, telah muncul bersama-sama dalam gerakan tentera Islam ke Suster.[143] Ḥurqūṣ bin Zuhayr kemudiannya menjadi salah seorang pemimpin *al-qurrā'* Kūfah pada masa Khalīfah 'Uthmān dan aktif ketika melakukan pengepungan ke atas Khalīfah tersebut di Madīnah.[144] Semasa peperangan Jamal Ḥurqūṣ bin Zuhayr diletakkan di bawah pengawalan al-Aḥnaf bin Qays al-Sa'dī, pemimpin suku kaum Tamīm yang paling berpengaruh di Baṣrah, dan merupakan penyokong Sayyidina 'Alī yang tidak aktif dalam peperangan tersebut. Justeru itu beliau tidak dilantik memegang jawatan penting

---

[140] Tab., 1/3365; *BA*/ms. vol. I, ms. 392; Ibn al-Athīr, *al-Kamil*, vol. III, ms. 336; Dīnawarī, ms. 203–204.

[141] Tab., 1/3367; Dīnawarī, ms. 204; Ibn Kathīr, *Bidayah*, vol. VIII, ms. 286–87.

[142] Tab., 1/3367–68; *BA*/ms. vol. I, ms. 392; Dīnawarī, ms. 205; Ibn al-Athīr, *al-Kamil*, vol. III, ms. 338.

[143] Sila lihat ms. 110–111.

[144] Sila lihat ms. 111–112.

pada masa pemerintahan Khalīfah 'Alī. Begitu juga tentang kes al-Ashras bin 'Awf al-Shaybānī, beliau tidak pernah menjawat jawatan penting dalam tempoh tersebut; dan beliau boleh jadi mula menyertai tentera Sayyidina 'Alī selepas kemenangannya dalam perang Jamal.

Pada mulanya Khalīfah 'Alī membiarkan kaum Khawārij bersendirian tanpa mengganggu kedudukan mereka, meskipun ada di antara pengikutnya cuba menggesanya untuk melakukan serangan ke atas mereka.[145] Beliau dikatakan telah memberitahu kaum Khawārij bahawa mereka boleh pergi ke mana-mana yang mereka suka asalkan mereka tidak melakukan kekacauan,[146] kerana boleh jadi beliau melihat mereka sebagai golongan yang kecil dan tidak penting. Walau bagaimanapun, beliau dikatakan telah cuba sekali lagi untuk mendapatkan bantuan daripada mereka bagi menentang musuhnya Mu'āwiyah, tetapi tidak juga berjaya, oleh sebab mereka masih tegas dengan pendirian mereka iaitu mereka meminta 'Alī menarik semula keputusan menerima Majlis Taḥkīm. Bagi pihak 'Alī pula beliau tetap dengan pendiriannya, dan telah menganggap kaum Khawārij, "bukan dari golongan penghafal-penghafal al-Qur'ān, dan bukan pula orang yang 'arif tentang al-Qur'ān (*laysū bi-qurrā' al-Qur'ān, wa lā fuqahā' fī al-dīn*)."[147]

Dalam perjalanan ke al-Nahrawān, kaum Khawārij telah menemui 'Abdullāh bin Khabbāb bin al-Aratt dan menanyakan pendapatnya mengenai 'Alī dan Mu'āwiyah. Oleh kerana mereka tidak berpuas hati dengan jawapan yang diberikan oleh 'Abdullāh bin Khabbāb mereka terus membunuhnya bersama-sama isterinya yang berada bersama-sama.[148] 'Abdullāh bin Khabbāb dibunuh dalam sebuah kampung, tempat terletaknya rumah kepunyaannya yang diwariskan oleh bapanya, Khabbāb, sebagai kurnia yang telah

---

[145] Tab., 1/3367.

[146] *BA*/ms. vol. I, ms. 394.

[147] Tab., 1/3365, 3368–9; *BA*/ms. vol. I, ms. 394; Dīnawarī, ms. 206; Ibn al-Athīr, *al-Kamil*, vol. III,ms. 338–339; Ibn Ḥazm, 'Alī bin Aḥmad, *al-Fisal fī al-Milal wa al-Nihal*, Qahirah, 1964, vol. IV, ms. 168.

[148] 'Abdullāh bin Khabbāb dibunuh oleh Khawārij di bawah pimpinan Mis'ar bin Fadaki al-Tamīmī dan al-Ashras bin 'Awf al-Shaybānī dalam perjalanan ke al-Nahrawān (Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 181; Ash'arī, *Maqālāt*, ms. 129; Baghdādī, *al-Farq*, ms. 57; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Sharh*, vol. I, ms. 204.

diberikan oleh Khalīfah 'Uthmān.[149] Khabbāb kemudiannya disenaraikan bersama-sama orang yang menyaksikan agenda Majlis Taḥkīm.[150]

Setelah mendengar berita pembunuhan 'Abdullāh bin Khabbāb, 'Alī dikatakan memutuskan untuk menyerang kaum Khawārij. Faktor utama yang menyebabkan 'Alī berbuat demikian ialah dengan adanya tekanan dari pihak al-Ash'ath bin Qays al-Kindī dan pengikut-pengikutnya, yang pernah berkata kepada Sayyidina 'Alī, "kita tidak boleh membiarkan puak pengacau bermaharajalela di Iraq, tempat harta benda dan anak-anak kita berada; ayuh kita pergi menentang mereka, kemudian barulah kita pergi ke Syria menentang Mu'āwiyah."[151]

Di al-Nahrawān Sayyidina 'Alī meminta kaum Khawārij menyerahkan pembunuh-pembunuh 'Abdullāh bin Khabbāb, tetapi mereka dengan sebulat suara mengatakan, "Kami semua adalah pembunuh-pembunuhnya."[152] Kemudian Sayyidina 'Alī cuba lagi untuk berbincang dengan mereka dengan menghantar beberapa orang utusan, di antaranya ialah Qays bin Sa'd bin 'Abādah dan Abū Ayyūb dari golongan Anṣār.[153] Apabila perutusan ini gagal Sayyidina 'Alī telah pergi sendiri menemui kaum Khawārij, tetapi mereka masih juga berkeras dengan pendapatnya, kerana Sayyidina 'Alī tidak mahu mengaku salah terhadap penerimaannya terhadap Majlis Taḥkīm.[154] Perundingan antara 'Alī dengan Khawārij akhirnya tidak mencapai sebarang persetujuan, dan tidak lama kemudian berlakulah pertempuran antara kedua pihak di al-Nahrawān.

Bilangan tentera Khawārij di al-Nahrawān berjumlah lebih kurang 4,000 orang, tetapi sebelum berlakunya pertempuran ramai di antara mereka yang menarik diri; Mis'ar bin Fadaki al-Tamīmī

---

[149] Ṭab., 1/3373; *BA*/ms. vol. I, ms. 395; Ibn Sa'd, *Tabaqat*, vol. V, ms. 182; vol. VI, ms. 8; Baghdādī, *al-Farq*, ms. 57; Shammākhī, *Siyar*, ms. 51.

[150] *WS*., ms. 581–82; Dīnawarī, ms. 159–196 di sini disebut 'Abdullāh bin Khabbāb.

[151] Ṭab., 1/3375; *BA*/ms. vol. I, ms. 395; Mas'udi, *Murūj*, vol. II, ms. 412.

[152] *BA*/ms. vol. I, ms. 392 dan 395; Ṭab., 1/3376; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 343; Baghdādī, *al-Farq*, ms. 58; Ibn Sallām, *Amwāl*, ms. 255.

[153] Ṭab., 1/3376–77; *BA*/ms. vol. I, ms. 395, 396; Dīnawarī, ms. 207; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 343.

[154] Ṭab., I/3377–79; *BA*/ms. vol I, ms. 396; Dīnawarī, ms. 208; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 343–44.

bersama 100 orang ke Kūfah,[155] Farwah bin Nawfal al-Ashja'ī bersama 500 orang ke Bandanayjān dan Daskarah,[156] Abū Maryam al-Sa'dī al-Tamīmī bersama 200 orang ke Shahrazūr,[157] al-Ashras bin 'Awf al-Shaybānī bersama 200 orang ke Daskarah,[158] dan 'Abdullāh bin Abī al-Hawsā' al-Ṭā'ī bersama 300 orang ke Kūfah.[159] Selainnya berjumlah 1,800 orang, yang disahkan oleh al-Balādhurī dan Ibn al-Athīr, tinggal bersama-sama pemimpin mereka, 'Abdullāh bin Wahb al-Rāsibī di al-Nahrawān.[160] Penyusunan tentera Khawārij di al-Nahrawān adalah seperti berikut: Zayd bin Ḥiṣn al-Ṭā'ī di sebelah sayap kanan, Shuraysḥ bin 'Awfā al-'Absī di sebelah sayap kiri, Hamzah bin Sinān al-Asadī mengetuai tentera berkuda dan Ḥurqūs bin Zuhayr al-Sa'dī al-Tamīmī mengetuai tentera berjalan kaki. Kesemua yang disebutkan tadi adalah orang-orang yang meneroka Iraq dan aktif pada masa kekacauan menentang Khalīfah 'Uthmān dan Sa'īd bin al-'Āṣ di Kūfah.[161] Orang-orang seperti ini—kecuali kaum Anṣār yang dipimpin oleh Qays bin Sa'd bin 'Abādah—telah dilantik oleh Sayyidina 'Alī: Ḥujr bin 'Adi al-Kindī mengetuai sayap kanan dan Ma'qil bin Qays al-Riyāḥī mengetuai sayap kiri.[162] Kedua pemimpin tersebut adalah dari golongan *al-qurrā'* Kūfah pada masa pemerintahan Khalīfah 'Uthmān, tetapi kedudukan mereka telah dinaikkan oleh Sayyidina 'Alī ke taraf pemimpin-pemimpin suku kaum mereka sendiri. Bilangan tentera 'Alī di al-Nahrawān, menurut kenyataan al-Balādhurī, ialah 14,000 orang; dan dengan jumlah yang begitu besar berbanding dengan tentera Khawārij (1,800 orang) telah dapat menundukkan tentera Khawārij dengan

---

[155]*BA*/ms. vol. I, ms. 396—kenyataan-kenyataan lain mengatakan bahawa bilangan tentera Mis'ar tidak melebihi 500 orang (Ṭab., I/3367 (500); *BA*/ms. vol I, ms. 392 (300); Ash'arī, *Maqālat*, ms. 129 (200).

[156]Ṭab., I/3380; *BA*/ms. vol. I, ms 396; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 346; Dīnawari, ms. 210, Maqdisī, *al-Bad*, vol. V, ms. 137; Ash'arī, *Maqālāt*, ms. 129.

[157]*BA*/ms. vol. I, ms. 397; Maqdisī, *al-Bad'*, v, ms. 137; Ash'arī, *Maqālāt*, ms. 130;

[158]Ash'arī, *Maqālāt*, ms. 130; *BA*/ms. vol I, ms. 396 di sebaliknya Hawtharah bin Wada' al-Asadī yang disebut di sini.

[159]*BA*/ms. vol. I, ms. 396; Ash'arī, *Maqālāt*, ms. 129–30.

[160]*BA*/ms. vol. I, ms. 397; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 346.

[161]*BA*., vol. V, ms. 40, 41 44–45 dan 45–46; Ibn A'tham, vol. I, fol. 10A.

[162]Ṭab., I/3380; *BA*/ms. vol I, ms. 396; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 345.

mudahnya.[163] Kebanyakan kaum Khawārij, termasuk pemimpin mereka, 'Abdullāh bin Wahb al-Rāsibī, telah terbunuh dalam pertempuran itu; hanya lebih kurang 400 orang sahaja yang sempat menyelamatkan diri, dan mereka semua dapat ditangkap dan diserahkan kepada suku-suku kaum mereka.[164]

Berhubung dengan peperangan al-Nahrawān, terdapat beberapa bukti yang menunjukkan bahawa dengan ketiadaan persatuan dan kerjasama di kalangan tentera Khawārij merupakan faktor utama kepada perbalahan antara sesama mereka dan boleh jadi juga menjadi sebab yang terpenting kepada kekalahan teruk yang dialami mereka dalam peperangan tersebut. Contoh yang jelas dapat dilihat daripada kes Farwah bin Nawfal al-Ashja'ī. Menurut ceritanya, sebelum berlakunya pertempuran di al-Nahrawān, beliau dikatakan telah berselisih faham dengan rakan-rakannya daripada kaum Khawārij, justeru kerana itu beliau menarik diri dari medan pertempuran.[165] Jika kita kembali kepada sejarah awal pembentukan tentera Khawārij sebelum sampai ke al-Nahrawān kita dapati bahawa mereka sentiasa berpecah belah dan ramai di antara mereka yang pergi memihak Sayyidina 'Alī, di samping itu ramai pula yang melarikan diri ke wilayah-wilayah lain secara berkelompok-kelompok bersama-sama pemimpin-pemimpin mereka.

Kemenangan 'Alī di al-Nahrawān bukanlah bererti berakhir kesukarannya, malahan ia lebih menambahkan masalah kerana beliau sekali lagi bertanggungjawab terhadap pembunuhan orang Islam, sedangkan Mu'āwiyah di Syria hanya berwatak sebagai pemerhati.

Setelah berjaya menewaskan kaum Khawārij di al-Nahrawān, 'Alī kembali semula ke Kūfah untuk menunggu keputusan Majlis Taḥkīm yang akan berlangsung pada bulan Sha'bān, 38 H/Januari, 659 M iaitu enam bulan selepas pertempuran al-Nahrawān. Sebelum majlis itu dilangsungkan, beberapa pemberontakan Khawārij yang dipimpin oleh mereka yang masih hidup atau yang sempat melarikan

---

[163]*BA*/ms. vol. I, ms. 396—bilangan tentera 'Alī menurut al-Ṭabarī ialah 68,000 orang (Ṭab., I/3372).
[164]Ṭab., I/3384, *BA*/ms. vol. I, ms. 398; Dīnawarī, ms. 211.
[165]Ṭab., I/3380; *BA*/ms. vol. I, ms. 396.

diri daripada terbunuh dalam perang al-Nahrawān, telah berlaku di kawasan-kawasan sekitar Kūfah.

Pemberontakan ini dimulakan oleh al-Ashras bin 'Awf al-Shaybānī bersama dengan tentera seramai 200 orang, bertempat di daerah Daskarah, di sebelah timur Sungai Dajlah. Dari sana mereka mara ke al-Anbār, dan mereka bertempur dengan al-Abrash bin Ḥusayn bersama dengan tenteranya seramai 300 orang yang dihantar oleh Sayyidina 'Alī dari Kūfah. Dalam pertempuran itu kaum Khawārij telah menerima kekalahan dan pemimpin mereka, al-Ashras bin 'Awf, terbunuh pada bulan Rabī' al-Akhir 38 H /September 658 M.[166] Tidak lama kemudian, iaitu pada bulan Jumādi al-Awal 38 H/Oktober 658 M. muncul pula dua orang yang bersaudara, Hilal bin 'Ullafah dan Mujālid bin 'Ullafah dari suku Taym (Tamīm) di kawasan Māsābadhān bersama dengan 200 orang pengikut. Apabila berita ini diketahui oleh Sayyidina 'Alī beliau membentuk satu pasukan tentera seramai 200 orang yang diletakkan di bawah pimpinan Ma'qil bin Qays al-Riyāḥī dari suku Tamīm. Ma'qil telah berjaya menewaskan tentera Khawārij dan membunuh Hilāl bin 'Ullafah dan kebanyakan pengikut-pngikutnya.[167]

Pada bulan berikutnya, (Jumādi al-Akhir 38 H/Nov. 658 M.) diikuti pula oleh pemberontakan di kawasan Jarjarāyā, di sebelah tebing kiri Sungai Dajlah, ke timur laut Kūfah, dipimpin oleh al-Ashab bin Bishr al-Bajalī bersama dengan tentera berjumlah 180 orang, tetapi sekali lagi mereka ditumpaskan oleh tentera 'Alī yang diketuai oleh Jarrāh bin Qudāmah al-Sa'dī dari suku Tamīm.[168] Meskipun mereka tertewas, namun kaum Khawārij tidak berputus asa. Pada bulan Rajab 38 H/Dis, 658 M, seramai 200 orang, yang dipimpin oleh Sa'd (Sa'īd) bin Qafal al-Taymī (Tamīm) telah memberontak di al-Madā'in, atau lebih tepat lagi di daerah Qanṭarah Darzijān, tetapi tidak juga berjaya, dan mereka telah dikalahkan oleh tentera Sayyidina 'Alī yang berada di al-Madā'in.[169]

---

[166] *BA*/ms. vol. I, ms. 429; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 372; Baghdādī, *a-Farq*, ms. 61; Ibn Kathīr, *Bidāyah*, vol. VII, ms. 310.

[167] *BA*/ms. vol. I, ms. 429; Ibn al-Athīr, *al-Kamil*, vol. III, ms. 372; Baghdādī, *al-Farq*, ms. 61.

[168] *BA*/ms. vol. I, ms. 429; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 372; Baghdādī, *al-Farq*, ms. 61.

[169] *BA*/ms. vol. I, ms. 429; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 373; Baghdādī, *al-Farq*, ms. 61.

Pada akhir bulan Sha'bān 38 H/Januari 659 M, Majlis Taḥkīm dilangsungkan. Kedua pihak, 'Alī dan Mu'āwiyah telah menghantar wakil masing-masing seramai 400 orang bagi tiap-tiap satu pihak ke mesyuarat tersebut. Pihak 'Alī diketuai oleh Abū Mūsā al-Ash'arī dan pihak Mu'āwiyah diketuai oleh 'Amr bin al-'Āṣ. Menurut Khalīfah bin Khayyāṭ, kedua-dua orang penimbangtara tidak mencapai persetujuan (*fa-lam yattafiq al-ḥakamān 'alā shay'*).[170] Namun ini tidak memberi sebarang makna, kerana peristiwa-peristiwa di Ṣiffīn sudah pun merosakkan kedudukan Sayyidina 'Alī.

Pada bulan Ramaḍān 38 H/Feb. 659 M berlaku pula satu pemberontakan Khawārij lain yang dipimpin oleh Abū Maryam al-Sa'dī dari suku Tamīm. Sebagaimana yang dinyatakan lebih awal, Abū Maryam adalah salah seorang pemimpin Khawārij yang menarik diri bersama dengan pengikutnya seramai 200 orang daripada al-Nahrawān ke Shahrazūr.[171] Apabila beliau mengetahui berita kegagalan Majlis Taḥkīm dan kekalahan rakan-rakannya di tangan tentera Sayyidina 'Alī, Abū Maryam bersama-sama pengikutnya mara ke Kūfah. Apabila berhampiran dengan Kūfah, 'Alī menghantar wakilnya untuk berbincang dengan Abū Maryam dan meminta Abū Maryam memberi pengakuan taat setia, (*bay'an*) kepadanya. Apabila perbincangan itu gagal maka 'Alī pun mengarahkan panglima perangnya, Shurayḥ bin Hānī' al-Ḥārithī bersama dengan tentera seramai 700 orang menyerang Abū Maryam. Kedua-dua pihak telah bertempur di luar kota Kūfah dan berakhir dengan kemenangan di pihak kaum Khawārij. Ramai di antara tentera Shurayḥ telah terbunuh, sementara yang lain sempat melarikan diri, dan sebahagian daripada mereka berjaya memasuki kota Kūfah bersama Shurayḥ. Dengan kekalahan ini 'Alī melantik pula Jāriyyah bin Qudāmah al-Sa'dī (Tamīm) untuk menentang tentera Abū Maryam, yang juga dari suku Tamīm. Ini adalah salah satu cara yang diamalkan oleh 'Alī iaitu melantik panglima perangnya dari suku kaum yang sama dengan pemimpin tentera musuh, Khawārij. Dengan kata-kata lain, beliau cuba melagakan sesama mereka dengan harapan agar pihak musuh tidak mendapat bantuan daripada suku kaum mereka yang menyebelahi kerajaan

---

[170] Khalīfah, *Tārīkh*, vol. 1, ms. 174.
[171] Sila lihat ms. 200.

dan seterusnya dapat ditewaskan mereka dengan lebih cepat lagi.

Sebelum serangan dilakukan, usaha terakhir ke arah perundingan telah dilakukan oleh Sayyidina 'Alī, tetapi tidak juga memberi apa-apa hasil, oleh kerana pihak Khawārij telah memutuskan untuk berperang. Apabila berlaku peperangan maka kaum Khawārij pun tertewas dan ramai di antara mereka yang terkorban, termasuklah pemimpin mereka, Abū Maryam al-Sa'dī al-Tamīmī. Hanya 50 orang sahaja yang terselamat dan mereka telah ditangkap dan diserah kepada suku-suku kaum mereka.[172]

Ada beberapa riwayat yang mengatakan bahawa sebahagian daripada keturunan hamba sahaya, (*mawālī*), telah menyertai tentera Abū Maryam al-Sa'dī.[173] Memang tidak dapat dinafikan bahawa ada di antara mereka, khususnya dari golongan *al-hamrā'*, telah melibatkan diri dalam penaklukan Iraq bersama-sama tentera Arab, tetapi amatlah sukar untuk menerima, lebih-lebih lagi mempercayai tentang penglibatan mereka dalam pemberontakan Khawārij, oleh kerana tidak ada seorang pun daripada mereka yang terkenal sebagai *al-qurrā'* semasa Khalīfah 'Uthmān. Mereka tidak pula menyertai golongan *al-qurrā'*, dalam peperangan Jamal dan Ṣiffīn, khususnya *al-qurrā'* yang menjadi Khawārij. Golongan *mawālī*, bukan Arab, nampaknya berpuas hati dengan pemerintahan Sayyidina 'Alī. Menurut al-Ya'qūbī, Sayyidina 'Alī telah melayani mereka sama rata dengan kaum Arab dan tidak melebihi antara satu sama lain, khususnya mengenai pemberian gaji (*wa 'a'ṭā ('Alī) al-nās bi-al-sawiyyah, lam yufaddil aḥadan 'alā aḥad, wa-'a'ṭā al-mawālī kamā 'a'ṭā al-ṣālibah*).[174]

Apabila diteliti tentang asal usul kaum Khawārij (orang-orang yang keluar daripada barisan tentera 'Alī), didapati bahawa mereka itu terdiri daripada berbagai suku Arab, terutamanya dari suku Tamīm dan Bakar bin Qā'il.Keşemuanya adalah peneroka-peneroka atau pendatang-pendatang awal ke Iraq yang telah melibatkan diri secara aktif dalam penaklukan Negeri Iraq. 'Abdullāh bin Wahb al-

[172] *BA*/ms. vol. I, ms. 429–430; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 181; Ibn al-Athīr, *al-Kamil*, vol. III, ms. 373; Ash'arī, *Maqālāt*, ms. 131; Baghdādī, *al-Farq*, ms. 61; W.M. Watt, "Kharijite Thought in the Umayyad Period," *Der Islam*, XXXIV, 1961, ms. 215.

[173] *BA*/ms. vol. I, ms. 430.

[174] Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. II, ms. 183.

Rāsibi adalah dari suku Azd. Walaupun beliau telah memainkan peranan yang penting dalam penaklukan Wilayah Māsābadhān selepas peperangan *Jalulā'*.[175] Hurqūs bin Zuhayr al-Sa'dī dari suku Tamīm telah menyertai penaklukan al-Ahwāz.[176] Al-Ashrash bin 'Awd al-Shaybānī (Bakr bin Wā'il) pernah menjadi ketua dalam kempen ke Tustar dan telah berjaya menawan wilayah tersebut.[177] Hilāl bin 'Ullafah al-Ṭaymī al-Tamīmī telah menyertai peperangan al-Buwayb dan menjadi perwira dalam perang al-Qādisiyyah.[178] Selain yang disebutkan tadi tidak disebut di dalam sumber-sumber sejarah mengenai penglibatan mereka dalam penaklukan Iraq, tetapi adalah wajar jika dikatakan bahawa mereka bersama dengan teman-teman mereka dalam peperangan al-Qādisiyyah, malahan sebelum itu mereka mesti sudah ada, tetapi tidak mendapat perhatian dari ahli sejarah pada ketika itu, boleh jadi kerana mereka dianggap tidak penting.

Kaum Khawārij boleh dibahagikan kepada dua kumpulan atau peringkat: kumpulan pertama, ialah mereka yang terlibat dalam kekacauan di Kūfah yang membawa kepada pembunuhan Khalīfah 'Uthmān. Ḥurqūṣ bin Zuhayr al-Sa'dī al-Tamīmī, misalnya, adalah salah seorang daripada *al-qurrā'* Kūfah yang telah membuat perhubungan dengan al-Ashtar Mālik bin al-Ḥārith al-Nakha'ī semasa beliau berada dalam buangan di Syria.[179] Begitu juga Zayd bin Ḥiṣn al-Ṭā'ī,[180] dan Ḥamzah bin Sinān al-Asadī,[181] kedua-duanya dari golongan *al-qurrā'* dan aktif dalam penentangan terhadap Khalīfah 'Uthmān dan Sa'īd bin al-'Āṣ di Kūfah, tetapi kedua-duanya terbunuh dalam peperangan al-Nahrawān.[182] Kumpulan kedua, terdiri daripada orang-orang yang tidak terlibat atau tidak memain peranan dalam kekacauan di Kūfah dan dalam

---

[175]Tab., 1/2478.
[176]*Ibid.*, 1/2541.
[177]Dīnawarī, ms. 131–132.
[178]Tab., 1/2188.
[179]*BA.*, vol. V, ms. 131–132.
[180]*Ibid.*, ms. 41; Ibn A'tham, vol. I, fol. 10A.
[181]*BA.*, vol. V, ms. 44–45, 45–46; Ibn A'tham, vol. I, fol. 13B–14A.
[182]Mengenai Hurqūs, sila lihat Ṭab., 1/3382; *BA*/ms. vol. I, ms. 392 dan 397; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 180–81; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 346—mengenai Zayd al-Ṭā'ī, lihat Ṭab., 1/3382; *BA*/ms. vol. I,ms. 393 dan 397; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 346—mengenai Ḥamzah bin Sinān, lihat, Ṭab., 1/3391; *BA*/ms. vol. I, ms. 398.

peristiwa pembunuhan Khalīfah 'Uthmān. 'Abdullāh bin Wahb al-Rāsibī, contohnya, telah memainkan peranan penting dalam penaklukan Māsābadhān sejak pemerintahan Khalīfah 'Umar bin al-Khaṭṭāb lagi,[183] dan kemudiannya nama beliau tidak disebut di dalam sumber-sumber sejarah sehingga zaman kenaikan Khalīfah 'Alī. Shuraysḥ bin 'Awfā al-'Absī pernah tinggal dan bertugas di al-Madā'in bersama-sama suku kaumnya sejak perpindahan pangkalan tentera Arab dari al-madā'in ke Kūfah.[184] Pada hakikatnya beliau berniat untuk kembali ke al-Madā'in sebelum rakan-rakannya, kaum Khawārij, memilih al-Nahrawān sebagai markas tentera mereka.[185] Semua orang yang terselamat dalam perang al-Nahrawān juga tidak terlibat dalam kekacauan yang berlaku di Kūfah dan pengepungan Khalīfah 'Uthmān di Madīnah, tetapi mereka ini sudah pasti telah bersimpati dengan golongan *al-qurrā'*, oleh kerana polisi Khalīfah 'Uthmān, khususnya mengenai sistem pertukaran tanah dan campur tangan beliau dalam urusan pentadbiran tanah terbengkalai di Iraq, telah menjejaskan kedudukan golongan *al-qurrā'* secara keseluruhan, sama ada di dalam ataupun di luar Kūfah. Walaupun 'Alī dikatakan pernah cuba memuaskan hati golongan *al-qurrā'* dengan cara memelihara kehormatan mereka di Iraq, namun beliau telah menerima cadangan Majlis Tahkim. Penerimaan beliau terhadap majlis tersebut telah memberi faedah yang amat besar kepada penyokong-penyokongnya dari golongan yang diketuai oleh al-Ash'ath bin Qays al-Kindī. Sebilangan kecil daripada golongan *al-qurrā'* seperti al-Ashtar Mālik bin al-Ḥārith al-Nakha'ī dan Ḥujr bin 'Adī al-Kindī, telah dinaikkan pangkat oleh Sayyidina 'Alī sejak peperangan Jamal lagi, dan mereka tinggal bersama-sama beliau di Kūfah. Kedua-dua pemimpin *al-qurrā'* tadi telah menjadi orang kanan Sayyidina 'Alī dan kekal di sampingnya sehingga yang terakhir meninggal dunia. Golongan *al-qurrā'* yang setia kepada Sayyidina 'Alī telah dikenali dengan nama *Shī'ah,* atau pengikut-pengikut 'Alī. Sementara golongan *al-qurrā'* yang enggan mengikut dan bekerjasama dengan beliau telah menarik diri ke Harūrā' dan kemudian ke al-Nahrawān, dan mereka ini dikenali sebagai Khawārij.

[183]Tab., 1/2478.
[184]*Ibid.*, 1/2487.
[185]*Ibid.*, 1/3365.

'Alī, walau bagaimanapun, telah melayani kaum Khawārij dengan lemah lembut dan berperikemanusiaan dan telah membenarkan mereka tinggal di merata kawasan di Iraq; semua orang yang menarik diri ke sebelah timur Sungai Dajlah telah dibiarkan begitu sahaja tanpa diburu atau diserang.[186] Dengan sebab itu kita dapati bahawa hampir semua pemberontakan Khawārij pada masa pemerintahan Sayyidina 'Alī bermula dari kawasan timur Sungai Dajlah, seperti Māsābadhān, Daskarah, Shahrazūr, Jarjarāyā dan Bandanijayn.[187] Dari sana mereka melakukan serangan terhadap tentera 'Alī; dan ada di antaranya berjaya sampai ke kawasan Kūfah. Al-Ashras bin 'Awf al-Shaybānī, misalnya, telah berjaya sampai ke al-Anbār dari Daskarah sebelum beliau menemui ajalnya. Sa'd (Sa'īd) bin Qafal al-Taymī (Tamīm) telah sampai ke al-Madā'in dari Bandanijāyn dan Abū Maryam al-Sa'di al-Tamīmī telah sampai ke kawasan dekat kota Kūfah dari Shahrazūr. Namun begitu, mereka tidak menunjukkan kecenderungan untuk menyerang, atau menawan kota Kūfah itu sendiri, sebagaimana yang pernah dikatakan oleh setengah-setengah ahli sejarah moden.[188] Ini ialah oleh kerana mereka sudah dikembalikan semula ke kawasan-kawasan kampung di Iraq, sebagai tempat terletaknya minat dan kepentingan-kepentingan mereka. Demi untuk mempertahankan kawasan-kawasan tersebut mereka terpaksa menentang tentera Sayyidina di mana saja mereka temui.

Setelah berjaya menundukkan beberapa pemberontakan tadi Sayyidina 'Alī memberitahu kepada kaum Khawārij bahawa mereka boleh pergi ke mana sahaja mereka mahu.[189] Meskipun demikian, penentangan mereka terus berlaku sehingga membawa kepada pembunuhan Khalīfah 'Alī pada tahun 40 H/661 M.

Telah dipersetujui umum bahawa pembunuh Khalīfah 'Alī ialah Ibn Muljam al-Murādī, salah seorang daripada kaum peneroka Iraq. Menurut kenyataan Sayf, Ibn Muljam adalah di antara mereka

---

[186]Dīnawarī, ms. 211.

[187]Mengenai kedudukan geografi kawasan-kawasan tersebut, silà lihat G. Le Strange, *The Land of the Caliphate*, Cambridge Geographical series, ed. F. H. Ghuillemard, Cambridge, 1905, dalam Bab "Irak".

[188]Umpamanya M. Hinds ada menyatakan bahawa, "mereka ini (Khawārij) telah cuba, walaupun gagal, untuk menakluk Kūfah dan mendirikan kekuasaan mereka di sana" (*Thesis*, ms. 348).

[189]*BA*/ms. vol. I, ms. 430; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 314.

yang telah berperang di al-Qādisiyyah.[190] Beliau juga dilaporkan salah seorang daripada pengikut Sayyidina 'Alī yang terdahulu dan telah memberi pengakuan taat setia kepadanya berikutan daripada perlantikan beliau di Madīnah.[191] Pada masa peperangan Jamal Ibn Muljam telah memberi sokongan kepada Sayyidina 'Alī bersama-sama golongan *al-qurrā'* yang dipimpin oleh al-Ashtar Mālik bin al-Ḥārith al-Nakha'ī.[192] Di Kūfah Ibn Muljam adalah sekutu (*ḥalīf*), Bani Jabalah yang mungkin dipimpin oleh Ḥujr bin 'Adī al-Kindī, dari suku Bani Jabalah,[193] Al-Ṭabarī pula melaporkan bahawa berikutan daripada peperangan al-Nahrawān, Ibn Muljam telah menemui rakan-rakannya di Kūfah, khususnya dari suku kaum Taym (Tamīm), dan berbincang dengan mereka apa yang sepatut dilakukan terhadap 'Alī, sepuluh orang daripada anggota suku tersebut telah terbunuh dalam pertempuran di al-Nahrawān. Salah seorang daripada anggota suku tersebut ialah Qaṭām bte al-Shijnah al-Taymiyyah, iaitu kakak kepada Hilāl bin 'Ullafah dan al-Mustawrid bin 'Ullafah. Bapa dan saudara mereka telah terbunuh di al-Nahrawān, dan beliau (Qaṭām) telah bercadang hendak membunuh Sayyidina 'Alī.[194]

[190] Ṭab., 1/2221.
[191] Ibn A'tham, vol. I, fols. 24A–24B.
[192] Ṭab., 1/3163; Ibn Khaldūn, *'Ibar*, vol. II, ms. 1078.
[193] Ṭab., 1/2221, 3457; *BA*/ms. vol. I, ms. 431; Ibn Sa'd, *Ṭabaqāt*, V, ms. 23.
[194] Ṭab., 1/3457–58; Ibn Durayd, *Istiqāq,ms. 186; L. Veccia Vaglieri, "Ibn Muljam", Encyclopaedia of Islam*, 2nd. Edition, Leiden, 1954.

# BAB KELIMA

## Dinasti Umayyah dan Pemberontakan Khawārij Zaman Mu'āwiyah

Khalīfah 'Alī telah gagal melayani kehendak-kehendak daripada berbagai golongan yang terdapat dalam barisan tentera campurannya, khususnya golongan *al-qurrā'* yang akhirnya berpaling tadah menentangnya dan menjadi Khawārij. Kegagalan beliau untuk memuaskan hati kaum Khawārij merupakan sebab utama yang menimbulkan kegelisahan di akhir-akhir pemerintahannya, dan sesungguhnya ia adalah faktor yang terpenting yang menyebabkan beliau dibunuh. Mu'āwiyah, di sebaliknya, berjaya menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penyokong-penyokongnya dari Syria, dan seterusnya dapat memuaskan hati dan kehendak-kehendak mereka. Kejayaan ini telah membuka jalan kepada beliau untuk mendapatkan kekuasaan dan pemerintahan.

Mu'āwiyah adalah seorang pemimpin yang mempunyai fikiran yang waras dan berkebolehan; beliau juga seorang negarawan yang agung, ahli politik atau politikus yang cerdik dan pintar. Dengan adanya sifat-sifat ini beliau digelar *halīm* dan *dahiy*. Sifat-sifat tersebut yang ada padanya telah digunakan oleh Mu'āwiyah dengan sepenuhnya untuk mengatasi masalah-masalah dan kesukaran-kesukaran yang dihadapinya selepas kematian Sayyidina 'Alī. Mu'āwiyah sendiri mengakui bahawa dengan adanya sifat-sifat yang disebut itu membolehkan beliau menguasai seluruh empayar.[1]

---

[1] *BA.*, vol. IVA, ms. 195.

Kebolehan dan kelayakan Mu'āwiyah sebagai seorang pemimpin dan seorang negarawan adalah merupakan sesuatu yang telah dipersetujui umum, bukan saja di kalangan ahli sejarah Islam, tetapi juga para ahli sejarah Barat. Oleh sebab itu ia tidaklah perlu dihuraikan dengan lebih lanjut. Perkara yang perlu dinyatakan di sini ialah mengenai polisi Mu'āwiyah dan perlaksanaannya di negeri Iraq, dan tindakan kaum Khawārij dan kaum Shī'ah terhadapnya.

Mu'āwiyah dilantik menjadi Khalīfah pada tahun 41 H/661 M., yang dipanggil *Ām al-Jamā'ah* (tahun kesatuan), oleh seluruh empayar. Al-Ḥasan, anak kepada Sayyidina 'Alī, juga turut menyokongnya, setelah menerima tawaran harta benda oleh Khalīfah yang baru dilantik itu.[2] Setelah itu, hampir semua penyokong Sayyidina 'Alī mencontohi al-Ḥasan, dan sebagai balasannya, beberapa banyak wang telah diberikan kepada mereka oleh Mu'āwiyah.[3] Pada hakikatnya, Mu'āwiyah telah melakukan usaha yang berganda-ganda untuk memenangi hati pengikut-pengikut Sayyidina 'Alī, dan sesungguhnya beliau berjaya mendapatkan sokongan yang diperlukan daripada mereka. Sebagai contoh yang paling baik tentang usaha Mu'āwiyah untuk mendapatkan sokongan daripada pengikut-pengikut Sayyidina 'Alī ada dinyatakan dalam kitab *Anṣāb al-Ashraf* oleh al-Balādhurī. Menurut kenyataan ini, pada satu hari sekumpulan pemimpin suku Tamīm dari Baṣrah, termasuk al-Aḥnaf bin Qays, Jāriyah bin Qudāmah dan al-Huṭaṭ bin Yazīd al-Mujāsh'ī datang menemui Mu'āwiyah. Mu'āwiyah telah memihak kepada al-Aḥmad bin Qays dan Jāriyah bin Qudāmah, yang terkenal sebagai penyokong-penyokong Sayyidina 'Alī, dan mengurniakan wang kepada mereka sebanyak 100,000 dirham tiap-tiap seorang, sementara al-Huṭaṭ bin Yazīd tidak mendapat apa-apa, kerana beliau bukan daripada penyokong Sayyidina 'Alī. Justeru kerana itu al-Aḥnaf bin Qays

---

[2] *BA*/ms. vol. I, ms. 446–48; Ibn A'tham, vol. I, fols. 161B, 162A; Isfahānī, *Maqātil al-Ṭālibiyīn*, Najaf, 1956, ms. 58; Shammākhī, *Siyar*, ms. 57.

[3] Ṭab., II/7, 8; Ibn A'tham, vol. I, fols. 99B, 100A; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 408; Isfahānī, *Maqātil*, ms. 64–65 (1,000,000 dirham kepada 'Abdullāh bin 'Abbās); Dinawarī, ms. 223; al-Suyūṭī, *Tārīkh al-Khulafā'*, Baghdād, 1964, ms. 193 (1,500,000 dirham kepada al-Ḥasan bin 'Alī); Shammākhī, *Siyar*, ms. 57 (30,000 dirham kepada al-Ḥasan bin 'Alī).

telah bersedia menerima pemerintahan yang baru dan mengaku taat setia kepada Mu'āwiyah.[4]

Pada masa Mu'āwiyah dilantik menjadi Khalīfah, keadaan di Iraq tidak tenang dan kucar-kacir, akibat dari perang saudara yang baru saja selesai; dan sesungguhnya ia merupakan saat-saat yang paling sukar bagi mana-mana pemimpin untuk memerintah, khususnya dalam zaman peralihan antara zaman kejatuhan pemerintahan di Madīnah dengan kenaikan kerajaan Umayyah yang baru. Disebabkan oleh keadaan-keadaan yang sedemikian, Mu'āwiyah, sebagai negarawan yang agung dan politikus yang pintar, terpaksa mengekalkan sistem yang sedia wujud di Iraq tanpa membuat sebarang perubahan kepadanya pada tahun-tahun pertama pemerintahannya. Beliau menghormati kuasa-kuasa yang sedia ada, dan cuba membatasi dirinya kepada perimbangan kuasa di antara pemimpin-pemimpin; beliau juga amat berhati-hati terhadap kekuasaan yang ada pada pemimpin-pemimpin dari berbagai golongan.[5] Dalam tempoh tersebut, sistem tanah terbengkalai di Iraq tidak sedikit pun disentuh atau diubah oleh Mu'āwiyah, malah dibiarkan ia dikuasai oleh golongan *al-qurrā'* Tidak syak lagi bahawa dasar tidak campurtangan ini telah menarik minat penduduk Iraq yang menyebabkan keseluruhannya mengaku taat setia kepada Mu'āwiyah.

Mu'āwiyah, pada awal-awal pemerintahannya, telah disokong oleh semua golongan kecuali kaum Khawārij sahaja, dengan sebab mereka ini menganggap beliau sebagai pengganti atau pewaris Khalīfah 'Uthmān, yang sudah menjadi seteru ketat mereka sejak beliau campurtangan dalam urusan tanah di Iraq. Kecenderungan Mu'āwiyah untuk menyerupai atau mengikut dasar Khalīfah 'Uthmān sudah pun terlihat apabila Mu'āwiyah cuba menuntut pembelaan terhadap kematian 'Uthmān. Bagi golongan *al-qurrā'* yang tidak menjadi Khawārij, walaupun mereka juga anti Khalīfah 'Uthmān, mereka tidak melakukan sebarang tindakan yang serius terhadap Mu'āwiyah, terutama di tahap-tahap awal ini. Ini disebabkan oleh dua perkara: pertama, oleh kerana ramai di antara

---

[4]*BA., vol. IVA, ms. 76; bandingkan dengan Abū 'Ubaydah, Kitāb al-Naqā'id,* ed. A.A. Bevan, Leiden, 1905, vol. II, ms. 608.
[5]Shaban, *op. cit.,* ms. 80 dan 84.

mereka ini, walaupun secara zahir, menjadi penyokong-penyokong Mu'āwiyah; mereka yang tidak menyokong masih dibenarkan mengamalkan kuasa dan pengaruh mereka tanpa diganggu-gugat oleh Mu'āwiyah. Justeru itu mereka turut sama menyokongnya. Keduanya, sebahagian daripada golongan *al-qurrā'* ada berangan-angan untuk memberontak tetapi keadaan tidak mengizinkan, oleh kerana mereka ini semuanya berada di bandar Kufah, di tempat mereka telah dikawal rapi menerusi organisasi sosial yang dibentuk di situ. Pengawalan sosial ini telah menjadi semakin ketat apabila Ziyad bin Abi Sufyan menjadi gabenor di wilayah tersebut pada tahun 50 H/670 M.

Sebaik-baik sahaja Mu'āwiyah menjadi Khalīfah beliau terus melantik al-Mughīrah bin Shu'bah, seorang yang lemah lembut dan baik hati tetapi mempunyai pengalaman yang luas tentang wilayah Kūfah, sebagai gabenornya di Kufah. Pada masa yang sama, beliau melantik pula 'Abdullāh bin 'Āmir sebagai gabenor Baṣrah. Pada tahun 44 H./664 M. Mu'āwiyah mula menggunakan kekuasaannya terhadap hal ehwal Negeri Iraq: 'Abdullah bin 'Āmir telah disingkir dari jawatan gabenor Baṣrah untuk diganti oleh Ziyād bin Abī Sifyāh, kini dikenali sebagai Ziyad bin Abīhi, "anak kepada bapanya". Ziyad adalah seorang yang pintar, cerdik dan berkebolehan, khususnya mengenai soal-soal pentadbiran. Sebelum ini, Khalīfah 'Alī telah dapat menggunakan kepintaran Ziyād dan melantik beliau sebagai wakilnya di wilayah Fārs. Selepas kematian Sayyidina 'Alī, Mu'āwiyah pula yang tertarik kepada Ziyād sehingga beliau mengiktirafnya sebagai saudara angkat dan anak kepada Abū Sufyān. Ini merupakan langkah Mu'āwiyah yang bijak untuk memenangi hati Ziyād. Pada awalnya beliau melantiknya sebagai gabenor Baṣrah dan wilayah-wilayah takluknya seperti Khurāsān dan Sīstān, dan setelah itu, apabila al-Mughīrah meninggal dunia pada tahun 50 H./670 M., Ziyād dilantik pula sebagai gabenor Kūfah. Kekuasaan yang diberikan oleh Mu'āwiyah kepada Ziyād hampir setengah empayar itu membuktikan tentang kebolehan dan kecekapan Ziyād dalam mengendalikan tugas-tugas pentadbiran dan hal ehwal yang berkenaan dengan wilayah-wilayah tersebut. Kepercayaan dan tanggungjawab yang begitu besar yang diberikan kepadanya menyebabkan Ziyād menjadi patuh dan taat setia kepada pemerintahan Mu'āwiyah. Dengan ketaatan dan kecekapan itulah

Ziyād telah dapat menjamin kedudukan Mu'āwiyah di Iraq dan berjaya menumpaskan sebarang gerakan yang dilakukan oleh kaum pemberontakan pada masa pemerintahan Mu'āwiyah.

Untuk mengetahui keadaan sebenar mengenai kedudukan penduduk-penduduk Iraq pada masa pemerintahan Mu'āwiyah, pentadbiran baru yang diperkenalkan oleh Ziyād pada tahun 50 H./670 M. perlu dinyatakan di sini. Pentadbiran baru Ziyād di Iraq ialah mengenai bilangan dan penyusunan anggota-anggota suku Arab bagi keperluan pembahagian hasil pendapatan. Pembaharuan ini dilakukan apabila beliau sedar bahawa sistem *'arafah'*, unit, yang telah dibentuk oleh Khalīfah 'Umar tidak dapat lagi digunakan oleh sebab ramainya anggota-anggota suku Arab yang baru tiba di Iraq. Ziyād membahagikan anggota-anggota suku Baṣrah kepada lima kelompok (*akhmās*), dan anggota-anggota suku Kūfah kepada empat kelompok (*arbā'*). Beliau telah menaikkan bilangan anggota-anggota suku Baṣrah yang berdaftar di *dīwān* dari 40,000 kepada 80,000 orang dan bilangan tanggungan yang menerima gaji dari 80,000 kepada 120,000 orang. Begitu juga anggota-anggota suku Kūfah bilangan mereka dinaikkan daripada 40,000 kepada 60,000 orang dan tanggungan mereka kepada 80,000 orang,[6] dan mengeluarkan nama-nama orang yang sudah mati dan juga kaum Khawārij daripada *Dīwān*.[7] Meskipun ada penyemakan ini, masih terdapat ramai lagi yang tidak berdaftar. Sebagai penyelesaian kepada .masalah ini, Ziyād telah menghantar sebanyak 50,000 keluarga daripada Kūfah dan Baṣrah ke Khurāsān.[8]

Walau bagaimanapun, sistem *arbā'* dan *akhmās* yang baru diperkenalkân oleh Ziyād itu telah disusun mengikut sistem genealogi yang menyebabkan pengaruh dan kekuasaan pemimpin-pemimpin suku kaum semakin bertambah kukuh, tetapi mereka semuanya dilantik oleh beliau dan seterusnya diletakkan di bawah kawalan kerajaan. Berbagai kumpulan suku yang terdapat bagi setiap bahagian mempunyai kepentingan yang berbeza-beza; dengan

---

[6] *BA.*, vol. IVA, ms. 190. IVB, ms. 116; *BF.* ms. 350; Ṭab., 1/433; Ibn al-Athīr, al-Kāmil, vol. IV, ms. 131; Abū 'Ubaydah, *Naqā'id*, vol. II, ms. 772.

[7] Shaban, *op. cit.*, ms. 87.

[8] Ṭab., 11/81, 155–56; ms. 410; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III ms. 452, 489; al-'Alī, *Tanẓīmāt*, ms. 32 (nota kaki).

adanya keadaan ini Mu'āwiyah boleh merancang strategi politik mengikut keperluan dan kehendak-kehendak setiap kumpulan.[9]

Aspek-aspek penting yang lain mengenai hal ehwal dalam negeri seperti sistem tanah terbengkalai di Iraq dan hasil pendapatnya dan pentadbiran sivil telah juga disusun semula oleh pemerintahan Mu'āwiyah/Ziyād. Tanah terbengkalai di Iraq telah diisytiharkan oleh Mu'āwiyah sebagai tanah *ṣawāfī*, yakni tanah yang tidak bertuan, dan oleh itu semua hasil pendapatannya dihantar kepada kerajaan pusat.[10] Ini merupakan pertama kalinya istilah *ṣawāfī* digunakan secara tepat,[11] dan ia dilakukan pada masa Ziyād menjadi gabenor di Iraq. Ini kerana Ziyād sendiri telah memberikan persetujuannya kepada Mu'āwiyah tentang hal tersebut dengan katanya, "tidak ada perbezaan antara tanah *ṣulḥ* (tanah yang diperolehi secara berdamai) dan tanah *'anwah* (tanah yang diperolehi secara berperang)."[12] Ini bererti bahawa semua tanah yang ditakluki di Iraq, sama ada jenis *ṣawāfī* atau bukan jenis *ṣawāfī* telah diletakkan di bawah kekuasaan kerajaan.

Mu'āwiyah nampaknya pernah juga merancang untuk mengawal kadar gaji yang ditetapkan apabila beliau berkata, "Saya tidak mengetahui Kitab Suci manakah yang kamu dapati ada menyebut tentang *rizq*[13] dan gaji, *'aṭā'*."[14] Sesungguhnya Mu'āwiyah telah mengurangkan kadar gaji pemimpin, *sharaf al-'aṭā'* Baṣrah daripada 2,500 dirham kepada 2,000 dirham.[15] *Sharaf al-'aṭā'* pada mulanya dibayar kepada golongan peneroka dan mereka yang menyertai penaklukan Iraq yang awal, dan oleh kerana kebanyakan mereka

---

[9]Dasar Mu'āwiyah ini dapat dilihat dalam *BA*. IVA, ms. 82–83, 123, 124.

[10]Ya'qūbī, *Tārikh*, vol. II, ms. 218, 232 dan 234.

[11]Sebelum ini tanah *ṣawāfī* yang berada di Iraq digunakan bagi keperluan penduduk-penduduk di sana, khususnya pada masa pemerintahan Khalīfah 'Umar, yang dikendalikan oleh golongan *al-qurrā'*, dan hanya satu perlima sahaja dihantar ke Madīnah. Oleh sebab itu penulis buku ini menyebut "tanah terbengkalai," kerana ia tidak berfungsi sebagai *ṣawāfī*.

[12]Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 107.

[13]Mengenai takrif *"rizq"*, sila lihat ms. 100.

[14]Ibn 'Abd al-Ḥakam, *Futūḥ Miṣr wa Akhbāruhā*, ed. V, Torrey, New Haven, 1922, ms. 101.

[15]Iṣfahānī, *Aghānī*, vol. XIV, ms. 97; al-'Alī, *op. cit.*, ms. 130–131—Kadar gaji pemimpin (*sharaf al-'aṭā'*) di Baṣrah ialah 2,500 dirham, lihat Ibn Sa'd, *Ṭabaqāt*, vol. V, ms. 255, vol. VI, ms. 151; Ibn Duryd, *Istiqāq*, ms. 493; *BA.*, vol. V, ms. 32; al-'Alī, *op. cit.*, ms. 130.

berada di Kūfah maka sudah tentu tidak banyak yang dipengaruhi oleh sistem yang baru itu.

Di Baṣrah, Ziyād mengarahkan rakyat supaya mencuci dan membersihkan jalan-jalan raya, memperbaiki kemudahan-kemudahan berjual beli, mengenakan perintah berkurung, menyusun dan mengatur angkatan polis dan memperbaiki beberapa aspek pentadbiran yang lain.

Semua yang disebutkan tadi menunjukkan bahawa hal ehwal di Kūfah dan Baṣrah pada masa pemerintahan Mu'āwiyah, khususnya semasa Ziyād menjadi gabenor, telah diletakkan di bawah pengawalan kerajaan pusat. Hukuman mati yang dijatuhkan ke atas Ḥujr bin 'Adī al-Kindī, yang akan dihuraikan dalam Bab Ketujuh, pada tahun 51 H./671 M., adalah suatu pertanda yang jelas yang menunjukkan bahawa Mu'āwiyah cuba memperkukuhkan dan menjaminkan kekuasaannya di Iraq.

Walaupun golongan *al-qurrā'* dan *Khawārij,* telah sama mengalami kerugian daripada dasar pemerintahan Ziyād di Iraq, kaum Khawārij adalah lebih berpeluang untuk mementang kerajaan, oleh kerana ramai di antara mereka ada yang tinggal di kampung-kampung di luar kawasan Kūfah di Iraq, sama ada sudah lama atau baru tiba semasa pemerintahan Sayyidina 'Alī; sementara golongan *al-qurrā'* kebanyakannya berada di bandar Kūfah. Di sini mereka diletakkan di bawah kawalan ketat yang diperintahkan oleh Mu'āwiyah.

Hampir semua pemberontakan Khawārij pada tahun-tahun pertama pemerintahan Mu'āwiyah berlaku di jajahan Kūfah, dan hampir semuanya dipimpin oleh mereka yang pernah berada atau berperang di al-Nahrawan. Pemberontakan yang pertama berlaku apabila Mu'āwiyah mencapai persetujuan dengan Sayyidina al-Ḥasan; tempatnya ialah Nukhaylah, lebih kurang dua batu dari bandar Kūfah. Pemimpin mereka yang pertama ialah Farwah bin Nawfal al-Ashja'ī, yang telah menarik diri bersama 500 orang pengikut dari al-Nahrawān ke Shahrazūr. Dari sana beliau mara ke Kūfah, dan beliau berjaya menewaskan tentera Syria yang dihantar oleh Mu'āwiyah untuk menentangnya. Mu'āwiyah kemudian meminta pertolongan daripada orang Kūfah, serta memberi amaran bahawa jika mereka enggan memerangi Farwah bin Nawfal mereka akan menerima siksaan dan deraan. Dengan pertolongan mereka,

Farwah bin Nawfal telah dapat dikalahkan; Farwah serta ramai lagi pengikutnya telah dikepung di bandar Kūfah oleh rakan-rakan suku kaum mereka.[16] Manakala yang lain telah meneruskan peperangan di bawah pemimpin mereka yang baru, 'Abdullāh bin Abī al-Hawsā' al-Tā'ī, tetapi mereka juga telah dikalahkan oleh tentera Kūfah yang dipimpin oleh Khālid bin 'Urfatah al-'Udhrī. Dalam peperangan ini pemimpin mereka, 'Abdullāh bin Abī al-Hawsā telah terbunuh pada bulan Rabī al-Awal 41 H./Ogos 661 M.[17]

Dengan kematian 'Abdullāh bin Abī al-Hawsā' al-Ta'i, pucuk pimpinan tentera Khawārij telah berpindah kepada Hawtharah bin Waddā' al-Asadī, yang telah menarik diri ke Burāz al-Rūz dan setelah itu datang semula menyerang Nukhaylah bersama tentera seramai 150 orang. Dalam pertempuran, Hawtharah dan pengikut-pengikutnya telah ditewaskan dengan, teruknya oleh tentera Mu'āwiyah di bawah pimpinan 'Abdullah bin 'Awafā bin Aḥmar bersama tentera seramai antara 1,000–2,000 orang. Justeru itu Hawtharah bin Waddā' dan 50 orang pengikutnya telah terbunuh, sementara yang lain, 100 orang, dapat ditangkap dan dibawa ke Kūfah pada bulan Jamādi al-Akhir 41 H./Oktober 661 M.[18] Pada masa yang sama, Farwah bin Nawfal al-Ashja'ī, yang ditahan di Kūfah tempoh hari telah melarikan diri ke Shahrazūr, dan di sana beliau telah dibunuh.[19]

Berikutan kematian Farwah bin Nawfal, beberapa pemberontakan kecil-kecilan yang lain telah berlaku di kawasan Kūfah. Pemberontakan-pemberontakan ini terjadi dalam tempoh antara tahun 41 H./611 M.–42 H./662 M. Salah satu daripadanya dipimpin oleh Shabīb bin Bajarah al-Ashja'ī, salah seorang di antara mereka yang berperang menentang Sayyidina 'Alī di al-Nahrawān,

---

[16]*BA.*, vol. IVA, ms. 138–139; Tab., 1/10; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 410; Ya'qūbī, *Tarīkh*, vol. II, ms. 217; Baghdādī, *al-Farq*, ms. 62; Ibn Ḥajr, *Iṣabah*, vol. III, ms. 200, 204 dan 217 disalah tarikhkan pada tahun 45, *Tahdīb al-Tahdhīb*, vol. VIII, ms. 266; Shammākhī, *Siyar*, ms. 59.

[17]*BA.*, vol, IVA, ms. 138–139; Ibn Al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 410; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 188; Baghdādī, *al-Farq*, ms. 62; Ibn Khathīr, *Bidāyah*, vo. VIII, ms. 22; Shammākhī, *Siyar*, ms. 59; Ibn Khaldūn, *'Ibar*, vol. III, ms. 304.

[18]*BA.*, vol. IVA' ms. 139–140; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 188; Ibn al-Athī, *al-Kāmil*, vol. III, ms 410–11; Baghdādī, *al-Farq*, ms. 62; Ibn Khaldūn, *'Ibar*, vol. III, ms. 304; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 239–41.

[19]*BA.*, vol. IVA, ms. 140; Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. II, ms. 206; Ibn Khaldūn, *'Ibar*, vol. III, ms. 304.

dan kemudiannya muncul bersama rakan-rakan Ibn Muljam, pembunuh Sayyidina 'Alī, di Kūfah. Tempat berlakunya pemberontakan tersebut ialah di al-Quff, tidak jauh dari bandar Kūfah. Gabenor Kūfah pada masa itu ialah al-Mughīrah bin Shu'bah dan beliau telah menghantar pasukan tenteranya dari Kūfah di bawah pimpinan Ma'qil bin Qays al-Riyāḥī (atau Khālid bin 'Urfatah al-'Udhrī) untuk menentang Shabīb bin Bajarah. Dalam pertempuran, tentera Kūfah berjaya mengalahkan kaum pemberontakan Khawārij dan membunuh pemimpinnya Shabīb.[20] Sementara itu, seorang lagi pemimpin Khawārij bernama Muayn bin 'Abdullāh al-Muḥāribī, muncul di Kūfah. Beliau ini telah enggan mengiktiraf Mu'āwiyah sebagai Khalīfah dan setelah itu ditangkap dan dibunuh oleh Qabīsah al-Hilālī, salah seorang pegawai keselamatan Mu'āwiyah di Kūfah.[21] Pada akhir tahun 41 H./661 M. meletus pula satu lagi pemberontakan kecil di kawasan Badūrayā, Iraq. Pemberontakan ini diketuai oleh salah seorang dari Banū al-Ḥārith bin Ka'b, bernama Abū 'Alī (dan digelar juga Abū Maryam), dan di antara pengikutnya ialah Qaṭām bte Shijnah al-Taymiyyah dari suku Tamīm, yang pada satu ketika dulu telah berkomplot untuk membunuh Khalīfah 'Alī bersama Ibn Muljam di Kūfah. Bagaimanapun, pemberontakan ini telah dapat ditumpaskan oleh tentera Mu'āwiyah yang dipimpin oleh Jābir al-Bajalī, dan semua anggota dan pengikutnya, termasuk Abū 'Alī (Abū Maryam) dan Qaṭām bte Shijnah, telah terbunuh.[22]

Pada permulaan tahun 42 H./622 M. sekumpulan Khawārij yang berjumlah 30 orang, di bawah pimpinan Abū Laylā, muncul di hadapan pintu Masjid Kūfah lalu mereka berteriak, *"lā ḥukma illā li-llah"* (tidak ada hukum selain hukum Allah). Setelah mendengar teriakan ini, gabenor Kūfah, al-Mughīrah bin Shu'bah, menghantar Ma'qil bin Qays al-Riyāḥī al-Tamīmī bersama dengan tenteranya untuk menentang kaum pemberontak. Para pemberontak telah

---

[20]Ṭab., I/3458; Ibn Sa'd, *Ṭabaqāt*, vol. III, i, ms. 34; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 180 dan 194; *BA.*, vol. IVA, ms. 141; Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. II, ms. 220–221; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 197–198; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 411–412; Ibn Khaldūn, *'Ibar*, vol. III, ms. 304–305.

[21]Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III. ms. 412; Ibn Khaldūn, *'Ibar*, vol. III, ms. 305.

[22]Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. II, ms. 221; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 412–413; Ibn Khaldūn, *'Ibar*, vol. III, ms. 305; Shammākhi, *Siyar*, ms. 61.

melarikan diri dari bandar Kūfah tetapi akhirnya dapat ditumpaskan oleh tentera Ma'qil bin Qays di kawasan Sawād, dekat Kūfah, dan pemimpinnya Abū Laylā terbunuh.[23]

Pada tahun yang sama (42 H./662 M.), tiga lagi pemipin Khawārij muncul di Kūfah. Salah seorang daripada mereka itu ialah Ḥayyān bin Zabyān al-Sulamī, yang telah tercedera dalam pertempuran al-Nahrawān dan dikembalikan kepada suku kaumnya di Kūfah. Setelah itu beliau meninggalkan Kūfah untuk pergi ke al-Rayy bersama pengikutnya seramai 400 orang, termasuk Sālim bin Rabī'ah al-'Absī, yang pada satu ketika dahulu dihalang oleh Khalīfah 'Alī dari pergi menyertai kaum Khawārij di al-Nahrawān.[24] Setelah Khalīfah 'Alī dibunuh, Ḥayyān bin Zabyān dan pengikutnya kembali semula ke Kūfah; di sana mereka dapat bertemu dengan teman-teman mereka yang dipimpin oleh Mu'ādh bin Juwayn al-Tā'ī, sepupu kepada Zayd bin Ḥiṣn yang telah terbunuh di al-Nahrawān, dan al-Mustawrid bin 'Ullafah al-Taymī al-Tamīmī, yang juga pernah bersama-sama kaum Khawārij di al-Nahrawān.[25] Di antara ketiga-tiga pemimpin tersebut al-Mustawridlah yang paling tertua; dengan sebab itu beliau dipilih sebagai ketua umum dan yang lainnya telah memberi pengakuan taat setia kepadanya.[26] Pada tahun 43 H./663 M. al-Mustawrid dan pengikutnya mula merancangkan pergerakan, dan satu mesyuarat telah diadakan di rumah Ḥayyān bin Zabyān al-Sulamī. Tetapi gerakan ini dapat diketahui oleh Mu'āwiyah, lantas rumah itu diserang oleh tentera Mu'āwiyah; beberapa senjata dan rancangan-rancangan ketenteraan telah ditemui, dan kedua-dua pemimpin, Ḥayyān dan Mu'ādh bersama seramai lebih kurang dua puluh orang pengikut mereka telah ditangkap dan ditahan sehingga kepada tahun 58 H./678 M.

Walau bagaimanapun, ketua umum mereka, al-Mustawrid bin 'Ullafah al-Taymī, telah dapat melarikan diri bersama-sama pengikutnya ke al-Ḥīrah. Di sini mereka dapat perlindungan

---

[23]*BA.*, vol. IVA, ms. 143; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 413; Ibn Khaldūn, *'Ibar*, vol. III, ms. 305.

[24]Ṭab., I/3367; *BA.*, vol. IVA, ms. 143; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 420–421.

[25]Ṭab., II/20; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 421; Ibn Khaldūn, *'Ibar*, vol. III, ms. 305–306.

[26]Ṭab., II/21; *BA.*, vol. IVA, ms. 144; Ibn al-Athir, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 421, *Shammākhī*, *Siyar*, ms. 59; Ibn Khaldūn, *'Ibar*, vol. III, ms. 306.

daripada Sulaym bin Mahdūj dari suku 'Abd al-Qays, yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan al-Mustawrid bin 'Ullafah meneruşi perkahwinan. Apabila berita ini sampai kepada gabenor Kūfah, al-Mughirah bin Shu'bah, beliau telah mengeluarkan suatu arahan atau akta keselamatan iaitu bahawa, "Setiap pemimpin suku kaum mestilah bertanggungjawab terhadap perangai dan penglibatan orang-orang atau ahli-ahli keluarganya bersama kaum Khawārij. Ṣa'ṣa'ah bin Ṣawḥān al-Abdī, yang pada ketika itu menjadi pemimpin suku kaum 'Abd. al-Qays, telah merasa takut terhadap deraan yang mungkin akan menimpa ke atasnya jika sekiranya al-Mustawrid bin 'Ullafah al-Taymī dijumpai sebagai orang perlindungan kepada Sulaym bin Mahdūj, dari suku 'Abd al-Qays. Justeru kerana itu beliau terpaksa memberitahu gabenor Kūfah tentang hal yang sebenarnya. Akibat daripada itu beberapa orang pengikut al-Mustawrid telah meninggalkannya, oleh kerana mereka telah terdesak oleh ugutan-ugutan Ṣa'ṣa'ah bin Sawḥan al-'Abdī. Hanya lebih kurang 300 orang sahaja yang tinggal bersama-sama al-Mustawrid dan mereka ini telah melarikan diri secara berkelompok-kelompok ke al-Sūrah, dekat Baghdād. Dari sana mereka meneruskan perjalanan al-Sarāt dan akhirnya sampai di Bahruwayr di mana mereka telah dihalang oleh gabenornya, Sammāk bin 'Ubayd al-'Absī, dari menyeberangi Sungai Dajlah untuk sampai ke bandar. Bagaimanapun, al-Mustawrid bin 'Ullafah cuba berunding dengan gabenor Bahrusayr dengan menghantar sepucuk surat yang dibawa oleh wakilnya. Dalam surat tersebut al-Mustawrid bin 'Ullafah mengisytiharkan dirinya sebagai *Amīr al-Mu'minin* atau Khalīfah yang sebenar, dan menyatakan tentang rasa tidak puas hati terhadap dasar pemerintahan Mu'āwiyah dengan katanya, "Kami menentang amalan yang zalim, pengabaian terhadap undang-undang Allāh, pemilikan harta *fay';* kami harap kamu kembali semula kepada Kitab Suci al-Qur'ān dan Sunnah Rasulullāh s.a.w., dan kepada pemerintahan Khalīfah Abū Bakar dan Khalīfah 'Umar, dan lupakan perjuangan-perjuangan Khalīfah 'Uthmān dan Khalīfah 'Alī. Jika sekiranya kamu tidak dapat melakukan ini kami akan isytiharkan perang ke atas kamu." Apabila surat tersebut tidak dilayani oleh gabenor, al-Mustawrid bin 'Ullafah berlepas dari situ, setelah berada tiga hari di Bahrusayr. Beliau pergi pula menghala ke sebelah barat iaitu ke Jurjarāyā dengan

menyeberangi Sungai Dajlah dan apabila tiba di al-Madhār beliau telah ditentang oleh Ma'qil bin Qays al-Riyāḥī dari suku Tamīm bersama tenteranya berjumlah 3,000 orang yang dihantar oleh al-Mughīrah bin Shu'bah dari Kūfah. Di samping itu, 'Âbdullāh bin 'Āmir, gabenor Baṣrah, dikatakan telah menghantar tenteranya seramai 3,000 orang, kebanyakannya dari suku kaum Rabī'ah, di bawah pimpinan Shurayk bin al-A'war al-Ḥārithī, untuk membantu Ma'qil bin Qays al-Riyāḥī bagi menentang al-Mustawrid bin 'Ullafah; tetapi tentera Baṣrah enggan berperang bersama-sama tentera Kūfah, dengan alasan bahawa mereka mempunyai berbagai masalah dengan orang-orang Kurdi dan kaum Khawārij yang lain di Baṣrah. Mereka kembali semula ke Baṣrah dengan membiarkan Ma'qil bin Qays bersendirian berperang menentang al-Mustawrid. Dalam pertempuran, kedua-dua pemimpin suku Tamīm, Ma'qil dan al-Mustawrid, telah terbunuh.[27]

Dari peristiwa tadi, kita boleh nampak dengan nyata betapa pintarnya Mu'āwiyah dalam menghadapi musuh, iaitu dengan cara menewaskan mereka dengan yang lain, atau dengan kata lain, dengan melaga-lagakan sesama mereka untuk mencapai kemenangan. Kita sedia maklum bahawa Ma'qil bin Qays dan al-Mustawrid bin 'Ullafah adalah musuh ketat Khalīfah 'Uthmān dan juga kepada penyokong-penyokongnya, termasuklah Mu'āwiyah, kerana kedua-duanya adalah dari golongan *al-qurrā'* dan penyokong-penyokong Sayyidina 'Alī dalam peperangan Ṣiffīn, dan kedua-duanya dari suku kaum yang sama iaitu suku Tamīm.

Kekalahan al-Mustawrid, walau bagaimanapun, merupakan suatu tamparan yang hebat terhadap penentangan Khawārij dalam tempoh pemerintahan Mu'āwiyah. Namun begitu, penentangan mereka terhadap kerajaan Umayyah, walaupun menemui jalan buntu, terus berlaku pada tahun-tahun lima puluhan. Di antaranya ialah penentangan atau pemberontakan yang dipimpin oleh Ziyād bin Khirāsh al-'Ijlī bersama pengikut seramai 300 orang pada tahun 52 H./672 M. Pemberontakan mereka bermula di Maskin, Iraq, di

---

[27]Tab. II/31–65; *BA*., vol. IVA, ms. 144–47; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 181; Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. II, ms. 221; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 238; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 425–36; Ibn Kathīr, Bidāyah, vol. VIII, ms. 24–25; Ibn Ḥajar, *'Iṣābah*, vol. III, ms. 499 (dipetik dari *Tārīkh* oleh Khalīfah bin Khayyāṭ) Ibn Khaldūn, *'Ibar*, vol. III, ms. 305–307; Shammākhī, *Siyar*, ms. 59.

mana mereka telah diserang oleh tentera-tentera Mu'āwiyah yang dipimpin oleh Sa'd bin Ḥudhayfah. Dari sana mereka diikuti hingga ke Māh tempat berlakunya pertempuran yang menyebabkan kesemua kaum Khawārij yang dipimpin oleh Ziyād bin Khirāsh terbunuh.[28] Pada tahun 59 H./679 M. berlaku pula satu lagi pemberontakan yang dipimpin oleh mereka yang telah dikurung oleh al-Mughīrah bin Shu'bah beberapa tahun yang lalu. Di antara pemimpin mereka yang terkemuka ialah Mu'ādh bin Juwayn al-Ṭā'ī dan Ḥayyān bin Zabyān al-Sulamī. Mereka muncul bersama-sama di Banīqiyā, di sana mereka telah diserang dan dibunuh oleh tentera Mu'āwiyah dari Kūfah.[29] Dengan kekalahan ini, berakhirlah pemberontakan Khawārij secara terbuka di kawasan Kūfah dalam tempoh pemerintahan Mu'āwiyah, dan sesungguhnya ia merupakan permulaan kepada berakhirnya penentangan kaum Khawārij yang asal.

Ringkasnya dapatlah dikatakan bahawa pemberontakan-pemberontakan Khawārij yang berlaku pada tahun-tahun pertama pemerintahan Mu'āwiyah mempunyai sifat dan matlamat yang seakan-akan serupa dengan pemberontakan yang berlaku pada zaman Khalīfah 'Alī. Kesemuanya terjadi di kawasan Kūfah dan dipimpin oleh mereka yang berperang di al-Nahrawān menentang Khalīfah 'Alī. Tetapi apabila kawalan kerajaan ke atas kawasan Kūfah bertambah ketat, khususnya selepas perlantikan Ziyād bin Abī Sufyān, sebahagian daripada kaum Khawārij telah mula berpindah ke kawasan sebelah timur, terutamanya di daerah Baṣrah, untuk mendapatkan sokongan.

Dalam tempoh pemerintahan Mu'āwiyah dan anaknya Yazīd, beberapa pemberontakan Khawārij telah berlaku di daerah Baṣrah. Yang pertama berlaku pada tahun-tahun 43–44 H./663–664 M., iaitu pada masa 'Abdullāh bin 'Āmir menjadi gabenor Baṣrah, di bawah pimpinan Sahm bin Ghālid al-Hujaymī dan al-Ḥātim Ziyād bin Mālik al-Bāhilī dari Banū al-Wā'il dengan bilangan tentera yang kecil. Mereka telah berhimpun di al-Jisrayn, dekat bandar Baṣrah, di mana mereka membunuh 'Ubād bin Kurs al-Laythī serta isteri dan

[28] *BA.*, vol. IVA, ms. 153; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol.III, ms. 491; Ibn Khaldūn, *'Ibar*, vol.III, ms. 307; Shammākhī, *Siyar*, ms. 61.

[29] Ṭab., II/181–84; Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. II, ms. 221; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 515; Ibn Khaldūn, *'Ibar*, vol. III, ms. 307; Shammākhī, *Siyar*, ms. 59–61.

anaknya. Berita ini telah disampaikan kepada 'Abdullāh bin 'Āmir yang menyebabkan beliau sendiri pergi bersama-sama tenteranya untuk memerangi kaum Khawārij. Dalam pertempuran 'Abdullāh bin 'Āmir telah berjaya menewaskan tentera Khawārij; kedua pemimpin mereka, Sahm bin Ghālib dan al-Ḥātim al-Bāhilī dapat ditangkap oleh 'Abdullāh bin 'Āmir. Apabila Mu'āwiyah memerintahkan 'Abdullāh bin 'Āmir supaya menjatuhkan hukuman mati ke atas mereka, beliau enggan berbuat demikian, malahan membiarkan kaum Khawārij hidup dengan bebas di Baṣrah sehinggalah beliau dipecat dari jawatannya sebagai gabenor Baṣrah.[30] Sebab pemecatan 'Abdullāh bin 'Āmir, bagaimanapun, tidak ada kena mengena dengan keengganan beliau mematuhi perintah Mu'āwiyah, tetapi ialah kerana kelembutan beliau terhadap musuh umumnya dan ketiadaan pengalaman dan kebolehan dalam mengatasi masalah pendatang-pendatang baru yang berada di wilayah tersebut.[31]

Apabila gabenor baru, Ziyād bin Abī Sufyān, tiba di Baṣrah, kedua pemimpin Khawārij, Sahm bin Ghālib dan al-Ḥātim al-Bāhilī, yang telah memberontak dan ditangkap oleh Ibn 'Āmir pada tahun 43 H./663 M., telah berjaya melarikan diri ke Wilayah al-Ahwāz, oleh kerana mereka merasa diri mereka tidak selamat di bawah pemerintahan Ziyād. Di al-Ahmāz, kaum Khawārij berkumpul dikeliling Sahm bin Ghālib dan setelah itu melakukan serangan ke atas Baṣrah pada tahun 46 H./666 M., tetapi mereka telah ditewaskan oleh tentera Ziyād dan pemimpin mereka, Sahm, dijatuhkan hukuman mati. Pada masa yang sama, al-Ḥātim al-Bāhilī telah dibuang negeri ke al-Baḥrain oleh Ziyād. Tidak lama kemudian, al-Ḥātim al-Bāhilī telah dibenarkan pulang ke Baṣrah dengan syarat bahawa beliau tidak melakukan sebarang kekacauan. Tetapi apabila beliau tidak memenuhi syarat tersebut beliau telah dijatuhkan hukuman mati dan badannya dicampakkan kepada suku kaumnya, Bāhilah.[32]

---

[30] *BA.*, vol. IVA, ms. 147–48; Tab. II/83–84; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 188 (dalam peristiwa tahun 41 H.); Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 454; Ibn Durayd, *Istiqāq*, ms. 274; Ibn Khaldūn, *'Ibar*, vol. III, ms. 305.

[31] Ḥab., II/67–69; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 440–45.

[32] *BA.*, vol IVA, ms. 147–48; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 192 dan 194; Tab. II/83–84; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 454; Ibn Khaldūn, *'Ibar*, vol. III, ms. 305.

Pada tahun 50 H./670 M. apabila al-Mughīrah bin Shu'bah meninggal dunia wilayah Kūfah dijadikan sebagai wilayah gabenor Ziyād. Beliau biasanya tinggal di Baṣrah enam bulan dan di Kūfah enam bulan. Di Baṣrah Ziyād telah melantik Samūrah bin Jundab sebagai agennya. Pada masa peninggalan Ziyād satu pemberontakan yang dipimpin oleh Qurayb bin Murrah al-Azdī dan Zaḥḥāf bin Zaḥr al-Ṭā'ī meletus di Basrah, iaitu pada tahun 50 H./670 M. dengan jumlah pengikut seramai 70 orang. Setelah gagal menangkap mereka, Samurah menghantar surat kepada Ziyād, yang pada ketika itu berada di Kūfah, meminta supaya datang ke Baṣrah. Ziyād datang segera ke Baṣrah dan beliau menggunakan dasar yang serupa terhadap penduduk di situ sebagaimana yang telah dilakukan oleh al-Mughīrah bin Shu'bah terhadap penduduk di Kūfah. Ziyād memberi amaran bahāwa, "Jika mereka tidak memerangi kaum Khawārij mereka tidak akan menerima elaun tahunan, dan setiap pemimpin suku bertanggungjawab terhadap suku kaumnya. "Kesan daripada tindakan ini kaum Khawārij yang dipimpin oleh Qurayb dan Zaḥḥāf telah dikepung dan dibunuh oleh anggota-anggota suku kaum mereka sendiri.[33]

Selepas pemberontakan Qurayb dan Zaḥḥāf dapat ditumpaskan segala kegiatan kaum Khawārij di Baṣrah telah dihapuskan oleh Ziyād dan Samūrah.[34] Sejak itu tidak ada lagi pemberontakan yang berlaku di Baṣrah sehinggalah kepada tahun 58 H./678 M. iaitu di bawah pemerintahan 'Ubaydullā bin Ziyād. Beliau telah menurut jejak langkah bapanya, Ziyād, malahan boleh jadi lebih kejam lagi terhadap kaum Khawārij.[35] Kedua-duanya dikatakan telah membunuh ramai daripada kaum Khawārij di Kūfah dan di Baṣrah dan mempenjara lebih kurang 4,000 orang daripada mereka.[36]

Dalam tempoh 'Ubaydullāh bin Ziyad (Ibn Ziyād) menjadi gabenor Iraq daripada tahun 55 H./675 M. ramai di antara

---

[33] *BA.*, vol. IVA, ms. 150–53; Ṭab. II/91; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 207–10; Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. II, ms. 232; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 244–45; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 463; Ibn Khaldūn, *'Ibar*, vol. III, ms. 307; Shammākhī, *Siyar*, ms. 62.

[34] Ṭab. II/91; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 210; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 245; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 463.

[35] Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 260.

[36] Ḥab., II/459.

pemimpin Khawārij telah dibunuh atau dijatuhkan hukuman mati; di antara mereka itu ialah 'Uqabah bin al-Ward al-Ji'āwī al-Bāhilī, Thābit bin Wa'lā al-Rāsibī dan Abū al-Wāzi' al-Rāsibī.[37] Begitu juga dinyatakan dalam beberapa sumber seperti al-Mubarrad dan al-Shahrastānī bahawa 'Urwan bin Udayyah, saudara kepada Abū Bilāl, dari suku Tamīm adalah di antara golongan *al-qurrā'* Kūfah yang enggan menerima rancangan Majlis Taḥkīm dan telah melarikan diri daripada peperangan al-Nahrawān, telah dijatuhkan hukuman mati. Menurut sumber-sumber ini, 'Urwah bin Udayyah al-Tamīmī telah datang bersama salah seorang daripada hamba-hamba sahayanya (*mawālī*) kepada Ziyād bin Abī Sufyān, dan Ziyad telah menanyakan kepadanya tentang Khalīfah 'Uthmān, Khalīfah 'Alī dan Khalīfah Mu'āwiyah.[38] Cerita yang serupa disebutkan juga dalam *Ansāb* oleh al-Balādhurī, tetapi perbezaannya di sini ialah bahawa 'Urwah bin Udayyah bukanlah datang kepada Ziyād, cuma ia telah dibawa sebagai banduan kepada anak Ziyād iaitu 'Ubaydullāh. Setelah disiasat, didapati bahawa 'Urwah bin Udayyah adalah salah seorang daripada kaum Khawārij, dan justeru itu beliau dihukum kerat tangan dan kaki. Dalam pada itu Ibn Ziyād cuba memujuknya supaya mematuhi undang-undang kerajaan, tetapi tidak juga berjaya, dan akhirnya 'Urwah bin Udayyah di perintahkan supaya dihukum mati, dan kepalanya dipotong dan dihantar kepada anak perempuannya. Apabila anak perempuannya enggan mematuhi pemerintahan Mu'āwiyah sebagaimana yang dilakukan oleh bapanya, beliau juga dihukum mati.[39] Dari dua kenyataan yang disebutkan tadi nampaknya kenyataan al-Balādhurī adalah lebih benar, kerana menurut al-Ṭabarī, tarikh hukum mati yang dijatuhkan ke atas 'Urwah bin Udayyah ialah pada tahun 58 H./678 M., iaitu pada masa pemerintahan Ibn Ziyād.[40] Walau bagaimanapun, masalah-masalah yang ditimbulkan oleh kaum

---

[37]*BA.*, vol. IVB, ms. 89–95, peristiwa ini berlaku pada masa Mu'āwiyah dan Yazid; bandingkan dengan Dīnawarī, ms. 270 di sini seramai 900 orang Khawārij dinyatakan dibunuh kerana disyaki.

[38]Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 180–181; Shahrastānī, *Milal*, ms. 88–89.

[39]*BA.*, vol. IVB, ms. 87–89; bandingkan dengan Ṭab., II/186; Mubarrad *al-Kāmil*, vol. III, ms. 258–60; Ibn-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 517–18, vol. IV, ms. 95; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Sharḥ*, vol. I, ms. 204, 380 dan 447 (dipetik daripada Mubarrad); Shammākhī, *Siyar*, ms, 66–68.

[40]Ḥab., II/186.

Khawārij telah menyebabkan Ibn Ziyād menghadapi berbagai kesukaran sebagaimana yang dialami oleh bapanya sebelumnya.[41]

Pada tahun yang sama (58 H./678 M.), berlaku pula pemberontakan Ṭawwāf bin Ghallāq (atau 'Allāq) al-'Abdī, dan ini merupakan pemberontakan Khawārij yang terakhir di Baṣrah. Pada ketika yang sama muncul pula seorang lagi pemimpin Khawārij yang bernama Jidār di kawasan yang sama. Mengikut kebanyakan sumber, bahawa penyokong-penyokong Jidār adalah terdiri daripada suku kaum Ḥanifah, dan mereka ini telah sama-sama berperang menentang kerajaan.[42] Walau bagaimanapun kedua-dua pemberontakan tersebut telah ditumpaskan oleh tentera Ibn Ziyād.[43]

Dengan kekalahan Ṭawwāf dan Jidār pusat gerakan Khawārij telah berpindah dari Baṣrah ke al-Ahwāz; di sini satu pemberontakan yang terakhir pada zaman Mu'āwiyah telah berlaku. Pemberontakan ini dipimpin oleh Abū Bilāl Mirdās bin Udayyah dari suku kaum Rabī'ah bin Ḥanẓalah al-Tamīmī yang terjadi pada tahun 60 H./680 M. Abū Bilāl adalah salah seorang daripada penyokong Sayyidina 'Alī dalam peperangan Ṣiffīn, dan kemudiannya enggan menerima cadangan Majlis Taḥkīm dan menjadi salah seorang daripada pemimpin Khawārij dalam perang al-Nahrawān.[44] Apabila Ibn Ziyād dilantik menjadi gabenor di Iraq beliau telah mengarahkan semua kaum Khawārij dipenjara, tetapi dalam pada itu Abū Bilāl dan pengikut-pengikutnya telah berjaya melarikan diri ke al-Ahwāz.[45] Dalam perjalanan, mereka berjaya menahan sebuah karavan atau qāfilah yang dimuati oleh barang-

---

[41] Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. II, ms. 274 di mana Ibn Ziyād ada berkata *"ma adrī mā asna' bi-ha'ula' al-Khawārij, kullamā amartu bi-qatl rajulan minhum aghtālu qātilūhu, fa-lam yu'lam bi-makānihim"*—kata-kata yang serupa disebut juga dalam BA. IVB, ms. 91.

[42] *BA*. vol. IVA, ms. 153, 155–56; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 516; Ibn Khaldūn, *'Ibar*, vol. III, ms. 308; Shammākhī, *Siyar*, ms. 62.

[43] *BA*. vol. IVA, ms. 153–56; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 516–17; Ibn Khaldūn, *'Ibar*, vol. III, ms. 308; Shammākhī, *Siyar*, ms. 62.

[44] *BA*., vol. IVA, ms. 156; *BA*/ms. vol. I, ms. 384 di sini dinyatakan bahawa Abū Bilāl al-Tamīmī adalah di antara kaum Khawārij yang kembali ke Kūfah selepas berlangsungnya Majlis Taḥkīm; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 518; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 249; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Sharḥ*, vol. I, ms. 448; Shammākhī, *Siyar*, ms. 66.

[45] Ṭab. II/187; *BA*. vol. IVA, ms. 159; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 519–20; Dīnawarī, ms. 269; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 252.

barang untuk dibawa kepada Ibn Ziyād di Baṣrah, dan barang-barang itu telah dibahagi-bahagikan sesama mereka. Apabila mendengarkan hal tersebut, Ibn Ziyād pun menghantar panglima perangnya, Aslam bin Zur'ah al-Kilābī, bersama tentera berjumlah 2,000 orang untuk memerangi Abū Bilāl al-Tamīmī. Dalam satu pertempuran di Āsik tentera Aslam telah tertewas dan mereka terpaksa pulang semula ke Baṣrah. Sebaik-baik sahaja tiba di Baṣrah Aslam dan tenteranya telah dicemoh oleh Ibn Ziyād kerana kekalahan tersebut. Setelah itu Ibn Ziyād menghantar pula pasukan tentera lain di bawah pimpinan 'Abbād bin Aḥdar al-Tamīmī. Perlantikan yang terakhir ini merupakan suatu langkah yang bijak yang diambil oleh Ibn Ziyād kerana beliau cuba mengalahkan Abū Bilāl al-Tamīmī dengan suku kaumnya sendiri dari Tamīm, sebagaimana yang dilakukan oleh al-Mughīrah bin Shu'bah terhadap al-Mustawrid bin 'Ullafah al-Tamīmī beberapa tahun yang lalu. Dalam satu serangan yang mengejut, tentera 'Abbād bin Aḥdar dapat menewaskan Abū Bilāl dan membunuh kebanyakan daripada pengikut-pengikutnya.[46]

Ringkasnya, hampir semua pemberontakan Khawārij pada awal-awal pemerintahan Mu'āwiyah berlaku di kawasan Kūfah, Iraq. Matlamat utama mereka ialah untuk mengembalikan semula kehormatan-kehormatan mereka di Iraq. Setelah Ziyād bin Abī Sufyān berkuasa beliau telah berjaya menghapuskan ramai kaum Khawārij. Kecuali segelintir kecil sahaja yang diketuai oleh Sahm bin Ghalib al-Hujaymi, al-Ḥātim Ziyād bin Mālik al-Bāhilī, Qurayb bin Murrah al-Asdī, Zaḥḥāf bin Zahr al-Ṭā'ī dan Ṭawwāf bin Ghallāq al-'Akbdī, yang asal usul mereka tidak jelas, yang masih hidup dan muncul di kawasan Baṣrah. Sebab-sebab kedatangan mereka ke Baṣrah tidak dinyatakan dengan jelas, tetapi besar kemungkinan bahawa kedatangan mereka ke Baṣrah ialah untuk mendapatkan sokongan dan pertolongan dari penduduk di situ.

Walaupun terdapat beberapa kumpulan Khawārij yang muncul di bandar Kūfah dan Baṣrah, pusat gerakan/pemberontakan mereka yang sebenar ialah di kawasan-kawasan desa Iraq. Sebagaimana

---

[46]Ṭab. 11/391; ***BA***. vol. IVA, ms. 159–60; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 253–54; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 95; Baghdādī, *al-Farq*, ms. 71; Ibn 'Abd Rabbih, *al-'Iqb al-Farīd*, Qahirah, 1965, vol. I, ms. 217–18, vol. II, ms. 398–99 dan 400.

yang telah kita saksikan bahawa al-Mustawrid bin 'Ullafah al-Taymī dari suku Tamīn telah menarik diri dari Kūfah ke al-Ḥīrah dan Abū Bilāl Mirdās bin Udayyah al-Ḥanẓalī, juga dari suku Tamīn, walaupun pada awalnya muncul di Baṣrah tetapi setelah itu pergi ke al-Ahwaz. Al-Mustawrid bin 'Ullafah dan begitu juga rakan-rakannya yang lain daripada kaum Khawārij tidak pernah cuba kembali, atau menubuhkan kuasa, di bandar Kūfah dan Baṣrah. Abū Bilāl al-Tamīmī dilaporkan ada berkata, "lā nuqātil illa man yuqātilūnā wa-lā naḥmī illā mā ḥamaynā".[47] Rangkaikata ini membawa erti bahawa Abū Bilāl berniat untuk tinggal buat selama-lamanya (di wilayah al-Ahwāz) dan tidak mahu kembali ke Baṣrah.

Melihatkan asal usul keturunan Khawārij dalam tempoh pemerintahan Mu'āwiyah kita dapati bahawa hampir kesemuanya, terutamanya yang muncul di kawasan Kūfah, terdiri daripada peneroka-peneroka Iraq, dan sebahagian daripada mereka itu seperti al-Mustawrid dan saudaranya, Hilāl bin 'Ullafah al-Taymī dilaporkan telah berperang bersama-sama al-Muthannā bin Ḥārithah al-Shaybānī, khususnya dalam peperangan al-Qādisiyyah. Bagaimanapun, di Baṣrah suatu gerakan baru mulai muncul pada akhir-akhir pemerintahan Mu'āwiyah dan kemudiannya menjadi berpengaruh selepas kematian Khalīfah Yazīd pada tahun 64 H./684 M. Gerakan baru ini telah dipimpin oleh mereka yang tidak mempunyai kepentingan dan minat yang sama dengan kaum Khawārij yang asal, atau yang pernah berperang di al-Nahrawān menentang Sayyidina 'Alī. Pemimpin-pemimpin gerakan baru ini telah muncul dan telah bekerjasama dengan kaum Khawārij bagi tujuan menentang kerajaan Umayyah.[48] Dengan adanya ikatan ini maka sumber-sumber kita mengistilahkan mereka itu sebagai "*al-Khawārij*". Walau bagaimanapun, bilangan tentera Khawārij yang asal sentiasa kecil dan tidak pernah melebihi daripada 500 orang dalam satu-satu kumpulan; bilangan tentera Abū Bilāl bin Udayyah hanya seramai 40 orang.[49]

---

[47]*BA*., vol. IVA, ms. 156; bandingkan dengan Ibn Abī al-Ḥadīd, *Sharḥ*, vol. I, ms. 450.
[48]Sebagai contoh, orang-orang dari suku Hanīfah, yang tidak pernah menyertai peperangan al-Nahrawān, telah melibatkan diri mereka dalam pemberontakan Jidār pada tahun 58 H./678 M. (*BA*. vol. IVA, ms. 155–56).
[49]Ṭab., II/187; *BA*., vol. IVA, ms. 159.

# BAB KEENAM

## Perkembangan Parti Khawārij Zaman Ibn al-Zubayr dan 'Abdul Malik b. Marwān

Dixon di dalam bab akhir, bukunya *The Umayyad Caliphate* menceritakan tentang kegiatan-kegiatan Khawārij pada masa pemerintahan Ibn al-Zubayr dan 'Abdul Malik. Beliau lebih banyak menitikberatkan soal-soal politik dan hubungannya dengan penentangan Khawārij tanpa mengambilkira sifat-sifat dan latar belakang penentangan itu sendiri.[1] Ternyata bahawa beliau tidak memahami motif perjuangan Khawārij yang sebenar. Ini kerana beliau tidak mengkaji sejarah Khawārij dari awalnya. Justeru itu beliau dengan mudahnya terpengaruh dengan pendapat J. Wellhausen yang tidak membezakan antara Khawārij Asal dengan Khawarij Baru (Neo-Khawarij).[2] Begitu juga C.E. Bosworth di dalam bukunya *Sīstān under the Arabs* ada menulis tentang penentangan Arab terhadap Khalīfah 'Abdul Malik bin Marwān di wilayah-wilayah Timur, khususnya di Wilayah Sīstān. Beliau cuba menghubungkan penentangan tersebut dengan penentangan Khawārij di Iraq dengan berlandaskan pendapat Wellhausen. Bagaimanapun, pendapat Bosworth mengenai perkara tersebut tidak berdasarkan penyelidikan dan kenyataan sejarah.[3] W.M. Watt telah membincangkan tentang kaum Khawārij secara menyeluruh dan mengemukakan beberapa pendapat yang bernilai mengenai

[1] A. Dixon, *The Umayyad Caliphate*, Luzac & Co., London, 1971, ms. 169-98.
[2] J. Wellhausen, *The Religio-Political Factions in Early Islam*, ed. R.C. Ostle, North-Holand Publishing Company, 1975, ms. 1-19.
[3] C. E. Bosworth, *Sīstān Under the Arabs*, Rome, 1968, lihat, khususnya ms. 37-56.

kaum tersebut di dalam makalahnya yang bertajuk *Kharijite Thought in the Umayyad Period.* Namun beliau tidak juga bebas daripada pengaruh Wellhausen. Kajian W.M. Watt mengenai Khawārij adalah lebih banyak menekankan soal-soal 'aqīdah dan kepercayaan daripada soal-soal kepentingan sosioekonomi dan politik mereka. Sementara M. Hinds hanya menghadkan kajiannya kepada asal-usul keturunan Khawārij tanpa memperbincangkan perkembangan selanjutnya. Untuk memahami mengenai sejarah Khawārij dan motif perjuangan mereka dengan lebih baik maka perkembangan selanjutnya tentang kaum tersebut harus diambil perhatian, kerana dengan cara ini sahajalah kita dapat membezakan antara Khawārij Asal dengan yang Baru. Matlamat ini tidak akan tercapai jika suasana di Basrah sebelum dan selepas kemunculan Khawārij Baru tidak dibincangkan, kerana terdapat kaitan yang begitu erat antara peristiwa-peristiwa yang berlaku di Basrah pada ketika itu dengan kenaikan pengaruh dan kekuasaan Khawārij Baru. Di samping itu, perhatian yang khusus harus ditumpukan kepada keadaan-keadaan yang berlaku di Semenanjung Arab tempat datangnya kaum pemberontak yang baru itu.

Setelah selesainya penaklukan Negeri Iraq pada masa pemerintahan Khalīfah 'Uthmān, sebilangan besar daripada orang-orang dari suku Arab dari kawasan tengah dan timur Semenanjung Arab, terutamanya dari suku Tamīm, Bakar bin Wā'il, 'Abd al-Qays dan Azd, telah berpindah ke Baṣrah. Nama mereka disenaraikan di dalam *dīwān* dan mereka diberi gaji yang tetap. Keadaan ini telah memberangsangkan ramai anggota-anggota suku Arab untuk berhijrah ke Basrah, khususnya mereka yang tinggal berdekatan.[4] Nama-nama pemimpin Basrah yang menyertai kempen-kempen awal ini telah pun disebutkan, tetapi ternyata hanya segelintir sahaja daripada mereka yang tergolong ke dalam golongan peneroka Iraq (*ahl al-ayyām*), sementara yang lain merupakan pendatang-pendatang baru, dan setengah-setengahnya tiba di Iraq setelah selesainya penaklukan negeri tersebut.[5]

Bagaimanapun, setelah Khalifah 'Uthmān meninggal dunia penaklukan di jajahan-jajahan Basrah telah terhenti; justeru itu

[4]Al-'Alī, *op. cit.*, ms. 28.
[5]Sila lihat, ms. 54–58.

masalah pendatang-pendatang baru telah menjadi semakin serius dan menyebabkan beberapa kekacauan berlaku di rantau tersebut. Bagi mengatasi masalah ini Ziyād bin Abī Sufyān, gabenor Basrah, telah menghantar sebahagian daripada mereka itu (lihat Bab Lima) ke Khurāsān, sementara yang bakinya diletak di bawah kawalan menerusi sistem baru Ziyād. Walau bagaimanapun, masalah pendatang-pendatang baru masih berat bilangan anggota-anggota tentera Arab di Basrah pada masa pemerintahan Ibn Ziyād dianggarkan 120,000 orang, kebanyakannya ialah pendatang-pendatang baru.[6] Pada ketika inilah berlaku berbagai pemberontakan, yang di antaranya ialah pemberontakan Abū Bilāl Mirdās bin Udayyah al-Tamīmī, yang merupakan peneroka Iraq yang tunggal dan salah seorang daripada Khawārij al-Nahrawān yang masyhur. Kesemua percubaan tersebut telah ditumpaskan sehinggalah waktu kematian Khalīfah Yazīd pada tahun 63H/683M. Sejak itu sejarah pemberontakan di Iraq telah memasuki era baru, iaitu semasa pengaruh Khawārij Asal telah mula berkurangan dengan ketibaan kuasa dan pengaruh khawarij Baru. Ketibaan Khawārij Baru sesungguhnya merupakan titik tolak dalam sejarah penentangan Khawārij di Iraq.

Gerakan khawārij Baru ini bermula pada tahun 50H/670M yang dipimpin oleh Qurayb bin Murrah al-Azdī dan Zahhāf al-Ṭā'ī, dan mereka dianggap oleh sumber-sumber sejarah sebagai "*awwal man kharaja ba'd ahl al-Nahr* (orang yang mula-mula memberontak selepas kaum (Khawārij) di al-Nahrawān)".[7] Pemberontakan yang kecil ini boleh jadi ada atau tidak ada kaitannya dengan pemberontakan yang lebih besar dan serius yang akan berlaku tidak lama lagi.

Selepas kematian Khalīfah Yazīd (63H./683M.) suasana dalam empayar, Umayyah, khususnya di Iraq, menjadi kucar-kacir, dan penduduk Wilayah Iraq enggan untuk menerima Ibn Ziyaḍ sebagai gabenor mereka. Penentangan ini berlaku berikutan daripada penghantaran tentera Syria ke al-Hijāz untuk melancarkan kempen menentang 'Abdullāh bin al-Zubayr yang pada ketika itu sedang memberontak menentang kerajaan Umayyah. Ini adalah merupakan

---

[6]Jāhiz, *al-Bayān wa al-Tabyīn*, ed. A.S.M. Hārūn, Qāhirah, 1968. vol. II, ms. 130.
[7]Tab., II/91.

peluang keemasan bukan sahaja bagi penduduk Iraq tetapi juga mereka yang berada di Semenanjung Arab yang telah merebut kesempatan ini bagi menentang kekuasaan tentera Syria. Mereka telah mengatur serangan dari al-Yamāmah, kawasan tengah Semenanjung Arab. Di sana mereka telah mengumpul orang-orang mereka di bawah pimpinan Rajā' al-Numayrī yang disokong oleh beberapa kumpulan lain yang diketuai oleh Najdah bin 'Āmir al-Hanafī, Hassān bin Buhdūj al-Hanafī, Abū Tālūt dan Sālim bin Matar al-Maznī dari suku Tamīm.[8] Mereka mara ke al-Hijāz pada tahun 64H./683M. atau 64H./684M.[9] Mereka telah disertai oleh anggota-anggota suku dari Basrah pula di bawah pimpinan Nāfi' bin al-Azraq al-Hanafī, 'Isā bin 'Ātik al-khattī dan 'Umayr bin Dubay'ah al-Raqashī.[10]

Setelah melakukan serangan ke atas Kota Madīnah tentera Syria kemudiannya mara pula ke Mekah; di Mekah mereka telah ditentang oleh tentera Ibn al-Zubayr dan dipaksa menarik diri dari kawasan tersebut. Tidak lama selepas itu, perundingan antara Khawārij dan Ibn al-Zubayr telah dilangsungkan, yang berakhir dengan kegagalan. Menurut sumber-sumber kita bahawa kegagalan itu adalah disebabkan oleh kerana Ibn al-Zubayr tidak bersetuju dengan pandangan politik Khawārij, iaitu mengecam Khalīfah 'Uthmān dan Khalīfah 'Alī.[11] Kaum Banū Hanīfah lebih sedar tentang kekuatan dan pengaruh mereka dan oleh sebab itu mereka tidak mahu mengadakan sebarang persekutuan dengan mana-mana kekuasaan. "Mereka datang ke al-Hijāz hanya kerana hendak menangkis serangan tentera Syria dan mengeluarkan mereka dari kawasan

---

[8] *BA*. vol. IVB, ms. 47, 49, 54, 58, dan 95–96; Tab. II/425; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 276; Ibn al-Athīr, *al-Kamīl*, vol. IV, ms. 123–124; Shahrastānī, *Milal*, ms. 93; Ibn Kathīr, *Bidayah*, vol. VIII, ms. 225; al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad, Tārīkh al-Islam wa Tabaqat al-*Mashāhīr wa al-A'lām*, Qāhirah, 1367–69, A.H. vol. II, ms. 367.

[9] Pendapat yang mengatakan tarikh kemaraan Najdah ke al-Hijāz pada tahun 62/682 adalah tidak benar (Tab.II/425).

[10] Tab. II/514; *BA*., vol. IVB, ms. 96; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 227; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 165; Ibn Khaldun, *'Ibar*, vol. III, ms. 309–310; Ibn Kathir, *Bidāyah*, vol. VIII, ms. 238.

[11] Tab. II/514–15, dan 516–17; *BA*. vol. IVB, ms. 96 dan 192; Khalifah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 284; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 277; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 165–166; Dhahabi, *Tārīkh*, vol. II, ms. 367.

tersebut dan bukan kerana hendak menyokong Ibn al-Zubayr".[12] Apabila tentera Syria dapat dikalahkan mereka membuat keputusan untuk meninggalkan al-Hijāz.

Terdapat tiga versi dalam sumber-sumber sejarah tentang bagaimana kaum Khawārij ini meninggalkan al-Hijāz. Versi pertama yang dipelopori oleh Abū Mikhnaf, Khalīfah bin Hayyāt dan al-Mubarrad mengatakan bahawa hanya Nāfi' bin al-Azraq al-Hanafī dan pengikutnya yang terdiri daripada 'Abdullāh bin al-Saffār al-Sa'dī, 'Abdullāh bin Ibād al-Sulamī, Hanzalah bin Bayhās, 'Abdullāh bin Māhuz dan al-Zubayr bin Māhūz dari suku Tamīm sahaja yang kembali semula ke Basrah. Sementara Abū Tālūt Sālim bin Matar al-Māzinī al-Tamīmī dan pengikutnya, Abū Fudayk 'Abdullāh bin Thawr al-Tha'labī, 'Atiyyah bin al-Aswad al-Hanafī dan Najdah bin 'Āmir al-Hanafī telah pulang ke al-Yamamah, iaitu tempat asal mereka datang.[13] Versi kedua yang dipelopori oleh Abu 'Ubaydah, menyatakan bahawa kedua-dua kumpulan kaum pemberontak telah kembali ke Basrah.[14] Bagaimanapun, versi yang ketiga yang dipelopori oleh al-Madā'inī dan al-Mubarrad, telah menjelaskan versi-versi pertama dan kedua dengan mengatakan bahawa tidak semua pengikut Abū Tālūt telah mengikut beliau ke al-Yamamah, sebaliknya sebahagian daripada mereka, seperti Hassān bin Buhdūj al-Hanafī dan Najdah bin 'Āmir al-Hanafī telah menyertai rombongan Nafi' bin al-Azraq al-Hanafī ke Basrah.[15] Mereka mungkin menaruh harapan agar mereka mendapat faedah daripada pertelingkahan di kalangan *akhmās* (lima kelompok suku) di Basrah, yang terdiri daripada Ahl al-'Āliyah, Tamīm, Bakr, Azd dan 'Abd al-Qays. Pertelingkahan ini bermula apabila Ibn Ziyād memihak kepada suku Azd dan suku Bakar, dan telah membelanjakan begitu banyak wang untuk mendapatkan sokongan daripada kedua-dua suku tersebut bagi menentang suku Tamīm. Mas'ūd bin 'Amr, salah seorang dari pemimpin suku Azd,

---

[12]*BA*. vol. IVB, ms. 102 dan 52 di sini ada suatu contoh mereka berperang yang disebabkan oleh masalah dan kepentingan mereka sendiri diberikan, *BA*, vol. V, ms. 217.

[13]Tab. II/517; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 284; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 282-283.

[14]*BA*., vol. IVB, ms. 101-102.

[15]*BA*. vol. XI, ms. 79, Najbah bin 'Amīr dan bukan Najdah bin 'Āmir yang disebut di sini; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 283.

telah dilantik menjadi ketua di Basrah dan wang berjumlah 100,000 dirham telah dikurniakan kepadanya oleh Ibn Ziyād.[16] Pada ketika ini, Nāfi' bin al-Azraq al-Hanafī dan pengikutnya tiba di Basrah, dan mereka telah ditangkap dan dipenjara oleh Ibn Ziyād. Pertelingkahan antara suku-suku kaum di Basrah berterusan, walaupun usaha-usaha besar ke arah perdamaian telah dilakukan oleh Ibn Ziyād.[17] Apabila usaha-usaha ini gagal, Ibn Ziyad akhirnya telah dihalau keluar dan Mas'ūd bin 'Amr dibunuh. Pada masa yang sama, Nāfi' bin al-Azraq dan pengikutnya telah dilepaskan daripada penjara; bilangan mereka pada ketika itu hanya lebih kurang antara 300-400 orang.[18] Menurut al-Bāladhurī dan al-Mubarrad, mereka telah dilepaskan oleh Ibn al-Zubayr, kerana dituntut oleh pengikut-pengikut mereka di Basrah.[19] Manakala sumber-sumber lain seperti Abū Mikhnaf pula mengatakan bahawa Ibn Ziyād tidak melepaskan mereka tetapi anggota-anggota suku yang menyokong mereka sendiri yang pergi menyerang penjara untuk melepaskan mereka.[20]

Kenyataan-kenyataan mengenai peristiwa pembunuhan Mas'ūd bin 'Amr adalah tidak jelas, sama ada ia dilakukan oleh suku kaum Tamīm atau kaum Khawārij, atau kedua-duanya sekali. Penganalisaan secara terperinci riwayat-riwayat yang berkaitan dengan kes ini mungkin akan dapat menjelaskan lagi kedudukan yang sebenarnya, dan seterusnya memberi pengenalan kepada kaum Khawārij baru yang sedang diperbincangkan. Menurut Abū 'Uyainah, Khawārijlah yang telah memainkan peranan utama dalam kekacauan di Basrah yang membawa kepada pembunuhan Mas'ūd bin Amir.[21] Sementara Wahb bin Jarīr pula telah mensifatkan Nāfi' bin al-Azraq al-Hanafī dan pengikut-pengikutnya sebagai orang yang paling berperanan dalam peristiwa-peristiwa tersebut. Setelah diberangsang oleh al-Ahnaf bin Qays al-Tamīmī mereka terus melakukan pembunuhan terhadap Mas'ūd bin 'Amr.[22] Bagaimanapun, Abū 'Ubaydah, dengan kerasnya menafikan tentang

---

[16]Abū 'Ubaydah, *Naqā'id*, vol. II, ms. 724, 726 dan 729.
[17]*BA*. vol. IVB, ms. 102–103; Abu 'Ubaydah, *Naqā'id*, vol. II, ms. 724.
[18]Tab. II/517 (300 orang); *BA*. vol. XI, ms. 79 (400 orang).
[19]*BA*. vol. IVB, ms. 116–17, vol. XI, ms. 79; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 283.
[20]Tab., II/517–18.
[21]*BA*. vol. IVB, ms. 122; bandingkan dengan Dhahabī, *Tārīkh*, vol. II, ms. 363.
[22]*BA*., vol. IVB, ms. 120.

peranan Khawārij dalam kes pembunuhan Mas'ūd bin 'Amr dengan katanya, "Bahawa al-Ahnaf bin Qays al-Tamīmī sahaja yang menuduh mereka melakukan pembunuhan tersebut";[23] Tuduhan ini yang disampaikan oleh suku Azd, telah diisytiharkan oleh Abū 'Ubaydah sebagai "tidak benar".[24] Sementara al-Madā'ini, Abū Mikhnaf, 'Umar bin Shabbah, 'Awanah dan al-Mubarrad telah mencapai kata sepakat dan bersetuju dengan Abū 'Ubaydah tentang peranan yang dimainkan oleh al-Ahnaf bin Qays dan anggota-anggota keluarganya dari suku Tamim.[25] Tetapi al-Mubarrad menyatakan lebih terperinci mengenai perkara tersebut serta memberi pertunjuk untuk mengetahui sifat-sifatnya yang sebenar, dengan menyatakan bahawa, berikutan daripada perbalahan di kalangan suku-suku di Basrah, sebahagian besar daripada kaum Khawārij telah meninggalkan bandar itu, kecuali orang-orang dari suku Tamīm yang menyokong kaum keluarga mereka sahaja yang kekal di situ.[26] Abs bin Talq al-Tamīmī yang dianggap oleh Abū 'Ubaydah sebagai salah seorang daripada penyerang-penyerang Mas'ūd bin 'Amr, adalah pemimpin suku Tamīm yang begitu aktif pada masa berlakunya kekacauan tersebut.[27] Sumber-sumber lain pula menyatakan bahawa golongan *asāwirah* (hamba-hamba sahaya dari keturunan Parsi), yang telah bersekutu dengan suku Sa'd (Tamīm) juga terlibat dalam peristiwa pembunuhan Mas'ūd bin 'Amr. Salah seorang daripada mereka bernama Muslim telah dianggap sebagai pembunuh Mas'ud bin 'Amr.[28]

Dari berbagai pendapat yang telah dibentangkan tadi dapatlah disimpulkan bahawa kaum Khawārij dan sekutu-kutunya telah

---

[23]BA. vol. IVB, ms. III—keterangan lanjut mengenai pendapat Abū 'Ubaydah tentang pembunuhan Mas'ud bin. 'Amr, sila lihat *Naqā'id* vol. II, ms. 721-743.

[24]Tab. II/405, dan 461; *BA*. vol. IVB, ms. 98; Abū 'Ubaydah, *Naqā'id* vol. II, ms. 743.

[25]BA. vol. IVB, ms. 106 (al-Madā'ini); Tab. II/518 (Abū Mikhnaf), 465 (Ibn Shabbah), 461 ('Awanah); Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 283-84.

[26]Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 283-84.

[27]Tab. II/453

[28]*BA*., vol. IVB, ms. 98; Tab., II/461; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 142—bilangan kaum *asāwirah* dikatakan sebanyak 2,500 orang; mereka telah membentuk suatu kumpulan/masyarakat berasingan di kawasan Nahr al-Asāwirah di Basrah. Hanya sebilangan kecil sahaja daripada mereka yang menerima gaji, *'atā'*, antara 2,000-2,500 dirham (Tab. I/2523), dan boleh jadi 400 orang daripada mereka itu telah menerima gaji yang paling rendah. Justeru itu mereka menentang Ibn Ziyad dan penyokongnya, Mas'ūd b. 'Amr (Tab. II/452, 454; Abū 'Ubaydah, *Naqā'id*, vol. II, ms. 731).

terlibat secara langsung dan bertanggungjawab ke atas pembunuhan Mas'ūd bin 'Amr al-Azdī; pada masa yang sama kita dapati bahawa bukan sahaja anggota-anggota suku kaum Hanīfah, tetapi juga suku-suku yang lain, terutamanya suku Tamīm, telah berada dalam barisan Khawārij.

Kematian Mas'ūd bin 'Amr dengan segera dibela oleh suku kaum Azd, yang telah menunjukkan kemarahan mereka terhadap Khawārij. Kaum Khawarij telah diserang dan dihalau ke al-Ahwāz, lebih kurang 12 batu ke timur bandar Basrah, oleh suku kaum Azd. Bilangan kaum khawārij pada ketika itu tidak lebih daripada 350 orang, di antaranya ialah Nāfi' bin al-Azraq al-Hanafī dan Najdah bin 'Āmir al-Hanafī.[29] Kemudiannya mereka telah disertai oleh beberapa orang daripada penduduk Basrah dari berbagai suku dan keturunan yang telah dipotong gaji mereka oleh Ibn Ziyād dengan sebab mereka disyaki terlibat dalam pemberontakan Khawārij.[30] Menurut Ibn Sa'd, pada ketika yang sama, sekumpulan golongan *al-qurrā'* telah memberontak menentang Ibn Ziyād di Basrah.[31] Golongan *al-qurrā'* kemudiannya pergi menyertai tentera Khawārij.

Dari sini kita dapat membezakan antara dua golongan Khawārij: golongan yang pertama adalah terdiri daripada golongan minoriti dari golongan *al-qurrā'* yang pernah berperang menentang Khalīfah 'Alī di al-Nahrawān, dan golongan yang kedua ialah golongan majoriti yang tidak menyertai peperangan al-Nahrawān. Golongan pertama saya gelarkan "Khawārij Asal" manakala golongan yang kedua saya gelarkan "Khawārij Baru".[32] Oleh kerana bilangan Khawārij Asal terlalu kecil berbanding dengan Khawārij Baru maka perbincangan kita akan difokuskan kepada golongan yang terakhir. Kedua golongan Khawārij tersebut dikenali dalam sumber-sumber sejarah Arab sebagai "al-Azāriqah" dan "al-Najdiyyah".

---

[29] *BA*. vol. IVB, ms. 115, vol. XL, ms. 79; Tab. II/517.
[30] Al-'Alī, *op.cit.*, ms. 33, dan 37.
[31] Ibn Sa'd, *Tabaqāt*, vol. IV, i, ms. 35.
[32] M.A. Shaban mensifatkan mereka sebagai "*qurrā'-khawārij*" dan "*Neo-khawārij*" (*Islamic History*, ms. 249).

**i. Khawārij Baru Azariqah dan penentangan mereka terhadap Ibn al-Zubayr**

Pusat gerakan Khawārij Baru (Azāriqah) ialah bermula di al-Ahwāz, iaitu salah sebuah jajahan takluk Basrah. Mengikut sejarahnya, Hurqūs bin Zuhayr al-Sa'di al-Tamīmī, salah seorang daripada pemimpin *al-qurra'*, dilaporkan telah dihantar ke al-Ahwāz untuk membuka kawasan tersebut oleh 'Utbah bin Ghawawān pada masa pemerintahan Khalīfah 'Umar bin al-Khattāb pada tahun 17H./638M.[33] Apabila tiba masa Ibn Ziyad, gabenor Mu'awiyah/Yazīd di Iraq, hal ehwal al-Ahwāz telah diletakkan di bawah kawalan golongan *dahāqīn* (pemimpin-pemimpin tempatan); dan mereka inilah yang berkuasa penuh terhadap pemungutan cukai dan hasil-hasil pendapatan wilayah tersebut, dan sebahagian daripadanya dihantar ke Basrah.[34] Kematian Khalifah Yazid I pada tahun 63H./683M. serta pengusiran Ibn Ziyād ke Syria menandakan berakhirnya pengawalan kerajaan Umayyah ke atas Negeri Iraq dan Wilayah-Wilayah Timur, dan menambahkan lagi pengaruh dan kekuasaan kaum Azāriqah di al-Ahwāz. Kehadiran golongan Azāriqah di al-Ahwāz telah membolehkan ramai daripada rakan-rakan suku kaum mereka merentas Teluk Parsi dari Semenanjung Arab ke kawasan-kawasan timur, termasuk al-Ahwāz. Di al-Ahwāz mereka telah menunjukkan sikap lemah-lembut terhadap penduduk setempat, sama ada Arab atau bukan Arab. Golongan bukan Arab telah memberi sokongan kerana membalas budi mereka yang baik itu. Golongan Azāriqah telah memungut hasil pendapatan dan cukai dan diagihkan kepada penyokong-penyokong mereka.[35] Dalam jangka masa yang singkat al-Ahwāz telah dapat dikuasai oleh mereka dengan sepenuhnya.

Pemimpin Azāriqah yang pertama ialah Nāfi' bin al-Azraq al-Hanafī. Riwayat hidup Nāfi' bin al-Azraq tidak banyak diketahui, malahan disebut dalam bentuk yang agak samar-samar, dan sebab-sebab beliau memperolehi kepimpinan juga tidak dinyatakan dengan jelas dalam sumber-sumber sejarah. Bagaimanapun, Nāfi bin al-

---

[33]Tab. I/2541; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. II, ms. 544; Yāqūt, *Mu'jam*, vol. V, ms. 381.
[34]Tab. II/457-58; *BA*. vol. IVB, ms. 109.
[35]*BA*. vol. XI, ms. 80, dan 95.

Azraq adalah merupakan salah seorang daripada kaum pemberontak di Basrah yang menentang pemerintahan Ibn Ziyād. Ibn Ziyād telah menggunakan cara kekerasan terhadap kaum pemberontak tersebut. Akibatnya daripada itu ramai di antara anggota-anggota suku Arab yang melibatkan diri dalam penentangan ini telah ditangkap di Basrah. Walaupun beliau dikatakan salah seorang daripada pemimpin Khawārij, pada hakikatnya beliau sendiri enggan memberi pertolongan kepada gerakan Khawārij Asal. Menurut al-Balādhurī, "Tindak-tanduk dan motif gerakan Nāfi' bin al-Azraq al-Hanafī tidak ada persamaan dengan tindak-tanduk dan motif gerakan Khawārij yang berperang di al-Nahrawān".[36] Apabila 'Urwah bin Udayyah al-Tamīmī, salah seorang daripada pemimpin Khawārij al-Nahrawān atau Khawārij Asal, dibunuh oleh Ibn Ziyād, Nāfi' bin al-Azraq telah dipinta oleh salah seorang Khawārij Asal bernama Abū al-Wazu' al-Rāsibī untuk membela kematian 'Urwan tetapi Nāfi' enggan untuk berbuat demikian. Justeru itu Abū al-Wāzi' al-Rāsibī telah mencederakan Nāfi' dengan pedangnya.[37] Nāfi' bin al-Azraq dapat menjadi seorang panglima tentera yang aktif dalam pemberontakan Jidār pada tahun 58H/678M.[38] Tambahan pun beliau adalah di antara pemimpin-pemimpin suku Hanīfah yang masyhur di Basrah; suku Hanīfah adalah di antara suku-suku Arab yang paling besar dan paling berpengaruh di Semenanjung Arab; dan suku al-Dual bin Hanifah, iaitu suku kaum Nāfi' sendiri, adalah satu-satunya suku Arab yang terkaya di kalangan suku-suku Arab di Semenanjung Arab.[39]

Ada pendapat yang mengatakan bahawa dalam tempoh mereka berada di al-Ahwāz, perselisihan pendapat mengenai tafsiran undang-undang Islam berlaku antara Nāfi' bin al-Azraq dengan pengikut-pengikutnya yang mengakibatkan berpecahnya Najdah bin 'Āmir al-Hanafī dan penyokong-penyokongnya.[40] Perbezaan pendapat dari segi 'aqidāh yang wujud di kalangan kaum Khawārij, bukanlah merupakan punca utama kepada perpecahan di antara mereka. Lagi pun ahli-ahli sejarah seperti al-Tabarī, al-Ya'qūbī dan

[36] *BA*. vol. XI, ms. 78.
[37] *BA*. vol. IVB, ms. 93–94.
[38] *BA*. vol. IVA, ms. 156.
[39] Ibn Hazm, *Ansāb*, ms. 309.
[40] *BA*. vol. XI, ms. 79–81.

al-Mubarrad langsung tidak menyebut tentang kehadiran Najdah bin 'Āmir di al-Ahwāz, lebih-lebih lagi mengenai perpecahan antaranya dengan Nāfi' bin al-Azraq.[41] Ini menunjukkan bahawa Najdah bin 'Āmir, dari suku Hanīfah, juga tidak terlibat dalam pertikaian antara Nāfi' bin al-Azraq dengan penyokong-penyokongnya.

Perkara penting yang lain yang perlu dinyatakan di sini ialah bahawa bukan sahaja orang-orang dari suku kaum Hanīfah yang menjadi ahli dalam angkatan tentera Azāriqah tetapi juga orang-orang dari suku yang lain, termasuk golongan Khawārij Asal.[42] Bilangan tentera Azariqah dalam tempoh pemerintahan Nāfi' bin al-Azraq berjumlah lebih dari 20,000 orang.[43]

Kemunculan gerakan Azariqah yang tidak terkawal ini sentiasa menjadi ancaman bahaya terhadap Basrah. Bagi melindungi bahaya ini penduduk-penduduk Basrah telah berhimpun dan bersatu, dan perjanjian damai antara suku-suku Tamīm dan Azd segera dilakukan, dan akhirnya mereka memutuskan untuk memihak kepada Ibn al-Zubyr bagi menentang kaum Azāriqah.[44] Pihak Ibn al-Zubayr pula, setelah menerima sokongan yang amat diperlukan itu, di samping untuk memberi semangat dan galakan kepada para penyokongnya, telah memerintahkan supaya gaji (*'atā'*), penduduk Basrah diberi dua kali setahun: sekali di musim panas dan sekali lagi di musim sejuk.[45] Setelah itu, pasukan tentera Basrah yang terdiri

---

[41]Tab. II/517–19; Ya'qūbī, *Tārīkh,* vol. II, ms. 485; Mubarrad, *al Kāmil*, vol. III, ms. 283–85.

[42]Penyatuan antara suku kaum Hanīfah dengan suku-suku lain dalam tentera Azāriqah bukanlah merupakan kepercayaan atau idealogi, tetapi merupakan dua kumpulan yang mempunyai kepentingan yang berbeza. "Pemberontakan suku kaum Hanīfah tidak ada kaitannya dengan pertelingkahan sosioekonomi di Iraq yang mengakibatkan pemberontakan *al-qurrā' Khawārij* (Khawārij Asal) terhadap Khalīfah 'Alī". Pemberontakan kaum al-Azariqah pada hakikatnya merupakan pemberontakan besar di Semenanjung Arab yang melibatkan suku-suku yang besar dan berpengaruh, tujuan untuk mempertahankan kawasan tersebut daripada pengaruh luar. Dengan adanya persatuan ini kaum Azāriqah menerima sokongan tetap dari Semenanjung Arab (M.A. Shaban, op. cit., ms. 96–97).

[43]Ibn A'tham, vol. I, fol. 248B; Baghdādī, *al-Farq*. ms. 64.

[44]*BA.*, vol. IVB, ms. 99 dan 115, vol. XI, ms. 79–80; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 248; Tab. II/462 dan 518; Ibn A'tham, vol. I, fol. 247A; Ibn al-Athīr, *al-Kamīl*, vol. IV, ms. 142–43; Isfahānī, *Aghānī*, vol. VI, ms. 3; Shahrastānī,*Milal*, ms. 89; Abū 'Ubaydah, *Naqa'id*, vol. II, ms. 742.

[45]*BA.* vol. V, ms. 271, 280; al-'Ali, *op. cit.*, ms. 137.

daripada berbagai keturunan dan peringkat, golongan kaya, golongan miskin dan juga golongan yang beragama telah direkrut untuk memerangi kaum Azāriqah. Gabenor Basrah pada ketika itu ialah 'Abdulāh bin al-Hārith bin Nawfal (Babbah) dari suku Quraysh, dan beliau telah menghantar sepasukan tentera dari Basrah, ke al-Ahwāz di bawah pimpinan Muslim bin 'Ubays dari suku 'Abd Sham. Pasukan Azariqah dan tentera Baṣrah, telah bertempur di kawasan Dūlāb, di mana pemimpin tentera Baṣrah telah terbunuh. Begitu juga pemimpin tentera Azariqah, Nāfi' bin al-Azraq al-Ḥanafi telah terbunuh dalam pertempuran tersebut, setelah memimpin selama tujuh bulan (Shawwāl 64 H./684 M.—Jumādī-Akhir 65 H./685 M.)[46] Perlu diambil perhatian bahawa di samping tentera Azariqah yang dipimpin oleh Nāfi' bin al-Azraq terdapat segolongan daripada Khawārij Asal, di bawah pimpinan 'Awf bin Ahmar al-Dhabbī, yang dilaporkan telah sama-sama berperang dengan Nāfi' dan terbunuh. 'Awf bin Ahmar menurut al-Balādhurī, adalah salah seorang daripada kaum Khawārij yang telah berperang di al-Nahrawān dan Mukhaylan.[47] Di samping Khawārij Asal, ramai lagi anggota-anggota suku Arab, khususnya dari al-Yamāmah, datang membantu tentera Azāriqah di al-Ahwāz.[48] Tujuan mereka membantu tentera Azāriqah ialah untuk menjatuhkan kekuasaan Ibn al-Zubayr dari Iraq. Bagaimanapun, pimpinan Nāfi' bin al-Azraq adalah terlalu singkat, dan sebab utama kekalahannya ialah oleh kerana ketiadaan sokongan daripada penduduk-penduduk tempatan. Walaupun pada awalnya beliau menunjukkan sikap lemah-lembut dan tolak ansur terhadap penyokong-penyokong setempat, tetapi di akhir-akhir pemerintahannya beliau berubah kepada sikap kekerasan dan perseteruan terhadap mereka yang

---

[46] *BA*. vol. IVB, ms. 115, vol. XI, ms. 85–87—keterangan lanjut mengenai kempen di Dūlāb, sila lihat BA. vol. XI, ms. 93, 95; Tab. II/520, 581; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 251; Ibn A'tham, vol. I, fol. 247B; Mubarrad, al-Kāmil, vol. III, ms. 294; al-Sadūsī, Mu'arrij b. 'Umar, *Kitāb Hadhfmin Nasab Quraysh*, Qāhirah, 1960, ms. 39; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 168; Isfahani, *Aghānī*, vol. VI, ms. 3; Dhahabī, *Tārīkh*, vol. II, ms. 360; Ibn Kathīr, *Bidāyah*, vol. III, ms. 261; Ibn Abi al-Hadīd, *Sharh*, vol. I, ms. 383; Dīnawari, ms. 270 dan 273—di sini Nāfi' bin al-Azraq al-Hanafī dikatakan terbunuh dalam peperangan Silla; Yāqūt, *Mu'jam*, vol. II, ms. 485.

[47] *BA*. vol. XI, ms. 91–92.

[48] *Ibid.*, ms. 86, 87 dan 93; Isfahani, *Aghānī*, vol. VI, ms. 5; Dhahabi, *Tārīkh*, vol. II, ms. 360.

menyebabkan yang terakhir tidak membantunya.[49] Begitu juga anggota-anggota suku Arab Basrah, walaupun Nāfi' bin al-Azraq pernah menghubungi mereka, tetapi mereka tidak menyokongnya.[50] Ini ialah oleh kerana penduduk Basrah secara keseluruhan menganggap bahawa kemunculan gerakan Azāriqah merupakan ancaman besar terhadap keamanan dan keselamatan mereka, sebagaimana yang dinyatakan di atas.

Dengan kematian Nāfi' bin al-Azraq, kepimpinan tentera Azāriqah telah bertukar ke tangan suku kaum Tamīm. Di antara pemimpin suku Tamīm yang terkemuka di kalangan kaum Azāriqah ialah 'Ubaydullāh dan al-Zubayr, dari keluarga al-Māhūz. Kedua-dua pemimpin tersebut telah melaksanakan dasar Nāfi' bin al-Azraq dengan angkatan tentera yang sama, dan telah berjaya menewaskan beberapa pasukan tentera Ibn al-Zubayr yang dihantar dari Basrah. Oleh kerana tidak ada bukti-bukti yang menunjukkan berlakunya kekacauan dalam tempoh mereka memimpin, maka adalah besar kemungkinan bahawa semua cukai dan hasil pendapatan yang dikumpul daripada kawasan-kawasan yang ditakluk pada masa 'Ubaydullāh dan al-Zubayr dibahagi-bahagikan kepada pengikut-pengikut mereka.

Berhubung dengan kepemimpinan kaum Tamīm dalam barisan Azāriqah terdapat dua pendapat yang berbeza iaitu antara Abū Mikhnaf dan al-Mada'ini, tetapi memandangkan kedudukan al-Mada'ini lebih berkewibawaan daripada Abū Mikhnaf mengenai hal ehwal Baṣrah dan wilayah-wilayah timur maka wajar sekali bagi kita untuk berpegang dengan pendapat beliau. Menurut al-Madā'ini, 'Ubaydullāh bin Bishr bin al-Māḥūz al-Saliti al-Tamīmī adalah orang yang pertama dari suku kaum Tamīm, selepas Nāfi' bin al-Azraq, yang memimpin tentera Azāriqah.[51] Di bawah pimpinan beliau tentera Azāriqah berjaya menangkis serangan-serangan dari Baṣrah dan membunuh pemimpin-pemimpin tentera kerajaan seperti Rābī' bin 'Amr al-Ajzam al-Ghuddānī al-Tamīmī dan al-

---

[49] *BA*. vol. XI, ms. 95.

[50] *Ibid.*, ms. 82-83; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 291-93; Ibn Abī al-Hadīd, Sharh, vol. I, ms. 382-83.

[51] *BA*. vol. XI, ms. 87-89—menurut Abū Mikhnaf, pemimpin yang pertama dari suku Tamīm, selepas Nāfi, yang memimpin Azāriqah ialah 'Abdullāh bin al-Māhūz dan setelah itu diganti oleh saudaranya, 'Ubaydulāh bin al-Maḥūz (Ṭab. II/582-83).

Ḥajjāj bin Bab bin 'Amr al-Himyarī. Setelah tiga bulan berkuasa, 'Ubaydullāh bin al-Māḥūz menghadapi serangan yang lebih besar daripada yang lepas-lepas, di bawah pimpinan 'Uthmān bin 'Ubaydillāh bin Ma'mar dari suku Quraysh bersama-sama tentera berjumlah 12,000 orang ( atau 10,000 orang) yang dikirim oleh gabenor Baṣrah, 'Umar bin 'Ubaydullāh bin Ma'mar al-Qurayshī.[52] Sementara itu, tentera Baṣrah yang pimpinan oleh Hārith bin Badr al-Tamīmī masih berperang menentang Azāriqah, dan kemudiannya tentera ini bersatu dengan tentera 'Uthmān bin 'Ubaydullāh. Apabila kedua-duanya menyeberangi Sungai Dujayl perselisihan antara Hārith dengan 'Uthmān berlaku, dan justeru itu mereka berperang secara berasingan menentang tentera Azāriqah. Dalam pertempuran di Dūlāb, 'Uthmān telah terbunuh. Sementara Ḥārith dengan tentera yang sedikit telah meneruskan peperangan, tetapi apabila mereka sedang menyeberangi Sungai Tiri mereka telah diserang oleh tentera Azāriqah yang menyebabkan mereka terpaksa pergi ke sungai Dujayl. Di sini Ḥārith dan askar-askarnya dikepung dan akhirnya terbunuh dalam sungai tersebut. Setelah mencapai kejayaan ini 'Ubaydullāh bin al-Māḥūz, panglima perang Azāriqah, berkhemah di pinggir Sungai Tiri dan Sungai Furat sementara itu beliau mengutip cukai-cukai di kawasan tersebut dan merancang untuk menyerang Baṣrah.[53]

Keadaan di Baṣrah telah diselamatkan oleh al-Muhallab bin Abī Ṣufrah al-Azdī, yang dipanggil khusus dari Khurasan oleh Ibn al-Zubayr. Pada masa al-Muhallab sampai di Baṣrah tentera Azāriqah telah menguasai sebahagian besar daripada jajahan timur Baṣrah dan kawasan Sungai Dajlah. Bilangan tentera mereka pada ketika itu tidak kurang dari 10,000 orang dan mereka sedang menuju ke arah Baṣrah.[54] Menyedari tentang bahaya ini, penduduk Baṣrah dari

---

[52]Ṭab. II/582.

[53]*BA*. vol. XI, ms. 96–102; Tab. II/582–83; Ya'qubi, *Tārikh*, vol. II, ms. 485; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 306–310; Isfahānī, *Aghānī*, vol. VI, ms. 5; Dīnawari, ms. 270; Ibn; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 195; Ibn Abi al-Hadid, *Sharh*, vol. I, ms. 384.

[54]Ṭab. II/583; *BA*. vol. XI, ms. 102; Khalīfah, *Tārīkh* vol. I, ms. 252; Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. II, ms. 264; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 310; Ibn A'tham, vol. I, fol. 284A; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 195–96; Dinawari, ms. 271–72; Ibn Khaldun, *'Ibar*, vol. III, ms. 312; Ibn Kathīr, *Bidāyah*, vol. VII, ms. 261; Baghdādī, *al-Farq*, ms. 95; Shahrastānī, *Milal*, ms. 89 Ibn Abī al-Hadīd, Sharh, vol. I, ms. 383–84.

berbagai suku kaum, terutamanya golongan yang berada yang telah menanggung kerugian harta benda dan perdagangan di seluruh pelusuk iklim itu, telah membantu al-Muhallab dengan penuh semangat. Lebih kurang seramai 12,000 orang daripada mereka itu telah disenaraikan untuk menyertai kempen ini.[55]

Dengan segala persiapan dan kelengkapan yang disediakan tentera Baṣrah mara ke arah Sungai Furāt dan menawan kawasan yang berhampiran dengan sungai tersebut. Setelah berada empat puluh hari di sana, mereka mara pula ke kawasan Sungai Tiri, dan di sini mereka telah bertempur dengan tentera Azāriqah, tetapi pihak tentera dari Baṣrah telah mencapai kemenangan dan berjaya memaksa tentera Azāriqah berundur semula ke al-Ahwāz. Al-Muhallab terus memburu mereka, sementara saudaranya, al-Mu'ārik, tinggal di kawasan Sungai Tiri, dan di sini beliau terus menghantar anaknya, al-Mughīrah, tetapi ini tidak memberi kesan yang besar; al-Mu'ārik telah terbunuh sementara al-Mughīrah telah melarikan diri ke al-Ahwāz. Tidak lama kemudian, ahli keluarga al-Muhallab telah sekali lagi ditewaskan oleh tentera Azāriqah dalam peperangan di Sūfāf.[56] Dengan ketewasan ini al-Muhallab menarik diri ke al-'āqūl untuk berehat selama tiga hari. Setelah itu beliau mara pula ke Sillā dan Sillabrā, dan di sini tentera Azāriqah berkhemah. Dalam gerakan ini al-Muhallab menggesa tenteranya supaya bekerja keras menentang musuh. Al-Muhallab dan askar-askarnya pada ketika ini adalah dalam keadaan yang lebih bersedia; mereka telah berkubu dalam sebuah parit, dan mereka menggunakan juga pengintip-pengintip dan pengawal. Pada suatu malam tentera Azāriqah telah melakukan serangan ke atas khemah al-Muhallab, tetapi askar-askar al-Muhallab yang sentiasa berwaspada, berjaya mempertahankan kubu mereka dan menangkis

---

[55]*BA*. vol. V, ms. 252–53, vol. XI, ms. 103; Ṭab. II/582–84; Ya'qūbī, Tārīkh vol. II, ms. 264; Mubarrad, *al-Kāmil, vol. III, ms. 310–312; Ibn al-Athīr, al-Kāmil*, vol. IV, ms. 196; Maqdisī, *al-Bad'*, vol. VI, ms. 20; Dinawari, ms. 272; Ibn Kathir, *Bidāyah*, vol. VIII, ms. 261; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Sharḥ*, vol. I, ms. 384–85; al-'Alī, *op. cit.*, ms. 107.

[56]*BA*. vol. XI, ms. 103–105; Ibn A'tham, vol. I, fol. 248B; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 313–17; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 196–98; Yāqūt, *Mu'jam*, vol. III, ms. 285—Sengketa antara Azāriqah dan al-Muhallab pada ketika itu (65 H./685 M) ada juga disebut dalam *Tārīkh*, al-Tabarī, tetapi tidak dinyatakan tentang peperangan Sulaf sehingga pada tahun 68 H./688 M. (Ṭab. II/584–91, 765).

serangan tersebut sehingga tentera Azāriqah terpaksa berundur. Pada hari berikutnya, suatu serangan lain dilancarkan oleh Azāriqah, di bawah pimpinan 'Ubaydullāh bin Hilāl al-Yashkurī dan al-Zubayr bin al-Māhūz al-Tamīmī, bersama dengan tentera yang lengkap, berjumlah lebih kurang 7,000 orang, dan dengan jumlah tentera yang besar itu mereka dapat mengalahkan tentera Baṣrah. Dengan kekalahan mereka ramai di antara tentera Baṣrah melarikan diri, yang menyebabkan al-Muhallab terpaksa bersendirian bersama-sama suku kaumnya dari Azd yang berjumlah hanya 3,000 orang untuk menentang tentera Azāriqah. Dengan tekad dan keazaman, tentera al-Muhallab berjaya menewaskan kaum Azāriqah dalam peperangan Silla dan Sillabra pada tahun 65 H./685 M. (atau 66 H./686 M.). Dengan kejayaan ini wilayah al-Ahwāz telah jatuh semula ke bawah kekuasaan al-Muhallab. Ramai di antara tentera Azāriqah telah terbunuh dalam peperangan tersebut, termasuklah pemimpin mereka, 'Ubaydullah bin al-Māḥūz al-Tamīmī, yang telah memimpin selama enam bulan dan digelar *Amīr al-Mu'minīn*.[57] Sementara yang lain telah melarikan diri ke Iṣfahān dan Kirmān setelah menerima bantuan tentera dari al-Baḥrain.[58] Bantuan tentera yang baru diterima oleh Azāriqah ini kebanyakannya terdiri daripada suku kaum 'Abd al-Qays, kerana mereka merupakan penduduk yang terbanyak di al-Baḥrain. Pucuk pimpinan Azāriqah pada masa itu disandang oleh al-Zubayr bin al-Māḥūz al-Tamīmī,[59] yang kemudiannya muncul bukan sahaja di kawasan Baṣrah tetapi juga di kawasan Kufah.

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, tentera Azāriqah telah dihalau dari al-Ahwāz ke daerah timur oleh tentera al-Muhallab pada tahun 66 H./686 M. Dua tahun kemudian iaitu pada tahun 68

---

[57]Ṭab. II/585–88; *BA*. vol. XI, ms. 105, dan 109; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 320–25; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 198–200; Yāqūt, *Mu'jam*, vol. III, ms. 232; Ibn Rusteh, *al-A'lāq al-Nafīsah*, ms. 217—perkataan '*Amīr al-Mu'minīn*" boleh ertikan sebagai khalīfah, panglima perang, penasihat .. dan sebagainya (M.A. Shaban, *op. cit.*, ms. 56–57).

[58]Ṭab. II/588; Ibn A'tham, vol. I, fol. 249A ff; Ibn Abī al-Hadīd, *Sharh;* vol. I, ms. 387; Yāqūt, vol. III, ms. 232; Ibn Rusteh, *al-A'lāq al-Nafīsah*, ms. 217; *Bosw*orth, *op. cit.*, ms. 46 bilangan tentera Azariqah 30,000.

[59]*BA*. vol. XI, ms. 110; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 252; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 330; Ibn al-Athir, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 200; Ibn Khaldūn *'Ibar*, vol. III, ms. 313; Ibn Kathir, *Bidāyah*, vol. VIII, ms. 293; Yāqūt, *Mu'jam*, vol. III, ms. 232.

H./688 M. mereka, di bawah pimpinan ketua baru, al-Zubayr bin al-Māḥūz, kembali semula ke al-Ahwāz menerusi Fārs. Al-Muhallab, pada ketika itu, sebagai gabenor Fārs, telah dipanggil ke Baṣrah oleh Muṣ'ab bin al-Zubayr untuk mempertahankan bandar tersebut. Sementara wilayah Fārs telah diserahkan kepada 'Umar bin 'Ubaydillāh bin Ma'mar al-Qyrayshī untuk mempertahankan wilayah itu dari serangan Azāriqah di sebelah timur. Sebaik saja 'Umar bin 'Ubaydillāh tiba di Fārs tentera Azāriqah telah menyerang Iṣtakhr dan membunuh anak 'Umar, 'Ubaydullāh, yang berkuasa di sana. Kematian 'Ubaydullāh telah dibela oleh ayahnya dan lebih kurang seramai 90 orang Azariqah telah dibunuh. 'Umar bin 'Ubaydullāh bin Ma'mar al-Qurayshī kemudiannya mengejar mereka ke Sābūr, dan di sana beliau telah ditentang oleh tentera Azāriqah dan nyawa 'Umar telah dapat diselamatkan oleh Majza'ah, salah seorang daripada panglima perang tentera Baṣrah; sebanyak 900,000 dirham telah diberi kepadanya oleh 'Umar sebagai mengenang jasanya.[60]

Kaum Azāriqah kemudiannya kembali ke Iṣfahān menerusi Arrajān untuk menyediakan gerakan baru. Setelah mengadakan pengutipan cukai dari kampung-kampung di sekitar Iṣfahān mereka pun berlepas ke Fārs dan setelah itu ke al-Ahwāz, bertemu dengan 'Umar. Apabila 'Umar mengetahui bahawa kaum Azāriqah merancang untuk menyerang Baṣrah beliau pun cepat-cepat pergi menyekat mereka di jambatan besar Sungai Dujayl. Di sini beliau disokong oleh tentera Ibn al-Zubayr yang baru tiba dari Baṣrah. Apabila mendengarkan berita ini Azariqah berpaling ke arah al-Madaīn, dengan tujuan untuk menyerang Kūfah. Al-Madā'in telah diserang dengan ganas oleh Azāriqah dan penduduk di situ ramai yang telah terkorban. Gabenornya, Kirdam bin Mirdās al-Fazārī, telah digulingkan dan dihalau dari situ.[61] Apabila hal ini didengar oleh gabenor Kūfah, al-Qubā' al-Hārith bin Abī Rabī'ah al-Makhzūmī al-Qurayshī dan pemimpin-pemimpin Arab yang lain

---

[60] *BA.* vol. XI, ms. 110–13; Ṭab. II/754–55; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 282; Ibn Kathīr, *Bidāyah*, vol. VIII, ms. 293–94; Ibn Abī al-Hadīd, *Sharḥ*, vol I, ms: 389–90.

[61] Ṭab. II/755–56; *BA.* vol. XI, ms. 114–15; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 283; Ibn Abī al-Hadīd, *Sharḥ*, vol. I, ms. 390; Dhahabi, *Tārīkh*, vol. II, ms. 367 dan 381.

seperti Ibrāhīm bin al-Ashtar al-Nakha'ī, Shabath bin Rib'ī al-Yarbū'ī al-Tamīmī mereka dengan penuh semangat bersedia untuk memerangi kaum Azāriqah.[62]

Dari al-Madā'in tentera Azāriqah mara pula ke kawasan al-Sarāt, di tebing Sungai Furāt dekat Kūfah. Di sini mereka telah menemui Simāk bin Yazīd al-Sabī'ī dan anak perempuannya di sebuah desa yang berdekatan dan telah membunuh mereka.[63] Menurut Abū Mikhnaf, ahli sejarah Kūfah yang berwibawa, apabila kaum Azāriqah melihat orang Kūfah datang untuk memerangi mereka, mereka terus merobohkan jambatan Sungai Furāt.[64] Pendapat Abū Mikhnaf ini dipersetujui oleh Ibn al-Athīr.[65] Apabila jambatan itu diperbaiki semula, orang Kūfah terus pergi memburu kaum Azāriqah ke al-Madā'in dan setelah itu ke al-Rayy, tetapi kaum Azāriqah telah berjaya menewaskan orang Kufah dan membunuh gabenornya, Yazīd bin al-Ḥārith al-Shaybānī dan isterinya Laṭīfah, yang dikatakan mempunyai hubungan rapat dengan Khalifah 'Alī bin Abī Ṭālib.[66]

Setelah mendapat bekalan makanan di kawasan al-Rayy, tentera Azāriqah mara pula ke arah Iṣfahān dan gabenornya ialah 'Attāb bin Waraqā' al-Riyāhī. Iṣfahān telah dikepung selama tujuh bulan oleh tentera Azāriqah. Kepungan yang begitu lama menyebabkan 'Attāb dan tenteranya mengalami kesukaran oleh kerana kehabisan bekalan makanan dan tenaga. Akibat daripada itu, mereka telah memutuskan untuk melakukan suatu serangan besar secara mengejut ke atas tentera Azāriqah. Dalam serangan ini 'Attāb dan tenteranya berjaya menewaskan tentera Azāriqah dan membunuh pemimpin mereka, al-Zubayr bin al-Māḥūz al-Tamīmī.[67]

---

[62] Ṭab. II/759; *BA.* vol. XI, ms. 115; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 283; Dhahabī, *Tārīkh*, vol. II, ms. 381–82; Ibn Kathir, *Bidāyah*, vol. VIII, ms. 294.

[63] Ṭab. II/760; *BA.* vol. XI, ms. 117; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 339; Ibn Abī al-Hadīd, *Sharḥ*, vol. I, ms. 390 Aḥmar al-Ṭā'ī disebut di sini dan bukan Simāk bin Yazīd al-Sabī'ī.

[64] Ṭab. II/761; bandingkan dengan Dhahabi, *Tārīkh* vol. II, ms. 382.

[65] Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 284.

[66] *BA.* vol. XI, ms. 118; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 342; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 285.

[67] Ṭab. II/762–64; *BA.* vol. XI, ms. 120–21; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms.343; *Ibn A'tham, fol. I, fol. 250A; Ibn al-Athir, al-Kāmil*, vol. IV, ms. 285; Abu 'Ubaydah, *Naqā'id*, vol. II, ms. 896; Dhahabi, *Tārīkh*, vol. II, ms. 382; Ibn Abi al-Hadīd, *Sharḥ*, vol. I, ms. 391; Ibn Kathīr, *Bidāyah*, vol. VII, ms. 294.

Boleh jadi di akhir-akhir tahun 68 H./688 M. (atau 69 H./689 M.) kaum Azāriqah telah memilih Qatarī bin al-Rujā'ah al-Māzinī dari suku Tamīm sebagai pemimpin mereka yang baru. Pada mulanya mereka dikatakan cenderung untuk melantik 'Ubaydah bin Hilāl al-Yashkurī, tetapi 'Ubaydah telah menolak dan mencadangkan Qatarī, kerana memandangkan kelayakan dan kebolehan beliau untuk menjawat jawatan tersebut. Akhirnya mereka telah mencapai kata sepakat dan memberi pangakuan taat setia kepada Qaṭarī bin Fujā'ah al-Māzinī sebagai pemimpin mereka dan menggelarnya *amār al-Mu'minīn*.[68]

Di sini kita menghadapi masalah tempoh masa pemerintahan Qaṭarī. Setengah sumber menyatakan bahawa pemerintahan beliau berlanjutan selama dua puluh tahun[69] Namun begitu, kenyataan ini telah disangkal oleh ahli-ahli sejarah moden dan menganggapnya sebagai pendapat yang tidak bernilai dan tidak berlandaskan fakta-fakta sejarah.[70] Berhubungan dengan tarikh perlantikan Qaṭarī, sumber-sumber sejarah Arab menyatakan sesuatu yang berbeza-beza antara satu dengan yang lain. Menurut Ibn Khallikān, perlantikan Qaṭarī dibuat pada tahun 66 H./686 M.[71] oleh Abū Mikhnaf, dan disokong oleh Ibn al-Athīr dan al-Dhahabī, menetapkan tarikh pemerintahan Qaṭarī pada tahun 68 H./688 M.[72] Sementara al-Balādhurī, yang lebih banyak perbezaannya mengatakannya pada tahun 71 H./691 M Qaṭarī dilantik sebagai pemimpin Azāriqah.[73] Bagaimanapun, kebanyakan mereka bersetuju tentang tarikh kematian Qaṭarī iaitu pada tahun 77 H./697 M atau tahun 78 H./698 M. Dari kenyataan-kenyataan tadi dapatlah ditentukan bahawa masa pemerintahan Qaṭarī bin al-Fujā'ah tidak

---

[68] *BA*. vol. XI, ms. 122–23; Ṭab. II/764; Ibn A'tham, vol. I, fols. 251A–B; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 347; Dhahabī, *Tārīkh*, vol. III, ms. 127, 203, Ibn Abi al-Hadīd, *Sharh*, vol. I. ms. 392; Ibn Kathīr, *Bidāyah*, vol. VII, ms. 294.

[69] Ibn Ḥazm, Anzāb, ms. 212; Ibn Durayd, *Ishtiqāq*, ms. 205; Ibn Khallikān, *Wafayāt*, vol. IV, ms. 93 dan 94; Maqdisi, *al-Bad'*, vol. VI, ms. 33; Ibn al-'Imād, *Shadharāt al-Dhahab fī akhbār man dhahab*, Qāhirah, 1350 H., vol. I, ms. 87.

[70] Levi Della Vida, "Katarī bin al-Fuja'a", *Encyclopaedia of Islam*, Ist. Edition, Leiden, 1913–38; S. al-Qalamawi, *Adab al- Khawarij*, Qāhirah, 1945, ms. 61.

[71] Ibn Khallikān, *Wafayāt*, vol. IV, ms. 93.

[72] Ṭab., II/764; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 286; Dhahabī, *Tārīkh*, vol. II, ms. 382.

[73] *BA*. vol. XI, ms. 123.

melebihi daripada sepuluh tahun, iaitu suatu jangka masa yang disahkan oleh al-Dhahabī.[74]

Qaṭarī bin al-Fujā'ah adalah seorang pemimpin kaum Azāriqah yang paling terkemuka dan berpengaruh. Riwayat hidup beliau, seperti juga riwayat hidup kebanyakan pemimpin Azāriqah, tidak disebutkan secara meluas dalam sumber-sumber sejarah sehinggalah menjelang tahun 64 H./684 M. manakala munculnya pemberontakan Azariqāh. Walau bagaimanapun, sejak tahun 42 H./662 M. lagi Qaṭarī sudah bergiat dalam bidang ketenteraan bersama-sama tentera Umayyah yang dihantar oleh 'Abdullāh bin 'Āmir dari Baṣrah ke Ṭabaristān untuk berkempen.[75] Pada tahun 64 H./684 M. iaitu ketika meletusnya pemberontakan Azāriqah, Qaṭarī turut sama dalam pemberontakan tersebut bersama-sama suku kaumnya dari Tamīm yang tidak bersetuju dengan sikap Ibn Ziyād yang memihak pada suku Azd di Baṣrah, dan berpindah ke al-Ahwāz bersama-sama kaum Azāriqah. Sejak itu pengaruh dan kekuasaan Qaṭarī di kalangan pemimpin-pemimpin Azāriqah, khususnya selepas kematian Nāfi' bin al-Azraq al-Ḥanafī, semakin bertambah kuat sehinggalah beliau dilantik pada tahun 69 H./689 M. Sepanjang pemerintahannya, wilayah Fārs dan Kirmān, terutama di kawasan sekitar Jīruft, Kirmān, telah menjadi sebagai pusat pemerintahan mereka, dan ke sanalah biasanya mereka kembali (*dār hijratihim*) apabila selesai daripada menjalankan gerakan atau diburu musuh.[76]

Sebaik sahaja beliau dilantik, Qaṭarī bin al-Fujā'ah mula mengatur strategi ketenteraan di Iṣfahān. Pada mulanya pengikut-pengikutnya mencadangkan supaya menyerang Fārs, tetapi beliau tidak bersetuju, memandangkan kedudukan gabenornya, 'Umar bin 'Ubaydillāh al-Qurayshī yang kukuh. Pada akhirnya mereka membuat keputusan, setelah mendapat sokongan dan bantuan serta mengutip cukai dari daerah-daerah Kirmān, untuk menyerang Baṣrah melalui al-Ahwāz. Pembentukan semula kekuasaan Azāriqah di al-Ahwāz telah mengancam kedudukan Ibn al-Zubayr di Baṣrah. Sekali lagi, keadaan di Baṣrah telah diselamatkan oleh al-Muhallab, yang pada ketika itu menjadi gabenor di Mawsil dan

[74] Dhahabī, *Tārīkh*, vol. III, ms. 127 dan 203.
[75] Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 189.
[76] C.E. Bosworth, *op. cit.*, ms. 37–56.

Jazīrah, dan beliau dipanggil datang dengan segera ke Baṣrah untuk memerangi Azāriqah. Di kawasan Sūlāf, beliau bersama dengan pasukan tentera dari Baṣrah telah bertemu dengan tentera Azāriqah, dan setelah lapan bulan berperang, tentera Azāriqah telah tertewas dan dihalau ke Rāmhurmūz.[77] Pada masa yang sama (72 H./692 M.) Muṣ'ab bin al-Zubayr telah terbunuh dalam satu pertempuran dengan 'Abdul Malik di Maskin. Dengan terbunuhnya Muṣ'ab bin al-Zubayr maka berakhirlah kekuasaan ahli keluarga al-Zubayr di Iraq. Sementara gerakan dan penentangan Azāriqah, di bawah pimpinan Qaṭarī bin al-Fujā'ah al-Tamīmī, terus maju pada masa pemerintahan 'Abdul Malik bin Marwān sehingga Qaṭarī terbunuh pada tahun 78 H./698 M. semasa al-Ḥajjāj.

**ii. Khawārij Baru Najdiyyah dan Penentangan terhadap Ibn al-Zubayr**

Pada tahun 64 H./684 M. orang-orang di al-Yamāmah telah berkumpul di al-Ḥijāz untuk menentang tentera Syria. Apabila tamat peperangan mereka kembali semula ke al-Yamāmah, ketika Abū Ṭālūt Sālim bin Maṭar dari Banū Zimmān bin Mālik bin Sa'd bin 'Alī bin Mālik bin Bakr bin Wā'il, atau menurut al-Balādhurī, dari Banū Māzin (Tamīm) (atau seorang hamba sahaya *(mawlā)* dari suku Tamīm),[78] telah dipilih sebagai pemimpin dengan syarat bahawa beliau hanya menjadi pemimpin dalam tempoh sementara sebelum ketibaan pemimpin yang lebih layak dan berkebolehan. Pada tahun 65 H./684M. Abū Ṭālūṭ telah berjaya menguasai kawasan al-Hadārim, salah sebuah ladang yang terbesar di al-Yamāmah, dan membahagi-bahagikan hasil pendapatannya kepada pengikut-pengikutnya.[79] Pada ketika inilah Najdah bin 'Āmir al-Ḥanafī mula muncul di al-Yamāmah. Pada mulanya beliau

[77] Ṭab. II/764–65; BA. vol. XI, ms. 123–24; Ibn A'tham, vol. I, fols. 254–55; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 347–48; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 286; Ibn Kathīr, *Bidāyah*, vol. VIII, ms. 294; Ibn Abi al-Hadīd, *Sharḥ*, vol. I, ms. 392.

[78] Asal-usul atau nasab keturunan Abū Ṭālūṭ dinyatakan di dalam sumber-sumber sejarah dalam bentuk yang berbeza-beza (Ṭab. II/517 (keturunan Banū Zimmān bin Bakr bin Wā'il); *BA*. vol. IVB, ms. 95 (dari keturunan Banu Māzin, Tamīm); *BA*. vol. XI, ms. 81 (seorang *mawla*, hamba sahaya, dari Banu Mazin, Tamim).

[79] *BA*. vol. XI, ms. 127; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 285; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 201; Ibn Khaldūn, *'Ibar*, vol. III, ms. 313.

dikatakan telah bekerjasama dengan Abu Ṭālūṭ. Apabila Najdah berjaya merampas karavan atau qafilah yang membawa barang-barang dari Baṣrah kepada Ibn al-Zubayr di Mekah, beliau telah membawa semua harta rampasan itu kepada Abū Ṭālūṭ di al-Ḥadārim, dan harta-harta itu telạh dibahagi-bahagikan.[80] Walaupun adanya kerjasama dan sefahaman antara Najdah dan Abū Ṭālūṭ, penduduk al-Yamāmah telah memilih Najdah sebagai pemimpin mereka yang baru pada tahun 66 H./685M. Najdah bin 'Amīr pada ketika itu baru berusia tiga puluh tahun, tetapi sudah menjadi masyhur di kalangan anggota-anggota suku kaum Ḥanīfah di al-Yamāmah.[81] Sumber-sumber sejarah menggelarkan pengikut-pengikutnya sebagai *al-Najdiyyah,* mengambil sempena nama Najdah bin 'Āmir. Ini tidaklah bererti bahawa semua pengikut Najdah dari suku kaum Ḥanīfah, tetapi banyak lagi suku kaum lain yang menyertai gerakan Najdah dan digolongkan dalam golongan al-Najdiyyah.

Pemilihan Najdah bin 'Āmir sebagai pengganti Abu Talut telah menimbulkan pertanyaan dan perbincangan di kalangan ahli sejarah. Dixon menganggap bahawa Najdah bin 'Āmir adalah seorang pemimpin yang berpengaruh di kalangan penduduk al-Yamāmah, dan dengan sebab itu beliau dipilih menjadi pemimpin baru kaum al-Najdiyyah.[82] Yang sebenarnya bukan itu saja yang menyebabkan beliau dicalonkan dan seterusnya dipilih menjadi pemimpin, tetapi sebab yang paling utama beliau dipilih ialah oleh kerana beliau seorang daripada anggota suku Hanīfah; penduduk di al-Yamāmah kebanyakannya terdiri daripada anggota suku kaum yang sama. Jadi tidak hairanlah Abū Ṭālūt, dari suku Tamīm (atau *mawlā*?) disingkir dari jawatannya untuk digantikan dengan rakan sesuku mereka, Najdah bin 'Āmir al-Ḥanafī. Sesungguhnya, kebanyakan pengikut Najdah bin 'Āmir adalah terdiri daripada suku kaum Ḥanīfah *(kharaja Najdah bi-al-Yamāmah fī qawmihi)*.[83] Kaum Banū Ḥanīfah pernah hidup bebas dan merdeka sejak zaman Nabi

---

[80]*BA*. vol. XI ms. 128; Ibn al-Athir, *al-Kāmil*, vol. IV, ms.201; Ibn Khaldūn, *'Ibar*, vol. III, ms. 313.

[81]Ṭab. II/401–402; Dixon, *op. cit.*, ms. 170.

[82]Dixon, *op. cit.*, ms. 170.

[83]*BA*. vol. IVB, ms. 47 dan 96; Ṭab. II/401; *Tārīkh al-Khulafā'*, tanpa pengarang, ed. P. Griyaznevrṭch, Moscow, 1967, ms. 96.

lagi. Mereka mempunyai pemimpin-pemimpin yang berpengaruh seperti Musaylimah al-Kadhadhāb yang telah melakukan penentangan yang hebat terhadap kerajaan Islam di Madīnah dalam perang *al-Riddah* pada masa Khalīfah Abū Bakr. Mereka juga cuba menguasai anggota-anggota suku Arab di sekitar al-Yamāmah, di tengah-tengah Semenanjung Arab. Tindakan yang serupa, walaupun dalam bentuk Islam, akan diulangi oleh pemimpin mereka, Najdah bin 'Āmir al-Ḥanafī.

Setelah menerima pengakuan taat setia daripada pengikut-pengikutnya, Najdah bin 'Āmir al-Ḥanafī pun melakukan serangan ke atas Dhu al-Majaz dan ke atas suku-suku Ka'b bin Rabī'ah bin 'Amir bin Ṣa'ṣa'ah dari qabilah Hawāzin.[84] Pada tahun berikutnya (67 H./687 M) beliau bersama dengan pengikut-pengikutnya seramai 3,000 orang pergi pula ke kawasan pantai timur laut Baḥrain, dengan mewakilkan 'Umarah bin Salam al-Ḥanafī untuk menjaga al-Yamāmah. Tujuan mereka pergi ke Bahrain ialah untuk menguasai suku-suku 'Abd al-Qays, yang merupakan suku-suku yang paling berpengaruh dan mempunyai anggota-anggota yang terbanyak di Baḥrain. Apabila sampai di al-Qaṭif kaum Najdiyyah telah disokong oleh suku-suku al-Azd. Orang-orang Azd telah menaruh harapan dan kepercayaan kepada Najdah bin 'Āmir dan pengikut-pengikutnya dalam usaha untuk menjatuhkan kekuasaan suku-suku 'Abd al-Qays dari Bahrain; apabila cita-cita ini terlaksana, mereka (suku kaum Azd) berharap agar mereka dapat menguasai kawasan tersebut secara bersendirian. Dengan berkat pertolongan kaum Azd Najdiyyah telah berjaya mengalahkan kaum 'Abd al-Qays dan membunuh ramai daripada mereka, dan yang selainnya ditangkap. Kecuali segelintir kecil sahaja yang dapat menyelamatkan diri, tetapi mereka telah di buru oleh al-Muṭarriḥ, menurut perintah bapanya, Najdah bin 'Āmir. Dalam satu pertempuran di al-Suair, al-Muṭarriḥ telah ditewaskan dan dibunuh oleh tentera 'Abd al-Qays. Bagaimanapun, kawasan Baḥrain jatuh sepenuhnya ke bawah kekuasaan Najdiyyah pada tahun 69 H./689 M.[85]

---

[84] *BA*. vol. XI, ms. 128-29; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 201–202; Dhahabī, *Kītab Duwal al-Islam*, Hyderabad, 1337 H., vol. I, ms. 36.

[85] *BA*. vol. XI, ms. 130–31; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 202; Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. II, ms. 263; Ibn Khaldun, 'Ibar, vol. II, ms. 313–14; Ash'ari, *Maqālāt*, ms. 90.

Pengaruh dan kekuasaan Najdiyyah yang semakin bertambah itu telah mengancam kedudukan Ibn al-Zubayr di al-Ḥijāz. Bagi mengatasi pengaruh dan kekuasaan Najdiyyah, 'Abdullāh bin al-Zubayr telah melantik adiknya Muṣ'ab untuk menjadi gabenor di Baṣrah. Sebaik-baik sahaja beliau dilantik, Muṣ'ab terus menghantar tentera dari Baṣrah berjumlah 14,000 (atau 20,000) orang untuk memerangi Najdah bin 'Āmir dan penyokong-penyokongnya, yang pada ketika itu sedang berada di al-Qatif, Bahrain. Tentera Mus'ab telah dapat ditewaskan oleh tentera Najdah bin 'Amir. Berikutan kemenangan ini Najdah bin 'Āmir cuba pula menentang kaum Azd di 'Umān, dan dalam kempen ini beliau menghantar panglimanya, 'Aṭiyyah bin al-Aswad al-Ḥanafī bersama-sama tenteranya ke 'Umān, yang pada masa itu dikuasai oleh suku Azd, di bawah pimpinan 'Abbād bin 'Abdillāh bin al-Julandah. Dalam gerrakan ini 'Aṭiyyah telah berjaya menawan 'Umān. Beberapa bulan kemudian, beliau telah menyerahkan 'Umān kepada wakilnya, Abū al-Qāsim al-Ḥanafī, tetapi Abū al-Qāsim telah ditewaskan dan dibunuh oleh anak-anak 'Abbād, iaitu Sa'īd dan Sulaymān; akibatnya 'Umān telah kembali semula di bawah kekuasaan suku kaum 'Abbād (Azd).[86]

Sementara itu 'Aṭiyyah bin al-Aswad al-Ḥanafī telah mengambil daya usaha untuk mendirikan kekuasaannya semula di 'Umān, tetapi beliau tidak berjaya, kerana penduduk 'Umān tidak menyokongnya. Justeru itu 'Aṭiyyah dan pengikut-pengikutnya dari berbagai suku kaum, iaitu Hanīfah, Tamīm, dan 'Abd al-Qays, telah merentas Teluk Parsi untuk menyertai rakan-rakan suku kaum mereka yang berada bersama-sama kaum Azāriqah di wilayah-wilayah timur Negeri Iraq.[87]

Pada tahun 68 H./687M. Najdah bin 'Āmir telah berjaya menguasai Kāẓim, sebuah kawasan di utara Baḥrain, dan memungut zakat daripada suku kaum Tamīm di sana. Dari Kāẓim, Najdah menghantar Abū Fudayk, 'Abdullāh bin Thawr al-Tha'labī, salah seorang daripada penyokongnya ke al-Yamān. Dalam gerakan ini

---

[86]*BA*. vol. XI, ms. 314; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 203; Ibn Khaldūn, *'Ibar*, vol. III, ms. 314.

[87]*BA*. vol. XI, ms. 135 dan 148; Ṭab. II/517, 520, dan 588; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 252.

Abū Fudayk telah berjaya menawan sebahagian besar daripada al-Yamān, termasuk Ṣan'ā' dan Ḥadramaut, dan beliau memaksa penduduknya membayar zakāt.[88] Akibat kejayaan itu Najdah bin 'Āmir mempunyai pengaruh dan kuasa yang lebih besar daripada Ibn al-Zubayr,[89] dan beliau enggan tunduk kepadanya dan juga kepada 'Abdul Malik bin Marwān. Khalīfah 'Abdul Malik dikatakan telah cuba untuk berbaik-baik dengan Najdah bin 'Āmir al-Ḥanafī dengan menawarkan jawatan gabenor al-Yamāmah kepadanya, membebaskan semua tanggungjawab terhadap wang yang diperolehinya, memaafkan pembunuhan yang dilakukannya, dengan syarat beliau mentaati dan memberi sokongan kepadanya, tetapi semuanya telah ditolak oleh Najdah bin 'Āmir.[90]

Pada tahun yang sama (68 H./687 M.), Najdah dan pengikut-pengikutnya berjumlah 860 (atau 2,600) orang pergi ke Mekah untuk menunaikan fardu Ḥaji. Mereka benar-benar bersendirian dan bebas daripada Khalīfah 'Abdul Malik dan Ibn al-Zubayr,[91] menunjukkan pengaruh dan kekuasaan mereka bukan sahaja ke atas al-Yamāmah[92] tetapi juga ke atas kawasan-kawasan sekitarnya, khususnya al-Baḥrain. Setelah selesai menunaikan fardu Ḥaji, nampaknya Najdah bercadang pula untuk menziarahi Madīnah, tetapi beliau telah mengubah haluannya dan mengarah ke Ṭā'if oleh kerana beliau telah diberitahu bahawa penduduk Madīnah akan memerangi beliau juga sekiranya beliau memasuki kawasan tersebut.[93] Sebelum sampai ke Ṭā'if, Najdah kemudiannya maju ke Baḥrain, untuk membuat beberapa perlantikan. Al-Ṭarūq (Ḥaraq)

---

[88] *BA*. vol. XI, ms. 136–37; Ibn al-Athīr, *al-Kamil*, vol. IV, ms. 203; Ibn Khaldūn, *'Ibar*, vol. III, ms. 314.

[89] Ṭab. II/737; J. Wellhausen, *The Arab Kingdom and its Fall*, tr. M.G. Weir, Beirut, 1963, ms. 200.

[90] *BA*. vol. XI, ms. 314; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 205; Ibn Khaldūn, *'Ibar*, vol. III, ms. 315; Shahrastanī, *Milal*, ms. 92.

[91] Ṭab. II/782–83; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 260; BA. vol. XI, ms. 137; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 203; Ibn Khaldūn, *'Ibar*, vol. III, ms. 314; Dhahabi, *Tarīkh*, vol. III, ms. 297; *Duwal al-Islam*, vol. I, ms. 36; Ibn Kathīr, *Bidayah*, vol. VIII, ms. 294–95.

[92] *BA*. vol. V, ms. 261.

[93] *BA*. vol. XI; ms. 137; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. bahkan orang yang paling warak dan tidak aktif seperti 'Abdullah bin 'Umar bin al-Khattāb dikatakan telah menyertai bersama-sama mereka yang bersedia untuk memerangi Najdah bin 'Āmir al-Ḥanafī.

al-Ḥanafī dilantik untuk menguasai Ṭā'if, Tabalah dan al-Sarāt, Ḥājib bin Ḥamīsah (Sa'd) al-Ṭalā'i dan 'Amir bin Ḥummām al-'Uqaylī untuk menguasai kawasan utara Najran dengan tugas-tugas tertentu, iaitu memungut zakāt daripada suku kaum Banū Hilāl dan Numayr. Najdah sendiri tinggal di Baḥrain, dan dari sana beliau telah mengeluarkan perintah supaya menyekat bekalan makanan *(mīrah)* daripada al-Bahrain dan al-Yamāmah ke Mekah dan Madīnah, dengan tujuan untuk mencabar kewibawaan Ibn al-Zubayr di al-Ḥijāz dan di Iraq.[94]
Apabila keadaan mereka menjadi kukuh setelah mendapat sokongan daripada suku kaum Tamīm dan 'Abd al-Qays di Baḥrain, Najdah bin 'Āmir dan pengikut-pengikutnya cuba sekali lagi untuk menguasai semula 'Umān, yang dikuasai oleh 'Abbād bin 'Abdillāh al-Azdī. Di sana mereka telah mendapat tentangan hebat daripada suku kaum Azd.[95] Berikutan peristiwa ini berlakulah perselisihan faham antara Najdah dan pengikut-pengikutnya. Sebab-sebab utama kepada perselisihan ini, sebagaimana yang dinyatakan oleh sumber-sumber sejarah ialah antara lainnya oleh kerana Najdah telah menghubungi musuh mereka, Khalīfah 'Abdul Malik bin Marwān, dan mengurniakan kepada beliau anak perempuan Khalifah 'Uthmān bin 'Affān, yang ditawan semasa melakukan serangan ke atas Ṭā'if;[96] pemberian wang sebanyak sepuluh ribu dirham oleh Najdah kepada Mālik bin Misma' bin Shihāb bin Sayyār al-Tha'labī dari suku Bakr bin Wā'il, kerana mereka sama-sama mencari perlindungan di al-Yamāmah;[97] kerana ketidakadilannya dalam pembahagian harta *fay'* di kalangan tenteranya;[98] dan kerana beliau mengagihkan harta *fay'* kepada orang-orang kaya dan tidak

---

[94]*BA.* vol. XI, ms. 139–40; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil,* vol. IV, ms. 2–204; Ibn Khaldūn, *'Ibar,* vol. III, ms. 315.

[95]*BA.* vol. XI, ms. 131–32, dan 140–41; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil,* vol. IV, ms. 205.

[96]*BA.* vol. XI, ms. 137–38 dan 143; Ya'qūbī, *Tārīkh,* vol. II, ms. 272–73; Ibn Habīb, Muhammad bin Ḥabīb, *Asmā, al-Mughtalīn min al-Ashrāf,* Qāhirah, 1954, ms. 179; Ibn al-Athīr, *al-Kamil,* vol. IV, ms. 205; Ibn Khaldūn, *'Ibar,* vol. III, ms. 315; Ash'ari, *Maqālāt,* ms. 92; Shahrastānī, *Milal,* ms. 92.

[97]*BA.* vol. IVB, ms. 143, vol. XI, ms. 156, 158; Ya'qūbī, *Tārīkh,* vol. II,ms. 273; Ash'arī, *Maqālāt,* ms. 91–92; Ibn Hajar, *Iṣabah,* vol. III, ms. 485; Ibn Ḥabīb, *Asma' al-Mughtālīn,* ms. 179.

[98]Ibn al-Athīr, *al-Kāmil,* vol. IV, ms. 205; Ibn Khaldun, *'Ibar,* vol. III, ms. 315; Ash'ari, *Maqālāt,* ms. 91.

kepada orang yang memerlukannya.[99]

Mereka telah memecat Najdah bin 'Āmir dari jawatannya. Sebagai penggantinya, mereka pada mulanya mencadangkan seorang hamba sahaya *mawlā*, Thābit al-Tammār, tetapi akhirnya mereka membuat keputusan untuk memilih seorang dari keturunan Arab yang merdeka. Ini menunjukkan betapa kuatnya perasaan perkauman mereka, melebihi daripada kepercayaan terhadap doktrin Khawārij.[100] Mereka meminta Thābit memilih pemimpin baru dari keturunan Arab, dan beliau telah memilih Abū Fudayk 'Abdullāh bin Thawr al-Tha'labi dari suku kaum Bakr bin Wā'il.[101] Bagaimanapun, menurut al-Baghdadi dan Ibn Abī al-Ḥadīd, pemilihan itu bukanlah dibuat oleh Thābit, tetapi Najdah sendiri yang melantik Abū Fudayk sebagai penggantinya sebelum beliau dipecat dari jawatan.[102] Mengikut al-Baghdādī lagi, berikutan daripada pemilihannya, Abū Fudayk telah menunjukkan kebenciannya terhadap kaum Ḥanīfah. Sepeninggalan pengikut-pengikut Najdah pergi berkempen di sepanjang kawasan pantai selatan al-Yaman, Abū Fudayk telah merancang untuk membunuh Najdah, pemimpin suku kaum Ḥanīfah.[103] Ini telah sampai ke pengetahuan Najdah dan setelah itu Najdah melarikan diri ke salah sebuah kampung di Ḥajr. Apabila kampung itu diketahui beliau pergi pula berlindung dengan Banū Tamīm, dengan rancangan untuk menyertai Khalīfah 'Abdul Malik bin Marwān di Damsyik, tetapi Abu Fudayk al-Tha'labī dan penyokong-penyokongnya telah cepat sedar dan terus membunuh Najdah bin 'Amir al-Ḥanafī.[104] Setelah itu penyokong-penyokong Najdah telah menuntut bela atas kematian Najdah. Salah seorang daripada mereka bernama Muslim bin Jābir telah menikam Abū Fudayk, tetapi Abū Fudayk hanya

---

[99]Ash'arī, *Maqālāt*, ms. 92.

[100]Dixon, *op. cit.*, ms. 173.

[101]*BA*. vol. XI, ms. 143; Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. II, ms. 273; Ibn Habīb, *Asma' al-Mughtālīn*, ms. 179; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 206; Ibn Khaldun, *'Ibar*, vol. III, ms. 315; Ash'ari *Maqālāt*, ms. 92.

[102]Baghdadi, *al-Farq*, ms. 92; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Sharh*, vol. I, ms. 381.

[103]Baghdādī, *al-Farq*, ms. 69.

[104]*BA*. vol. XI, ms. 144–45; Ṭab. II/829; Khalifah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 263; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 206; Ibn Khaldūn, *'Ibar*, vol. III, ms. 315; Ibn Abi al-Hadīd, *Sharh*, vol. I, ms. 381; Ash'ari, *Maqālāt*, ms. 92; Shahrastānī, *Milal*, ms. 92; Baghdādī, *al-Farq*, ms. 69.

tercedera, sedangkan Muslim dibunuh oleh pengikut-pengikut Abū Fudayk pada ketika itu juga.[105] Setelah berada enam bulan di al-Yamāmah, yang kebanyakan penduduknya terdiri daripada suku kaum Ḥanīfah, Abū Fudayk dilaporkan telah memerintahkan pengikut-pengikutnya supaya meninggalkan daerah itu, oleh kerana katanya tidak ada faedahnya duduk bersama-sama suku kaum Ḥanīfah. Abū Fudayk dan rakan-rakannya kemudiannya memilih al-Baḥrain sebagai pusat tentera mereka yang baru.[106]

Menyedari tentang bahaya Abū Fudayk, Muṣ'ab bin al-Zubayr, gabenor Baṣrah, telah mengarahkan tentera Basrah, di bawah pimpinan Muḥammad bin 'Abd al-Rahmān bin al-Iskaf, untuk memerangi Abū Fudayk, malangnya serangan tentera Basrah telah dapat dipatahkan oleh Abū Fudayk. Setelah itu Abū Fudayk menghadapi pula serangan dari tentera Baṣrah dan al-Baḥrain, yang dipimpin oleh Ziyād al-Qurayshī, tetapi sekali lagi beliau telah berjaya menewaskan tentera tersebut, dan membunuh Ziyād al-Qurayshī, sementara pengikut-pengikutnya lari bertaburan.[107] Ini boleh jadi merupakan percubaan serius yang terakhir yang dibuat oleh Ibn al-Zubayr untuk menghapuskan Khawārij Baru Najdiyyah di Semenanjung Arab, dan setelah itu diikuti pula oleh kematian Muṣ'ab bin al-Zubayr pada tahun 72H./692M. Bagaimanapun, penentangan Ibn al-Zubayr ('Abdullāh, Muṣ'ab dan ahli keluarga mereka) serta penyokong-penyokong mereka terhadap kaum Najdiyyah di Semenanjung Arab telah membuka jalan kepada Khalīfah 'Abdul Malik untuk menghapuskan kekuasaan Azāriqah dari Iraq.

### iii. 'Abdul Malik bin Marwān dan Penentangannya terhadap Najdiyyah dan Azāriqah

Setelah Ibn al-Zubayr tewas, Khalīfah 'Abdul Malik pula yang akan menghadapai penentangan kaum Khawārij Baru, Najdiyyah

---

[105] *BA*. vol. XI, ms. 147, *BA*/ms. vol. II, ms. 77; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 206.
[106] *BA*/ms. vol. II, ms. 77; Dhahabī, *Tārīkh*, vol. III, ms. III; Ibn Kathīr, *Bidāyah*, vol. VIII, ms. 324.
[107] *BA*/ms. vol. II, ms. 77–78; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. III (dalam peristiwa tahun 71 H.).

dan Azāriqah. Pihak Khalīfah terpaksa memerangi kaum pencabar tersebut demi untuk menjamin kekuasaan dan kestabilan di Iraq.

Mula-mula beliau mengarahkan perhatiannya kepada kaum Najdiyyah di Semenanjung Arab. Abu Fudayk al-Tha'labī, pemimpin agung yang terakhir bagi Najdiyyah, pada ketika itu, masih berpengaruh di Semenanjung Arab. Beliau mempunyai tentera yang kuat (12,000 orang) yang kemudiannya berjaya menewaskan tentera dari Baṣrah, berjumlah 12,000 orang, yang dihantar oleh Khalīfah 'Abdul Malik.[108] Memandangkan kedudukan yang berbahaya ini, Khalīfah 'Abdul Malik pula menghantar satu angkatan tentera yang besar lagi, berjumlah 21,000 orang, yang diambil berkhidmat dari Kūfah dan Baṣrah bagi menentang tentera Abū Fudayk al-Tha'labī, yang pada ketika itu sedang menguasai al-Baḥrain.[109] Kemudian berlaku satu pertempuran hebat antara kedua pihak di kawasan al-Mushaqqar, pelabuhan besar di al-Baḥrain. Setelah lima hari berperang Abū Fudayk pun tertewas, oleh kerana, menurut kebanyakan sumber Arab, ramai di antara penyokong-penyokongnya telah lari dari medan peperangan. Akibat daripada itu, Abū Fudayk dan lebih kurang 6,000 pengikutnya yang setia telah terbunuh dan 800 orang lagi yang ditangkap, sementara yang bakinya dapat melarikan diri, tetapi akhirnya dapat ditangkap semuanya.[110]

Dengan kematian Abū Fudayk al-Tha'labī pada tahun 73H./693M. maka berakhirlah penentangan kaum Najdiyyah di Semenanjung Arab. Namun demikian, kaum Azāriqah yang dipimpin oleh Qaṭarī bin al-Fujā'ah al-Tamīmī, masih lagi berpengaruh. Mereka sekarang sedang menguasai wilayah Khūzistān, Fārs dan Kirmān, dan

---

[108] *BA*/ms. vol. II, ms. 76–77, 78–79 (*BA*. vol. IVB, ms. 152–53); Ya'qubi, Tarikh, vol. II, ms. 829, Dhahabi, *Tārīkh*, vol, III, ms. III; Ibn al-Athīr, *Tārīkh*, vol. IV, ms. 345; Sibt Ibn al-Jawzi, *Kitāb Mir'āt al-Zaman*, British Museum, no. Add. 23277, vol. VI, fol. 4B; Ibn Khaldun, *'Ibar*, vol. III, ms. 322; Ibn Kathīr, *Bidāyah*, vol. VIII, ms. 344; al-Baghdādī, 'Abd al-Qādir, *Khizānat al-Adab*, Qahirah, 1929, vol. II, ms. 97.

[109] *BA*/ms. vol. II, ms. 77, 80–81; Ṭab. II/852; Sadūsī, *Ḥadhf*, ms. 78; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 362; Dhahabī, *Tārīkh*, vol. III, ms. 115–16; Ibn al-Jawzī, *Mar'āt*, vol. IV, fol. 3B; Ibn Khaldūn, *'Ibar* vol. III, ms. 322; Baghdādi, *Khizanat*, vol. II, ms. 97.

[110] *BA*/ms. vol. II, ms. 76, 81–84; Ṭab. II/852–53; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 362; Dhabābi, Tārīkh, vol. III, ms. 115–16; Sadusī, *Ḥadhf*, ms. 78; Shahrastānī, *Milal*, ms. 92; Baghdādī, *al-Farq*, ms. 70; Ibn al-Jawzī, *Mir'āt*, vol. VI, fol. 5A; Ibn Khaldūn, *'Ibar*, vol. III, ms. 322; Baghdadi, *Khizānat*, vol. II, ms. 97.

mengancam kedudukan Baṣrah. Sementara itu, al-Muhallab bin Abī Ṣufrah al-Azdī dan pengikut-pengikutnya masih berperang di pihak Ibn al-Zubayr. Apabila berita kemenangan tentera Khalīfah 'Abdul Malik dan pembunuhan Muṣ'ab bin al-Zubayr sampai kepada kaum Azāriqah, yang terakhir menyampaikan pula berita itu kepada tentera Baṣrah, dengan harapan agar berita itu akan mengalih perhatian orang Baṣrah untuk menentang keluarga Umayyah dan membiarkan mereka bersendirian. Kaum Azāriqah juga mengharapkan bahawa andainya ini gagal perpecahan di kalangan tentera Baṣrah akan berlaku. Walau bagaimanapun, tentera Baṣrah enggan untuk membiarkan kaum Azāriqah bermaharajalela, dan memutuskan untuk memihak Khalīfah 'Abdul Malik bagi menentang kaum Azāriqah. Untuk membalas budi baik ini, Khalīfah Abdul Malik telah mengesahkan jawatan al-Muhallab, pemimpin tentera Baṣrah, sebagai panglima perang untuk menentang kaum Azāriqah.

Setelah gagalnya memujuk tentera Baṣrah, Qaṭarī bin al-Fujā'ah pun mengirimkan dua orang panglimanya yang terdiri daripada Ṣāliḥ bin Mihrāq (atau Muhāriq) al-'Abdī dan Sa'd bin al-Talā'i bersama dengan tentera seramai 900 orang dan 700 orang tentera berkuda bagi tiap-tiap seorang bagi menangkis serangan tentera Baṣrah yang dihantar oleh Khālid bin 'Abdilāh bin Asīd, gabenor Baṣrah yang baru dilantik. Dalam pertempuran di Darabjird, tentera Azāriqah telah berjaya mengalahkan tentera Baṣrah dan ramai di antara mereka telah terbunuh, dan selainnya ada yang ditangkap dan ada yang sempat melarikan diri.[111] Apabila mendengar berita kekalahan ini, pihak Khalifah 'Abdul Malik mengarahkan Khālid supaya menyusun semula pasukan tentera yang baru dari Baṣrah. Pada ketika itu, bukan sahaja orang Arab, malahan yang bukan Arab, yang dipimpin oleh Fayrūz Ḥuṣayn, orang yang terkaya di kalangan bukan Arab di Baṣrah, telah turut menyokong Khālid untuk memerangi kaum Azāriqah. Pada masa yang sama, Bishr bin

---

[111] *BA*/ms. vol. II, ms. 61–62, 63–65 (*BA*. vol. IVB, ms. 164, 168); Ṭab. II/822–25; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 353–55; Ibn A'tham, vol. II, fols. 62A–63B; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 342; Ibn al-Jawzī, *Mir'āt*, vol. VI, fol. 4A; Ibn Khaldun, *'Ibar*, vol. III, ms. 320; Ibn Abi al-Hadīd, *Sharh*, vol. I, ms. 393–94; *Ghurar al-Siyar*, tanpa pengarang, manuskrip, Bodlein Library, Oxford, fols. 9A–9B.

Marwān, gabenor Kūfah, juga diarahkan oleh 'Abdul Malik untuk menyediakan rekrut baru bagi tujuan yang sama. Dengan mematuhi perintah Khalīfah, gabenor Kūfah menghantar askar-askar dari Kufah seramai 5,000, yang dipimpin oleh 'Abd al-Rahmān bin Muḥammad bin al-Ash'ath bin Qays al-Kindī. Setelah berperang selama empat puluh hari, tentera Azāriqah telah dapat ditewaskan dan dipaksa berundur balik ke Kirmān.[112]

Khalid, gabenor Basrah, kemudiannya, menghantar Dā'ūd bin Qadham pula, yang disertai oleh tentera dari Kufah di bawah pimpinan 'Attab bin Waraqā' al-Riyāhī, untuk memburu kaum Azāriqah. Gerakan ini, berakhir dengan kegagalan dan Khālid telah disingkir dari jawatan, dan Baṣrah digabungkan di bawah kekuasaan gabenor Kūfah, Bishr bin Marwan.[113] Al-Muhallab telah dilantik semula oleh Khalīfah Abdul Malik sebagai ketua umum bagi memerangi kaum Azāriqah dan memberi kebebasan kepadanya untuk menyediakan angkatan tentera baru dari Baṣrah. Hampir semua panglima perang dalam gerakan ini dilantik daripada suku kaum Azd. Kerjasama yang diberikan olehnya telah membolehkan al-Muhallab mengepung kaum Azāriqah di Rāmhurmūz.[114] Sejurus selepas kematian Bishr bin Marwān, ramai pengikut al-Muhallab dan 'Abd al-Rahmān bin Mikhnaf telah balik ke tempat masing-masing, dengan meninggalkan al-Muhallab bersendirian bersama-sama suku kaum Azd untuk memerangi Azāriqah.[115] Dalam keadaan yang begini, Qaṭarī bin al-Fujā'ah, pemimpin kaum Azāriqah telah mengambil kesempatan, dan menasihatkan pengikut-pengikutnya supaya tidak membuang masa untuk melakukan serangan ke atas al-Muhallab, namun sebahagian daripada mereka

---

[112] *BA*/ms. vol. II, ms. 61–62; Ṭab. II/825–27; Ibn A'tham, vol. II, fols, 60B–61B; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 349–53; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 342–44.

[113] Ṭab. II/827–28; *BA*, vol. IVB, ms. 158–59; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 344.

[114] *BA*/ms. vol. II, ms. 66; Ṭab. II/855–57; Ibn A'tham, vol. II, fols. 66B–67A; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 364–65; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 365–66; Ibn al-Jawzī, *Mir'āt*, VI, fol. 10A; Ibn Khaldun, *'Ibar*, vol. III, ms. 90–91, 323; Ibn Abi al-Hadīd, *Sharh*, vol. I, ms. 395–96; Ibn Kathir, *Bidāyah*, vol. IX, ms. 3; *Ghurar*, fols. 10A–10B.

[115] Ṭab. II/857–59; *BA*/ms. vol. II, ms. 67; Ibn A'tham, vol. II, fol. 67A; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 367; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 365; Ibn Khaldun, *'Ibar*, vol. III, ms. 91; Ibn al-Jawzī, *Mir'āt*, vol. VI, fol. 10A; *Ghurar*, fol. 10B; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Sharḥ*, vol. I, ms. 396; Ibn Kathir, *Bidayah*, vol. IX, ms. 3.

itu seperti 'Ubaydah bin Hilāl al-Yashkurī, tidak mahu menurut perintah Qaṭarī. Perselisihan faham di kalangan tentera Azāriqah menyebabkan rancangan untuk menyerang al-Muhallab itu terbatal.[116]

Oleh kerana Khalīfah 'Abdul Malik menyedari tentang tekad dan kegigihan kaum Azāriqah, maka beliau telah melantik al-Hajjāj bin Yūsuf al-Thaqafī sebagai gabenor baru di Iraq. Ketibaan al-Ḥajjāj di Iraq pada tahun 75 H./695 M. pada hakikatnya, merupakan titik peralihan dalam sejarah di rantau ini. Tegas dan kasar merupakan sifat istimewa al-Ḥajjāj. Beliau telah memaksa orang Iraq untuk berperang, jika tidak mereka akan dihukum mati.[117] Setelah diberi ingatan ini, tentera Baṣrah dan Kūfah yang telah balik, kembali semula ke khemah mereka di Rāmhurmūz. Pada masa yang sama, al-Ḥajjāj telah memberi kebebasan kepada al-Muhallab untuk menguasai cukai tanah bagi semua kawasan di antara Fārs dengan Baṣrah. Ini membolehkan al-Muhallab mengatasi puak Azāriqah dan menghalau mereka dari Rāmhurmūz ke Sābūr. Setelah itu al-Muhallab mara pula ke arah Kazrūn, tempat beliau mendirikan khemahnya. Apabila 'Abd al-Raḥmān bin Mikhnaf dan tenteranya tiba di situ mereka berkhemah secara berasingan. Puak Azāriqah telah melakukan serangan ke atas khemah al-Muhallab, tetapi tidak berjaya oleh kerana khemah itu di kelilingi oleh parit. Kemudian mereka menyerang pula khemah 'Abd al-Raḥmān, yang terdedah tanpa parit di sekelilingnya. Keadaan ini membolehkan mereka masuk dan menewaskan tentera Kūfah yang dipimpin oleh 'Abd al-Raḥmān. Ramai tentera Kūfah, telah terbunuh dalam serangan tersebut termasuk 'Abd al-Raḥmān sendiri.[118] Kegagalan ini telah menyebabkan Khalīfah 'Abdul Malik menggantikan 'Abd al-Rahmān dengan 'Attāb bin Waraqā' sebagai pemimpin tentera

---

[116]Ibn A'tham, vol. II. fols. 67B–68A: *Ghurar*, fols. 11A–11B.

[117]Ṭab. 11/865-66; *BA*/ms. vol. II,ms. 67; Ibn A'tham, vol. II, fols. 69B-70A: Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 366; Ibn al-Athīr, al-Kamil, vol. IV, ms. 375; Mas'udī, *Murūj*, vol. III, ms. 135; Maqdisī, *al-Bad'*, vol. VI, ms. 30; *Isfahānī*, Aghani, vol. XIII, ms. 42; Ibn al-Jawzī, *Mir'āt*, vol. IV, fol. 15B; *Ghurar*, fols. 13A–13B; Jahiẓ, *Bayān*, vol. II, ms. 307-309.

[118]Ṭab.·II/875–76, 944; *BA*/ms. vol. II, ms. 67-68; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 370–73; Ibn A'tham, vol. II, fol. 72A: Ibn al-Athir, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 388–89; Dhahabī, *Tārīkh*, vol. II, ms. 120; Ibn Khaldun,, 'Ibar, vol. III, ms. 99, 323-24; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Sharḥ*, vol. I, ms. 397–98; Ibn Kathīr, *Bidāyah*, vol. IX, ms. 10.

Kūfah, tetapi setelah lapan bulan memimpin, 'Attāb ditukarkan ke kawasan lain untuk memerangi Shabīb bin Yazīd al-Shaybānī, yang pada ketika itu mengancam keselamatan Kūfah.[119]

Pemergian 'Attāb menyebabkan al-Muhallab melantik anaknya, Ḥabīb, untuk mengetuai tentera Kūfah untuk memerangi Qaṭarī bin al-Fujā'ah dan pengikut-pengikutnya, yang pada masa itu sedang menguasai Fārs. Senarai nama pemimpin Azāriqah yang muncul dalam gerakan ini, sebagaimana yang diberikan oleh Ibn A'tham, adalah seperti berikut: Qaṭarī bin al-Fujā'ah al-Māznī al-Tamīmī, (ketua), 'Ubaydah bin Hilāl al-Yashkurī, 'Amr bin al-Qinā al-'Anbarī al-Tamīmī, Ṣāliḥ bin Mihrāq al-'Absī, 'Aṭiyyah bin al-Aswad al-Ḥanafī, Shawdhab bin 'Āmir al-'Āmirī, Haytham al-Iyādī, 'Anza al-Muradī dan 'Abdurrabbihi al-Saghīr.[120] Setelah mengalami kekurangan bekalan makanan dan terputus hubungan dengan penyokong-penyokong mereka, puak Azāriqah, terpaksa meninggalkan Fars dan pergi ke Kirmān, untuk mereka berkubu di kawasan Jīruft setelah berperang selama lebih kurang setahun.[121]

Mengenai latar belakang sejarah Wilayah Kirmān, suatu perubahan besar telah berlaku di wilayah tersebut pada tahun 33 H./650 M. tatkala sebahagian daripadanya telah ditawan oleh tentera Arab dari Baṣrah yang dipimpin oleh 'Abdullāh bin 'Āmir iaitu sewaktu dalam perjalanannya ke Khurāsān. Bagaimanapun, sebahagian daripada tentera 'Abdullāh bin 'Amir dilaporkan telah ditinggalkan di Kirmān untuk meneruskan penaklukan. Dalam tempoh gerakan ini, mereka telah berjaya menakluki beberapa kawasan di Jīruft, Hurmūz dan al-Quff. Kesan daripada penaklukan ini ramai penduduk tempatan telah meninggalkan tanah dan tempat kediaman mereka. Tanah-tanah tersebut telah diambil dan diusahakan oleh orang Arab sendiri dan mereka membayar cukai

---

[119] Tab. II/877-78, 944; *BA* ms. vol. II, ms. 69; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 379-80; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 389–90; Ibn Khaldūn, 'Ibar, vol. III, ms. 99; Ibn Abi al-Ḥadīd, *Sharḥ*, vol. I, ms. 400; Ibn Kathīr, *Bidāyah*, vol. IX, ms. 10.

[120] Ibn A'tham, vol. II, fol. 74A; bandingkan dengan *Ghurar*, fol. 15B di sini 'Abdurrabbihi al-Kabīr bukan al-Sughīr yang disebut.

[121] Tab. II 1003; *BA* ms. vol. II, ms. 69–70; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 437; Ibn A'tham, vol. II, fols. 74A, 80B, 82A–83A; Mubarrad, *al-Kāmil, vol. III, ms. 379–80; Ibn al-Jawzī, Mir'āt*, vol. VI, fol. 27V; Ibn Khaldūn, *'Ibar*, vol. III, ms. 99; Ibn Abi al-Hadīd, *Sharḥ*, vol. I, ms. 400; Ibn Kathīr, *Bidāyah*, vol. IX, ms. 10.

sebanyak satu per sepuluh peratus daripada hasil pendapatan mereka.[122] Bilangan orang Arab yang menetap di Kirmān adalah kecil, dan tidak berlaku sebarang pertelingkahan di antara mereka dengan penduduk asal. Orang Arab tersebut telah berasimilasi dengan rakyat setempat. Justeru itu ramai penduduk setempat yang memeluk Islam. Mereka telah membayar cukai tanah dan zakat yang dikenakan ke atas orang-orang yang beragama Islam, tetapi oleh kerana tidak ada seorangpun daripada orang Arab di Kirmān, yang berdaftar di dalam *dīwān,* khususnya selepas penyusunan pentadbiran Ziyad, maka semua hasil cukai tersebut dihantar ke Basrah.[123]

Selepas ketibaan puak Azāriqah hal ehwal di Kirmān telah dikuasai oleh mereka, dan semua hasil cukai diagihkan kepada penyokong mereka yang berada di sana; dan satu perlima peratus daripada hasil cukai tersebut yang pada kebiasaannya menjadi hak kerajaan tidak dihantar ke Baṣrah. Akhirnya penduduk-penduduk Kirmān, Arab dan bukan Arab, telah menyedari bahawa puak Azāriqah semakin bertambah lemah dan mereka tidak mungkin akan dapat mengekalkan kedudukan mereka, kerana tentera Umayyah yang dipimpin oleh al-Muhallab, sentiasa menekan mereka; dan dijangkakan bahawa apabila puak Azāriqah tewas di tangan Umayyah, Kirman dan kawasan-kawasan di sekelilingnya akan menjadi terdedah. Dalam tempoh tersebut, perselisihan faham di kalangan sekutu-sekutu Azāriqah berlaku yang mengakibatkan perpecahan di kalangan tentera mereka. Hanya segelintir kecil, atau menurut Abū Mikhnaf, satu perlima daripada mereka yang masih setia kepada Qaṭarī, sementara yang selainnya yang dipimpin oleh 'Abdurabbihi, seorang *mawlā,* hamba sahaya, dari Banū Tha'labah, telah meninggalkan beliau.[124]

Perbalahan dan perpecahan di kalangan tentera Azāriqah disebabkan dua perkara utama. Menurut al-Madā'inī dan Ibn al-

---

[122] *BF.*, ms. 391–92; Yāqūt, *Mu'jam*, vol. VII, ms. 243.

[123] Shaban, *op. cit.* ms. 103.

[124] Tab. II/1006; *BA*/ms. vol. II, ms. 70, 72 dan 73; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 382, dan 392; Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. II, ms. 275; Ibn A'tham, vol. II, fols. 83A–88A; Ibn al-Athir, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 438; Maqdisī, *al-Bad'*, vol. IV, ms. 32; *Ghurar*, fol. 18A; Ibn al-Jawzī, *Mir'āt*, vol. VI, fol. 28A; Baghdādī, al-Farq, ms. 66; Ibn Khaldūn, *'Ibar*, vol. III, ms. 343; Ibn Abi al-Ḥadīd, *Sharḥ*, vol. I, ms. 400–403.

Kalbī, yang disokong oleh al-Mubarrad, mengatakan bahawa sebab utama berlakunya perbalahan di antara puak Azāriqah ialah kerana adanya perbezaan pendapat dalam mentafsirkan undang-undang.[125] Manakala Abū Mikhnaf, yang dipersetujui oleh al-Mubarrad dan Ibn al-Athīr, serta disokong oleh Ibn Khaldūn, menyatakan peristiwa tersebut lebih terperinci. Mereka berpedapat bahawa pertelingkahan itu berlaku adalah berikutan daripada pembunuhan salah seorang daripada Khawārij Asal (*al-qurrā'—khawārij, min zawī al-fadl wa al-sābiqah*, oleh al-Muqa'tar al-Ḍabbī, gabenor Qaṭarī di Kirmān. Kesan daripada itu, jawatan Qaṭarī telah dilucutkan dan mereka melantik 'Abdurabbihi sebagai pemimpin mereka yang baru.[126] Apabila 'Aṭtiyyah bin al-Aswad al-Ḥanafī, salah seorang dari pengikut Qaṭarī, cuba menentang perlantikan tersebut beliau telah ditikam mati oleh 'Abdurabbihi, dan pengikut-pengikut 'Aṭiyyah telah lari mendapatkan al-Muhallab untuk mencari perlindungan daripadanya.[127]

Terdapat dua orang yang bernama 'Abdurabbihi, dan yang membezakan antara mereka kedua ialah gantinama "al-Kabīr" dan "al-Saghīr"; kedua-duanya dilaporkan ada bersama-sama puak Azāriqah memerangi tentera Umayyah. Kadangkala 'Abdurabbihi al-Kabīr dan kadangkala 'Abdurabbihi al-Saghīr yang menduduki tempat utama dalam barisan tentera Azāriqah; dan pada ketika yang lain pula mereka berperang secara bersendirian dalam dua kumpulan yang berasingan dan setelah itu berpecah dari tentera Qaṭarī. Kumpulan al-Saghīr mempunyai bilangan tentera seramai 4,000 orang, sementara kumpulan al-Kabir seramai 7,000 orang.[128] Beberapa orang ahli sejarah seperti Ibn al-Kalbī dan al-Mubarrad lebih mengutamakan al-Saghīr;[129] sementara al-Madā'inī, yang dikatakan lebih berkewibawaan tentang hal ehwal wilayah-wilayah timur, tidak menentukan sama ada al-Saghīr atau al-Kabīr yang

---

[125]*BA*/ms. vol. II, ms. 70 (al-Madā'inī), 72 (Ibn al-Kalbī); Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 382.

[126]Tab. II/1006; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms.438; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 392; Ibn Khaldun, *'Ibar*, vol. III, ms. 343.

[127]Ibn A'tham, vol. II, fol. 85B; *Ghurar*, fol. 18B.

[128]Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. II, ms. 275; *BA*/ms. vol. II, ms. 73; Ibn A'tham, vol. II, fols. 83A- 83B, 85A.

[129]*BA*/ms. vol. II, ms. 72; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 382, 392.

lebih utama.[130] Bagaimanapun, jika dilihat dari segi ketenteraan kita dapati bahawa bilangan tentera al-Kabīr adalah lebih besar daripada tentera al-Saghīr. Perbezaan kekuatan tentera ini menyebabkan ahli-ahli sejarah seperti Abū Mikhnaf, al-Haytham bin 'Adi dan Ibn A'tham menganggap, al-Kabīr, sebagai pemimpin sebenar bagi gerakan penentangan terhadap Qaṭarī bin al-Fujā'ah al-Tamīmī di Kirmān.[131] Gerakan Khawārij Asal yang dipimpin oleh 'Abdurabbihi al-Kabīr ini adalah merupakan titik tolak bagi sejarah puak Azāriqah, kerana sejak itu persekutuan antara suku kaum Ḥanīfah yang dibantu oleh berbagai suku kaum yang lain yang berada di Semenanjung Arab dengan saki baki golongan Khawarij Asal telah berakhir, dan seterusnya telah melemahkan kedudukan Khawārij Baru Azāriqah, yang mempunyai bilangan tentera yang sedikit, di bawah pimpinan Qaṭarī, bin al-Fujā'ah al-Tamīmī.

Pada masa pertempuran antara puak Azariqah dengan tentera-tentera al-Muhallab di Jīruft, Kirmān, 'Abdurabbihi al-Saghīr, yang dikatakan telah berpecah dengan tentera Qaṭarī sebelumnya, cuba pula untuk membantu Qaṭarī, tetapi telah dibunuh oleh askar-askar al-Muhallab, dan kebanyakan daripada pengikut 'Abdurabbihi al-Saghīr yang terselamat telah bergabung dengan tentera 'Abdurabbihi al-Kabīr.[132] Setelah melihatkan keadaan ini, Qaṭarī, yang mempunyai jumlah pengikut yang tidak ramai, merasakan tidak selamat untuk menghadapi dua musuh, yakni al-Muhallab dan 'Abdurabbihi al-Kabīr, dan kerana itu Qaṭarī dan pengikutnya terpaksa melarikan diri ke kawasan pergunungan Caspian, Ṭabaristān.[133]

'Abdurabbihi al-Kabīr serta pengikut-pengikutnya yang

---

[130] *BA*/ms. vol. II, ms. 70.

[131] Ṭab. II/1006 (Abū Mikhnaf); *BA*/ms. vol. II, 73 (al-Ḥaytham b. 'Adī); Ibn A'tham, vol. II, fol. 85B; bandingkan dengan Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 438; Maqdisī, *al-Bad'*, vol. VI, ms. 32; Ibn Khaldun, *'Ibar*, vol. III, ms. 343; Ibn al-Jawzī, *Mir'āt*, vol. VI, fol. 28A; *Ghurar*, fol. 18A.

[132] *Ghurar*, fols. 18A–18B.

[133] Ṭab. II/1007; *BA*/ms. vol. II, ms. 73-74; Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. II, 275; Ibn A'tham, vol. II, fol. 85B; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 393, 394; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 439; *Ghurar*, fol. 18B; Ḍhahabi, *Tārīkh*, vol. III, ms. 203; Ibn al-Jawzi, *Mir'at*, vol. VI, fol. 28A; Ibn Khaldun, *'Ibar*, vol. III, ms. 343; Ibn Kathir, *Bidāyah*, vol. IX, ms. 30; Ibn Abī al-Hadid, *Sharh* vol. I, 401, 403; Ibn Khaliān, *Wafayāt*, vol. IV, ms. 93–95; Baghdādī, *al-Farq*, ms. 66; Levi Della Vida, *op. cit.*

berperang secara berasingan dari puak Azāriqah, berkhemah di Jīruft. Tentera Umayyah telah mengepung Jīruft yang menyebabkan 'Abdurabbihi dan pengikutnya serta keluarga mereka terpaksa meninggalkan tempat itu. Lebih kurang enam kilometer jauhnya mereka telah diserang oleh tentera al-Muhallab yang menyebabkan ramai di antara Khawārij Asal, al-Kabīr terbunuh termasuk pemimpin mereka, 'Abdurabbihi. Boleh jadi sedikit sahaja tentera yang sempat melarikan diri; sementara yang lain telah ditangkap dan diserahkan kepada suku kaum masing-masing.[134]

Berikutan peristiwa ini, al-Muhallab telah menulis surat kepada al-Ḥajjāj untuk meminta bantuan tentera daripadanya bagi memerangi Qaṭarī dan pengikut-pengikutnya di Ṭabaristān. Al-Ḥajjāh telah menghantar askar Syria, yang dipimpin oleh Sufyān bin al-Abrad al-Kalbi. Pasukan ini kemudiannya disertai oleh tentera dari Kūfah pula yang dipimpin oleh Isḥāq bin Muḥammad bin al-Ash'ath al-Kindī. Menurut Isfandiyār dalam bukunya *Tārīkh-i-Ṭabaristān*, bahawa Qaṭarī bin al-Fujā'ah al-Tamīmī, pemimpin Khawārij, adalah orang yang paling berani dan fasih bertutur di kalangan orang Arab. Beliau telah mencari perlindungan dengan Ispahbad, pemimpin wilayah Ṭabaristān, bersama dengan rakan-rakannya, 'Umar Fannāq, Ṣāliḥ Mikhrāq dan lain-lain lagi. Mereka telah disambut dan dilayani dengan baik oleh hos mereka pada musim sejuk. Apabila mereka dan kuda mereka telah berehat dan kembali kuat semula, mereka cuba mengugut Ispahbad bahawa jika dia tidak mahu menerima pendapat dan kepercayaan mereka, mereka akan merampas negerinya. Menurut kenyataan ini lagi, sebaik-baik sahaja Sufyān bin al-Abrad al-Kalbī tiba di al-Rayy, Ispahbad, yang pada ketika itu sedang berkhemah bersama-sama tenteranya di Damawand, telah menghantar wakilnya ke al-Rayy dan menawarkan bantuan kepada Sufyān bin al-Abrad, dengan syarat bahawa Sufyān akan membalas jasa baik dan pertolongannya.

---

[134] *BA*, ms. vol. II, ms. 72, dan 73; Ṭab. II 1007; Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. II, ms. 276; Ibn A'tham, vol. II, fols. 86A dan 87B; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 393–402; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 439–40; Mas'ūdī, *Murūj*, vol. III, ms. 159; Maqdisi, *al-Bad'*, vol. VI, ms. 33; *Ghurar*, fols. 19B–20A; Baghdādī *al-Farq*, ms. 66; Dhahabī, *Tārīkh*, vol. III, ms. 126; Ibn al-Jawzī, *Mir'āt*, vol. VI, fol. 28A; Dīnawari, ms. 277–79; Ibn Khaldūn, *'Ibar*, III, ms. 343–44; Ibn Abī al-Hadid, *Sharḥ*, I, ms. 403–5.

Apabila berlaku pertempuran antara puak Azāriqah dengan tentera Ispahbad, tentera Ispahbad telah mencapai kemenangan dan ramai tentera Azāriqah telah terbunuh, termasuk 'Umar Fannāq, Ṣāliḥ Mikhrāq dan Qaṭarī, sementara yang selainnya ditawan dan dibawa ke Mazandarān. Ispahbad, kemudiannya, membebaskan orang-orang Azāriqah yang ditawan dan menghantar kepala-kepala mereka yang dipotong kepada Sufyān, dan seterusnya kepala-kepala itu dihantar kepada al-Ḥajjāj.[135]

Jelas kelihatan bahawa Ibn Isfandiyār, dalam menyatakan peristiwa di atas, cuba memihak kepada Ispahbad dengan mengatakan bahawa Ispahbadlah yang menewaskan Qaṭarī bin al-Fujā'ah dan rakan-rakannya. Pada masa yang sama, beliau bersikap prejudis terhadap orang-orang Arab.[136] Kenyataan Ibn Isfandiyār, pada keseluruhannya, tidak disokong oleh mana-mana sumber sejarah Arab. Menurut sumber-sumber sejarah Arab, tentera Syria dipimpin oleh Sufyūn bin al-Abrad Alkalbi dan disokong oleh askar-askar dari Kufah, yang dipimpin oleh Ibn al-Ash'ath al-Tamīmī dan teman-temannya dari puak Azariqah. Sumber-sumber itu tidak menyebut langsung tentang peranan yang dimainkan oleh Ispahbad dalam peristiwa tersebut.[137]

Selepas itu, 'Ubaydah bin Hilāl al-Yashkurī dan pengikut-pengikutnya, yang sebelum ini pernah berperang bersama-sama Qaṭarī di al-Rayy, telah diburu ke Qumīs, dan mereka telah bertahan beberapa lama menentang serangan tentera Syria yang diketuai oleh Sufyān bin al-Abrad al-Kalbī. Setelah kehabisan bekalan makanan, 'Ubaydan dan tenteranya telah melakukan suatu serangan balas tetapi tidak berjaya.[138] Maka, dengan kekalahan 'Ubaydan bin

---

[135]Muḥammad bin al-Hasan bin Isfandiyār, *Tārīkh-i Ṭabaristan*, di terjemahkan oleh E.G. Browne, dalam Gibb memorial series, 2.1905, ms. 104–105.

[136]Lihat C. Brockelmann, *History of the Islamic Peoples*, tr. Joel Carmichael & Moshe Perlmann, Capricorn Books, New York, 1960, ms. 88, di sini beliau juga telah terpengaruh dengan interpretasi ras mengenai peristiwa tersebut.

[137]Ṭab. II/1018–20; *BA*/ms. vol. II, ms. 74–75; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 276; Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. II,ms. 276; Ibn A'tham, vol. II, fols. 90B–91A; Ibn Qutaybah, *Ma'ārif*, ms. 181; M'aqdisī, *al-Bad'*, vol. VI, ms. 33; Ibn Durayd, *Ishtiqaq*, ms. 138, dan 205.

[138]*BA*/ms. vol. II, ms. 74, 75–76; Ṭab. II/1020–21; Ibn A'tham , vol. II, fols. 91A–92A; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 442 43; Ibn Durayd, *Istiqāq*, ms. 343; Dhahabī, *Tārīkh*, vol. III, ms. 127; Ibn al-Jawzī, *Mir'āt*, vol. VI, fol. 28A; *Ghurar*, fols. 28A–28B; Baghdādī, *al-Farq*, ms. 66.

Hilāl, penentangan puak Azāriqah pun berakhir, dan hampir semua wilayah timur telah terjatuh semula ke tangan pemerintahan Umayyah.

Ringkasnya, berikutan daripada kematian Khalīfah Yazīd bin Mu'āwiyah (Yazīd I) pada tahun 63 H./683 M. suasana di Iraq telah menjadi kucar-kacir dan pihak Khawārij Baru, Najdiyyah dan Azāriqah telah mengambil kesempatan ini dengan melakukan pemberontakan. Pucuk pimpinan Khawārij Baru telah dikuasai sepenuhnya oleh suku-suku kaum dari kawasan-kawasan tengah dan timur Semenanjung Arab, yang terdiri daripada Ḥanīfah, Tha'labah, 'Abd al-Qays dan Tamīm. Suku kaum yang paling kuat dan berpengaruh di antara mereka ialah suku kaum Ḥanīfah dari al-Yamāmah, yang terletak di kawasan tengah Semenanjung Arab. Pemimpin mereka yang pertama, Najdah bin 'Āmir dan Nāfi' bin al-Azraq, berasal dari suku kaum tersebut. Mereka, kemudiannya, dibantu oleh berbagai golongan masyarakat, termasuklah golongan Khawarij Asal, yang pernah menyertai peperangan Ṣiffīn dan peperangan al-Nahrawān, dengan tujuan untuk menjatuhkan kekuasaan Ibn al-Zubayr dan 'Abdul Malik dari Iraq. Pihak Khawārij Asal adalah lebih arif tentang pentadbiran desa, dan mereka boleh mengumpulkan kekayaan dan harta benda dari kawasan tersebut menerusi pemungutan hasil tanah dan cukai yang dikenakan ke atas penduduk tempatan; sementara Khawārij Baru pula, khususnya golongan suku kaum Ḥanīfah, mempunyai bilangan tentera yang ramai. Kombinasi antara dua golongan ini telah mencetuskan suatu kekuatan yang besar dan bertenaga.

Khawārij Baru telah terbahagi kepada dua kumpulan besar; Azāriqah dan Najdiyyah. Kumpulan yang pertama telah dipelopori oleh Nāfi' bin al-Azraq al-Ḥanafī dan yang kedua oleh Najdah bin 'Amir al-Ḥanafī. Masing-masing mempunyai pengikut dan penyokongnya. Najdiyyah telah disokong oleh orang-orang dari suku kaum yang berasal dari kawasan timur Semenanjung Arab, sementara Azāriqah disokong oleh anggota-anggota suku kaum di Iraq,[139] dan penduduk tempatan, yang terdiri daripada orang Arab

---

[139] *BA*. vol. XI, ms. 86, 93, 135 dan 148; Tab. II/517, 520 dan 588; Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 252; Dhahabi, *Tārīkh*, vol. II, ms. 360; Isfahānī, *Aghanī*, vol. VI, ms. 33.

dan bukan Arab,[140] di wilayah-wilayah timur, termasuk Khawārij Asal atau golongan *al-qurrā'*.[141] Namun begitu, mereka saling bekerjasama. Apabila puak Azāriqah berada di al-Ahwāz, Najdah bin 'Āmir sering membantu dan menghantar tenteranya dari al-Yamamah kepada Nāfi' bin al-Azraq di al-Ahwāz,[142] bahkan setelah kematian Nāfi' bin al-Azraq bantuan dari pihak Najdiyyah di Semenanjung Arab terus dihantar kepada puak Azāriqah di wilayah-wilayah timur Negeri Iraq.[143]

Perbezaan antara golongan Najdiyyah dan Azāriqah, ialah bahawa golongan Najdiyyah adalah lebih lemah dari segi kedudukannya, kerana golongan ini mengharapkan sokongan daripada suku kaum Ḥanīfah di daerah al-Yamāmah, kawasan tengah Semenanjung Arab semata-mata. Sifat-sifat kesukuan dan kedaerahan ini menyebabkan penyokong-penyokongnya dari suku-suku lain dari berbagai daerah di Semenanjung Arab, terutamanya di sebelah timur, tidak merestui perjuangan Najdiyyah. Golongan Azāriqah lebih bersifat universal; penyokong-penyokongnya sahaja datang daripada suku kaum Ḥanīfah, atau suku-suku Arab yang lain (Tamīm, Azd dan 'Abd al-Qays) malahan orang-orang dari bukan Arab dan golongan *al-qurra'*, sebagaimana yang dinyatakan di atas. Golongan *al-qurra'* atau Khawārij Asal telah memainkan peranan yang amat besar dalam membantu perjuangan Azāriqah, kerana menerusi merekalah puak Azāriqah dapat menguasai kawasan-kawasan desa di wilayah-wilayah timur, khususnya di Kirmān. Justeru itu puak Azāriqah telah berjaya mempertahankan kedudukan mereka lebih lama daripada Najdiyyah.

Walau bagaimanapun, wujudnya berbagai golongan yang mempunyai minat dan kepentingan yang berbeza-beza di kalangan pengikut-pengikut Azāriqah akhirnya telah menimbulkan berbagai

---

[140] *BA*/ms. vol. II, ms. 63; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 314–355.

[141] Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 392; Ibn Kathīr, *Bidāyah*, vol. VIII, ms. 238–seramai 8,000 orang Khawārij Asal (*al-qurrā'*) dinyatakan telah menyertai Azāriqah. Bilangan yang begitu besar adalah disebabkan oleh penyertaan penduduk tempatan bukan Arab yang tinggal di kampung-kampung, khususnya di wilayah Kirmān, dalam barisan Azāriqah. Golongan bukan Arab ini juga digelar oleh sumber-sumber Arab sebagai *al-Qurra'*, atau penghuni-penghuni kampung.

[142] *BA*, vol. XI, ms. 86, 87 dan 93; Isfahānī, *Aghānī*, vol. VI, ms. 5.

[143] Ṭab. II/588; Ibn A'tham, vol. I, fol. 249A.

masalah; dan apabila sahaja tentera Umayyah dapat mengembalikan kedudukan mereka di wilayah-wilayah timur, pengikut-pengikut Azāriqah telah berpecah dan dengan sebab itu mereka mudah dikalahkan oleh tentera Umayyah.

Pada masa pemberontakan Azāriqah di kawasan Baṣrah dan wilayah-wilayah timur satu pemberontakan lain berlaku di sebelah utara Negeri Iraq, iaitu di Mawṣil, Jazīrah. Pemberontakan baru ini terjadi pada tahun 76 H./696 M. yang dipimpin oleh beberapa orang daripada kaum Khawārij Asal. Ṣāliḥ bin Mussariḥ al-Tamīmī dari Banu Qays bin Zayd Murrah, adalah di antara pemimpin tersebut yang memulakan pemberontakan, dan beliau mula muncul di Kūfah. Apabila Khalīfah 'Abdul Malik, yang pada ketika sedang menunaikan fardu haji di Mekah, diberitahu tentang gerakan Ṣāliḥ bin Mussariḥ, beliau telah menulis surat kepada al-Hajjāj, gabenor Iraq, supaya menangkap pemimpin pemberontakan itu, tetapi Ṣāliḥ bin Mussariḥ, dan sebelum apa-apa berlaku ke atasnya, beliau berjaya melarikan diri, bersama-sama pengikut-pengikutnya ke sebuah kawasan bernama Dāra', di utara Kūfah, Di sini mereka telah menubuhkan pusat gerakan mereka.[144] Menurut Abū Mikhnaf, sebaik-baik sahaja mereka dapat menguasai Dāra, suatu utusan penting mengenai gerakan Ṣāliḥ bin Mussariḥ telah diumumkan kepada penduduk Kūfah. Isi kandungan utusan tersebut ialah, "bertindak mengikut amalan yang dilakukan oleh Khalifah Abū Bakr dan Khalīfah 'Umar, yang memerintah dengan berdasarkan ajaran kitab suci al-Qur'ān dan Sunnah Nabi; dan menolak pemerintahan 'Uthmān dan 'Alī, oleh kerana 'Uthmān telah mengiktiraf peneroka-peneroka Iraq, meninggalkan hukuman hudud dan kezaliman, sementara 'Alī pula telah melakukan hukuman mengikut kehendak manusia."[145] Pada bulan Safar 76 H./696 M. Ṣāliḥ bin Mussarriḥ mula bertindak tetapi beliau telah ditewaskan dan dibunuh oleh tentera Umayyah pada tahun yang sama.[146] Selepas kematian Ṣāliḥ kepimpinan itu diambilalih oleh Shabīb bin Yazīd al-Shaybānī.

---

[144]Tab. II/880–81; *BA*/ms. vol. II, ms. 86 dan 88.
[145]Tab. II/884–85.
[146]Huraian lanjut mengenai pemberontakan Ṣāliḥ bin Musarriḥ, sila lihat, Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 272; Ṭab. II/886–89; *BA*/ms. vol. II, ms. 86; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. IV, ms. 394; Dhahabī, *Tārīkh*, vol. III, ms. 121–22; Ibn al-Jawzī, *Mir'āt*,

Shabīb bin Yazīd al-Shaybānī telah dilahirkan di Kūfah pada akhir-akhir tahun 25 H./646 M. atau awal tahun 26 H./646 M. Bapanya bernama Yazid, salah seorang daripada ahli *al-qurrā'* Kūfah, dan beliau pernah bersama-sama tentera Sulaymān bin Rabī'ah al-Bāhilī dalam satu ekspedisi untuk membantu tentera Syria bagi menentang orang Rom yang dihantar oleh al-Walīd bin 'Uqbah, gabenor Kūfah, pada masa pemerintahan Khalīfah 'Uthmān. Nama ibunya ialah Jahīzah. Di Kūfah, Yazīd adalah merupakan salah seorang daripada ahli *al-qurrā'* seperti Ṣāliḥ bin Mussariḥ al-Tamīmī.[147] Sumber-sumber sejarah Arab mensifatkan Shabīb sebagai perwira dan orang yang paling berani dalam medan perang, berbadan tinggi dan mempunyai kekuatan badan yang luar biasa.[148] Beliau juga seorang yang berpengalaman luas dalam perang gerila, dan mempunyai kemahiran taktik yang mendalam serta amat popular di kalangan rakyat Kūfah.[149] Dengan adanya keistimewaan-keistimewaan ini beliau menjadi terkenal di kalangan Khawārij Asal. Sebelum ia meninggal Ṣāliḥ beliau telah menyerahkan segala urusan dan pentadbiran ketenteraan bagi menentang tentera Umayyah kepadanya.

Kenyataan Abū Mikhnaf yang paling terperinci, mengandungi hampir seratus halaman yang dimuatkan dalam *Tārīkh* al-Tabarī mengenai pemberontakan Shabīb bin Yazīd al-Shaybānī, menarik perhatian kita kepada beberapa hakikat tentang sejarah Khawārij di peringkat ini dan hubungannya dengan zaman awal pemerintahan Umayyah. Pertamanya, prinsip utama gerakan Shabīb adalah sama dengan prinsip-prinsip gerakan kaum Khawārij Awal (*fakānū 'ala ra'yi al-muhakkimah al-'Ū lā*).[150] Mereka telah menerima amalan-amalan Khalīfah Abū Bakr dan Khalīfah 'Umar, dan menolak amalan-amalan 'Uthmān dan 'Ālī.[151] Mereka tidak mengambil

---

vol. VI, fols. 23A–23B; Ibn Khaldun, *'Ibar*, vol. III, ms. 325; Ibn Abī al-Hadīd, *Sharḥ*, vol. I, ms. 410; Ibn Kathīr, *Bidāyah*, vol. IX, ms. 10–12.

[147] Ṭab. II/977–78; *BA*/ms. vol. II, ms. 88; Ibn Hazm, *Jamharah*, ms. 327; Ibn A'tham, vol. II, fol. 92B; Dhahabī, *Tārīkh*, vol. III, ms. 160; Ibn al-Jawzī, *Mir'āt*, vol. VI, fols. 18B–19A; Ibn Khallikān, *Wafayāt*, vol. II, ms. 455.

[148] Jājiz, *Bayān*, vol. I, ms. 128–29; Ibn Khallikān, *Wafayāt*, vol. II, ms. 455; Baghdādī, al-Farq, ms. 89.

[149] K.V. Zettersteen, "Shabīb", *Encyclopaedia of Islam*, Ist. Edition, Leiden, 1913–38.

[150] Baghdādī. *al-Milal wa al-Niḥal*, Beirut, 1970, ms. 75.

[151] Ṭab. II/882–83, dan 900; Ibn A'tham, vol. II, fol. 94A.

perhitungan soal-soal suku dalam menentukan penyokong mereka; dan oleh sebab itu, mereka memerangi semua orang yang tidak sependapat dengan mereka, walaupun dari suku kaum mereka sendiri.[152] Yang keduanya, perlu diambil perhatian di sini bahawa, walaupun Shabīb pada awalnya muncul di Jazīrah, namun kegiatan-kegiatan beliau telah meluas hingga sampai ke kawasan-kawasan desa Iraq (sawād), tempat terdapatnya kepentingannya dan kepentingan rakan-rakannya daripada Khawārij Asal. Pada suatu ketika, Shabāb telah berjaya menguasai kawasan al-Madā'in dan kemudiannya kawasan al-Nahrawān; di sini beliau dan rakan-rakannya telah berpeluang menziarahi makam teman mereka yang mati syahid dalam peperangan al-Nahrawān, dan memohon pengampunan dan restu dari Ilahi ke atas roh-roh yang telah pergi itu; serta mengisytiharkan bahawa mereka tidak mempunyai kaitan langsung dengan perjuangan 'Ali dan penyokong-penyokongnya (*wa-tabarra'ū min 'Alī wa aṣḥābihi*).[153] Leluhur Shabīb, Ṣāliḥ bin Musarriḥ al-Tamīmī, juga dikatakan pernah pergi ke al-Nahrawān dan melakukan perkara yang dilakukan oleh Shabīb dan teman-temannya,[154] yang mempunyai prinsip-prinsip perjuangan yang serupa dengan Shabīb dan teman-temannya.[155] Selain itu, kedua-dua pemimpin tadi telah melakukan penentangan terhadap dasar pemerintahan 'Abdul Malik/al-Ḥajjāj yang tegas di Iraq. Shabīb dan Ṣāliḥ, dari golongan Khawārij Asal, telah membuktikan tentang adanya kerjasama yang erat di antara mereka dalam usaha mereka menghadapi keluarga Umayyah. Shabīb juga telah menunjukkan sifat-sifat patuh dan ṭaat setia kepada rakannya yang lebih tua, Ṣāliḥ bin Musarriḥ, sehingga Ṣāliḥ meninggal dunia. Hanya 'Umar bin Shabban dalam *Tārīkh* al-Tabarī sahaja yang cuba mengkaburkan hakikat tersebut.[156]

Bilangan tentera Shabīb adalah kecil, dan tidak pernah lebih

---

[152]Ṭab. II/975, dan beberapa contoh kepada pertikaian antara Shabīb dengan anggota-anggota suku kaumnya dari Shaybān juga diberikan (Ṭab. II/915–16 dan 895).
[153]*Ibid.*, II/900.
[154]*BA*/ms. vol. II, ms. 85.
[155]Ṭab. II/889; *Ghurar*, fol. 22B.
[156]Ṭab. II/967.

daripada 1,000 orang; termasuk 200–300 orang wanita.[157] Ini berbeza dengan tentera Khawārij Baru, yang mempunyai bilangan tentera yang besar, dan kadangakala lebih daripada 30,000 orang.[158] Walaupun kedua pemberontakan tersebut berlaku pada masa yang sama, dan juga kedua-dua kumpulan pemberontakan itu digelarkan oleh ahli-ahli sejarah sebagai *al-Khawārij,* namun ini tidak semestinya bererti bahawa kedua-duanya mempunyai minat dan matlamat perjuangan yang sama. Pada hakikatnya, mereka tidak mempunyai minat dan kepentingan yang serupa, bukan sahaja dari segi ketenteraan, malahan keseluruhan latar belakang sejarah kedua-dua gerakan tersebut adalah berbeza. Pusat gerakan Shabīb di sebelah utara Negeri Iraq, iaitu di daerah Mawṣil, Jazīrah. Sasaran utama gerakan ini ialah kawasan-kawasan desa Iraq, tempat terdapatnya berbagai kepentingan Khawārij Asal. Dalam usaha untuk mengembalikan semula kepentingan mereka di kawasan-kawasan tersebut Shabib dan rakan-rakannya terpaksa berikhtiar untuk menjatuhkan pemerintahan 'Abdul Malik bin Marwan di Iraq. Penduduk Kūfah telah bersimpati dengan perjuangan Shabīb. Justeru itu, beliau telah berjaya memasuki kota Kufah dua kali, dan menewaskan tentera Umayyah sehingga tentera dari Syria campur tangan, dan sejak itulah Shabīb dan rakan-rakannya dapat ditewaskan, dan mereka kemudiannya melarikan diri ke Kirman.[159] Pemilihan haluan ke Kirmān di sini mempunyai kepentingan yang khusus, dan akan membawa kepada titik terakhir dalam perbincangan kita mengenai puak Khawārij.

Kedatangan Shabīb ke Kirmān mungkin ada kaitannya dengan strategi ketenteraan, oleh kerana pada ketika itu sebahagian daripada Khawārij Asal masih berada di sana, dan oleh kerana itu beliau boleh jadi telah memikirkan bahawa mereka boleh memberi pertolongan kepadanya. Malangnya beliau gagal untuk mendapatkan sokongan yang diharapkan itu, oleh kerana puak Azāriqah, yang dipimpin oleh Qaṭarī bin al-Fujā'ah al-Tamīmī,

---

[157]Ibn A'tham, vol. II, fol. 92B (300 wanita); *Ghurar,* fol. 29A (250 wanita); Baghdādī, *al-Farq,* ms. 90 (200 wanita).

[158]Ibn A'tham, vol. I, fol. 248B (20,000), 251A (32,000); Baghdādī, *al-Farq,* ms. 64 (lebih dari 20,000).

[159]Ṭab. II/967; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil,* vol. IV, ms. 428; Ibn Khaldūn, *'Ibar,* vol. III, ms. 337; Ibn abī al-Hadīd, *Sharḥ,* vol. I, vol. I, ms. 423.

masih menguasai Kirman pada ketika itu (77 H./697 M.).

Setelah gagal untuk mendapatkan bantuan dari Kirmān, Shabīb bersama-sama lebih kurang 100 orang pengikut, berpatah balik dengan tujuan untuk menyerang Kufah. Dalam perjalanan, mereka telah diserang dan ditewaskan oleh tentera Syria yang dipimpin oleh Sufyān bin al-Abrad al-Kalbī di al-Ahwāz; Shabīb sendiri telah mati lemas di Sungai Dujayl pada akhir tahun 77 H./697 M. Hanya segelintir kecil yang terselamat dan sempat melarikan diri ke Jazīrah dan Iraq, sementara yang lain, termasuk al-Baṭīn, yang dikatakan telah menggantikan Shabīb, telah ditangkap dan dihukum mati oleh al-Hajjāj.[160] Dengan kematian Shabib, berakhirlah pemberontakan Khawārij Asal dan Iraq telah terjatuh sepenuhnya ke bawah kekuasan kerajaan Umayyah.

[160]Khalīfah, *Tārīkh*, vol. I, ms. 275; *BA*/ms. vol. iI, ms. 96–97; Ibn A'tham, vol. II, fols. 93B–95A.

LAUT HITAM
LAUT KASPIA
LAUT ARAL
Sungai Jaxartes
KHWĀRIZM
Sungai Oxus
FARGHĀNA
Bukhara
SOGHDIANA
Samarqand
Sungai Zarafshan
ARMENIA
WILAYAH—WILAYAH TUKHARĪSTAN
Merv
Balkh
Kābul
Ardabil
JAZĪRAH
Sungai Dajlah
GURGĀN
KHURĀSĀN
ĀDHERBAYJĀN
TABARISTĀN
Nishapur
Siffin
Hulwān
Rayy
QŪHISTĀN
Sungai Hal—rud
P. CYPRUS
LAUT MEDITERRANEAN
Sungai Furat
IRAQ
JIBĀL
PALESTINE
ZĀBULISTĀN
Sungai Hilmand
Isfahan
Kūfah
Zarang
Bust
SĪSTAN
Basrah
AHWĀZ
Istakhr
Shiraz
TELUKAN PARSI
Jīruft
FĀRS
KIRMĀN
MAKRĀN
LAUT MERAH

# BAB KETUJUH

## Pemberontakan Shī'ah Zaman Umayyah

Perkataan *Shī'ah* ada disebut beberapa kali di dalam Kitab Suci al-Qur'ān yang membawa erti sekumpulan manusia,[1] tetapi setelah berlaku peristiwa di Siffin, atau lebih tepatnya selepas kegagalan Majlis Tahkīm, perkataan Shī'ah telah berubah makna iaitu *pengikut-pengikut Sayyidina 'Alī r.a.* Menurut al-Ṭabarī, perubahan tersebut berlaku apabila sekumpulan tentera Sayyidina 'Alī telah memberikan pengakuan, taat setia mereka kepadanya dengan melafazkan kata-kata bahawa, "semua sahabat 'Alī adalah sahabat kami dan semua seteru 'Alī adalah seteru kami".[2]

Pemimpin-pemimpin kaum Shī'ah yang terawal adalah terdiri daripada orang Arab yang berasal dari daerah Selatan Semenanjung Arab, seperti al-Ashtar Mālik bin al-Ḥārith, dari suku Nakha' dan Ḥujr bin 'Adī, dari suku Kindah, Ḥadramaut, Madhhij dan Hamdān. Mereka adalah golongan *al-qurrā'* Kufah, yang kemudiannya disertai oleh golongan *mawālī*, iaitu orang bukan Arab yang memeluk Islam dari keturunan bangsa Parsi. Penglibatan golongan *mawālī* dalam puak Shī'ah adalah disebabkan oleh dasar pemerintahan Sayyidina 'Alī yang tidak beza-membeza. Beliau pernah disifatkan sebagai seorang Khalifah yang adil, bukan sahaja terhadap orang Arab tetapi juga terhadap orang bukan Arab. Sehubungan dengan ini al-Ya'qūbī ada menegaskan "bahawa

---

[1]*al-Qur'ān* Sūrah Maryam, ayat, 69, sūrah al-Qasas, ayat, 15.
[2]Tab. I/3350.

sesungguhnya 'Alī telah membahagikan harta rampasan perang sama rata kepada pengikut-pengikutnya, tanpa mengira asal keturunan".[3] Walau bagaimanapun, dasar penyamarataan yang diamalkan oleh Sayyidina 'Alī telah mengecewakan sebahagian daripada penyokongnya yang ingin mengekalkan *status quo* mereka. Akibatnya beliau ditentang dan dibunuh. Setelah itu Mu'āwiyah berkuasa sebagai Khalīfah Umayyah yang pertama. Dasar pemerintahan Mu'āwiyah, terutamanya mengenai pentadbiran di Iraq, adalah berbeza daripada dasar pemerintahan 'Alī (lihat Bab Lima).

Walau bagaimanapun, kematian Sayyidina 'Alī telah dibela oleh kaum Shī'ah. Di antara pemimpin Shī'ah yang terkemuka pada zaman Mu'āwiyah ialah Ḥujr bin 'Adī al-Kindī. Ḥujr adalah seorang yang jujur dan patuh kepada Sayyidina 'Alī. Beliau telah bersama-sama Sayyidina 'Alī sejak dari awal pemerintahannya, dan seterusnya bergiat aktif dalam perang Jamal[4] dan perang Ṣiffīn. Beliau dilantik sebagai pemimpin suku Kindah oleh 'Ali.[5]

Gerakan Ḥujr bin 'Adī[6] merupakan gerakan yang ulung dilakukan oleh kaum Shī'ah pada masa pemerintahan Mu'awiyah. Sejarah penentangan Ḥujr bin 'Adī terhadap kerajaan Mu'āwiyah banyak dicatatkan oleh ahli sejarah, khususnya oleh al-Ṭabarī, menerusi versi Abū Mikhnaf dan al-Balādhurī. Menurut riwayat-riwayat ini bahawa sebaik sahaja Mu'āwiyah dilantik menjadi Khalīfah beliau telah melantik al-Mughīrah bin Shu'bah sebagai gabenornya yang pertama di Kūfah. Dalam masa pemerintahannya, al-Mughīrah bin Shu'bah telah mencaci Sayyidina 'Alī disetiap khutbah Jumaat. Perbuatan ini telah ditentang oleh Ḥujr bin 'Adī dan seterusnya beliau mengkritik tentang pengawalan al-Mughīrah ke atas hasil pendapatan (*rizq*) dan gaji golongan *al-qurrā'* atau Shī'ah Asal di Kūfah. Al-Mughīrah dikatakan tidak melakukan sebarang tindak balas terhadap golongan penentang itu, kerana beliau lebih suka mengamalkan sikap lemah-lembut dalam berpolitik.[7]

---

[3]Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. II, ms. 183.
[4]*BA*/ms. vol. I, ms. 351; Ibn A'tham, vol. I, fol. 35A; Dinawari ms. 147.
[5]*WS*, ms. 231; Khalīfah, *Tarīkh*, vol. ms. 177.
[6]Di sini penulis cuba membezakan antara gerakan Hujr atau Shī'ah Asal dengan Shī'ah Baru dan keluarga 'Alī ('Alwiyyīn).
[7]Ṭab. II/112–4; *BA*/ms. vol. I, ms. 799.

Selepas al-Mughīrah bin Shu'bah meninggal dunia pada tahun 51 H/671M suatu perubahan dasar telah dilakukan oleh Mu'āwiyah, iaitu dengan cara melantik salah seorang daripada pengikut Sayyidina 'Alī untuk menjadi gabenor Kūfah sebagai pengganti al-Mughīrah. Gabenor yang baru dilantik itu ialah Ziyād bin Abihi (Ziyād bin Abī Sufyān). Sejak ketibaan Ziyād keadaan di Kūfah telah semakin bertambah buruk dan pemberontakan kaum Shī'ah semakin menjadi-jadi. Oleh kerana itu beliau terpaksa mengambil tindakan keras terhadap musuh-musuh Mu'āwiyah dan memberi amaran supaya mereka tidak menjejaskan keamanan kota tersebut. Segala kata-kata Ziyād itu tidak diendahkan oleh Ḥujr bin 'Adī dan rakan-rakannya dan mereka terus bangun menentang kerajaan Mu'āwiyah/Ziyād.

Pada hakikatnya penentangan Ḥujr bin 'Adī adalah merupakan penentangan golongan *al-qurrā'* Kūfah terhadap dasar pemerintahan Mu'āwiyah di Iraq. Ḥujr sendiri adalah salah seorang daripada pemimpin golongan *al-qurrā'* Kufah yang pernah menyertai perang al-Qadisiyyah dan telah menerima gaji sebanyak 2,500 dirham pada masa pemerintahan Khalīfah 'Umar bin al-Khaṭṭāb.[8] Beliau juga adalah salah seorang daripada golongan penentang Khalīfah 'Uthmān di Kūfah (lihat Bab Dua). Kedudukan dan pengaruh Ḥujr bin 'Adī dalam suku kaum Kindah adalah lebih kecil daripada kedudukan dan pengaruh al-Ash'ath bin Qays. Perbezaan ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi tindak-tanduk Ḥujr selepas kematian Sayyidina 'Ali, tetapi perkara yang lebih penting ialah bahawa Mu'āwiyah bukan sahaja cuba membeza-bezakan antara pemimpin yang berpengaruh dan yang kurang berpengaruh. Beliau juga cuba mengawal kehidupan seluruh penduduk di Iraq.[9] Walaupun al-Dīnawarī ada menyatakan bahawa sebelum ini al-Mughīrah bin Shu'bah cuba menenangkan Ḥujr dengan menawarkan wang kepadanya sebanyak 5,000 dirham, namun tawaran tidak dilayani oleh Ḥujr.[10] Bagaimanapun, kenyataan Dīnawarī itu tidak disokong oleh sumber-sumber sejarah

[8] *BA*. vol. IVA, ms. 233; Ibn. Sa'd, *Tabaqat*, vol. VI, ms. 151.
[9] Tab. II/III–13; *BA*. vol. IVA, ms. 211–12; Isfahānı, *Aghānī*, vol. XVI, ms. 2; Ibn al-Athir, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 473.
[10] Dīnawarī, ms. 223.

lain. Sekiranya ini benar, jumlah wang 5,000 dirham yang ditawarkan kepada Ḥujr itu amatlah sedikit berbanding dengan wang yang ditawarkan kepada pemimpin-pemimpin yang selainnya.[11] Namun begitu, hampir dua pertiga daripada penduduk Kūfah telah memberi sokongan kepada Ḥujr.[12]

Untuk mengawal pemberontakan Ḥujr, Ziyād telah menggunakan pemimpin-pemimpin suku, dan dengan pertolongan mereka beliau telah berjaya menangkap Ḥujr dan rakan-rakannya.[13] Di antara pemimpin tersebut ialah Muhammad bin al-Ash'ath bin Qays al-Kindī, yang mempunyai kedudukan yang tinggi di kalangan pemimpin Arab dan telah menyatakan kesediaannya untuk memerangi Ḥujr kepada Ziyād.[14] Dari kenyataan ini jelaslah bahawa kepemimpinan suku Kindah kini berada di tangan Muhammad bin al-Ash'ath dan keluarganya, yang telah mengatasi pengaruh Ḥujr bin 'Adī. Sebagaimana yang dinyatakan lebih awal, kedudukan Ḥujr bin 'Adī dalam suku Kindah adalah bergantung sepenuhnya kepada dasar pentadbiran suku Sayyidina 'Alī; tetapi setelah Khalifah itu meninggal dunia maka kepemimpinan suku Kindah telah dikembalikan semula kepada keluarga Ibn al-Ash'ath. Justeru itu, besar kemungkinan bahawa dengan kehilangan kedudukan dalam organisasi kesukuan Arab di Kufah serta dasar pentadbiran baru Mu'awiyah di Iraq yang tidak dipersetujui oleh golongan *al-qurrā'* atau kaum Shī'ah, telah menyebabkan Hujr bangun memberontak menentang kerajaan Mu'āwiyah. Bagaimanapun, dengan adanya pertolongan Ibn al-Ash'ath dan pemimpin-pemimpin suku yang lain, Ziyād telah berjaya menangkap Ḥujr bin 'Adī, dan dua belas orang rakan-rakannya, yang digelar sebagai *al-sufahā'* (orang-orang yang bodoh). Mereka telah dihadapkan kepada Mu'āwiyah di Syria, dan enam orang daripada mereka telah dijatuhi hukuman mati.[15] Dengan

---

[11]Sila lihat, ms. 215 (notakaki, no. 2).

[12]Tab. II/113; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 473–474.

[13]Tab. II/121–22, dan 124; *BA*. vol. IVA, ms. 217, dan 218; Ibn Sa'd, *Tabaqāt*, vol. VI, ms. 152.

[14]Dīnawarī, ms. 233; Isfahānī, Aghani, vol. XVII, ms. 105–106 (keluarga Ibn al-Ash'ath termasuk dalam golongan keluarga raja-raja dan bangsawan).

[15]Tab. II/136–43; *BA*. vol. ms. 231–33; Ibn Sa'd, *Tabaqāt*, vol. VI, ms. 153; Isfahani, *Aghani*, vol. XVI, ms. 10–11; Ibn al-Athir, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 483–86—penggelaran istilah *al-sufahā'* oleh Ziyad terhadap rakan-rakah Hujr, sila lihat, Ibn Sa'd, *Tabaqat*, vol. VI, vol. VI, ms. 152; *BA*. vol. IVA, ms. 215, 231; Ibn Kathīr, *Bidayah*, vol. VIII, ms. 53 (dipetik dari Ibn Sa'd).

tindakan itu Mu'āwiyah mengharapkan kedudukannya di Iraq lebih selamat dan terjamin. Sesungguhnya, pembunuhan Ḥujr dan rakan-rakannya merupakan amaran keras terhadap kaum Shī'ah kerana jika mereka melakukan penentangan ke atas kerajaan Mu'āwiyah mereka akan menerima nasib yang sama seperti nasib Ḥujr dan teman-temannya.

Di tahap-tahap akhir pemerintahan Mu'āwiyah berlaku sedikit perselisihan di kalangan keluarga Bani Umayyah. Perselisihan itu timbul akibat daripada masalah pemilihan bakal pengganti Mu'āwiyah. Terdapat dua nama iaitu Marwān bin al-Hakam dan Yazīd bin Mu'āwiyah yang dicalonkan untuk menjadi Khalīfah selepas Mu'āwiyah. Walau bagaimanapun, Mu'āwiyah telah melantik anaknya, Yazīd sebagai putera mahkota dan seterusnya menjadi Khalifah pada tahun 60 H/680 M. Kaum Shī'ah enggan menerima Yazīd bin Mu'āwiyah sebagai Khalīfah oleh kerana mereka mahu salah seorang daripada keluarga 'Alī menjawat jawatan tersebut. Pada mulanya kaum Shī'ah mengharapkan Sayyidina al-Ḥasan yang menggantikan bapanya, 'Alī, menjadi Khalīfah, tetapi harapan itu telah dimusnahkan oleh Sayyidina al-Ḥasan sendiri apabila beliau menyerahkan kekuasaan itu kepada Mu'āwiyah. Namun begitu, mereka masih menaruh harapan agar Mu'āwiyah menyerahkan semula jawatan Khalīfah kepada keluarga Sayyidina 'Alī, tetapi apa yang diharap-harapkan itu telah menjadi hancur lebur apabila Yazīd dilantik menjadi pengganti Mu'āwiyah.

Akibatnya bukan sahaja penyokong-penyokong 'Alī bangun memberontak, tetapi juga anaknya sendiri, iaitu Sayyidina al-Husayn. Semasa perlantikan Yazīd, Sayyidina al-Husayn sedang berada di Madīnah; beliau begitu yakin bahawa beliau akan mendapat sokongan daripada penduduk di Kūfah, kerana sebelum beliau melakukan pemberontakan, beliau telah menghantar sepupunya, Muslim bin 'Aqil ke Kūfah untuk meninjau keadaan di sana. Apabila Muslim sampai di Kūfah beliau telah mendapat sambutan yang baik dari penduduk Kūfah, dan mereka mengaku taat setia kepada Sayyidina al-Husayn. Melihat keadaan ini, Muslim merasakan beliau beroleh kemenangan, lalu beliau mengirim utusan kepada Sayyidina al-Husayn dan meminta beliau datang ke Kūfah. Malangnya berita kedatangan Muslim ke Kūfah telah diketahui oleh Ibn Ziyād, gabenor Kūfah, lalu beliau memerintahkan tenteranya

supaya menangkap Muslim dan akhirnya Muslim telah dibunuh.

Tanpa mengetahui keadaan Muslim, Sayyidina al-Husayn bersama-sama beberapa orang pengikutnya datang ke Kūfah pada 10 Muharam 61 H/681 M tanpa menghiraukan nasihat dari para sahabat dan alim ulama di al-Ḥijāz tentang kemungkinan bahaya yang akan menimpa diri mereka di Kūfah kelak. Pada hakikatnya, di tahap ini kaum Shī'ah mempunyai kesempatan untuk bertindak dan menguasai Iraq andainya mereka bekerjasama dengan Sayyidina al-Ḥusayn, tetapi Sayyidina al-Ḥusayn nampaknya telah dibiarkan bersendirian. Sebelum memasuki kota Kūfah Sayyidina al-Ḥusayn telah diserang oleh tentera Yazīd yang diketuai oleh Ibn Ziyād di Karbāla' dan Sayyidina al-Ḥusayn telah terbunuh.

Kematian Sayyidina al-Ḥusayn telah meninggalkan kesan yang amat mendalam di kalangan golongan Shī'ah yang mengakibatkan perubahan strategi gerakan mereka selepasnya. Peristiwa di Karbala' telah dianggap oleh semua puak Shī'ah sebagai suatu kekejaman yang pernah dilakukan oleh kerajaan Umayyah terhadap keluarga Nabi. Hingga kini peristiwa tersebut masih diperingati oleh kaum Shī'ah di Iraq. Sebab utama kekalahan al-Ḥusayn ialah dari segi kekuatan angkatan tenteranya yang jauh lebih kecil jika dibandingkan dengan tentera Ibn Ziyād. Angkatan tentera Ibn Ziyād berjumlah 4,000 orang, sementara tentera al-Ḥusayn tidak sampai seratus orang, kerana beliau tidak menerima sebarang bantuan dari Kūfah, seperti yang diharapkan.[16] Menurut al-Ṭabarī, jumlah tentera al-Ḥusayn di Karbala' ialah 70 orang, termasuk 32 tentera berkuda dari kaum keluarga sepupunya.[17]

Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa perjuangan keluarga Sayyidina 'Alī adalah berbeza dari perjuangan kaum Shī'ah umumnya. Matlamat perjuangan Shī'ah di Iraq bukanlah semata-mata untuk membela Sayyidina 'Alī dan keluarganya, tetapi yang lebih penting ialah untuk menjaga kepentingan-kepentingan mereka di Iraq. Ini dapat dilihat daripada pemberontakan Ḥujr bin 'Adī dan kekalahan Sayyidina al-Ḥusayn di Karbalā'. Namun begitu, isu pembunuhan Sayyidina al-Husayn telah digunakan dengan

[16]W.M. Watt, "Shi'ism Under the Umayyads", *Journal of the Royal Asiatic Society*, 1960, ms. 158.

[17]Ṭab. II/281; Wellhausen, *The Religio-Political Factions in Early Islam*, ms. 111.

sepenuhnya oleh kaum Shī'ah di Iraq.

Selepas peristiwa Karbalā', pergerakan kaum Shi'ah telah memasuki tahap baru. Di tahap ini gerakan mereka boleh dikatakan lebih intensif kerana dalam tempoh tersebut telah berlaku beberapa pertempuran hebat di antara mereka dengan pihak pemerintah yang tidak pernah terjadi sebelumnya. Golongan ini, yang dipimpin oleh Sulayman bin Surad al-Khuza'i, salah seorang bekas *al-qurra'*[18] dan peneroka Iraq yang setia kepada Sayyidina 'Ali, adalah lebih radikal dan mereka dikatakan cuba untuk membela kematian Sayyidina al-Ḥusayn. Golongan ini menggelar diri mereka *al-Tawwābūn* (orang-orang yang bertaubat), akibat daripada kesedaran dan kekesalan mereka kerana lalai untuk menyelamatkan Sayyidina al-Husayn daripada dibunuh. Oleh itu mereka merasa begitu berdosa dan bersalah. Bagi menebus dosa dan kesalahan tersebut mereka terpaksa mengorbankan diri mereka dengan menentang kerajaan Umayyah. Pada masa Khalīfah Yazīd bin Mu'āwiyah masih hidup, golongan *al-Tawwābūn* telah menjalankan berbagai aktiviti secara sembunyi. Mereka dikatakan selalu mengadakan perjumpaan di rumah Sulaymān bin Surād pada tiap-tiap malam Jumaat. Di sini mereka sama-sama membincangkan tektik serta menanamkan semangat perjuangan mereka. Dalam pada itu mereka mengecam pemerintahan Umayyah yang zalim seperti Mu'āwiyah yang tidak berperikemanusiaan dan menganggap Khalīfah Yazīd sebagai lambang kejahatan, contoh kerosakan budi, pertumpahan darah manusia, perampas hak, dan perlanggaran hukum.

Dalam usaha untuk memperkukuhkan gerakan *al-Tawwābūn,* pemimpinnya Sulaymān bin Surād, telah menghubungi ketua-ketua suku kaum Arab di Kūfah dari berbagai keturunan seperti Fazārah, Azd, Bakr dan Bajilah. Dengan usaha tenaga Sulayman serta kerjasama dari pihak pemimpin-pemimpin suku tersebut, mereka telah berjaya mengumpulkan tentera seramai 16,000 orang. Dengan jumlah tentera yang besar ini mereka berjaya menawan kota Kūfah selepas kematian Khalīfah Yazīd pada tahun 64 H/684 M. Sejak itu golongan *al-Tawwābūn* bergerak secara terbuka. Pada tahun berikutnya mereka cuba pula menyerang tentera Umayyah di Jazīrah, Mesopotamia. Di pertengahan jalan, iaitu di Nukhaylah,

[18]*BA*. vol. V, ms. 41.

tentera Sulaymān telah bertempur dengan tentera Umayyah yang dipimpin oleh 'Ubaydullah bin Ziyād dan berakhiri dengan kemenangan tentera Sulayman. Setelah itu Sulayman dan rakan-rakannya kembali ke Kufah, di mana didapati al-Mukhtar bin Abi 'Ubāyd al-Thaqafī, yang mendakwa dirinya sebagai pengikut Shī'ah, berada di sana. Justeru itu Sulaymān dan beberapa orang dari tenteranya berpatah balik menuju ke Jazīrah. Manakala golongan *mawālī* (bukan Arab) tinggal di Kufāh bersama-sama al-Mukhtār. Sikap Sulaymān yang tidak merestui penaklukan kota Kūfah telah menyebabkan tenteranya berpecah; Hanya lebih kurang 4,000 orang sahaja yang terdiri daripada keturunan Arab yang tinggal bersama-sama Sulaymān.[19] Bagaimanapun, tentera Sulaymān yang kecil itu telah dilengkapkan dengan senjata yang cukup. Pada 5 Rabī' al-Akhir 65 H/685 M dalam perjalanan ke Jazīrah mereka singgah di Karbalā' untuk menziarahi makam Sayyidinā al-Husayn, dan selepas itu mereka pergi ke kawasan sungai Furāt dan seterusnya ke Raqqah untuk menemui tentera Ibn Ziyād pada bulan Jumadi al-Awal 65 H/685 M. Menurut Abū Mikhnaf pertempuran berlaku selama lebih daripada sepuluh hari yang berakhir dengan kekalahan tentera Sulayman malahan beliau sendiri terbunuh.[20] Inilah pertama kalinya kaum Shī'ah melakukan pertempuran dengan bilangan tentera yang ramai, namun begitu mereka masih dianggap kurang aktif jika dibandingkan dengan gerakan al-Mukhtār pada tahun berikutnya. Dengan kematian Sulaymān bin Surād, berakhirlah penentangan yang dipimpin oleh kaum Shī'ah Asal, atau golongan *al-qurrā'* Kūfah. Selepas itu pergerakan Shī'ah dikuasai oleh kaum Shī'ah Baru yang mempunyai kepentingan dan perjuangan yang berbeza dari Shī'ah Asal. Golongan Shī'ah baru ini telah dipelopori oleh al-Mukhtār.

Al-Mukhtār bin Abī 'Ubayd al-Thaqafī telah membawa satu era baru dalam perjuangan kaum Shī'ah di Kūfah. Beliau telah mengadakan gerakan dan percubaan yang lebih berani dan hebat lagi. Menurut sejarahnya, al-Mukhtar mempunyai pertalian yang erat dengan Negeri Iraq. Bapanya, Abū 'Ubayd, adalah pemimpin

---

[19]Tab. 11/538 dan berikutnya; BA. vol. V, ms. 212.
[20]Ṭab. 11/569–ulsasan lengkap mengenai pergerakan *al-Tawwabun*, sila lihat, *BA*, vol. V, ms. 204–213; Ṭab. 11/479–509, 538–76.

angkatan tentera Islam pada masa pemerintahan Khalīfah 'Umar bin al-Khaṭṭāb yang terlibat dalam perang Jambatan pada tahun 13 H/634 M. menentang tentera Sasanian di Iraq. Dalam peperangan ini beliau serta saudara dan anaknya telah gugur syahid.[21] Bapa saudaranya, Sa'd bin Mas'ūd, pernah menjadi gabenor di al-Madā'in pada masa pemerintahan 'Alī dan al-Hasan. Beliau sendiri pernah menyertai gerakan Shī'ah yang diketuai oleh Muslim bin 'Āqil pada tahun 61 H/681 M. Akibatnya al-Mukhtar dipenjara oleh Ibn Ziyād dan setelah itu beliau dihantar ke Mekah.[22] Menurut sumber lain pula, sebelum itu, iaitu sewaktu ia menjadi gabenor al-Madā'in al-Mukhtār pernah menasihati bapa saudaranya, Sa'd bin Mas'ūd, supaya menyerahkan Sayyidina al-Ḥasan kepada Mu'āwiyah.[23] Walau bagaimanapun, sejarah al-Mukhtār hanya diketahui setelah umurnya enam puluh tahun.[24] Beliau tidak pernah bergiat bersama-sama golongan *al-qurrā'* Kūfah, sama ada pada zaman Umayyah ataupun sebelumnya.

Sewaktu di Mekah al-Mukhtār cuba menyokong Ibn al-Zubayr tetapi beliau tidak dilayani. Setelah itu beliau menghilangkan diri dari Mekah.[25] Pada tahun 64 H/684 M. beliau muncul pula bersama-sama barisan tentera Khawarij Baru, Najdiyyah di al-Yamāmah.[26] Oleh kerana keadaan di Semenanjung Arab pada keseluruhannya tidak banyak memberi faedah kepada al-Mukhtār dengan wujudnya pengaruh-pengaruh Ibn al-Zubayr dan Najdiyyah, maka beliau mengalihkan pandangannya ke Kufah, Iraq pula, yang pada ketika itu (65 H/685 M) Kufah memerlukan pimpinan akibat kekalahan Sulaymān bin Surād di tangan Ibn Ziyād. Di Kūfah terdapat ramai pengikut Shī'ah sama ada orang Arab dan bukan Arab, yang pernah berperang bersama-sama Sulaymān bin Surād. Mereka telah memberi sokongan kepada gerakan al-Mukhtār. Ini bererti al-Mukhtār telah mengambil alih pimpinan Shī'ah di Kūfah dengan menggunakan tentera Sulaymān yang dipanggil *shurtat al-*

---

[21]Tab. 1/2166–79; *BF.* ms. 251–52.
[22]G. Levi Della Vida, "al-Mukhtār", *Encyclopaedia of Islam,* ed. H.A.R. Gibb, Leiden, E.J. Brill (London Luzac), 1936, vol. III, ms. 716.
[23]Tab. 11/14, 520.
[24]J. Wellhausen, *op.cit* ms. 125.
[25]Tab. 11/526.
[26]J. Wellhausen, *op. cit* ms. 126.

*khamīs*, orang-orang yang istimewa dan patuh dalam ketenteraan, berjumlah lebih kurang 12,000 orang.[27]

Al-Mukhtār telah mendakwa dirinya sebagai wakil atau *wazīr* (menteri) kepada Muḥammad bin al-Ḥanafiyyah, anak Sayyidina 'Alī dari isterinya dari suku Ḥanīfah. Di Kūfah, al-Mukhtār mengisytiharkan Muḥammad bin al-Ḥanafiyyah sebagai Imam Mahdi, atau pemimpin suci yang cuba membela keadilan Islam. Lambang perjuangan al-Mukhtār ialah "membela keluarga Rasul Allāh (*Ahli al-Rayt*) dan kaum yang daif, *mawālī*".[28]

Dalam beberapa hal corak gerakan al-Mukhtār adalah berbeza dengan gerakan-gerakan Shī'ah sebelumnya. Pertama, al-Mukhtār adalah orang yang pertama memperjuangkan hak perjawatan Khalīfah bukan untuk keluarga Sayyidina 'Alī dengan isterinya Sayyidatina Fāṭimah iaitu al-Ḥasan dan al-Ḥusayn sebagaimana yang dilakukan oleh Hujr bin 'Adī al-Kindī dan Sulayman bin Surād al-Khuzā'i, tetapi untuk keluarga 'Alī dengan isterinya dari suku Hanīfah, iaitu Muhammad bin al-Hanafiyyah. Keduanya, al-Mukhtār telah memperkenalkan beberapa konsep baru dalam Shī'ah, seperti konsep *wazīr* dan Imam Mahdī, yang tidak pernah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Shi'ah sebelumnya.

Tentang sokongan Muḥammad bin al-Ḥanafiyyah terhadap gerakan al-Mukhtār tidak dinyatakan dengan jelas dalam sumber-sumber sejarah Arab, yang menyebabkan ahli-ahli sejarah moden merasa sangsi terhadap perjuangan al-Mukhtār.[29] Namun begitu, beliau telah berjaya memperolehi sokongan yang besar dari penduduk Kufah menerusi nama ahli keluarga Nabi (*Ahli al-Bayt*) dan simbol keadilan yang dilambangkan oleh al-Mukhtār. Sebahagian besar daripada penyokong-penyokong beliau adalah terdiri daripada golongan *mawālī* yang sentiasa tidak berpuas hati dengan pemerintahan Umayyah yang berdasarkan perkauman Arab.

Gelaran *mawālī*,[30] tunggal *mawlā*, yang bererti kaum bukan Arab

---

[27]Ṭab. 11/13, dan 7; *BA*. vol. V, ms. 249, 253, dan 260.

[28]Ṭab. 11/569.

[29]Sila lihat, misalnya W.M. Watt, "Shi'ism under the Umayyads," ms. 162; J. Wellhausen, *op. cit.*, ms., ms. 128; M.A. Shaban, *op. cit.*, ms. 95.

[30]Ulasan lanjut mengenai istilah *mawālī* dan perkembangannya, sila lihat, I. Goldziher, *Muslim Studies*, ed. S.M. Stern, London, 1967, ms. 93–136.

yang memeluk Islam, bermula dari zaman pembukaan. Setelah Negeri Iraq ditakluki oleh orang Arab ramai di antara penduduk tempatan yang berbangsa Parsi memeluk Islam. Mereka telah bergabung dengan suku-suku kaum Arab yang besar menerusi sistem *ḥilf* (persyarikatan) dan, *istilḥāq* (penggabungan). Orang Arab yang telah menjadi anggota asal bagi suku yang bergabung dengan golongan *mawālī* mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada orang yang terkemudian, dan kadangkala mereka manjadi kuasa pelindung dan penaung kepada golongan *mawālī*. Pada masa pemerintahan *al-Khulafā'al al-Rashidūn* tidak ada diskriminasi di antara orang Arab dan orang bukan Arab, malahan ramai di antara orang dalam golongan *mawālī*, atau dikenali *al-hamrā'*, pada zaman Khalīfah 'Umar bin al-Khaṭṭāb telah dilantik menjadi pegawai pentadbir di wilayah-wilayah Iraq.[31] Oleh sebab itu tidak terdapat sebarang penentangan atau pemberontakan golongan *mawālī* di sepanjang pemerintahan Khalīfah 'Umar sehingga ke zaman Khalī-fah 'Alī. Dakwaan B. Lewis yang mengatakan gerakan golongan *mawālī* sudah bermula sejak zaman Khalīfah 'Umar bin al-Khaṭṭāb adalah tidak benar.[32] Selain itu, ada pula di antara ahli-ahli sejarah Islam seperti Ibn al-Athīr yang cuba membabitkan golongan *mawālī* dalam pemberontakan Khawārij di akhir-akhir pemerintahan Sayyidina 'Alī.[33] Pendapat Ibn al-Athīr ini amatlah lemah dan tidak disokong oleh sumber-sumber yang lebih awal seperti al-Ṭabarī, yang merupakan sumber utama kepada buku *al-Kāmil fī al-Tarīkh* oleh Ibn al-Athīr. Pada hakikatnya dasar pemerintahan Sayyidina 'Alī terhadap golongan *mawālī* tidak banyak berbeza dengan dasar pemerintahan Khalifah 'Umar. Kedua-duanya mengamalkan konsep persamaan dan keadilan di antara orang Arab dengan golongan *mawālī*.[34]

Dasar pemerintahan Umayyah yang pada keseluruhannya berdasarkan keturunan dan perkauman adalah bertentangan dengan dasar pemerintahan Khalifah 'Umar dan 'Alī. Keutamaan

---

[31]Ṭab. 1/2463, 2464, 2465, 2474, 2485 dan 2497; BF. ms. 264.
[32]B. Lewis, *The Arab in History*, Hutchinson University Library, London, 1950, ms. 58–59.
[33]Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*. vol. III. ms. 373.
[34]Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. II, ms. 183.

hanya diberikan kepada keluarga Umayyah dan keturunan Arab, sedangkan golongan bukan Arab dianggap sebagai masyarakat kelas dua sehingga mereka tidak boleh melakukan sesuatu tindakan tanpa mendapat keizinan daripada penaung-penaung mereka yang terdiri daripada orang Arab.[35] Golongan *mawālī* tidak dibenarkan menjawat jawatan penting, terutama dalam bidang kehakiman, ketenteraan dan bidang politik.[36] Dari segi ekonomi, golongan *mawālī* mempunyai hasil pendapatan yang kecil, yang kebanyakannya tidak menerima sara hidup yang tetap, sama ada berkhidmat atau tidak berkhidmat dalam tentera. Jika adapun pendapatan mereka jauh lebih kecil daripada sara hidup yang diterima oleh Arab.[37] Dari segi sosial, golongan *mawālī* lelaki tidak dibenarkan berkahwin dengan perempuan Arab. Pada suatu ketika apabila terdapat seorang daripada golongan *mawālī* berkahwin dengan seorang perempuan Arab di Madīnah kedua suami isteri itu telah diperintahkan oleh gabenor Umayyah di situ supaya bercerai dan lelaki yang menjadi suami telah dihukum sebat seratus rotan.[38] Manakala dari segi ibadat pula golongan *mawālī* tidak dibenarkan bersembahyang bersama-sama kaum Arab sehinggakan di setengah-tengah daerah beberapa buah masjid didirikan khusus untuk golongan *mawālī*. Di Kufah umpamanya terdapat sebuah masjid yang dinamakan "masjid al-Mawali."[39] Keadaan ini semakin bertambah dahsyat apabila sampai kepada masa Khalīfah Abdul Malik bin Marwan yang dibantu oleh gabenornya, al-Ḥajjāj, yang sudah terkenal sebagai seorang yang tegas dan keras terhadap rakyat, terutamanya ke atas golongan bukan Arab. Al-Ḥajjāj telah mengarahkan golongan *mawali* supaya membayar jizyah, (cukai kepala) dan seterusnya memerintahkan semua kaum tani dari golongan *mawali* yang berpindah ke bandar Kūfah supaya kembali semula ke kampung-kampung tempat asal mereka dengan alasan supaya mereka dapat memajukan semula pertanian mereka. Setiap petani diberi tanda pada tangan mereka dengan membawa nama-

---

[35]*BF.* ms. 373–74, 407.
[36]Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 286.
[37]Ṭab. II/1019–20; Mubarrad, *al-Kāmil*, vol. III, ms. 654.
[38]*BA.*, vol. IVA, ms. 58; Mas'ūdī, *Murūj*, vol. V, ms. 174.
[39]Ṭab. II/295.

nama kampung yang mereka duduki supaya mudah dikesan.[40] Ini merupakan sebahagian daripada contoh penindasan yang diamalkan oleh pihak pemerintahan Umayyah ke atas golongan *mawālī*.[41]

Rasa tidak puas hati di kalangan golongan *mawālī* terhadap pemerintahan Umayyah telah bermula sejak awal-awal lagi, iaitu sejak pemerintahan Khalīfah Mu'āwiyah. Pada tahun 42 H/662 M. sekumpulan orang *mawālī* yang diketuai oleh Abū Laylā telah memberontak di masjid Kūfah tetapi telah dapat dikawal oleh Mu'āwiyah.[42] Namun begitu setelah Mu'āwiyah meninggal dunia keadaan di Iraq telah menjadi kucar-kacir sehingga muncul al-Mukhtār bin Abī 'Ubayd di Kūfah pada tahun 66 H/686 M. Golongan *mawālī* telah bersetuju dengan al-Mukhtār kerana beliau dikatakan cuba mempertingkatkan imej golongan *mawālī* kepada taraf orang Arab. Walaupun M.A. Shaban cuba mengatakan bilangan golongan *mawālī* yang ada bersama-sama al-Mukhtār jauh lebih kecil jika dibandingkan dengan orang Arab,[43] namun peranan mereka dalam gerakan menentang kerajaan Umayyah adalah penting dan berkesan. Salah seorang daripada pemimpin *mawālī* bernama Kaisān Abū 'Ammārah telah dilantik oleh al-Mukhtār sebagai ketua pegawai peribadinya,[44] dan dari beliaulah terbentuknya mazhab *Kaisāniyyah* salah satu daripada mazhab Shī-'ah yang empat (Kaisāniyyah, Imāmiyyah, Zaidiyyah dan Ismā-'īliyyah).

Al-Mukhtār bersama-sama tenteranya yang terdiri daripada Arab dan bukan Arab telah mengatur serangan ke atas Jazīrah dan wilayah-wilayah timur Negeri Iraq. Dalam percubaan ini mereka telah berjaya menumpaskan tentera Ibn Ziyād di pinggir sungai Khazār, tetapi oleh kerana adanya perbezaan minat dan kepentingan di kalangan pengikut-pengikut al-Mukhtar, terutamanya di antara orang Arab dan orang bukan Arab maka akhirnya berlaku perpecahan. Orang Arab yang diketuai oleh pemimpin-pemimpin

---

[40]Isfahānī, *Aghānī*, vol. XIV, ms. 15.

[41]Kenyataan lanjut mengenai kedudukan *mawālī* semasa pemerintahan Umayyah, sila lihat, al-'Ali, *op. cit.*, ms. 63–86; Goldziher, *op. cit.*, ms. 98–136.

[42]Ya'qūbī, *Tārīkh*, vol. II, ms. 221.

[43]M.A. Shaban, *op. cit.*, ms. 95.

[44]Ṭab. 11/634 dan 649.

suku (*ashrāf*) tidak bersetuju terhadap layanan yang diberikan oleh al-Mukhtar kepada orang bukan Arab. Selain itu al-Mukhtār juga dikatakan mengamalkan ajaran salah yang bertentangan dengan ajaran Islam. Misalnya kepercayaannya terhadap kerusi keramat yang dikatakan kepunyaan Sayyidina 'Alī telah menimbulkan keraguan di kalangan pengikut-pengikutnya. Ibrāhīm bin al-Ashtar, salah seorang pemimpin tentera *al-Tawwābūn* telah mengesyaki al-Mukhtār apabila ia pada suatu ketika memikul kerusi tersebut ke medan perang. Oleh sebab-sebab yang demikian ramai pengikutnya lari keluar dan kembali bersama-sama keluarga mereka; hanya seramai 1,000 orang daripada golongan *mawālī* dan 100 orang Arab tinggal bersama-sama al-Mukhtār. Pada tahun 67 H/687 M. al-Mukhtār dan pengikut-pengikutnya telah dikepung oleh tentera Ibn al-Zubayr di Kūfah. Menurut al-Wāqidī, pengepungan ini telah berlanjutan selama empat bulan,[45] yang menyebabkan al-Mukhtār dan rakan-rakannya kehabisan makanan. Pada 14 Ramadan 67 H/687 M. beliau dan pengikut-pengikutnya seramai 200 orang (atau 19 orang) telah melakukan serangan ke atas tentera Ibn al-Zubayr tetapi tidak berjaya dan akhirnya beliau dibunuh. Ketika itu beliau berusia 67 tahun.[46]

Selepas kematian al-Mukthār gerakan Shī'ah telah menjadi lemah dan tidak ada pemberontakan yang berlaku, kecuali secara kecil-kecilan yang dilakukan oleh puak Kaisāniyah, pengikut-pengikut al-Mukhtār,[47] sehinggalah setengah abad kemudiannya. Pada tahun 122 H/740 M berlaku pula pemberontakan yang dipanggil "pemberontakan Shī'ah"[48] yang dipimpin oleh Zayd bin 'Alī, cucu Sayyidina al-Husayn bin 'Alī bin Abī, Ṭālib. Kemunculan Zayd bin 'Alī adalah semata-mata bertujuan untuk memperjuangkan hak

---

[45]Tan. 11/749.

[46]Kenyataan lanjut mengenai pemberontakan al-Mukthtar, sila lihat *BA*. vol. V, ms. 214–73; Ṭab. 11/631 dan seterusnya; Wellhausen, *op. cit.* ms. 125–139; Watt, *op. cit.* 162–165.

[47]Mengenai gerakan-gerakan pengikut-pengikut al-Mukhtār, sila lihat W.M. Watt, *op. cit.* ms. 166–168.

[48]W.M. Watt, *op. cit.* ms. 158–172 dan Wellhausen, *op. cit.* ms. 95–165 tidak membezakan antara gerakan keluarga Sayyidina 'Alī ('Alāwiyyīn) dengan gerakan Shī'ah umumnya; sebenarnya kedua gerakan tersebut mempunyai perbezaan yang besar, bukan sahaja dari segi sifat gerakan tapi juga dari segi motif dan matlamat gerakan-gerakan itu sendiri.

keluarga Sayyidina 'Alī semula dengan isterinya Fāṭimah dan bukan dengan isterinya dari suku Hanīfah yang diperjuangkan oleh al-Mukhtār. Zayd bin 'Alī adalah seorang pemimpin yang radikal dan beliau tidak bersetuju dengan konsep "Imam Mahdī" atau "Imām yang tersembunyi," tetapi seorang Imām atau Khalīfah itu mestilah dinyatakan atau diisytiharkan kepada umum dan ia mestilah dari keluarga Fāṭimah. Di antara prinsip perjuangan Zayd ialah: mengamalkan ajaran-ajaran *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*, dan membela kaum yang lemah.[49] Di samping itu beliau menganggap Khalīfah Abū Bakr dan Khalīfah 'Umar adalah Khalīfah-Khalīfah yang sah, tetapi dari segi keimaman 'Alī adalah lebih layak; dan Khalīfah-khalīfah Abū Bakr dan 'Umar adalah merupakan imām-imām sementara sebelum ketibaan 'Alī. Dasar yang terakhir yang cuba mempertinggikan kedudukan Khalīfah Abū Bakr dan Khalīfah 'Umar, dan secara tidak langsung menafikan karisme 'Alī dan keturunan Banū Hāshim telah menyebabkan ramai penyokongnya yang dikatakan berjumlah 15,000 orang di Kūfah telah membantah Zayd. Golongan yang membantu Zayd ini dikenali dengan nama *Rāfidah*, yang dipimpin oleh Muḥammad al-Bāqir, iaitu saudara kepada Zayd bin 'Alī.[50]

Apabila gabenor Kufah, Yūsuf bin 'Umar, mengetahui tentang gerakan Zayd bin 'Alī, beliau dan tenteranya dari Syria, yang pada ketika itu berada di al-Hīrah, telah datang ke Kūfah dan menangkap 218 orang pengikut Zayd. Zayd cuba untuk membebaskan mereka, tetapi beliau telah diserang oleh tentera Syria yang berjumlah 2,000 orang dan beliau terbunuh.[51]

Kesan daripada perselisihan faham di antara pengikut-pengikut Zayd bin 'Alī dengan pengikut-pengikut Muhammad al-Bāqir telah mengakibatkan kemunculan dua lagi mazhab Shī'ah iaitu *Zaydiyyah* iaitu mazhab pengikut-pengikut Zayd bin 'Alī dan *Imamiyyah* iaitu mazhab pengikut-pengikut Muḥammad al-Bāqir dan anaknya Ja'far al-Ṣādiq. Dari Imamiyyah muncul pula mazhab Shi'ah yang keempat iaitu *Isma'iliyyah* iaitu mazhab pengikut-pengikut Isma'īl bin Ja'far al-Ṣādiq.

---

[49]Ṭab. 11/1676–78, 1698–1711.
[50]Ṭab. 11/1700.
[51]*Ibid.*, 11/1676–78, 1698–1711.

Pemberontakan kaum Shi'ah yang terakhir berlaku pada tahun 26 H/744 M. yang dipimpin oleh 'Abdullāh bin Mu'āwiyah, cucu saudara kepada Sayyidina 'Alī. Pemberontakan ini dilakukan di Kūfah. 'Abdullāh bin Mu'āwiyah juga dikatakan mempunyai penyokong-penyokong yang ramai di sana, tetapi beliau gagal apabila berhadapan dengan tentera Abū Muslim, pemimpin gerakan 'Abbāsiyyah yang lebih berpengaruh pada ketika itu, dan akibat daripada penentangan ini 'Abdullāh bin Mu'āwiyah telah terbunuh pada tahun 129 H/747 M.[52] Dengan kematian 'Abdullāh maka berakhirlah pemberontakan keluarga 'Alī atau kaum Shī'ah pada zaman pemerintahan Umayyah.

Ringkasnya, kaum Shī'ah telah mula memberontakan sejak awal-awal penubuhan kerajaan Umayyah; dan pusat gerakan mereka ialah Kūfah. Pemimpin-pemimpin mereka yang pertama adalah terdiri daripada bekas-bekas *al-qurrā'* dan pengikut-pengikut Sayyidina 'Alī. Di antara tokoh mereka yang agung ialah Ḥujr bin 'Adī al-Kindi dan Sulaymān bin Surād al-Khuzā'ī. Kedua-duanya adalah bekas pemberontakan yang menentang Khalīfah 'Uthmān.[53] Matlamat asal perjuangan mereka, sama seperti matlamat kaum Khawārij, ialah untuk membebaskan tanah terbengkalai (*sawāfī*), di Iraq yang dianggap sebagai hak-hak mereka yang telah diperolehi pada masa pemerintahan Khalīfah 'Umar, dari kawalan kaum Quraysh dan pemimpin-pemimpin suku. Harapan untuk mendapatkan hak-hak tersebut semula telah terjejas berikutan daripada peristiwa di Ṣiffīn dan kenaikan kerajaan Umayyah. Tanah tersebut telah diletakkan di bawah kawalan kerajaan pusat semasa Mu'āwiyah, dan seterusnya di sepanjang pemerintahan Umayyah. Sejak itu perhatian kaum Shī'ah tertumpu pula kepada pembelaan terhadap Sayyidina 'Alī dan keluarganya, khususnya selepas pembunuhan Sayyidina al-Ḥusayn di Karbalā'. Kaum Shī'ah Asal itu kemudiannya disertai oleh berbagai golongan yang terdiri daripada orang Arab dan orang bukan Arab, yang tinggal di Kūfah, yang mendakwa diri mereka sebagai kaum Shī'ah. Golongan bukan Arab telah mengemukakan berbagai idea mengenai konsep Imām

---

[52]Tab. 11/1879, 1976, 1978; Ash'arī, *Maqālāt*, ms. 6 dan 22; Baghdādī, *al-Farq*, ms. 233, 235; Watt, *op. cit.*, ms. 170.
[53]Sila lihat ms. 95.

atau Khalīfah, pemerintahan warisan, (*wasī*), perbezaan antara kuasa sekular, *wazīr*, dengan kuasa agama, Imām, dan seterusnya menentukan bahawa khalīfah mestilah dilantik daripada keluarga 'Alī yang digelar "Imām". Idea-idea ini telah dijadikan sebagai asas pemikiran dan kepercayaan atau doktrin, kaum Shī'ah,[54] malahan ada di kalangan kaum Shī'ah orang-orang yang melampau (*ghulāt*) yang menganggap Imam Shī'ah sebagai Imām yang suci atau Imām Mahdī, yang akan muncul pada akhir Zaman untuk membela keadilan. Sikap mendewa-dewakan dan mensucikan Sayyidina 'Alī dan ahli-ahli keluarganya telah dibawa oleh kaum Parsi yang kebanyakannya menjadi penyokong-penyokong al-Mukhtār yang terkenal dengan golongan Kaisāniyah. Mereka mahukan keadilan dan persamaan taraf di antara orang Arab dengan orang bukan Arab, dan lambang keadilan ini telah digunakan dengan sepenuhnya oleh al-Mukhtār untuk mendapatkan sokongan mereka dan seterusnya kekuasaan di Iraq. Oleh kerana perkara yang diperjuangkan oleh al-Mukhtār itu tidak banyak memberi faedah, malahan boleh menjejaskan kedudukan kaum Shī'ah Asal dari keturunan Arab, telah mengakibatkan perpecahan dan akhirnya kehancuaran kuasa al-Mukhtār di Iraq. Perpecahan ini juga menyebabkan kedudukan kaum Shī'ah semakin bertambah lemah dan seterusnya mudah dikawal oleh pihak pemerintah Umayyah di Kūfah, khususnya pada masa pemerintahan 'Abdul Malik al-Ḥajjāj.[55] Sikap tegas dan kawalan yang ketat terhadap golongan pemberontak di Iraq dari 'Abdul Malik dan al-Ḥajjāj telah

---

[54]Pembentukan doktrin Shī'ah adalah semasa dengan perbentukan doktrin Khawārij, iaitu semasa pemerintahan Umayyah, akibat daripada pengaruh luar, khususnya bangsa Parsi, yang menyertai gerakan-gerakan tersebut. Dakwaan yang mengatakan doktrin Shī'ah berpunca dari Selatan Semenanjung Arab yang dibawa oleh penganut-penganut Shī'ah Asal (W.M. Watt, *op. cit.* ms. 161) atau berpunca daripada 'Abdūllah bin Saba' atau Ibn al-Sawdā', pengasas mazhab Shī'ah "Saba'iyyah" (J. Wellhausen,) (J. Wellhausen, *op. cit.* ms. 17) adalah tidak benar. Oleh kerana masalah-masalah doktrin atau ideaologi kedua golongan tersebut tidak diusulkan oleh pengikut-pengikutnya yang asal maka penulis menganggapnya tidak sesuai diperbincangkan.

[55]Berbeza dengan kaum Shī'ah, kaum Khawārij berada di luar Kūfah iaitu di desa-desa Iraq, oleh sebab itu mereka lebih berpeluang untuk memberontak dan boleh dianggap sebagai pencabar utama kepada pemerintahan Abdul Malik/al-Ḥajjāj dan juga Ibn al-Zubayr. Sementara kaum Shī'ah telah dikawal di Kūfah menerusi organisasi sosial yang telah dikuatkuasakan sejak zaman Ziyād bin Abi Sufyān.

menyebabkan kaum Shī'ah tidak dapat bangun sehingga ke akhir pemerintahan Umayyah. Walaupun ada beberapa percubaan yang dilakukan oleh keluarga 'Alī ('Alawiyyīn) akhir-akhir pemerintahan Umayyah, namun percubaan itu tidak berkesan, malahan lebih membawa kepada perpecahan daripada kejayaan.

## Bibliografi


**Sumber Awalan**

Abū al-Faraj, 'Alī b. al-Husayn al-Isfahānī (m. 356/696).
i) *Kitāb al-Aghānī*, Matba'ah Būlāq, al-Qarirah, 1285 H.
ii) *Maqātil al-Tālibiyīn*, ed. S.S. Saqr, al-Qārirah, 1949.

Abū al-Fidā, Ismā'īl b. 'Alī (m. 732/1331). *Al-Mukhtasar fī Akhbār al-Bashar.*

Abū 'Ubayd, al-Qāsim b. Sallām (m. 224/836). *Kitāb al-Amwāl*, ed M.K. Haras, al-Qāhirah, 1968.

Abū 'Ubaydah, Ma'mar b. al-Muthannā (m. 209/824). *Naqā'id Jarīr wa al-Farazdaq*, ed. A.A. Bevan, Leiden, 1905–1909.

Abū Yūsuf, Ya'qūb b. Ibrāhīm (m. 182/798). *Kitāb al-Kharāj*, al-Qāhirah, 1302 H.

Al-Ash'arī, 'Alī b. Ismā'īl (m. 330/941). *Maqālāt al-Islāmiyīn wa Ikhtilāf al-Muslimīn*, ed. H. R. Ritter, Istanbul, 1929–30.

Al-'Askarī, Abū Hilāl al-Hasan b. 'Abdillāh (m. 395/1004). *Kitāb al-Awā'il*, ed. M.S. al-Wakīl, Madīnah, 1966.

Al-Azharī, Muhammad b. Ahmad (m. 370/981). *Tahdhīb al-Lughah*, ed. A.K. 'Irbawī, al-Qāhirah, 1967.

Al-Baghdādī, 'Abd al-Qāhir b. Tāir (m. 429/1037). *Al-Farq Bayn al-Firaq*, al-Qāhirah, 1910.

Al-Baghdādī, 'Abd al-Qādir (m. 1093/1682). *Khizānat al-Adab, al-Qahirah, 1929.*

Al-Balādhurī, Ahmad b. Yahyā (m. 279/892).
i) *Ansāb al-Ashraf*, Istanbul manuscript, Suleymaniye Kutuphanesi, Reisulkuttap, no. 597–98, 2 Jilid: jilid I, ed. M. Hamīdullāh, al-Qāhirah, 1959; jilid IVA, IVB, ed. M. Schloessinger, Jerusalem, 1938; jilid V, ed. S.D. Goitein, Jerusalem, 1936; jilid IX (Anonyme Arabiache Chronik), ed. W. Ahlwardt, Greifswald, 1883.
ii) *Futūh al-Buldān*, ed. M.J. de Goeje, Leiden, 1866.

Al-Bustī, Muhammad b. Hibbān (m. 354/965). *Kitāb Mashāhīr 'Ulamā' al-Amsār*, ed. M. Fleischhammer, Cairo, 1959.

Al-Dhahabī, Muhammad b. Ahmad (m. 748/1348).
i) *Tārīkh al-Islām wa Tabaqāt al-Mashāhīr wa al-A'lām*, al-Qahirah, 1367/69 H.
ii) *Duwal al-Islām*, Hyderabad, 1337 H.

Al-Dīnawarī, Abū Hanīfah Ahmad b. Dāw'ūd (m. 282/895). *Kitāb al-Akhbār al-Tiwāl*, ed. A.M. 'Āmir, al-Qāhirah, 1960.

Al-Fayrūzabādī, Muhammad b. Ya'qūb (m. 817/1419). *Basā'ir Dhawī al-Tamyīz*, ed. M.A. al-Najjār, al-Qāhirah, 1383 H.

*Ghurar al-Siyar* (tanpa pengarang, abad ke-4/10), manuscript, Bodlein Library, Oxford, no. D'Orville 542, lihat Bibliothecae Bodleianea. 1787, 11, ms. 123.

Al-Hamdānī, Abū Muḥammad al-Ḥasan b. Aḥmad (m. 334/945-46). *Al-Iklīl*, vol. X, ed. al-Khatīb, al-Qāhirah, 1959.

Ibn 'Abd al-Hakam, Abū Muhammad 'Abdullāh (m. 259/870). *Futūh Misr wa Akhbāruhā*, ed. V.V. Torrey, New Haven, 1922, Leiden, 1920.

Ibn 'Abd al-Barr, Yūsuf b. 'Abdullāh (m. 463/1070). *Al-Istī'āb fī Ma'rifah al-Ashāb*, ed. A.M. al-Bajawī, al-Qāhirah.

Ibn 'Abd Rabbih, Ahmad b. Muhammad (m. 328/940). *Al-'Iqb al-Farīd*, al-Qahīrah, 1965.

Ibn Abī al-Ḥadīd, 'Abd al-Ḥamīd b. Hibat Allāh (m. 655/1258). *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, ed. Dār al-Ma'rifah, Beirut.

Ibn A'tham, al-Kūfī, Ahmad b. 'Uthmān (m. 314/926). *Kitāb al-Futuḥ*, manuscript, Sary, Library of Ahmet III, Istanbul, no. 2956.

Ibn al-Athīr, 'Izz al-Dīn, 'Alī b. Muhammad (m 630/1233). *Al-Kāmil fī al-Tarīkh*, Beirut, 1965.

Ibn Durayd, Muhammad b. al-Ḥasan (m. 321/933). *Al-Ishtiqāq*, ed. A.M. Hārūn, al-Qāhirah, 1958.

Ibn Hishām, 'Abd al-Mālik (m 141/758). *Sīrah al-Nabī*, ed. F.W. Gottingen, 1858-60.

Ibn Ḥabīb, Muḥammad b. Ḥabīb (m. 245/859). *Asmā' al-Mughtālīn min al-Ashrāf*, dlm. *Nawādir al-Makhṭūṭat*, al-Qāhirah, 1954.

Ibn Ḥajar al-Asqalānī, Aḥmad b. 'Alī (m. 852/1448).
i) *Al-Iṣābah fī Tamyīz al-Ṣaḥābah*, al-Qāhirah, 1328 H.
ii) *Tahdhīb al-Tahdhīb*, Beirut, 1327 H.

Ibn Hawqal, Abū al-Qasim al-Nasibi (m. 367/979). *Kitāb al-Masālik wa al-Mamālīk*, Leiden, 1872.

Ibn Hazm, 'Alī b. Ahmad (m. 456/1064).
i) *Jamharah Ansāb al-'Arab*, ed. A.M. Hārūn, al-Qāhirah, 1962.
ii) *Al-Fiṣal fī al-Milal wa al-Niḥal*, al-Qahirah, 1964.

Ibn al-'Imād, 'Abd al-Ḥayy b. Muḥammad al-Ḥambali (m. 1089/1687). *Shadharāt al-Dhahab fī Akhbār man Dhahab*, al-Qahīrah, 1350.

Ibn Iṣfandiyār, Muḥammad b. al-Ḥasan, *Tarīkh-i Ṭabaristān* (disusun lebih kurang dalam tahun 613/1216), Ṭehran, 1942 (diterjemah oleh E.G. Browne, London, 1905).

Ibn al-Kalbī, Hishām b. Muḥammad (m. abad ke-3/9). *Jamharah al-Nasab*, manuscript, British Museum, no. Add. 23297; begitu juga Escorial, no. Arabe, 1698.

Ibn Kathīr, Ismā'īl b. 'Umar (m. 774/1373). *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, al-Qāhirah, 1932.

Ibn Khaldūn, 'Abd al-Raḥmān b. Muḥammad (m. 804/1406).
i) *Kitāb al-'Ibar* .. Beirut, 1956.
ii) *Muqaddimah*, Beirut, 1900.

Ibn Khallikān, Aḥmad b. Muḥammad (m. 681/1281). *Wafayāt al-A'yān*, ed. Iḥsan 'Abbās, Beirut, 1972.

Ibn Manzūr, Muḥamad b. Mukarram (m. 711/1311). *Lisān al-'Arab*. Beirut, 1955-56.

Ibn al-Nadīm, Muḥammad b. Isḥāq (m. 235/849). *Al-Fihrist*, ed. T. Rida, Ṭehran, 1971.

Ibn Qutaybah, 'Abdullah b. Muslim (m. 276/889).
i) *Kitāb al-Imāmah wa al-Siyāsah* (dikatakan pengarangnya Ibn Qutaybah), al-Qahirah, 1925.
ii) *Kitāb al-Ma'ārif*, ed. T. Ukashah, al-Qāhirah, 1934-1960.

## BIBLIOGRAFI


Ibn Rusteh, Ahmad b. 'Umar (m. lebih kurang pada tahun 310/922). *Al-A'lāq al-Nafīsah*, Leiden, 1891.

Ibn Sa'd, Muhammad (m. 230/845). *Kitāb al-Ṭabaqāt al-Kabīr*, ed. Sachau et al., Leiden, 1940.

Al-Istakhrī, Ibrāhīm b. Muhammad (m. akhir abad ke-14/10). *Kitāb al-Masālik wa al-Mamālik*, Leiden, 1870.

Al-Jāhiz, 'Amr b. Bahr (m. 255/868).
- i) *Al-Bayān wa al-Tabyīn*, ed. A.S.M. Hārūn, al-Qāhirah, 1968.
- ii) *Al-'Uthmāniyyah*, ed. A.S.M. Harūn, al-Qāhirah, 1955.

Al-Jazarī, Muhammad b. Muhammad (m. 833/1429). *Ghāyah al-Nihāyah fi Ṭabaqat al-Qurra'*, ed. G. Bergstraesser, Cairo, 1933.

Khalīfah b. Khayyāṭ, Shabab (m. 240/854).
- i) *Kitab al-Ṭabaqat*, ed. A.D. al-'Umary, Baghdad, 1967.
- ii) *Kitāb al-Tārīkh*, ed A.D. al-'Umary, Najaf, 1967.

Al-Mazdisī, Muṭāhar b. Ṭāhir (m. 355/966). *Al-Bad' wa al-Tārīkh*, Paris, 1899.

Al-Maqdisī, Shams 'l-Dīn Muhammad b. Ahmad (m. abad ke-4/10). *Ahsan al-Taqāsīm fī Ma'rifat al-Aqālīm*, Leiden, 1906.

Maqrizī, Ahmad bin 'Alī (m. 845/1442). *Al-Khiṭaṭ*, al-Qāhirah, 1249 H.

Al-Mas'ūdī, 'Alī b. al-Husayn (m. 345/956).
- i) *Murūj al-Dhahab*, al-Qāhirah, 1948.
- ii) *Al-Tanbīh wa al-Ishrāf*, al-Qāhirah, 1938.

Al-Māwardī, Abū al-Hasan 'Alī b. Muhammad (m. 450/1058). *Al-Ahkām al-Sulṭāniyyah*, al-Qāhirah, 1973.

Al-Minqari, Nasr b. Muzahim (m. 212/827). *Waq'at Siffin*, ed. A.S.M. Harun, al-Qāhirah, 1365 H.

Al-Mubarrad, Muhammad b. Yazīd (m. 285/898). *Al-Kāmil fī al-Lughah*, ed. M.A.F. Ibrāhīm, al-Qāhirah, 1956.

Al-Qalqashandī, Ahmad b. 'Abdillah (m. 821/1418). *Subh al-A'shāfi Sinā' at al-Inshā al-Qāhirah*, 1889.

Al-Qushayrī, Muhammad b. Sa'īd al-Harrānī (m. 334/945–46). *Tārīkh al-Raqqah wa ashab Rasūl Allah Sl'm wa al-Tabi'in wa al-fugahā' wa al-muhaddithīn*, ed. al-Na'sānī Hamat, 1959.

Al-Sadūsī, Mu'arrij b. 'Umar (m. 195/810). *Kitāb Hadhf min Nasab Quraysh*, al-Qahirah, 1960.

Al-Shahrastānī, Muhammad b. 'Abd al-Karīm (m. 548/1153). *Al-Milal wa al-Nihal*, ed. W. Cureton, Leipzig, 1923.

Al-Shammākhī, Ahmad b. Sa'īd (m. 928/1522). *Kitāb al-Siyar*, al-Qāhirah, 1884.

Sibṭ Ibn al-Jawzī, Yūsuf b. Qizoghulu (m. 644/1246). *Kitāb Mir'āt al-Zaman*, manuscript, British Museum, no. Add. 23277.

Al-Suyūṭī, 'Abd al-Rahmān b. Abī Bakr (m. 911/1505). *Tārīkh al-Khulafā'*, ed. M.M. 'Abd al-Hamīd, al-Qāhirah, 1969.

Al-Ṭabarī, Abū Ja'far Muhammad b. Jarīr (m. 310/923). *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk*, ed. M.J. de Goeje, Leiden, 1879–1901 (M.A.F. Ibrāhīm, al-Qāhirah, 1962–1966).

*Tārīkh al-Khulafā'*, tanpa pengarang, ed. P. Griyaznevitch, Moscow, 1967.

Al-Wāqidī, Muhammad b. 'Umar (m. 207/822). *Kitāb al-Maghāzī*, ed. M. Jones, London, 1966.

Yahyā b. Adam al-Qurashī (m. 203/818). *Kitāb al-Kharāj*, al-Qāhirah, 1317 H.

Al-Ya'qūbī, Ahmad b. Abī Ya'qūb (m. 284/897).
- i) *Tārīkh*, Beirut, 1960.
- ii) *Kitāb al-Buldān*, dlm. Ibn Rusteh, *al-A'lāq al-Nafīsah*, Leiden, 1891.

iii) *Mushākalāt al-Nās li-Zamānihim*. Beirut, 1962.
Yāqū al-Ḥamawī (m. 626/1229). *Mu'jam al-Buldān*, al-Qāhirah 1906–1907.

**Sumber Pendua**

Al-'Alī, Ṣāliḥ A., *Al-Tanzīmāt al-Ijtimā'iyyah wa al-Iqtisādiyyah fī al-Baṣrah fī al-Qarn al-Awwal al-Hijri*, Baghdad, 1953.
Belyaev, E.A., 'Arab, *Islām and the Arab Caliphate*, diterjemah oleh Adolphe Gourevitch, London, 1969.
Bosworth, C.E., *Sīstān under the Arabs*, Rome, 1968.
Brockelman, C., *History of the Islamic Peoples*, diterjemah oleh J. Carmichael & M. Perlmann, Capricorn Books, New York, 1960.
Dennet, D.C., *Conversion and the Poll-tax in Early Islam*, Cambridge University Press, Cambridge, Mass., 1950.
Dixon, 'Abd al-Ameer, *The Umayyad Caliphate*, London, 1971.
Einkelman, D.F., "Musaylima," *Journal of Economic and Social History of the Orient*, 1967, ms. 17–51.
*Encyclopaedia of Islam*, Ist. Edition, Leiden, 1913–38.
*Encyclopaedia of Islam*, 2ed. Edition, Leiden, 1945.
Faris, N.A., "Development in Arab Historiography as Reflected in the Struggle between 'Alī and Mu'āwiyah," *Historians of the Middle East*, ed. B. Lewis & P.M. Holt, London, 1962, ms. 435–41.
Gibb, H.A.R., *Studied on the Civilization of Islam*, London, 1962 (Interpretation of Islamic History," *Journal of World History*, vol. I, pt. I, 1953, ms. 39–67).
Goldziher, I., *Muslim Studies*, S.M. Stern (ed), London, 1967.
Hinds, G.M., *The Early History of Islamic Schism in Iraq*, Ph. D. Thesis, University of London, London, 1969 (tidak diterbitkan).
"Kufan Political Alignments and their Background in the Mid-Seventh Century A.D.," *International Journal* of Middle East Studies, vol. II, 1971, ms. 346–67. "The Murder of the Caliph 'Uthman," *International journal of Middle East Studies*, vol. III, 1972, ms. 450–69. "The Siffin Arbitration Agreement," *Journal of Semitic Studies*, no. 17, ms. 93–129.
Juynboll, G.H.A., "The Position of Qur'an Recitation in Early Islam," *Journal of Semitic Studies*, vol. XIX, no. 2, 1974, ms. 240–51.
"The Qurrā' in Early Islamic History," *Journal of Economic and Social History of the Orient*," vol. XVI, pt. 11–111, 1973, ms. 113–29.
Kister, M.J., "The Expedition of Bi'r Ma'ūnah," *Arabic and Islamic Studies, in Honor of H.A.R. Gibb*, ed. Makdisi, Leiden, 1965, ms. 237–57.
"Notes on the account of the Shura appointed by 'Umar b. al-Khattab," *Journal of Semitic Studies*, no. 2, 1964, ms. 320–26.
Le Strange, G., *The Lands of the Eastern Caliphate*, Cambridge University Press, Cambridge, 1930.
Al-Nu'aymī, Sālim, "Zuhūr al-Khawārij," dalam *Majallat al-Majma' al-'Ilmī al-'Irāqī*, vol. XV, 1967, ms. 10–35.
Petersen, E.L., *'Alī and Mu'āwiyah in Early Arabic Tradition, Studies on the henesis and growth of Islamic historical writing until the end of the ninth century*, Copenhagen, 1964.
"'Alī and Mu'āwiyah, The rise of the Umayyad Caliphate," *Acta Orientalia*, vol. XXIII, 1959, ms. 157–96. "Studies on the historiography of the 'Ali–Mu'awiyah conflict," *Acta Orientalia*, vol. XXVII, 1963, ms. 83–118.
Al-Qalmawī, Suhayr, *Adab al-Khawārij*, al-Qāhirah, 1945.

BIBLIOGRAFI

Rosenthal, F., *A History of Muslim Historiography*, Leiden, 1968.

Shaban, M.A., *The 'Abbāsid Revolution*, Cambridge University Press, Cambridge, 1970.

*Islamic History*, A.D. 600–750 (A.H. 132), A New Interpretation, Cambridge University Press, Cambridge, 1971.

Watt, W.M., *Muhammad at Medina*, Oxford, 1956. "Kharijite Thought in the Umayyad Period," *Der Islam*, "Shi'ism Under the Umayyads" *Journal of the Royal Asiatic* vol. XXXIV, 1961, ms. 215–31; 1960, ms. 158–172.

Wellhausen,, J., *The Religio-Political Faction in Early Islam*, diterjemah oleh R.C. Ostle & S.M. Walzer (dari *Die religios-politischen Oppositionsparteien im alten Islam*), ed. R.C. Ostle, North-Holland Publishing Company, 1975.

Yusuf 'Ali, A., *The Holy Qur'an, text, translation and commentary*, Beirut, 1968.